merancang pengajaran, menilai pencapaian pelajar untuk tujuan memilih dan mengelompokkan mereka, serta mengetahui tahap sebenar pencapaian mereka dan juga kekurangan yang ada pada mereka. Ketiga ialah peraturan pentadbiran, menghakimi sejauh mana baiknya sistem atau guru yang terdapat pada sekolah tersebut.

Menurut Mohd Salleh Lebar (1996), terdapat empat tujuan utama dalam penilaian sesuatu kurikulum iaitu: (1) Melihat sama ada kurikulum yang dilaksanakan berkesan ataupun tidak; (2) Membuat pertimbangan sekiranya sesebuah kurikulum yang akan diubah menjadi lebih baik daripada yang sudah digunakan; (3) Sebagai alat untuk mengukur keberkesanan terhadap kurikulum yang telah dilaksanakan oleh pihak perancang perkembangan kurikulum; dan (4) Melihat pencapaian dan perubahan tingkah laku pelajar di dalam sesuatu perkara yang telah dipelajari. Bagi Gay (1985) pula, penilaian mempunyai empat tujuan iaitu: (1) Untuk mengenal pasti keupayaan kurikulum, kelemahan dan kebaikannya serta menentukan punca masalah; (2) Untuk membaiki aspek-aspek tertentu dalam proses pembentukan kurikulum; (3) Untuk menentukan keberkesanan kurikulum; dan (4) Untuk menentukan faedahnya dari segi peruntukan kewangan.

Oleh itu, amalan bagi setiap kurikulum yang baharu akan melalui beberapa proses penambahbaikan bermula dengan proses penyusunan kurikulum, seterusnya proses percubaan dilaksanakan. Hasil keputusan dari pelaksanaan kurikulum ini akan memberikan maklum balas kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti bahagian pembangunan kurikulum. Seterusnya, hasil dari percubaan akan membuat penambahbaikan dan perubahan supaya kurikulum yang dihasilkan dapat memenuhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan pelajar dan memenuhi keperluan objektif kurikulum seperti yang telah dihasratkan.

2.2.4 Konsep Pelaksanaan Kurikulum

Perlaksanaan kurikulum merupakan peringkat yang ke empat selepas perancangan pembentukan isi, bahan dan kaedah serta percubaan secara terhad. Perlu ditegaskan bahawa pembahagian ini tidak boleh dilihat sebagai satu urutan kerana jika terdapat masalah yang patut diatasi ianya perlu diulang sehingga masalah itu selesai. Menurut Abu Bakar Nordin (1991) untuk memudahkan perbincangan tentang pelaksanaan kurikulum, terdapat beberapa peringkat yang boleh dibuat. Antaranya:

05-4506 tbupsi

a. Peringkat penggubalan

Bagi menyenangkan kita membincangkannya, perlaksanaan kurikulum dikatakan bermula apabila semua perkara yang masih berbentuk "*prototype*" yang berkaitan dengan kurikulum itu telah disediakan. Apabila kurikulum digubal, tumpuan diberikan kepada menentukan objektif, isi pelajaran, bahan-bahan dan alat yang diperlukan, kaedah-kaedah yang sesuai serta iklim pembelajaran yang sesuai perlu ditimbulkan. Setelah semuanya terbentuk, maka percubaan terhad dilakukan bagi mengesan masalah yang timbul. Tegasnya, tugas penggubalan kurikulum di peringkat perlaksanaan pada asasnya berpunca daripada penyediaan beberapa "blue print" induk dan juga menyedari agen-agen yang dirasakan penting bagi menjayakan sesuatu kurikulum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Peringkat penyediaan dan penyebaran bahan

Terpulang kepada kehendak sesuatu kurikulum, bahan-bahan rujukan utama mungkin terdiri daripada satu atau dua jenis sahaja seperti buku teks dan sukatan pelajaran. Selain daripada itu juga ada kurikulum yang mencadangkan penggunaan beberapa bahan yang terdiri daripada bahan-bahan untuk pelajar seperti buku teks, buku kerja, buku bacaan tambahan dan buku latihan, manakala bahan-bahan untuk guru pula seperti buku panduan, huraian sukatan pelajaran, buku sumber, carta dan poster. Sekiranya bahan-bahan yang dicadangkan itu penting dan perlu digunakan, maka bahan tersebut perlu disediakan. Bahan-bahan ini perlu disebarkan ke semua sekolah.

05-4506 tbupsi

c. Peringkat Latihan

Dalam sistem persekolahan terdapat beberapa pihak yang sepatutnya menerima latihan. Pihak-pihak yang akan menerima latihan ini ialah guru, pengetua, guru besar dan pegawai-pegawai di beberapa lapisan pentadbiran. Ibu bapa dan masyarakat juga perlu dilibatkan sekurang-kurangnya melalui perjumpaan dari semasa ke semasa.

Berdasarkan peringkat-peringkat yang telah dicadangkan oleh tokoh-tokoh kurikulum ini dapat dismpulkan bahawa sesebuah kurikulum yang terbaik adalah bermula di peringkat perancangan iaitu bagaimana ia digubal hingga ke peringkat akhir iaitu peringkat pelaksanaan kurikulum itu sendiri. Di Politeknik kursus (MPU) Pengajian Islam digubal oleh Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti serta dibantu oleh pensyarah-pensyarah pakar dari pelbagai buah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Politeknik. Seterusnya peringkat pembinaan modul, rubrik pelaksanaan akan dimurnikan oleh ketua kursus dan peringkat akhir iaitu pelaksanaan kurikulum akan dijalankan oleh pensyarah-pensyarah di dalam bilik kuliah bersama pelajar.

2.3 Model-Model Penilaian Kurikulum

Menurut Jackson (1981) model penilaian didefinisikan sebagai rangka kerja atau perancangan analitikal yang menjadi panduan untuk menyusun proses penilaian yang berkaitan. Airasian (1974) menjelaskan tujuan model dibangunkan adalah untuk mengenal pasti maklumat atau keputusan yang dibuat akan diambil kira dalam merancang sesuatu program penilaian. Model bukanlah sesuatu yang menjadi perkara utama dalam sesuatu penilaian tetapi hanyalah sebagai satu panduan, kriteria untuk sesuatu rangka kerja ataupun sebagai satu cara bekerja bagi mereka yang terlibat sebagai penilai program.

2.3.1 Model penilaian CIPP Stufflebeam

Menurut Sax (1974) strategi penilaian CIPP merupakan strategi yang amat menarik untuk menilai program-program pendidikan di mana ia melibatkan empat aspek penting yang perlu kepada penilaian iaitu konteks, input, proses dan produk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Penilaian Konteks

Penilaian konteks menilai keperluan-keperluan institusi, masalah yang dihadapi oleh institusi, aset-aset institusi dan peluang-peluang yang ada pada institusi tersebut yang mana boleh membantu kumpulan pembuat keputusan yang terbabit untuk mengenal pasti matlamat dan keutamaan dan juga membantu kumpulan pengguna untuk menilai matlamat, keutamaan dan hasil atau *'outcome'* (Alkin, 2004; Sax, 1974). Menurut Sax (1974) penilaian peringkat konteks juga akan menyediakan bentuk-bentuk program pencegahan yang wajar dilakukan. Manakala menurut Stufflebeam (1971) sekurang-kurang empat soalan boleh ditanya dalam penilaian peringkat ini iaitu:

i) Apakah keputusan-keputusan yang tidak dijangkakan berlaku dalam institusi tersebut?
ii) Apakah objektif-objektif yang berorientasikan penambahbaikan perlu dikemukakan untuk memenuhi keperluan institusi yang diharapkan?
iii) Apakah objektif-objektif yang berorientasikan penambahbaikan ini akan mendapat persetujuan dan sokongan masyarakat?
iv) Objektif yang manakah yang boleh atau mudah untuk dicapai?

05-4506832 tbupsi

Stufflebeam (1971) juga menjelaskan contoh-contoh untuk menjawab persoalan mengenai penilaian konteks. Antaranya bagi pihak sekolah misalnya, bagaimana mereka akan berhadapan dengan keputusan yang tidak dijangkakan? Keputusan yang tidak dijangkakan boleh ditentukan dengan menyemak atau memeriksa semula objektif sekolah dengan tahap pencapaian pelajar dan bandingkan antara keduanya sama ada apa yang sekolah harapkan dengan pencapaian sebenar pelajar berlaku atau tidak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga untuk menjawab persoalan matlamat yang mana mudah atau boleh dicapai? Boleh tercapai atau tidak sesuatu matlamat itu bergantung kepada sumber manusia dan juga peruntukan kewangan. Apa yang penting lembaga pengelola sekolah mestilah bijak menentukan matlamat yang mana akan memberi manfaat yang besar kepada para pelajar.

b. Penilaian Input

Stufflebeam (1971) fokus penilaian input adalah untuk mengenal pasti dan menilai kemampuan sistem yang ada, strategi dan juga reka bentuk untuk melaksanakan strategi tersebut, plan tindakan yang berdaya saing dan peruntukan kewangan untuk mencapai apa yang telah disasarkan atau dalam konteks sekolah penilaian input adalah untuk menyenaraikan potensi-potensi yang ada pada sesuatu sekolah (Sax, 1974). Bagi pembuat-pembuat keputusan pula, penilaian input digunakan untuk memilih plan atau perancangan yang mana paling berdaya saing, membuat proposal atau cadangan untuk mendapatkan peruntukan kewangan, menentukan kakitangan, menjadualkan kerja dan yang paling penting membantu orang lain menilai usaha-usaha yang telah dirancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Penilaian Proses

Fokus penilaian proses adalah untuk menilai pelaksanaan sesuatu program dalam usaha untuk membantu kakitangan membuat aktiviti-aktiviti, menyelenggarakan rekod-rekod aktiviti, bila aktiviti itu dijangka selesai dan kemudiannya untuk membantu kumpulan pengguna menilai pencapaian sesuatu program. Dalam konteks sekolah Sax (1974) menjelaskan bahawa penilaian proses membantu guru mendapatkan maklum balas bagaimana status projek-projek yang sedang dilaksanakan. Ianya digunakan untuk pemantauan terhadap perkara-perkara yang dikhuatiri akan mendatangkan masalah. Seterusnya perkara tersebut akan dapat dikenal pasti dan diperbaiki. Stufflebeam (1971) menjelaskan terdapat empat soalan yang boleh ditanya mengenai penilaian proses iaitu:

05-4506 tbupsi

i) Adakah projek itu mengikut apa yang telah dijadualkan?
ii) Perlukah kakitangan dilatih semula sebagai satu keutamaan untuk melengkapkan kitaran projek yang sedang dilaksanakan?
iii) Adakah segala kemudahan dan bahan-bahan telah digunakan sewajarnya mengikut apa yang telah ditetapkan?
iv) Apakah halangan-halangan utama yang perlu ditangani semasa projek sedang dilaksanakan?

Sax (1974) sama ada sesuatu program itu mengikut jadual atau tidak ianya mudah ditentukan jika tempoh atau masa menyiapkannya telah disediakan. Program-program yang dibiayai, biasanya auditor daripada pihak luar diperlukan untuk memastikan program yang dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Persoalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang pemberian latihan semula kepada kakitangan sememangnya diperlukan apabila terdapat prosedur dan peralatan baru yang digunakan. Bagi pihak guru misalnya, pertolongan boleh diperoleh daripada pembekal peralatan tentang cara untuk menggunakan sesuatu bahan.

d. Penilaian Produk

Penilaian produk merupakan peringkat terakhir dalam strategi penilaian CIPP oleh Stufflebeam. Ianya bertujuan untuk membolehkan pengarah projek atau guru membuat keputusan sama ada untuk meneruskan, menamatkan atau membuat pengubahsuaian terhadap program yang telah dilaksanakan (Sax, 1974). Menurut Stufflebeam (1971) penilaian produk memerlukan perbandingan dibuat di antara hasil yang telah dicapai dengan objektif yang telah ditetapkan. Beliau juga menjelaskan terdapat beberapa bentuk soalan yang boleh ditanya tentang penilaian produk iaitu:

i) Adakah objektif yang ditetapkan tercapai?
ii) Apakah kemungkinan-kemungkinan yang boleh dibuat tentang hubungan antara prosedur yang telah ditetapkan dengan pencapaian yang telah dicapai?
iii) Sejauh mana keputusan yang dicapai memenuhi kehendak pelajar yang berbagai-bagai?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sax (1974) menjelaskan sama ada objektif tercapai atau tidak bergantung kepada sejauh mana pengukuran yang dibuat menepati atau tidak kriteria yang telah ditetapkan.

2.3.2 Model pendekatan sistem (*System Approach*) oleh Bertalanffy (1969)

Model pendekatan sistem merupakan model penilaian yang digunakan untuk menilai pelaksanaan kualiti dalam sistem pendidikan tinggi melalui analisis sistem kualiti dan program penilaian. Menurut Banathy (1991) terdapat empat ciri-ciri yang diperlukan dalam model penilaian ini iaitu:

05-4506832 tbupsi

i) Sistem mestilah berorientasikan matlamat seperti mempunyai struktur organisasi dan dasar yang jelas, pembahagian tugas atau tanggungjawab, misi, visi, objektif organisasi dan aktiviti-aktiviti pentadbiran seperti perancangan, pengawalan dan penyelarasan.
ii) Sistem mestilah ada '*input*' dari persekitaran mereka seperti pelajar, sumber kewangan, kemudahan-kemudaan asas, jadual waktu, kursus-kursus yang diberikan dan perkhidmatan sokongan.
iii) Sistem mestilah ada '*output*' untuk mencapai matlamat seperti tahap pencapaian akademik, bilangan pelajar yang lulus dan gagal serta tidak menamatkan pengajian serta mereka yang telah mendapatkan pekerjaan.
iv) Terdapat maklum balas daripada persekitaran mengenai '*output*'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Churchman (1968) untuk memastikan sistem ini berfungsi, keseluruhan sistem mestilah mengenal pasti matlamat dan pencapaian yang boleh diukur, persekitaran mestilah diterima sebagai faktor yang boleh memberi kesan atau mempengaruhi, sumber-sumber mestilah ditentukan, komponen-komponen dalam sistem ini mestilah dikenal pasti dan pihak pengurusan dalam sistem ini mestilah dibentuk.

2.3.3 Model Penilaian CIRO (*Context Evaluation, Input Evaluation, Reaction Evaluation dan Outcome Evaluation*) oleh Warr et al. (1979)

Model penilaian CIRO merupakan salah satu model penilaian yang digunakan untuk menilai keberkesanan sesuatu latihan. Pendekatan model ini berdasarkan tiga soalan iaitu:

05-4506 tbupsi

i) Apakah yang hendak diubah?
ii) Apakah yang diinginkan daripada perubahan yang dibuat?
iii) Apakah cadangan yang telah dibuat itu benar-benar telah menyebabkan berlaku perubahan?

Menurut Martha (1996) model ini dibahagikan kepada empat peringkat iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian reaksi/tindak balas dan penilaian '*outcome'*. Penilaian konteks melibatkan perkara-perkara yang perlu diubah seperti tingkah laku, kemahiran dan sikap terhadap kerja selaras dengan objektif organisasi. Penilaian input melibatkan perkara-perkara seperti peruntukan kewangan, kakitangan dan sumber-sumber dalaman dan luaran organisasi. Penilaian reaksi melibatkan maklum balas peserta ketika mengikuti sesuatu program latihan. Maklumat boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperoleh secara langsung seperti ketika berbual selepas beberapa minggu mengikuti latihan, ketika waktu rehat semasa mengikuti latihan ataupun melalui soal selidik.

Menurut Warr et al. (1979) peringkat penilaian '*outcome'* ini adalah untuk melihat sejauh mana latihan yang diberikan memberi kesan yang diinginkan. Keputusan segera boleh diukur dari sudut peningkatan ilmu, sikap dan kemahiran peserta. Keputusan peringkat pertengahan boleh dilihat dari segi bagaimana perubahan tingkah laku individu terhadap kerja mereka. Hasil penilaian '*outcome'* yang paling utama sekali ialah adakah organisasi serta jabatan-jabatan yang berkaitan berlaku perubahan atau menerima perubahan yang dikehendaki.

Menurut Azizi Jaafar (2015), tujuan utama penilaian menggunakan model CIPP adalah untuk (Azizi Yahaya et al., 2015):

05-4506f tbupsi

i) Mengaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil program.
ii) Menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program.
iii) Memperbaiki sesuatu program dan bukan menjurus untuk membuktikan akan sesuatu kebenaran.
iv) Memperbaiki perjalanan sesuatu program.
v) Menekankan keberkesanan dan pengawalan kualiti sesuatu program yang sedang berjalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat pelbagai model penilaian diperkenalkan oleh tokoh-tokoh kurikulum. Dalam kajian ini, model penilaian CIPP Stufflebeam (2007) telah dipilih sebagai model kajian. Secara ringkasnya melalui model CIPP, proses penilaian terhadap sesuatu kursus dapat dijalankan mengikut susunan dimensi yang telah ditetapkan. Bermula dengan penilaian dimensi konteks iaitu pengkaji berhasrat untuk menilai kerelevanan matlamat kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dari aspek melahirkan insan yang seimbang dan harmonis jasmani, emosi, rohani dan intelek. Selain itu, pengkaji ingin meninjau kerelevanan matlamat Kursus kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dari aspek membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadikan Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai khalifah Allah yang bertakwa.

05-4506 tbupsi

Seterusnya penilaian dimensi input memberi fokus secara langsung terhadap tahap kompetensi pensyarah unit Agama Jabatan Pengajian Am Politeknik. Ini kerana kompetensi pensyarah berperanan sebagai pengantaraan antara isi kandungan kursus dengan pelajar. Selain itu, kajian ini juga memberi fokus kepada infrastruktur seperti bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT. Di samping itu, turut memberi fokus kepada modul sebagai bahan pengajaran dan peruntukan pengagihan jam pembelajaran yang telah disediakan dalam melaksanakan Kursus kursus (MPU) Pengajian Islam dengan tujuan mencapai hasrat isi pengajaran disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dimensi berikutnya adalah penilaian dimensi proses, dimensi ini memberi fokus kepada pelaksanaan amalan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan bagi tujuan untuk mencapai objektif kursus kursus (MPU) Pengajian Islam. Selain itu, penilaian ini turut memberi fokus kepada pemantauan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, proses ini untuk memastikan pelaksanaan kursus memenuhi keperluan kurikulum dari aspek sukatan pelajaran. Manakala pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam dijalankan adalah untuk memastikan dokumen kursus dilaksanakan mengikut *standard* kualiti MQA dan SIRIM bagi tujuan audit dan penambahbaikan terhadap perlaksanaan kursus. Di samping itu, penilaian proses turut melibatkan pentaksiran kursus. Penilaian ini bertujuan untuk memastikan pentaksiran kursus selari dengan skema pemarkahan, penjadualan semakan tugasan pelajar berdasarkan arahan kurikulum, serta untuk memastikan keseluruhan penilaian memenuhi keperluan kursus sewaktu dilaksanakan.

05-4506f tbupsi

Yang terakhir adalah dimensi produk, penilaian dimensi produk terdiri daripada impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpasaran. Penilaian produk dari aspek impak, dalam kajian ini memberi fokus kepada pencapaian keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus. Dari aspek keberkesanan pula, meliputi pencapaian berdasarkan objektif kursus. Ini kerana penilaian produk dari aspek keberkesanan bertujuan untuk menilai sesuatu objektif kursus tersebut setelah dilaksanakan tercapai atau sebaliknya. Selain itu, penilaian ini dapat menilai serta mengukur sejauh manakah keberkesanan pengajaran dan pembelajaran terhadap kursus ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek keberkesanan juga melibatkan penilaian terhadap kompetensi pensyarah iaitu meliputi aspek pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam kalangan pensyarah. Aspek keberkesanan juga turut merujuk kepada pembentukan kefahaman agama dari sudut kefahaman akidah, ibadah dan akhlak. Manakala penilaian produk dari aspek kemampanan pula merujuk kepada pembentukan penghayatan agama dari sudut amalan penghayatan akidah, ibadah dan akhlak terbentuk atau sebaliknya dalam diri dan diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Ini kerana matlamat falsafah pendidikan Islam adalah untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berkeperibadian mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba Allah dan Khalifah yang bertakwa. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penilaian produk memainkan peranan penting iaitu untuk menentukan hasil penemuan berkaitan perjalanan sesebuah program. Seterusnya membuat keputusan sama ada program tersebut ingin diteruskan, dipindahkan atau diubah suai atau ditamatkan.

2.4 Penilaian Pembangunan Penghayatan Keagamaan.

2.4.1 Konsep Penghayatan Agama

Penghayatan agama (*at-tadayyun*) atau *religiositi* menjadi aspek yang amat penting di dalam kehidupan manusia kerana penghayatan keagamaan memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku, amalan serta personaliti (Jamiah Manap et al., 2004; Krauss et al., 2007; Khairul Anwar Mastor et al., 2013), ketenangan emosi dalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Hasnan Kassan, 2002) keyakinan diri manusia (Al-Qaradhawi, 1985) serta kebahagiaan hidup (Hamka, 1997). Penghayatan agama ataupun *religiositi* merujuk kepada gaya hidup beragama atau kehidupan beragama. Dalam konteks Agama Islam, kehidupan beragama ini dikaitkan dengan Islam sebagai Addin atau cara hidup (Al-Nahlawi, 2003). Menurut Nor Salimah Abu Mansor (2007), penghayatan agama di Malaysia dilihat sebagai satu cara hidup Islam yang merangkumi segala aspek sosial, ibadah, muamalat, etika dan amalan harian.

Istilah lain pada sudut pandangan Islam yang mempunyai maksud yang sama dengan penghayatan agama (religiositi) seperti *Hayyah Mutadayyinah*, atau kehidupan beragama (Zakaria Stapa, 2002), kesedaran beragama (al-Attas, 2002) dan penghayatan agama/Islam (Azma Mahmood, 2006). Elemen penghayatan agama (*Religiositi*) ini meliputi kegiatan keagamaan, kepercayaan kepada agama, intervensi berlandaskan agama, kehadiran ke majlis keagamaan, membaca kitab agama, sembahyang, kepercayaan kepada Tuhan dan kebergantungan harap kepada Tuhan (Md. Noor Saper, 2012).

Penghayatan agama dari sudut pandangan Islam. Islam melihat penghayatan agama (*Religiositi*) sebagai kehidupan beragama atau penghayatan terhadap nilai dan amalan agama di mana ia memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti (Md. Noor Saper, 2012; Jamiah Manap et al., 2004). Islam juga melihat, penghayatan agama bukan hanya dilihat sebagai satu sistem kepercayaan kepada Tuhan sahaja, tetapi ianya di kenali sebagai 'Ad-din' iaitu satu sistem hidup yang menyeluruh yang mempunyai peraturan dan syariat (Haron Din, 2007; Md. Noor Saper, 2012). Penghayatan agama atau *religiositi* dalam Islam juga bermakna kepercayaan yang pasti,


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketundukan yang mutlak, integriti yang penuh kesedaran dan keikhlasan kepada sistem dan sumber ilahi dari segenap sudut kehidupan (Md. Noor Saper, 2012; Haron Din et al., 1985).

2.4.2 Perspektif Penghayatan Agama Individu

Penghayatan agama (*Religiositi*) boleh dilihat dari sudut individu seperti yang di perkenalkan oleh Meadow et al. (1984). Beliau telah mengetengahkan model penghayatan agama individu. Pada pandangan mereka, untuk memahami penghayatan agama (*Religiositi*) individu, tidak boleh diukur berdasarkan kedudukan individu dalam kumpulan akan tetapi daripada perspektif penghayatan agama individu itu sendiri. Pada aspek psikologi, *religiositi* individu dikenal pasti melalui proses perkembangan. Mereka menyatakan dan berpendapat perkembangan religiositi individu bermula dengan pola ekstrinsik kepada intergriti, seterusnya kepada pola intrinsik dan akhirnya autonomi. Ini dapat dilihat dalam Rajah 2.1.




Rajah 2.1. Model Perkembangan Penghayatan Agama (*Religiositi*) Individu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3 Model Penghayatan Agama Islam

Penghayatan agama (*Religiositi*) dari perspektif Islam dilihat sebagai syumul atau komprehensif (mencakupi dan merangkumi semua bidang) dan interaktif yang memberi penyatuan antara ilmu, iman dan amal (Md. Noor Saper, 2012; Azma Mahmood, 2006). Hal ini kerana, dalam suasana menjalani kehidupan beragama, elemen ilmu, iman dan amal hendaklah disepadukan dalam apa juga bentuk amalan kehidupan yang secara umumnya mempunyai perkaitan dengan aspek aqidah, ibadah dan etika (Azma Mahmood, 2006). Model penghayatan agama (*Religiositi*) Islam dapat dilihat melalui Rajah 2.2.



Rajah 2.2. Adaptasi Penghayatan Agama dari Perspektif Islam (Azma Mahmood, 2006)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 2.2, Azma Mahmood (2006) dan Md. Noor Saper (2012) menyimpulkan bahawa penghayatan agama (*Religiositi*) merangkumi aspek-aspek dalaman (*internalization*) dan luaran (*practice*) secara sepadu. Ilmu-ilmu Islam hendaklah difahami dan diyakini kemudian diamalkan secara berterusan. Natijah dari *religiositi* Islam ini akan menimbulkan ketakwaan dalam segala aspek termasuklah dari aspek pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang membawa kepada kemantapan iman individu.

Tiga dasar utama dalam kehidupan beragama dari perspektif Islam ialah pada aspek aqidah, ibadah dan etika. Aqidah berkaitan dengan kepercayaan dan keyakinan yang mantap berhubung ketuhanan, kerasulan dan *sami'yyat* (perkara ghaib) yang tertakluk di dalam enam rukun Iman. Ibadah pula bukan hanya tertakluk kepada prescribed ritual atau ibadah khusus seperti mendekatkan diri kepada Allah dengan melaksanakan syiar-Nya, berzikir serta bersyukur kepada-Nya malah mencakupi segala perbuatan baik yang dilaksanakan dengan ikhlas mengikut syariat Islam. Manakala etika merupakan dimensi dalaman iaitu situasi kejiwaan yang menjadi punca kepada perbuatan luaran seseorang. Ia juga merupakan suatu sistem model tentang bagaimana manusia melaksanakan kehendak ketuhanan di dalam kehidupan seperti yang diteladani oleh Rasulullah S.A.W. daripada pengajaran-pengajaran yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Md. Noor Saper, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Penghayatan Agama Mengikut Perspektif Barat

Masyarakat barat mendefinisikan penghayatan agama (*Religiositi*) daripada pelbagai sudut dan pandangan. Allport dan Ross (1967); Holdcroft (2006) mendefinisikan penghayatan agama (*Religiositi*) sebagai satu aspek integriti dan komitmen terhadap agama dan doktrin tertentu yang membawa kepada nilai kebaikan. Menurut Thomas et al. (2005), agama merupakan kepercayaan atau penghormatan kepada Tuhan seterusnya individu itu akan memberi perhatian dan mengikut kepada ajaran agama. Ia juga merujuk kepada keperluan sosial di mana individu itu akan melahirkan spiritualiti diri. Agama juga merupakan pegangan dan kepercayaan individu pada satu-satu agama seperti agama Islam, Kristian, Yahudi, Hindu, Buddha, Taoisme dan sebagainya (Holdcroft, 2006).

05-4506 tbupsi

Berdasarkan konsep dan model yang diterangkan di atas, jelas menggambarkan bahawa aspek keagamaan amat penting dalam kajian ini. Unsur-unsur keagamaan dengan jelas menjadi aspek penting dalam menentukan nilai dan kecenderungan untuk melakukan sesuatu perkara. Holp dan James (2013) menyatakan bahawa tidak terdapat sorotan kajian yang dijalankan bagi menjangkakan aspek keagamaan (kepercayaan) yang menjadi tunjang utama kekuatan moral seseorang individu. Oleh yang demikian, dalam kajian ini selain aspek penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam aspek kefahaman agama dan penghayatan agama turut dijalankan. Kedua-dua aspek ini merupakan produk dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Kurikulum Pendidikan Islam Di Politeknik

Merujuk kepada definisi Pendidikan Islam, Sarjana Islam telah memberi maksud pendidikan Islam membawa erti tunduk kepada tuntutan akidah, syariat dan akhlak Islamiah (Zawawi Ahmad, 1984). Manakala menurut Ishak (1991), Pendidikan Islam adalah pendidikan yang bersumberkan panduan Ilahi (*Rabbani*) yang menekankan hubungan yang berterusan antara seorang hamba dengan penciptaNya, iaitu Allah S.W.T. (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2010).

Dr. Yūsuf Al-Qardhāwi pula mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuk akal, hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku. Hal ini kerana tujuannya adalah untuk menyediakan manusia bagi menghadapi hidup, baik dalam keadaan senang atau susah dan keadaan damai atau perang. Di samping itu, ia juga bagi menyediakan manusia untuk menghadapi masyarakat yang sering berhadapan dengan kebaikan dan kejahatan serta berhadapan dengan kemanisan dan kepahitan hidup.

Sidek Baba (2009) menyatakan, pendidikan dalam konteks Islam bukan sekadar satu proses di mana pengetahuan disebarkan, maklumat diagihkan, pengalaman diperkongsikan atau kemahiran dipindahkan, lebih dari itu, pendidikan merujuk bagaimana ilmu, maklumat, kemahiran, pengalaman dan peribadi contoh membolehkan asas perubahan diri (transformasi) berlaku. Perubahan ini bukan hanya menyentuh kemajuan kognitif tetapi juga kesuburan efektif dan juga psikomotor. Kemajuan dan penyuburan ketiga-tiga domain ini memerlukan penyepaduan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Pendidikan Islam memberi penekanan yang lebih kepada aspek-aspek kerohanian seperti keimanan dan akhlak dan dalam masa yang sama tidak mengabaikan aspek-aspek lain yang diperlukan oleh manusia untuk menyambung hidup ini seperti jasmani, akal dan kemahiran (Hasnan Kassan, 2008). Sehubungan dengan itu, Pendidikan Islam ialah proses mendidik dan melatih akal, jasmani dan roh manusia berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah untuk melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. semata-mata (Abdul Halim el-Muhammady, 1984; Ab. Halim Tamuri, 2000; Tajul Ariffin Noordin & Nor Aini, 2002; Hasnan Kassan, 2008). Di Politeknik Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam adalah daripada sebahagian kursus yang digunakan untuk keperluan pelajar semester dua pengajian diploma.

05-4506 tbupsi

2.5.1 Latar Belakang Kursus MPU Pengajian Islam Di Politeknik

Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum mula diperkenalkan kepada seluruh institusi pengajian tinggi Awam (IPTA), institusi pengajian swasta (IPTS) dan Politeknik Malaysia bermula pada 06 April 2012. Hasil daripada ketetapan baharu berkaitan penggantian kursus di peringkat pendidikan tinggi telah diperkenalkan oleh kementerian pengajian tinggi iaitu penggantian kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) kepada kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) (Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) di perkenalkan bagi tujuan untuk penambahbaikan struktur Mata Pelajaran Wajib agar ianya lebih berstruktur dengan matlamat dan sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Penambahbaikan ini juga selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan iaitu untuk melahirkan warga negara yang baik serta memiliki ciri-ciri seperti mempercayai dan mematuhi Tuhan, berilmu pengetahuan, berketerampilan, bersahsiah tinggi, bersedia menyumbang kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara, bertanggungjawab kepada diri, agama, bangsa, masyarakat dan negara. Pada tahun 2016 semakan semula terhadap penawaran kursus MPU telah dilakukan oleh kementerian bagi tujuan penstrukturan yang lebih baik agar selari dengan hasrat dan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) melalui lonjakan pertama graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang (Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, 2016).

Selain itu, di antara tujuan lain kursus Pengajian Umum diperkenalkan adalah untuk penyelarasan semula Mata Pelajaran Wajib kepada (MPU) Pengajian Islam di seluruh IPT, bagi tujuan pembinaan bangsa, penguasaan dan peluasan kemahiran insaniah, pengukuhan dan peluasan pengetahuan di Malaysia dan pengaplikasian kemahiran insaniah. Justeru, berdasarkan tujuan-tujuan ini maka Mata Pelajaran Pengajian Umum dibahagikan kepada empat kelompok iaitu, kelompok U1; penghayatan falsafah nilai dan sejarah; U2 penguasaan kemahiran insaniah; U3 perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia dan U4; kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum. Walau bagaimanapun, fokus kajian ini hanya melibatkan penilaian pelaksanaan kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) dari kelompok (U3) iaitu kursus MPU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajian Islam. Oleh yang demikian, kajian ini tidak melibatkan subjek-subjek MPU dari kelompok yang lain seperti yang telah di tawarkan kepada pelajar.

2.5.2 Penawaran Kursus (MPU) Pengajian Islam Di Politeknik

Penawaran kursus ini bertujuan untuk melahirkan graduan separa professional yang dapat menguasai dua cabang ilmu iaitu cabang ilmu teknikal dan ilmu agama. Kursus Pengajian Islam adalah kursus yang wajib kepada pelajar Muslim. Kursus ini memberi fokus kepada tiga hasil pembelajaran iaitu; (i) melaksanakan dengan penuh yakin amalan-amalan Islam dalam kehidupan seharian; (ii) Menerangkan etika profesional berkaitan syariah dan institusi Islam dalam membentuk pembangunan ummah dan; (iii) menghubung kait minda ingin tahu dengan Islam dan cabaran semasa di Malaysia. Manakala susunan bab dalam kursus ini terbahagi kepada empat bab dan sub-sub topik iaitu topik 1; Islam sebagai al-din, topik 2 Islam dan asas syariah, topik 3 Institusi Islam dan topik 4 Islam dan cabaran semasa.

2.5.3 Matlamat dan Objektif MPU Pengajian Islam Di Politeknik

Kursus MPU Pengajian Islam ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang faham tentang tasawwur (konsep) Islam sebagai cara hidup yang bersepadu dan seimbang serta berupaya menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Melalui pendedahan ini pelajar dapat menghayati gambaran Islam dalam kehidupan di samping mempelajari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang pengkhususan pengajian masing-masing. Hal ini akan melahirkan pelajar yang seimbang dan dari aspek intelek dan rohani mereka (Alias Mat Saad, 2011)

Di samping itu, terdapat perbincangan berasaskan kepada konsep-konsep asas Islam, Islam sebagai cara hidup, institusi Islam dan cabaran semasa. Selain itu kursus ini juga memberi fokus untuk memastikan pelajar dapat mengamalkan dan melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian. Pelajar juga diharapkan dapat menerangkan etika dan profesionalisme berkaitan Syariah dan Institusi Islam, sains dan teknologi dan kejuruteraan dalam Islam, pengurusan dalam Islam, pelancongan dan hospitaliti dalam Islam dalam membentuk pembangunan ummah dan menghubung kait minda ingin tahu prinsip syariah, etika dan kaedah fiqh dalam bidang sains dan teknologi, prinsip syariah dan etika dalam pengurusan Islam, prinsip syariah dalam bidang pelancongan dan hospitaliti menurut Islam, prinsip syariah dan isu-isu kontemporari dalam bidang kesenian menurut Islam dan dengan Islam dan cabaran semasa di Malaysia.

Perincian topik-topik yang terdapat dalam kursus ini adalah melibatkan tentang pengertian Islam, Iman dan Ihsan, pelaksanaan rukun Islam, perbincangan rukun iman dan juga ehsan. Selain itu, kursus ini juga menerangkan berkaitan sumber-sumber ilmu Islam dan aplikasi asas syariah. Topik-topik ini juga menjelaskan berkaitan institusi keluarga, masyarakat, institusi ekonomi, institusi pendidikan serta institusi siasah. Di akhir topik kursus ini merangkumkan dan mengenal pasti cabaran-cabaran dan isu-isu semasa berkaitan dengan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.4 Pelaksanaan Kursus MPU Pengajian Islam Di Politeknik

Kursus MPU Pengajian Islam merupakan kursus yang telah digubal dan disusun oleh bahagian kurikulum Jabatan Pendidikan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Fokus utama kursus ini menerapkan pembelajaran yang berkonsepkan Islam sebagai cara hidup. Kursus ini turut melibatkan aspek kandungan kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, kaedah penilaian dan nilai-nilai berkenaan bidang syariat Islam. Selain itu, kursus (MPU) Pengajian Islam bermatlamatkan untuk mendidik manusia supaya mentauhidkan diri, menyerahkan diri, tunduk dan patuh secara total kepada segala suruhan dan larangan Allah SWT (al-Qaradhawi, 1985).

Justeru itu untuk mencapai matlamat tersebut, proses pengajaran yang berkesan perlu dilaksanakan oleh para guru agar penyampaian sesuatu ilmu dapat disampaikan dengan sempurna dan memberi impak yang posiif terhadap pelajar. Oleh itu, satu usaha yang berterusan perlu dilaksanakan untuk memastikan tahap kefahaman pelajar berkenaan konsep dan prinsip utama dalam pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam berjaya disampaikan. Usaha ini amat perlu agar maklumat-maklumat maklumat berkaitan tasawwur Islam dapat diterapkan dalam kehidupan seharian yang akan memberi manfaat kepada warga, institusi dan negara.

Di samping itu, terdapat beberapa perkara atau isu perlu dilihat dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kursus pengajian Islam di politeknik untuk memberi impak kepada proses penguasaan ilmu-ilmu Islam terhadap pelajar. Menurut Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2017) pendidikan Islam merupakan satu subjek yang menggabungkan kepelbagaian kemahiran yang bersifat teori dan praktis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dihubungkan dengan situasi dan isu semasa dalam proses pembelajarannya perlu kepada pemikiran yang berbentuk abstrak dan berfikir dengan cara kritis. Oleh itu, para pendidik perlu sentiasa peka dengan perubahan masa termasuk perubahan corak pengajaran agar sentiasa relevan dan dapat diterima oleh pelajar dengan sebaiknya. Guru atau pendidik perlu mempersiapkan diri dengan kaedah-kaedah pengajaran yang mengikut peredaran zaman seperti pengetahuan teknologi maklumat, bahan bantu mengajar yang bersesuaian dan teknik pengajaran yang berkesan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan kursus mata pelajaran umum disampaikan melalui secara konvensional seperti kaedah kuliah, tugasan kumpulan dan perbincangan yang lebih berpusatkan pensyarah (Norhapizah Mohd Burhan et al., 2015). Zarina (2007) menyatakan faktor kepada kaedah tersebut diamalkan adalah keupayaan mampu urus jumlah pelajar yang ramai dalam kelas dan masa yang terhad untuk memantau aktiviti dan menilai hasil kerja pelajar. Ditambah pula kursus ini adalah terletak di bawah kumpulan kursus mata pelajaran umum yang bukan tergolong dalam kursus bidang teras program pelajar. Banyak kajian lepas melaporkan bahawa pelajar kurang berminat dengan kursus-kursus mata pelajaran umum (Mohd Arip Kosmo, 2004; Samri Sainuddin & Isahak Haron, 2004; Hussain Othman et al., 2008; Norhayati Fatmi Talib et al., 2010; Mohamad Azhari Abu Bakar et al., 2012) ditambah pula dengan karakter pelajar yang pelbagai kerana ia melibatkan dari kalangan jabatan akademik yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, aspek metodologi pengajaran dan pembelajaran dan kemahiran pensyarah adalah berada pada tahap yang sederhana (Mohd Arip Kosmo, 2004). Ada dalam kalangan pensyarah terasa terbeban dengan jumlah pelajar yang agak ramai dalam satau-satu kuliah (Suraya Sintang & Faezah Kasim, 2004; Zaid Ahmad et al., 2010; Ahmad Firdaus Mohd Noor et al., 2014). Ditambah pula dengan dilema berkaitan dengan pensyarah yang tidak kompeten, pensyarah yang kurang, waktu pengajaran yang kurang sesuai, pelajar yang ramai dan bahan pembelajaran yang tidak menarik (Abd. Wahid Jais & Zainab Ishak, 2010).

Oleh yang demikian, berdasarkan situasi yang sedang dihadapi oleh kursus mata pelajaran pengajian umum dengan pelbagai cabaran dalam pelaksanaanya, maka penilaian terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini perlu dilaksanakan agar matlamat dan hasrat pihak kementerian melalui kursus-kursus ini dapat dicapai seperti yang telah ditetapkan.

2.5.5 Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Kursus (MPU) Pengajian Islam dibangunkan selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan (FPK). Hal ini kerana pendidikan dan kehidupan berkait rapat, pendidikan menentukan corak serta mutu kehidupan manusia. Pendidikan yang utuh dan baik akan melahirkan bangsa yang kuat dan mulia. Berpandukan hasrat dan cita-cita yang terkandung dan tersirat dalam Penyata Razak dan Rahman Talib, Akta pelajaran 1961, Laporan Jawatankuasa Kabinet serta Ruku negara, maka Falsafah Pendidikan Kebangsaan dirumus dan dinyatakan seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara"
>
> (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, ms: 8)

Menurut Sidek Baba (2006) ilmu dalam Islam terbentuk dalam acuan yang sepadu. Ilmu-ilmu seperti akidah, ibadah dan akhlak serta yang lainya menjadi tunjang gandingan dengan ilmu seperti sains dan teknologi serta ilmu-ilmu kemanusiaan. Islam mengambil pendekatan yang teliti dan sepadu tentang sains. Islam tidak menentang usaha-usaha penyelidikan mendapatkan data dan fakta, menghasilkan hipotesis dan teori. Tradisi menyepadukan ilmu mendorong umat Islam untuk mengetahui apa yang mereka perhati dan saksikan dan menghubungkan fakta dan data sebagai sumber kebesaran Allah S.W.T.

Justeru itu, apabila umat Islam berupaya menghubungkan kajiannya dengan kewujudan pencipta, maka ini akan menjadi garis pemisah dengan masyarakat barat yang sekadar membina teori dan hipotesis sebagai usaha memahami kejadian alam. Sedangkan umat Islam melihat sesuatu itu dalam hubungannya dengan Pencipta iaitu Allah S.W.T. Tajul Ariffin Noordin (2003) menyatakan insan sepadu yang membentuk ummah lahir daripada pendidikan yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah di samping

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adanya integrasi disiplin ilmu akal ke arah membina ummah dengan berteraskan akidah. Gagasan inilah yang melahirkan insan beragama, insan sosial, insan saintifik, insan profesional dan sebagainya.

Abdul Halim el-Muhammady (1991) pula menjelaskan kesepaduan ilmu dalam Islam dan amalan masyarakatnya menunjukkan kedua-duanya mempengaruhi pembentukan peribadi individu Muslim sehingga boleh melahirkan perasaan yang tinggi nilainya. Pencapaian ini bertitik tolak daripada kesepaduan ilmu dalam Islam yang menekankan tuntutan hidup manusia untuk kebahagiaan dunia dan akhirat, kebendaan dan kerohanian.

Seterusnya Sidek Baba (2003) menyatakan perlunya pengintegrasian ilmu dan pendidikan dilakukan dengan bijaksana kerana Tasawur Islam tentang pendidikan bukan sekadar proses pemindahan maklumat, keterampilan dan pengalaman dalam proses P&P, tetapi juga proses pembentukan sikap, watak dan sahsiah. Justeru itu, membangunkan domain afektif merupakan perkara utama dalam membangunkan insan yang terkandung dalam nilai-nilai tauhid yang sifatnya mendasari nilai-nilai syarak.

2.5.6 Falsafah Pendidikan Islam (FPI)

Kursus (MPU) Pengajian Islam merupakan wadah untuk mencernakan matlamat-matlamat yang telah ditetapkan dalam falsafah pendidikan Islam (FPI). Menurut Abdullah Ishak (1989) dan Lukman Hakimi Ahmad (2014) mendefinisikan falsafah sebagai usaha mencari sesuatu kebenaran atau keyakinan yang berhubung dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu perkara dengan menggunakan kekuatan akal fikiran. Dengan kata lain, falsafah ialah mencari atau menanggapi sesuatu dengan menggunakan kecerdasan akal, fikiran dan kebijaksanaan. Manakala menurut Zainal Abidin (1990); as-Syaibani (1991) dan Alias Mat Saad (2010), Pendidikan Islam yang berkesan dan berjaya mencapai matlamatnya, ia harus ditentukan secara jelas falsafah, cita-cita dan matlamat tersebut. Oleh yang demikian satu penyataan Falsafah Pendidikan Islam telah dijelaskan seperti berikut:

> "Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan Negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat".
>
> (Falsafah Pendidikan Islam, JAPIM, KPM, ms: 10)

Menurut Zainal Abidin (1990) dan Wan Mohd. Zahid (1990) Pendidikan Islam harus dijalankan secara sepadu tidak terpisah-pisah atau mengambil satu aspek dan meninggalkan aspek yang lain. al-Hadidi (2007) menyatakan bahawa Falsafah Pendidikan sebagai aktiviti pemikiran yang bersistem yang menjadikan falsafah sebagai jalan untuk mengatur operasi pendidikan bagi penyelarasan dan keharmonian dan bagi menjelaskan nilai dan matlamat yang dicita-citakan untuk mencapai kepada hakikat kebenarannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Al-Tarawinah (2004) pula mendefinisikan falsafah Pendidikan sebagai aktiviti intelektual yang mengambil falsafah sebagai jalan untuk mengatur dan menyelaras operasi pendidikan serta menjelaskan nilai dan matlamat dan mencapai matlamat yang dicita-citakan. Falsafah Pendidikan ialah melaksanakan kepercayaan dan dasar-dasar yang tertegak di atasnya falsafah umum dalam menangani masalah pendidikan yang saintifik. Ia sesungguhnya merupakan aktiviti yang dijalankan oleh para pendidik dan ahli falsafah untuk menerangkan kerja-kerja pendidikan bagi tujuan penyelarasan, kritikan dan diubahsuai supaya tidak bertentangan dengan kebudayaan.

Falsafah merupakan komponen yang paling utama dan tertinggi dalam pendidikan kerana sikap manusia yang ingin dilahirkan adalah bergantung pada falsafah yang disalurkan melalui pendidikan. Pendidikan diertikan oleh cendekiawan sebagai perpindahan nilai-nilai daripada generasi kepada generasi berikutnya, sama ada ilmu atau kemahiran, sedangkan nilai-nilai itu ditentukan oleh falsafah yang disogokkan melalui sistem pendidikan. Oleh itu, falsafah yang berasaskan kebendaan akan melahirkan masyarakat yang bersikap kebendaan yang mampu membangunkan kebendaan bagi keseronokan hidup di dunia. Bagi mereka dunia ini merupakan matlamat.

Sementara itu, beberapa tokoh ilmuwan seperti Haron Din dan Sobri Solomon (1988) turut memberikan konsep Falsafah Pendidikan Islam seperti Al–Syaiban. Beliau mendefinisikan Falsafah Pendidikan Islam sebagai melaksanakan teori dan kaedah falsafah dalam bidang pengalaman manusia yang dipanggil ‘pendidikan’. Oleh itu, falsafah pendidikan berfungsi menilai pendidikan, menyelaras dan menganalisis permasalahan dan isunya dalam kehidupan. Ianya mencakupi pembahasan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemahaman yang berbeza. Di samping itu, menjelaskan makna istilah yang digunakan dalam pendidikan. Ia juga menentukan perkara pokok yang ada hubungan dengan lapangan hidup manusia.

2.6 Kompetensi Pensyarah

Golongan pendidik merupakan individu yang berperanan penting menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti tinggi. Menurut Booth (1993); Goodwin dan Stevens (1993) pelajar yang berkualiti terhasil menerusi proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Di antara penilaian kompetensi yang harus dimiliki oleh seseorang guru ialah menguasai kandungan subjek yang diajar, berpengetahuan dalam pedagogi, berupaya memilih sumber pengajaran, mampu mempelbagaikan strategi pengajaran, memiliki kemahiran teknologi, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan pelajar serta mempunyai sikap dan personaliti yang positif seperti bermotivasi, humor dan berkeyakinan.

2.6.1 Kemahiran Pedagogi

Pedagogi secara literalnya bermaksud seni dan ilmu pengetahuan tentang mendidik anak-anak dan sering digunakan sebagai sebuah sinonim untuk suatu pengajaran. Secara lebih tepatnya, pedagogi mewujudkan pendidikan yang berfokus kan guru. Dalam suatu pendekatan model pedagogi, guru memikul tanggung jawab untuk membuat keputusan tentang apa yang akan dipelajari dan bagaimana ia akan dipelajari,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

da bila ia akan dipelajari. Guru yang mengarahkan pembelajaran. Guru yang hebat pada zaman kuno, bermula dari dekad *Confusius* hinggalah Plato tidak mendedahkan teknik mengajar yang bersifat autoritarian tersebut. Perbezaan yang ada antara apa yang diketahui daripada gaya guru yang baik dan hebat, namun mereka masih memandang pembelajaran sebagai satu proses daripada pencapaian yang aktif dan bukan suatu penerimaan secara pasif daripada kalangan pelajar. Dengan mempertimbangkan hal ini, didapati suatu hal yang mengejutkan bahawa pembelajaran yang berfokus kan pada guru menjadi sesuatu yang mendominasi pendidikan. Walau bagaimanapun, satu penjelasan bagi pendekatan yang berfokus kan guru mengembalikan kita ke era *Calvinist* yang percaya bahawa kebijaksanaan adalah sesuatu yang jahat. Mereka mendampingi atau mendukung para ilmuwan untuk mengarahkan, mengawal dan seterusnya mengakibatkan pembelajaran anak-anak mereka tetap tidak berkembang (Mackinnon & Scarff-Seatter, 1997).

05-4506 tbupsi

2.6.2 Kemahiran Pengetahuan Pedagogikal Kandungan *"Pedagogical Content Knowledge"*

Definisi PPK adalah sangat merumitkan kerana komponen-komponen PPK berbeza daripada seorang penyelidik dengan penyelidik yang lain (Fernandez-Balboa & Stiehl, 1995; Grossman, 1989; Shulman, 1986). Terminologi yang merujuk kepada PPK juga berbagai, contohnya; *Pedagogical Content Knowing* (Cochran et al., 1993), *Pedagogical Context Knowledge* (Barnett & Hodson, 2001), *Practical Knowledge* (Carter, 1990), *Craft Knowledge* (Grimmett & MacKinnon, 1992) dan lain-lain lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran bermula dengan kefahaman guru itu sendiri terhadap apa yang perlu dipelajari dan bagaimana ia disampaikan kepada pelajar. Kadangkala pengetahuan yang dimiliki oleh guru tidak difahami oleh pelajar. Justeru itu, guru boleh mengubah kefahaman, kemahiran atau sikap yang diingini melalui penyampaian pedagogi dan juga tindakan (Shulman, 1986). Pendidikan guru harus meliputi pengetahuan isi kandungan subjek dan juga pengetahuan pedagogi.

Menurut Helen et al. (2006 dalam Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri, 20120) pengetahuan pedagogical kandungan adalah perkara yang melibatkan aspek yang khusus dalam pengajaran iaitu; strategi pengajaran, pengetahuan tentang cara murid berfikir dan penjelasan terhadap prosedur pengetahuan dan kaedah penyelesaian masalah pengajaran.

05-4506 tbupsi

2.6.3 Latihan Ikhtisas Pensyarah

Sebelum seseorang guru boleh diiktiraf sebagai guru yang bertauliah, ia perlu memperoleh pengetahuan tentang pelbagai jenis teknik dan kaedah pengajaran serta kemahiran pengajaran. Mereka perlu mengikuti latihan perguruan yang disediakan sama ada di universiti atau di maktab-maktab perguruan. Menurut Cooper et al. (2006) mungkin agak sukar untuk menentukan apakah ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk seseorang guru dalam profesion perguruan. Namun begitu, mereka mestilah mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang khusus untuk memahami dunia pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran tersebut meliputi aspek memahami perkembangan pelajar dan persekitarannya. Memahami perkembangan apa yang berlaku di dalam dan di luar kelas. Terdedah sepenuhnya dengan apa yang hendak diajar. Mereka mestilah memahami sepenuhnya falsafah pendidikan yang akan membantu mereka berperanan sebagai seorang guru. Di samping itu, mereka mestilah mengetahui bagaimana manusia belajar dan membentuk persekitaran yang sesuai untuk pembelajaran.

Manakala menurut Smith (1966) guru yang berketerampilan dan terlatih sepenuhnya, mestilah bersedia untuk melaksanakan dan menjayakan hasil pembelajaran yang dikehendaki dengan melakukan empat perkara berikut. Pertama menguasai sepenuhnya teori-teori pengajaran dan pembelajaran serta tingkah laku manusia. Kedua mempamerkan sikap mementingkan pembelajaran dan hubungan kemanusiaan yang luhur. Ketiga menguasai sepenuhnya terhadap apa yang hendak diajar. Kemput dan terakhir sentiasa meningkatkan kemahiran mengajar guru, untuk membantu pembelajaran murid.

2.6.4 Pemantauan Pensyarah dan Dokumen kursus MPU

a. Pencerapan Pensyarah

Pencerapan pensyarah: Perlaksanaan berdasarkan garis panduan Kecemerlangan akademik bil 1/2009 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Akademik, Sektor Pengurusan Politeknik bertarikh 12 Januari 2009. Melalui garis panduan ini, semua pensyarah akan diserap (100%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Pemantauan Dokumen Kursus MPU

Pemantauan dari segi penilaian berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN), Sektor Pengurusan Politeknik (SPP) bertarikh 31 Januari 2008. Penilaian terbahagi kepada dua iaitu pemantauan penilaian berpusat dan pemantauan penilaian dalaman.

2.7 Kesediaan Infrastruktur dalam Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam

Menurut Proshanky dan Fabian (1987) kemudahan infrastruktur merupakan keperluan asas yang mesti dipenuhi keperluannya. Hal ini kerana kemudahan infrastruktur berkeupayaan dalam mempengaruhi pembangunan diri seseorang terutama dalam perubahan tingkah laku. Selain itu, dalam pendidikan kemudahan infrastruktur seperti bilik kuliah, perpustakaan dan kemudahan teknologi maklumat sangat memberikan impak dan membantu proses pembelajaran pelajar (Chupela, 1994; Feingberg et al., 1998).

2.7.1 Infrastruktur Bilik Kuliah

Bilik kuliah merupakan Infrastruktur yang penting dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum. Bilik kuliah yang terbaik apabila mempunyai persekitaran yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan. Persekitaran yang baik merupakan elemen penting dalam membentuk suasana pembelajaran yang aktif dan kondusif serta mampu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi rangsangan terhadap pembentukan fikiran. Manakala suasana yang kondusif berpotensi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selesa di samping memberi impak terhadap tumpuan dan minat pelajar. Menurut Che Nidzam Che Ahmad et al. (2014) persekitaran fizikal bilik kuliah yang bersesuaian mempengaruhi suasana pembelajaran pelajar serta memberi kesan terhadap pengajaran dari aspek penjanaan idea, nilai, sikap dan perubahan tingkah laku.

Menurut Fraser (1998) suasana pembelajaran yang berkualiti merupakan indikator terhadap sesuatu pencapaian akademik. Ini kerana lokasi pembelajaran berperanan dalam menentukan perjalanan psikologikal dan pedagogikal yang akan memberi pengaruh terhadap pencapaian akademik secara tidak langsung. Di samping itu, dalam konteks sosial persekitaran yang bermutu dapat meningkatkan rangsangan intelektual, aktiviti pembelajaran, serta memberi pertumbuhan dalam perkembangan minda pelajar.

2.7.2 Infrastruktur Perpustakaan

Infrastruktur dan perkhidmatan perpustakaan merupa antara sektor yang sangat penting terutama dalam bidang pendidikan. Pembangunan intelektual bertitik tolak daripada sumbangan bahan rujukan yang disediakan dalam perpustakaan yang bermatlamatkan sebagai pusat atau gedung rujukan oleh para penyelidik di seluruh dunia. Kerajaan Malaysia melalui kementerian pendidikannya telah mengiktiraf hab pendidikan serantau dengan kewujudan sektor sokongan seperti perkhidmatan perpustakaan. Perpustakaan merupakan pusat inovasi yang membantu dari aspek peningkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan dan kebudayaan serta berperanan sebagai tempat penerapan pendidikan sepanjang hayat (Miao & Bassham, 2006).

Manakala menurut Muktamarudin Fahmi (2011), jika diukur kemajuan sesebuah negara ianya di lihat dari pembangunannya dan jika diukur kehebatan bangsa ukurannya adalah aspek tamadunnya, akan tetapi jika diukur kehebatan ilmunya maka fasiliti dan kemudahan pendidikan merupakan pengukuran yang sewajarnya. Oleh itu, perpustakaan merupakan sebahagian daripada kemudahan-kemudahan yang berkait rapat dengan pendidikan. Amat jangkal jika kemudahan ini disisihkan daripada sebahagian pendidikan. Di barat pola belajar dan mengajar, selain guru sebagai tenaga pengajar perpustakaan merupakan tempat dirujuk selepas guru. Begitu juga gaya pembelajaran di barat, sudah menjadi kebiasaan bagi mereka menjadikan perpustakaan sebagai tempat kedua menambah ilmu selepas keluar dari bilik kuliah.

05-4506f tbupsi

2.7.3 Infrastruktur ICT

Teknologi maklumat dan komunikasi atau *information technology and communication* (ICT) merupakan pembaharuan dalam bidang ilmu pengetahuan. Kekuatan dan daya tarikan terhadap teknologi maklumat sehinggakan dalam dunia pendidikan menamakan ciri-ciri pendidikan abad ke 21 berteraskan teknologi maklumat. Pendidikan masa kini tidak boleh terpisah dari penggunaan teknologi maklumat, hinggakan pendidikan dan ilmu pengetahuan digerakkan melalui teknologi maklumat seperti sistem *turn it in* untuk memastikan pendidikan tanpa peniruan. Malahan teknologi maklumat juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijadikan sebagai agen penyebaran ilmu seperti laman-laman sesawang akademik dan sebagainya.

Di samping itu. tidak dinafikan teknologi maklumat dapat meningkatkan pembelajaran masa kini. Di Eropah, bidang teknologi maklumat dalam pendidikan telah diperkenalkan sejak awal tahun 60-an. Dalam konteks pendidikan, komputer dan teknologi maklumat dapat membantu dalam pelbagai urusan dan berpotensi mengayakan lagi persekitaran pengajaran dan pembelajaran. Di Malaysia penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan masih di peringkat permulaan namun penggunaannya semakin pesat dan memberangsangkan.

Kemajuan ICT ini telah mendatangkan banyak manfaat kepada individu, masyarakat dan negara. Sesuatu perkara yang dicipta atau diwujudkan tentu sekali mendatangkan kebaikan serta keburukan. Antara contoh kebaikan ICT adalah dapat membantu dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P). Terdapat tiga asas penting dalam penggunaan teknologi maklumat. Pertamanya, teknologi maklumat adalah untuk mengumpul maklumat. Ia digunakan untuk suntingan dengan menggunakan teknologi. Contoh dengan menggunakan komputer ia boleh merekod bunyi, imej dan sebagai pengesan gerakkan. Keduanya, adalah untuk memanipulasikan maklumat dan proses semula imej dan ketiganya ialah ia digunakan untuk berkomunikasi iaitu ia menjelaskan bagaimana teknologi maklumat digunakan untuk berkomunikasi bagi mendapatkan maklumat daripada sumber kepada penerima (Haliza Sainan & Nenly Marudi Aidah Sulaimah, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rosenberg (2001), berpendapat integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran memberi peluang kepada guru untuk memperkenalkan pembelajaran secara kontekstual kepada pelajar-pelajar. Pembelajaran ini memfokuskan pembelajaran dalam konteks aktiviti masalah sebenar dan meletakkan pelajar sebagai penyelesai masalah. Melalui penggunaan ICT pelajar dapat menguasai pelbagai kemahiran manipulatif seperti kemahiran pemprosesan perkataan, pangkalan data dan pembentangan dengan menggunakan alat-alat teknologi. Kemahiran dan penguasaan dalam teknologi akan melahirkan pelajar yang lebih bersedia dan yakin untuk memasuki alam pekerjaan (Rusmini Ku Ahmad, 2012).

2.8 Kaedah-kaedah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun tbupsi

2.8.1 Kaedah Pengajaran Berpusatkan Guru

Menurut Killen (2003) tidak ada satu pun strategi atau kaedah mengajar yang berkesan yang boleh digunakan untuk semua peringkat pelajar pada satu-satu masa. Ini disebabkan pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang kompleks dan ianya boleh dipengaruhi oleh berbagai-bagai aspek. Oleh sebab itu guru mestilah bijak untuk memilih strategi yang dipastikan berkesan dalam membantu pelajar mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Antara kaedah pengajaran yang berkesan ialah berpusatkan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Olivia (1996); Killen (2003) serta Kauchak dan Eggen (2007) pengajaran berpusatkan guru sekiranya dilaksanakan dengan baik akan memberi kesan seperti pelajar akan dapat hasil pembelajaran yang jelas, guru dapat mengawal masa dan aktiviti pengajaran, guru boleh menyusun secara teratur aktiviti pengajaran dan guru boleh memantau pelajar secara sepenuhnya.

2.8.2 Kaedah Pengajaran Berpusatkan Pelajar

Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan satu kaedah terkini di mana terdapat komunikasi dua hala di antara guru dan pelajar. Pelajar bukan sahaja bergantung kepada pengajaran guru tetapi juga boleh menjana idea sendiri bagaimana untuk menyelesaikan masalah yang diberi. Proses pemahaman akan menjadi lebih mudah jika pelajar melibatkan diri dalam pembelajaran yang sedang berlangsung dan ia juga boleh meningkatkan daya ingatan pelajar terhadap ilmu yang diberikan oleh guru. Selain itu, menurut Halizah Awang dan Ishak Ramly (2008); Barrows dan Tamblyn (1980); Boud dan Feletti (1998); Khairiyah Mohd. Yusof et al., 2005; Alias Masek & Sulaiman Yamin, 2012) menyatakan pembelajaran berpusatkan pelajar dapat membantu pelajar ke arah pembelajaran terarah dan kendiri. Disamping itu, ia juga mengubah peranan pendidik dari *sage on the stage* kepada *'guide on the side.* (Rosenberg, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.3 Kaedah Pembelajaran Berasaskan Modul

Selain daripada kaedah berpusatkan guru dan pelajar, kaedah pengajaran menggunakan modul terancang merupakan salah satu cara terbaik untuk memilih dan menyampaikan isi kandungan secara tersusun, terancang dan secara berperingkat di mana sesuatu tajuk daripada mata pelajaran tertentu dipecahkan kepada beberapa tajuk kecil supaya ianya mudah dibaca dan digunakan serta bersistematik (Burns, 1971; Jonassen, 1985).

Manakala menurut Mager (1990) langkah-langkah dalam menyediakan sesebuah modul adalah seperti menyediakan bahan-bahan yang diperlukan untuk membina modul, sama ada oleh pengajar atau pelajar. Seterusnya bahan-bahan sedia ada yang berguna dan diselaraskan dengan objektif modul. Menulis objektif seperti yang akan dinyatakan kepada pelajar atau menerangkan hasil yang akan diharapkan. Menjelaskan kepada pelajar, mengapa objektif yang dipilih itu penting kepada mereka. Memperincikan bahagian-bahagian amali di dalam modul dengan menerangkan di mana pelajar boleh mendapatkan alatan atau perkakasan yang diperlukan untuk amali.

Menurut Yusup Hashim dan Razmah Man (1993) ciri-ciri modul yang baik adalah dibentuk supaya dapat memudahkan pembelajaran kendiri. Memenuhi keperluan yang pembelajaran bersifat anjal, di mana modul dapat disusun dengan pelbagai cara. Dapat memberikan kebebasan untuk pelajar belajar mengikut masa, keselesaan dan keupayaan diri. Selain itu, boleh digabungkan dengan media lain. Modul yang baik juga mempunyai aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala menurut Shahrom (2000) kaedah pembelajaran secara menggunakan modul boleh memberi kebaikan kepada pelajar. Antara kebaikan tersebut ialah dapat meningkatkan kerjasama di mana pelajar akan bertanggungjawab untuk belajar bersama para pendidik. Mempunyai ciri-ciri maklum balas yang segera boleh diperoleh tentang tahap pencapaian dan kefahaman mereka. Selain itu, menekankan kepada penguasaan dan pencapaian sebenar pelajar dan meningkatkan motivasi diri kerana pelajar boleh memilih pembelajaran mengikut keperluan dan keselesaan mereka. Di samping itu, objektif pembelajaran dapat diketahui lebih awal dan boleh mendorong pelajar mencapai objektif yang telah ditetapkan. Berpeluang mengulang semula pembelajaran, apabila bahagian pengayaan dan pemulihan disediakan untuk membolehkan mereka mencapai aras penguasaan yang diharapkan.

05-4506 tbupsi

2.9 Kajian-kajian Lepas yang Berkaitan

2.9.1 Kajian Penggunaan Model CIPP Stufflebeam dalam Penilaian Kurikulum

Ruangsuwan (1986) menggunakan ke empat-empat dimensi model penilaian CIPP untuk menilai program Teknologi Pendidikan untuk pelajar pra siswazah di Universiti Srinakhairinwirot, Thailand. Dapatan kajian beliau, dari dimensi konteks menunjukkan terdapatnya kelemahan pada perkhidmatan sokongan dan ke tidak berkesanan penggunaan teknik pengajaran dalam program tersebut. Manakala dalam dimensi input, menunjukkan objektif program serta kandungan kursus yang dilaksanakan perlu dibuat penambahbaikan. Dimensi proses, iaitu aspek strategi pengajaran juga perlu dibuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penambahbaikan. Manakala dimensi produk, secara umumnya pelajar berpuas hati dengan program Teknologi Pendidikan yang dilaksanakan oleh Universiti tersebut.

Jamil Ahmad (2002) dalam kajian beliau ke atas pemupukan budaya penyelidikan di sekolah-sekolah di negeri Terengganu, menggunakan dua dari empat komponen model penilaian CIPP iaitu penilaian proses dan produk. Dari segi penilaian proses, hasil kajian menunjukkan pelaksanaan kursus-kursus penyelidikan tindakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah adalah berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap penyelidikan tindakan di kalangan para guru. Dari segi penilaian produk, kajian ini mendapati secara keseluruhannya budaya penyelidikan di kalangan guru pada tahap sederhana.

05-4506 tbupsi

Kajian oleh Shahabuddin Hashim et al. (2003) ke atas program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif yang mengadaptasi model penilaian CIPP mendapati program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif memenuhi kehendak industri tetapi masih ada beberapa kelemahan yang boleh dipertimbangkan oleh pembuat keputusan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran Bahasa Melayu dan kemahiran menterjemah dokumen dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris dan sebaliknya tidak membantu setiausaha dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Secara keseluruhan, lulusan dan majikan bersetuju bahawa lulusan telah mempamerkan sikap positif di tempat kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Nik Mohd Rahimi Nik Yussof (2005) yang menilai kemahiran mendengar bahasa dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan (SMA-YIK) juga menggunakan model penilaian CIPP. Dapatan kajian menunjukkan beberapa aspek kemahiran mendengar Bahasa Arab seperti teknik tidak melihat teks ketika mendengar, ketika menjawab soalan kefahaman dan ketika mengajuk bacaan guru tidak ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Dapatan juga menunjukkan pencapaian Bahasa Arab berada pada tahap sederhana.

Kajian oleh Zawawi Ismail (2008) yang menilai kemahiran bertutur Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, juga menggunakan ke empat-empat dimensi yang terdapat dalam model CIPP. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan kemahiran bertutur Bahasa Arab Komunikasi masih terdapat lompang dan kelemahan yang memerlukan perhatian, tindakan dan perancangan segera. Penggunaan model ini Berjaya mengemukakan kelemahan, kepincangan, kekuatan dan keteguhan dalam pelaksanaan Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.

Kajian oleh Alias Mat Saad (2010) yang menilai pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menggunakan Model CIPP. Dapatan kajian menunjukkan perlaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik memberi kesan yang fositif terhadap pembentukan akhlak pelajar. Pengkaji juga menilai latar belakang pengetahuan pensyarah, prasarana fizikal dan kewangan. Selain itu pengkaji turut menilai aspek pandangan pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap kursus Pendidikan Islam Politeknik dan melihat amalan-amalan agama pelajar yang di amalkan oleh mereka.

Kajian oleh Norhayati Fatmi Talib (2014) yang menilai pelaksanaan Kurikulum Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menggunakan Model CIPP Stufflebeam. Fokus kajian ini adalah: kerelevanan objektif kurikulum TITAS di politeknik KPTM dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI), objektif penawaran dan kurikulum TITAS di IPTA serta isi kandungan TITAS di Politeknik; kesediaan pengetahuan, profesionalisme, keupayaan menggunakan alatan AVA dan keyakinan diri; kemudahan; pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P); pemantauan; penilaian; hubungan dan kerjasama; dan produk impak, keberkesanan, kemapanan dan kebolehpindahan.

05-4506f tbupsi

Hasil kajian mendapati: kerelevanan objektif kurikulum TITAS Politeknik KPTM dengan objektif penawaran TITAS di IPTA dan FPI di tahap tinggi, dengan FPK dan objektif kurikulum TITAS di IPTA di tahap sangat tinggi, isi kandungan kurikulum TITAS di Politeknik KPTM pula berada di tahap sangat tinggi dan sederhana; aspek yang berada pada tahap sangat tinggi adalah keupayaan menggunakan AVA dan keyakinan diri, proses P&P, pemantauan dokumen kurikulum, hubungan dan kerjasama, keputusan penilaian, persepsi terhadap pelaksanaan, pembentukan sikap positif dan kebolehpindahan. Aspek yang berada pada tahap tinggi pula adalah kesediaan pengetahuan dan profesionalisme, kemudahan, penggunaan BBM, pemantauan P&P, penilaian TITAS, kepuasan dan pencapaian objektif. Aspek yang berada pada tahap sederhana pula adalah aspek kemudahan Pusat Sumber, alatan AVA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan modul dan pemantauan alatan akademik. Implikasinya, pelaksanaan kurikulum TITAS di Politeknik KPTM sangat baik namun boleh diberi penambahbaikan dari aspek: kerelevanan bagi objektif, isi kandungan kurikulum, latihan dalam perkhidmatan; kemudahan Pusat Sumber, alatan AVA dan modul, penggunaan BBM dan pemantauan alatan akademik.

Kajian oleh Abu Zarrin Selamat (2014) yang menilai pelaksanaan kursus Tamadun Islam dalam kalangan pelajar bukan Islam di Politeknik zon Tengah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai keberkesanan kursus Tamadun Islam ke atas pelajar bukan Islam dalam konteks perubahan pemikiran, sikap dan tingkah laku. Aspek penilaian yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah berkaitan kerelevanan di antara Matlamat Kursus Tamadun Islam Politeknik (MKTIP) dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mendasari sistem pendidikan politeknik Malaysia. Fokus kajian ini juga adalah untuk melihat persepsi pelajar bukan Islam terhadap kursus Tamadun Islam di samping untuk mengkaji peranan persekitaran, modul kursus Tamadun Islam dan strategi pengajaran pensyarah terhadap pelajar bukan Islam. Akhirnya, fokus kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang menghalang keberkesanan kursus Tamadun Islam ke atas pelajar bukan Islam selain untuk melihat pencapaian kursus Tamadun Islam dari aspek perubahan pemikiran, sikap dan tingkah laku pelajar ke atas bukan Islam.

Dapatan kajian dalam dimensi Konteks menunjukkan wujudnya kerelevanan di antara Matlamat Kursus Tamadun Islam di Politeknik dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dapatan kajian dalam dimensi Input yang melibatkan tiga elemen yang dinilai pula mendapati skor min yang diperoleh adalah tinggi pada perubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemikiran, sikap dan tingkah laku. Sementara dapatan kajian dalam dimensi Proses iaitu melibatkan dua elemen yang diukur juga menunjukkan skor min yang diperoleh adalah tinggi pada perubahan pemikiran, sikap dan tingkah laku. Dapatan kajian dalam dimensi yang terakhir pula iaitu dimensi Produk menunjukkan bahawa kursus Tamadun Islam merupakan modul yang berjaya merubah corak pemikiran, sikap dan tingkah laku pelajar bukan Islam ke arah yang lebih positif terhadap Islam, umat dan tamadunnya. Justeru, kajian ini membuktikan bahawa kursus Tamadun Islam masih lagi relevan untuk diaplikasikan di dalam sistem Politeknik Malaysia. Implikasi kajian ini disasarkan kepada pihak pengurusan tertinggi politeknik, pensyarah dan para pelajar agar memandang berat terhadap kursus Tamadun Islam yang boleh dijadikan sebagai medium perpaduan rakyat berbilang kaum seperti di Malaysia.

05-4506 tbupsi

Kajian oleh Azizi Jaafar (2015) yang menilai pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah berasaskan model konteks, input, proses dan produk (CIPP). Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan KPI di sekolah menengah secara menyeluruh berasaskan model *Contexi-Input-Process-Product* (CIPP) yang dikemukakan oleh Stufflebeam dan Shinkfield pada tahun 2007. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pelaksanaan KPI dari dimensi konteks bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam, matlamat dan objektif KPI.

Dari dimensi input, kemudahan pusat sumber sekolah, bilik darjah, alatan audio visual, buku teks, peruntukan jadual waktu dan pengetahuan pendidikan Islam adalah pada tahap yang tinggi. Pengetahuan asas pendidikan, pedagogi, keupayaan menggunakan alatan audio visiual dan keyakinan guru pula didapati berada pada tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sederhana. Dimensi proses menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran, pemantauan, penilaian dan hubungan guru dengan pelajar berada pada tahap yang tinggi. Penggunaan bahan bantu mengajar dan kerjasama guru dengan pihak pentadbir adalah berada pada tahap yang sederhana. Dari dimensi produk pula, aspek impak, kemampanan dan kebolehpindahan berada pada tahap yang tinggi, manakala aspek keberkesanan pula berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian menerusi temu bual turut menyokong dapatan utama kajian. Implikasi kajian ini menunjukkan terdapat keperluan latihan dalam perkhidmatan bagi memantapkan kompetensi guru dalam bilik darjah dan penguasaan jawi perlu di pertingkatkan lagi dalam kalangan pelajar bagi menguasai ilmu pendidikan Islam.

Kajian oleh Mohd Rashidi Bujai (2015) yang menilai penilaian kurikulum institut latihan dan kefahaman Islam ATM (ILMI). Kajian ini berbentuk tinjauan untuk mencari maklumat tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) pendidikan Islam ILMI dalam membentuk keperibadian dan rohani anggota sepanjang kursus dilaksanakan. Maklumat diperoleh adalah melalui soalan soal selidik yang diedarkan kepada pelatih-pelatih yang telah menghadiri kursus di ILMI. Pelatih-pelatih dikehendaki memberi respon terhadap 127 item yang berkaitan penilaian input, proses dan produk yang diadaptasi daripada model CIPP. Hasil dapatan kajian menunjukkan elemen input berada pada tahap sederhana tinggi.

Dapatan penilaian proses pula mendapati semua elemen pendidikan Islam yang dilaksanakan berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan analisis inferensi menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian pelatih KKIB berdasarkan tempoh lama perkhidmatan. Demikian juga hasil dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian input dengan pencapaian pelatih.

2.9.2 Kajian Melibatkan Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)

Kajian oleh Nor Azlina Endut (2019) menilai impak Mata Pelajaran Umum (MPU) dari kaca Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian memberi fokus terhadap impak perlaksanaan MPU kelompok U1 bagi kategori kursus Pengajian Malaysia (2) bagi program diploma manakala program ijazah sarjana muda bagi kursus Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Metodologi bagi kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan mengedarkan borang soal selidik terhadap para pelajar yang mengikuti subjek Pengajian Malaysia (2), Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Hasil dapatan kajian mendapati secara keseluruhannya, kajian ini menjawab relevannya penawaran MPU yang dahulunya berstatus MPW di KUIS. Kursus ini memberi impak yang amat besar kepada para pelajar yang mengambilnya.

Namun beberapa cadangan telah dicadangkan bagi tujuan penambahbaikan seperti meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan mata pelajaran umum menerusi ceramah umum berkala untuk semua pelajar yang disampaikan oleh tokoh utama dalam bidang berkaitan. Selain itu, mempelbagaikan kaedah PdP dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke institusi-institusi yang berkaitan, menyediakan ruang dalam PdP bagi melaksanakan khidmat masyarakat supaya pelajar didedahkan dengan kehidupan sebenar masyarakat di luar dan menaik taraf semua dewan kuliah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

utama dan bilik-bilik tutorial di semua fakulti kepada '*Smart Classroom'*. Di samping itu, golongan tenaga pengajar terlebih dahulu mestilah mempunyai minat, semangat, motivasi serta kreativiti yang tinggi bagi menarik minat pelajar untuk menjiwai kursus sebegini selain mempunyai silibus dan latihan terkini daripada semasa ke semasa.

Kajian oleh Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff (2019) berkaitan Penggunaan Aplikasi Web 2.0 Dalam Proses Pengajaran dan pembelajaran Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di Politeknik. Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk portal pembelajaran bagi kursus di bawah mata pelajaran umum (MPU) iaitu Kursus Komunikasi dan Penyiaran Islam (DUA6022) Politeknik Malaysia. Portal ini menggabungjalinkan aplikasi-aplikasi Web 2.0 untuk menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna. Proses pembangunan portal pembelajaran ini diadaptasi dari model reka bentuk pengajaran Model ADDIE yang mengandungi lima fasa iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian.

Selain itu, teori pembelajaran turut diterapkan iaitu teori konstruktivisme, behavorisme dan kognitivisme. Bagi menilai kebolehgunaan portal pembelajaran ini, kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik telah digunakan untuk menilai aspek bentuk antara muka, organisasi kandungan, multimedia dan kemudahgunaan portal. Seramai 54 orang pelajar terlibat dalam menilai kebolehgunaan portal. Data yang diperoleh telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (IBM SPSS Statistics 20.0).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan keempat-empat aspek yang dinilai berjaya diterapkan di dalam portal yang telah dibangunkan, ini berdasarkan kepada purata min bagi setiap aspek mencapai pada tahap yang tinggi (min > 4.32). Kesimpulannya bahawa pembangunan portal pembelajaran ini berjaya dibangunkan dan dapat dikatakan telah melepasi tahap standard piawaian pembangunan sesebuah sistem pembelajaran. Oleh itu, portal yang dibangunkan ini boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi kursus Komunikasi dan Penyiaran Islam (DUA6022) di Politeknik Malaysia.

Kajian oleh Mohd Firdaus Mamat Junoh (2017) berkaitan amalan pelaksanaan Kursus MPU Sains Teknologi dan kejuruteraan Dalam Islam dalam kalangan Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. Kajian ini bertujuan mengkaji amalan pensyarah pendidikan Islam berkesan dari aspek pengetahuan (penguasaan) isi kandungan, amalan pedagogi dan amalan pentaksiran dalam melaksana kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam di politeknik Semenanjung Malaysia. Sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 102 orang PPI yang mengajar kursus ini dari 30 politeknik di semenanjung Malaysia. Satu set soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data kajian. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0.

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan (penguasaan) isi kandungan PPI terhadap kursus STK dalam Islam adalah tinggi dengan skor min keseluruhan 4.33. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap amalan pedagogi PPI adalah tinggi dalam proses PdP dengan skor min keseluruhan 3.81. Manakala dapatan kajian juga menunjukkan bahawa PPI berada pada tahap amalan pentaksiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang tinggi dengan skor min keseluruhan 4.01. Berdasarkan dapatan kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa, pengetahuan (penguasaan) isi kandungan, amalan pedagogi dan amalan pentaksiran PPI merupakan elemen penting keberkesanan pelaksanaan kursus STK dalam Islam di politeknik Malaysia. Komitmen jitu yang diberikan oleh PPI ini seiring dengan keperluan peningkatan profesionalisme pensyarah dalam menghasilkan pendidikan yang berkualiti di politeknik.

2.9.3 Kajian Berkaitan Penghayatan Agama (*Religiositi*)

Koul (2012) dalam kajian beliau terhadap 2123 orang pelajar pengajian tinggi di Thailand dengan menggunakan beberapa pemboleh ubah seperti gender, aspirasi karier profesional digabungkan dengan materialisme, *religiositi* dan matlamat pencapaian terhadap keinginan untuk melakukan kecurangan (*willingness to cheat*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor materialisme dan aspirasi karier mempunyai hubungan yang positif dengan keinginan untuk melakukan ke tidak jujuran akademik. Kedua-dua faktor ini mempunyai nilai yang signifikan kepada niat untuk melakukan kecurangan dengan nilai ($\beta = .321$, $\beta = .167$). Sementara itu faktor *religiositi* dan matlamat misteri mempunyai nilai yang tidak signifikan atau negatif dengan niat melakukan kecurangan dengan nilai ($\beta = -.107$, $\beta = -.108$). Pemboleh ubah paling kuat terhadap niat untuk melakukan kecurangan dalam kajian ini adalah faktor materialisme dan matlamat pencapaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ramai pengkaji terdahulu berpendapat *religiositi* mempunyai nilai dan pengaruh terhadap tingkah laku manusia seperti Thomas dan Theresa (2010) serta Huelsman et al. (2006). Mereka berpendapat r*eligiositi* (faktor keagamaan) masih nilai etika, norma dan ke boleh percayaan dalam membuat sesuatu keputusan sama ada betul atau salah. Manakala Weaver dan Angle (2002); Thomas et al. (2010) menyatakan faktor *religiositi* merupakan salah satu faktor menentukan etika dan nilai (*determinant of ethic and value*) yang memberi kesan kepada tingkah laku manusia, sikap dan pertimbangan sosial individu itu sendiri.

Kajian Angelidis dan Nabil Ibrahim (2004); Thomas et al. (2010) menyatakan terdapat hubungan yang positif/signifikan di antara tahap keagamaan (*degree of religiousness*) dan sikap, komponen nilai etika yang mempunyai hubung kait dengan tanggungjawab sosial individu. Vitell dan Paolilo (2003) juga mendapati faktor religiositi intrinsik menjadi faktor yang signifikan dalam penentuan etika seorang individu.

Tidak dinafikan sesetengah kajian lalu pernah menggunakan aspek keagamaan sebagai kajian yang menentukan tingkah laku individu. Kajian Barry et al. (2010) menggabungkan aspek *religiositi* dan spiritual dalam menggambarkan tingkah laku dan kesannya terhadap perlakuan individu. Hasilnya kajian mereka mendapati pengaruh keagamaan dan spiritual tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan perlakuan. Kajian Grimes dan Rezek (2005) mendapati religiositi hanya memberi kesan kepada mereka yang kurang atau sederhana memberi komitmen keagamaan memberi kesan yang positif kepada kecurangan mahupun penipuan namun memberi kesan hubungan yang negatif kepada bantuan kepada individu lain untuk melakukan kecurangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lau dan Yuen (2013) menambah dan mencadangkan ditambahkan kajian lanjutan terhadap hubungan faktor penghayatan keagamaan (*religiosity*) terhadap tingkah laku berisiko. Berdasarkan kepada kajian ini cadangan di atas, pengkaji melihat bahawa kajian terdahulu berfokus kepada hubungan aspek keagamaan dengan perlakuan sebenar (*actual behaviour*), namun ianya tidak berfokus kepada niat untuk melakukan sesuatu perlakuan, sedangkan jika individu mempunyai nilai keagamaan (*religiosity*) yang tinggi berupaya mengelakkan daripada melakukan tingkah laku yang negatif (Ismet et al., 2009).

Kajian Hood et al. (1996) mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang positif antara faktor keagamaan dengan tingkah laku tidak beretika (*unethical behaviour*). Begitu juga hasil kajian Parboteeah et al. (2008) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang negatif di antara tahap keagamaan seseorang dengan tingkah laku moral dan etika individu. Namun demikian, kajian Gerlich et al. (2010) mendapati bahawa memang tidak terdapat perbezaan di antara orang yang beretika dan berakhlak baik dalam agama Kristian dengan pelajar agama lain, namun terdapat perbezaan di antara pelajar yang selalu mendekati dan mengambil bahagian dalam aktiviti keagamaan dengan pelajar yang jarang melakukan aktiviti keagamaan dengan tingkah laku (*behaviour*) mereka. Oleh itu, pengkaji merasakan aspek-aspek keagamaan perlu dimasukkan sebagai pemboleh ubah yang mungkin memberi kesan kepada keinginan atau niat untuk bertingkah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemboleh ubah penghayatan agama dipilih, berdasarkan kepada beberapa justifikasi lain. Rettinger dan Jordan (2005) menyatakan aspek keagamaan memainkan peranan dalam menentukan sama ada seseorang itu akan melakukan sesuatu tindakan sama ada baik ataupun buruk. Semakin tinggi pemahaman agama semakin tinggi penilaian seseorang terhadap sesuatu tindakan. Pendapat ini juga selari dengan pendapat Sutton dan Huba (1995) yang menyatakan bahawa faktor keagamaan memberi kesan kepada tingkah laku kecurangan seseorang. Mereka juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai nilai keagamaan yang tinggi akan berupaya membuat pertimbangan terhadap tingkah laku kecurangan berbanding dengan pelajar yang kurang nilai keagamaan.

Kajian oleh Said @ Saidi Muda et al. (2015) berkaitan pengaruh ibu bapa terhadap penghayatan amalan kerohanian dalam kalangan remaja Muslim. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menentukan tahap penghayatan amalan kerohanian remaja Muslim serta hubungannya dengan pengaruh ibu bapa. Kajian tinjauan ini berbentuk kuantitatif deskriptif dan inferensi. Data dikumpul dari sekumpulan subjek dengan menggunakan soal selidik. Pemboleh ubah bebas ialah penghayatan amalan kerohanian manakala pemboleh ubah bersandar ialah pengaruh ibu bapa. Sejumlah 100 orang remaja di jadikan sampel kajian menggunakan pensampelan rawak mudah. Tahap penghayatan amalan kerohanian remaja adalah tinggi (Min = 3.66). Pengaruh ibu bapa juga tinggi (Min = 4.53). Terdapat hubungan yang negatif yang lemah dalam faktor pendapatan ibu bapa (r = -.29). Dapatan ini menunjukkan bahawa ibu bapa memberi pengaruh yang besar dalam penghayatan amalan kerohanian para remaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Atikah Osman dan Siti Aishah Yahya (2018) berkaitan hubungan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar sekolah sukan. Kajian ini adalah bertujuan mengkaji Hubungan Penghayatan Agama dan Kesejahteraan Psikologi Pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka. Agama merupakan faktor yang penting di dalam kehidupan setiap manusia. Penghayatan agama mampu membentuk dan mempertingkat nilai insan dengan meraikan segala unsur yang ada padanya dari segi mental, fizikal, emosi dan spiritual. Dapatan Kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi pelajar, [r = 0.316 = P < 0.05]. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan penghayatan agama dan kesejahteraan psikologi berdasarkan jantina.

05-4506 tbupsi

Kajian oleh Muhammad Fikri Norddin (2017) berkaitan amalan penghayatan Islam terhadap murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. kajian ini bertujuan mengkaji dan mengenal pasti amalan penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan murid-murid beragama Islam, faktor-faktor yang mempengaruhi amalan penghayatan serta minat murid beragama Islam terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Johor Bahru. Pada akhir kajian ini, enam buah model amalan penghayatan Pendidikan Islam telah dihasilkan iaitu model amalan penghayatan asuhan tilawah al-Quran, akidah, ibadah, sirah, akhlak dan jawi. Diharapkan enam model amalan penghayatan Bidang Pendidikan Islam yang dihasilkan ini dapat dijadikan panduan berguna kepada semua Guru Pendidikan Islam yang bertugas di SJKC dalam memberi gambaran dan pendedahan awal terhadap tahap amalan penghayatan murid-murid beragama Islam di SJKC di dalam kawasan daerah Johor Bahru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Nazneen Ismail et al. (2019) berkaitan pengalaman hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia. Dapatan menunjukkan mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan sarwajagat Islam dan personaliti religiositi yang tinggi. Justeru, kajian ini menjadi asas kepada keperluan pembinaan model khusus bagi pembangunan hidup beragama supaya pemerkasaan dapat dilakukan dari masa ke masa dengan pemantauan daripada pihak universiti.

Kajian oleh Romsis Mahat (2019) yang berkaitan penghayatan agama dan hubungannya dengan faktor yang mempengaruhi kehidupan beragama dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penghayatan dan faktor-faktor yang mempengaruhi penghayatan agama pelajar. Kajian memberi penumpuan terhadap sejauh manakah penghayatan agama pelajar dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penghayatan agama pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap penghayatan agama pelajar berada pada tahap yang tinggi dan faktor-faktor yang mempengaruhi penghayatan agama pelajar juga berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini juga mendapati bahawa akidah, ibadah dan akhlak pelajar berhubung di antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.4 Kajian Berkaitan Pengahayatan Akidah, Ibadah dan Akhlak

Kajian Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Suriani Ripin (2003) iaitu *Amalan Nilai Sosial Islam Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Johor Bahru.* Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengamalan-pengamalan nilai-nilai sosial Islam dalam kalangan pelajar Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Johor Bahru. Fokus kajian ini ialah melihat kepada amalan nilai-nilai sosial Islam pelajar di dalam kawasan politeknik yang meliputi amalan pelajar ketika bersama rakan-rakan dan juga pensyarah. Turut dilihat ialah amalan pelajar semasa berada di rumah, dalam masyarakat dan juga ketika bersama rakan bukan Islam.

Instrumen kajian ialah soal selidik terhadap 100 orang sampel yang dipilih secara rawak dari kalangan pelajar Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Johor Bahru. Sebelum kajian sebenar dilakukan, pengkaji telah melakukan kajian rintis ke atas 20 orang pelajar di Jabatan Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Johor Bahru. Kajian rintis ini dijalankan untuk melihat sama ada pelajar memahami maksud item-item dalam soal selidik tersebut atau sebaliknya dan juga melihat kesesuaian soal selidik yang digunakan dengan kajian yang dilakukan.

Dapatan kajian menunjukkan 76 peratus pelajar mengamalkan nilai-nilai sosial Islam semasa bersama rakan-rakan iaitu dengan memberikan senyuman, menegur serta memberi salam kepada rakan ketika berselisih di dalam kawasan politeknik. Sebanyak 93 peratus pelajar juga berbuat demikian kepada pensyarah. Namun begitu, 63 peratus pelajar didapati tidak mengamalkan nilai-nilai ini semasa berada di rumah. Terdapat 49 peratus pelajar yang kadang-kadang melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat. Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga menunjukkan hanya 2 peratus pelajar yang suka berbincang dan bertukar-tukar pendapat dengan rakan bukan Islam. Kesimpulannya, majoriti pelajar mengamalkan nila-nilai sosial Islam semasa berada di kawasan politeknik tetapi kurang mengamalkannya di rumah, dalam masyarakat dan juga ketika bersama rakan bukan Islam.

Kajian oleh Akhmariah Mamat (2011) di Kolej Matrikulasi Johor mendapati remaja tiga buat tepat ini mengakui kewajipan bersolat melebihi tahap 91%. Ini memberi gambaran bahawa amalan solat masih lagi tinggi di sesetengah tempat. Lebih ketara lagi amalan solat pelajar perempuan mendapat skor yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Ini adalah kerana factor kematangan pelajar perempuan yang lebih awal berbanding lelaki. Kajian Fathiyah Mohd Fakhrudin et al. (2013) dapatan kajian menunjukkan Guru GPI memahami elemen amalan sebagai ibadah khusus yang perlu di laksanakan menurut syariat dan dalam kehidupan seharian. Amalan tersebut merujuk kepada ibadah khusus yang meliputi ibadah fardu ain dan fardu kifayah seperti wuduk, solat berjemaah, tayammum, puasa wajib dan sunat, sembelihan, haji dan bacaan al-Quran.

Kajian Noornajihan Jaafar (2014) dalam kajiannya terhadap guru GPI sekolah menengah di Semenanjung Malaysia telah menguji 14 item berkaitan pengamalan agama yang meliputi aspek ibadah wajib dan ibadah sunat. Hasil dapatan kajian terhadap item-item perlakuan ibadah wajib dan ibadah sunat menunjukkan nilai min 4.14 berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun terdapat enam item yang mencatatkan nilai min di bawah skor 4.0. Kesemua item tersebut di bawah kelompok ibadah sunat. Hasil kajian ini telah mencadangkan agar guru GPI perlulah menunaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kewajipan solat dan zakat dengan sempurna, selain mempertingkatkan amalan-amalan sunat yang penting untuk diamalkan oleh pendidik terdapat juga amanah yang tidak kurang pentingnya iaitu mendidik jiwa anak didik mereka. Perkara seumpama ini memerlukan guru GPI yang berhati bersih dan berjiwa kental yang mana terbentuk daripada pengamalan amalan-amalan sunat yang dapat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

al-Attas (2015) menerangkan perlakuan ibadah kepada Allah S.W.T dengan mentafsirkan pepatah Arab bermaksud "barang siapa memperhambakan dirinya beruntung". Perkataan memperhambakan dirinya bermaksud menyerahkan dirinya atau mengembalikan dirinya. Memperhambakan dirinya bermaksud menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T, merendahkan dirinya di hadapan Allah S.W.T dan menunaikan segala titahnya serta menjauhi laranganNya.

Kajian Ab. Halim Tamuri (2016) pula meninjau persepsi pelajar terhadap GPI menerusi domain amalan agama. Terdapat 29 item yang mengukur domain amalan agama GPI berdasarkan persepsi pelajar yang terdiri daripada amalan umum dan amalan khusus. Kajian ini mendapati nilai min 4.34 bagi amalan agama. Item domain amalan agama, kadar persepsi pelajar pada skala sangat tidak setuju dan kurang setuju kelihatan tinggi sehingga mencecah 25 peratus. Dapat ini jelas menunjukkan bahawa tahap amalan keagamaan guru GPI masih belum mencapai tahap yang cemerlang terutama dalam konteks mengerjakan ibadah sunat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Rohana Tan (2013) faktor yang mempengaruhi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Fokus kajian ini turut mengenal pasti tahap pendidikan keagamaan, tahap pertautan ibu bapa, tahap pertautan rakan sebaya dan tahap penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia universiti. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti, sama ada terdapat perbezaan daripada segi penghayatan akhlak Islam berdasarkan faktor jantina, aliran pengajian, lokasi asal, status pendapatan keluarga, tahap pendidikan bapa dan tahap pendidikan ibu.

Selain daripada itu, pengaruh pendidikan keagamaan, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya ke atas penghayatan akhlak Islam turut diambil kira. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 403 orang belia universiti, yang menuntut di sebuah IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) di Malaysia. Kajian telah mengesahkan hasil kajian yang lepas mengenai pembentukan peribadi belia yang dipengaruhi oleh faktor psiko-sosial, iaitu pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya. Keputusan kajian juga telah membuktikan bahawa wujudnya hubungan faktor psikososial melibatkan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya dengan penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia universiti.

Kajian Habibah Artini Ramlie (2017) yang berkaitan pembangunan GPI berasaskan *Riyadah Ruhiyyah* menunjukkan beberapa konstruk menuju kepada malakah al ta'ah. Beliau membentuk modal *Riyadah Ruhiyyah* tersebut melalui empat komponen iaitu kompenan hubungan dengan Allah S.W.T, hubungan diri sendiri, hubungan dengan rakan sejawat dan hubungan dengan pelajar. Komponen hubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan Allah menggariskan enam item iaitu melibatkan perlakuan ibadah kepada Allah S.W.T. Kajian menunjukkan keperluan profesioanalisme GPI berasaskan *Riyadah Ruhiyyah* dari aspek hubungan dengan Allah SWT adalah tinggi yang didahului dengan solat di awal waktu, menunaikan solat sunat setiap hari, sentiasa berzikir, solat berjemaah setiap waktu, puasa sunat setiap minggu dan menunaikan *Qiamulail* setiap malam dengan skor min 4.64 dan sisihan piawai 0.45.

Kajian Mohamad Zarkhuan Zainol (2020). Pengaruh Latihan Guru Pendidikan Islam Terhadap Modal Insan Guru Menurut Ibnu Khaldun, membincangkan berkaitan *malakah Imaniyyah* (kualiti keimanan). Iaitu akidah keimanan menyebabkan terhasilnya *malakah* dan keteguhannya mampu untuk mencegah diri dari melakukan penyelewengan. Ia membawa maksud, malakkah imaniyyah apabila stabil dan subur dalam jiwa manusia maka sukarlah ke atas jiwa untuk menyanggahinya. Ahmad Munawar Ismail (2015) menjelaskan pengertian akidah dan iman sebagai sesuatu yang di iktiraf secara mutlak oleh hati, lidah dan seluruh fungsi tubuh manusia bukan sahaja diketahui tetapi di rasai sehingga ke tulang sulbi bahawa akidah ialah perlambangan utama bagi orang Islam dan berfungsi sebagai asas kepada syariat dalam Islam.

Kajian oleh Muhamad Amirul (2017) berkaitan media sosial terhadap akhlak dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seberang Jaya Seberang Perai Pulau Pinang. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti jenis media sosial yang sering digunakan oleh pelajar. Selain itu, kajian ini juga untuk mengenal pasti kecenderungan pelajar menggunakan media sosial dan keburukan media sosial terhadap kesan akhlak kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa media sosial yang sering digunakan oleh pelajar ini adalah mendapat purata min (Min = 3.58), manakala kecenderungan pelajar menggunakan media sosial pula mendapati purata min (Min = 3.24). Kajian ini juga mendapati bahawa kesan akhlak kepada pelajar mempunyai nilai min (Min = 3.24). Secara kesimpulannya, hasil kajian ini mendapati pelajar telah dipengaruhi oleh media sosial. Di samping itu, didapati pelajar sekolah menengah cenderung menggunakan media sosial untuk tujuan hiburan dan berbual di alam maya melebihi penggunaan untuk tujuan pembelajaran. Hal ini secara tidak langsung telah mengundang kepada berlakunya perubahan sikap dalam kalangan pelajar.

Kajian oleh Ainul Widad (2019) berkaitan penerapan nilai akhlak dalam pengajaran guru pendidikan Islam di Sekolah Rendah. Kajian ini bertujuan untuk meneroka penerapan nilai akhlak yang dilaksanakan dalam pengajaran pendidikan Islam. Penerokaan penerapan nilai akhlak murid perlu dilakukan memandangkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan murid sekolah. Penerapan nilai akhlak merupakan aspek utama yang dititik beratkan dalam pendidikan Islam memandangkan ia mampu membentuk keperibadian murid berdasarkan nilai-nilai Islam. Malah, di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) juga menekankan hasrat untuk melahirkan murid yang menghayati nilai seterusnya dapat membentuk sahsiah diri yang terpuji. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan guru pendidikan Islam perlu memantapkan lagi pengetahuan tentang nilai akhlak dan kaedah penerapan nilai akhlak yang berkesan, juga memantapkan dalam pengajaran pendidikan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Siti Umiyati Mas'od (2019) yang berkaitan amalan pengajaran pendidikan akidah berkesan dalam kalangan guru pendidikan Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan pengajaran pendidikan Akidah berkesan dalam kalangan guru pendidikan Islam (GPI) di sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Johor. Dalam aspek amalan set induksi, perkembangan pengajaran, kaedah pengajaran, penggunaan BBM dan amalan pelaksanaan penutup. Kajian ini juga untuk mengenal pasti amalan sokongan yang mendorong kepada keberkesanan pengajaran pendidikan Akidah.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa ciri-ciri pengalaman pengajaran pendidikan akidah berkesan dalam kalangan GPI SABK dari aspek amalan set induksi adalah berkait rapat dengan pendekatan memperkenalkan tajuk. Manakala perkembangan pengajaran pula, GPI SABK lebih memberi tumpuan kepada penglibatan pelajar secara aktif. Dari aspek penggunaan (BBM), buku teks menjadi rujukan utama, manakala kaedah pengajaran yang kerap digunakan dalam pengajaran pendidikan akidah ialah kaedah perbandingan dan elemen sokongan keberkesanan pengajaran GPI SABK dalam pendidikan Akidah, Akhlak dan Sahsiah guru.

2.9.5 Kajian Berkaitan Penggunaan *Smart Partial Least Squares* - Smart PLS

Kajian oleh Ramlan Mustapha (2017) yang berkaitan *reka bentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani.* Kajian ini adalah bertujuan untuk menguji hipotesis konstruk model kajian iaitu penghayatan agama, kecerdasan rohani, sikap tahu kawal kelakuan di dapati signifikan dengan niat melakukan ketidakjujuran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akademik. Manakala konstruk norma subjek didapati tidak signifikan. Di samping itu, kajian juga menunjukkan bahasa model ke tidak jujuran akademik yang telah dibangunkan mempengaruhi aspek penghayatan rohani dalam konteks mahasiswa Muslim dengan catatan *R2* = 0.673. Hasil dapatan ini jelas menunjukkan model integrity akademik berasaskan penghayatan rohani berupaya menggambarkan situasi ketidakjujuran akademik dalam konteks mahasiswa Muslim di Malaysia.

Kajian oleh Salina Mokhtar (2018) yang bertajuk *model kesejahteraan psikologi berasaskan ihsan kendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual dalam konteks guru pendidikan khas masalah pembelajaran.* Kajian ini bertujuan membina model kesejahteraan psikologi berasaskan ihsan kendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual dalam konteks GPKMP dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa pemboleh ubah ihsan kendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual mempunyai hubungan yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi. Dapatan sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual kajian ini juga berjaya menghasilkan model kesejahteraan psikologi berasaskan ihsan kendiri dalam konteks GPKMP di Malaysia.

Kajian oleh Mohamad Zarkhuan Zainol (2020) dalam kajian yang bertajuk *pengaruh latihan guru pendidikan Islam terhadap modal insan guru menurut Ibnu Khaldun.* Kajian ini adalah untuk menentukan pengaruh keberkesanan latihan guru Pendidikan Islam yang dilaksanakan di Universiti dan Institut Pendidikan Guru terhadap kualiti modal insan guru pendidikan Islam melalui kerangka Teori Malakah Ibnu Khaldun Model Latihan Kirkpatrick. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi guru pendidikan Islam baharu terhadap tahap keberkesanan latihan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan Islam berada pada tahap tinggi dan tahap kualiti modal insan guru pendidikan Islam berada pada tahap sangat tinggi.

Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pemboleh ubah keberkesanan latihan guru pendidikan Islam berdasarkan jantina dan tempat pengajian dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pencapaian akademik. Manakala perbezaan pemboleh ubah kualiti modal insan guru pendidikan Islam menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tempat pengajian dan pencapaian akademik. hasil kajian juga merumuskan sumbangan keenam-enam faktor peramal pemboleh ubah pendam keberkesanan latihan guru pendidikan Islam terhadap malakah lisaniyyah adalah 59.85%, malakah al-ta'ah adalah 32.6%, malakah sina'iyyah adalah 29.4%, malakah ilmiyyah adalah 19% dan malakah imaniyyah adalah 14.9%. Kesimpulannya dapatan kajian menunjukkan keberkesanan latihan guru pendidikan Islam di Malaysia masih kurang mempengaruhi kelima-lima malakah terutama kepada malakah lmiyyah dan malakah imaniyyah.

2.10 Penutup

Secara kesimpulannya dalam bab dua ulasan kepustakaan ini pengkaji memberi fokus secara mendalam berkaitan penilaian pelaksanaan kursus, yang dimulai susunannya dengan definisi penilaian kurikulum oleh sarjana, jenis-jenis penilaian kurikulum, model-model penilaian kurikulum dan penilaian perlaksanaan kurikulum. Selain itu, elemen pembangunan model pengajaran dan pembelajaran disusun berdasarkan model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penghayatan agama dan teori pendidikan menurut tokoh-tokoh Islam. Di samping itu pengkaji turut menelusuri dalam konteks pendidikan Islam di Politeknik. Pengkaji juga memaparkan pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas yang mendasari kajian ini yang terdiri daripada kompetensi pensyarah, konsep pembelajaran berasaskan modul, kesediaan infrastruktur, kaedah-kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran, kaedah penilaian kurikulum, pemantauan pengajaran dan pembelajaran dan kajian-kajian berkaitan. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini akan dijadikan asas untuk membuat analisis-analisis dalam bab seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Metodologi adalah suatu sistem yang terdiri daripada kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan sebagai contoh dalam bidang penyelidikan. Maksud penyelidikan pula ialah tatacara tertentu yang digunakan oleh manusia untuk menambah pengetahuan (Ahmad Mahdzan Ayob, 1983). Dalam penulisan ilmiah metodologi penyelidikan merupakan proses untuk memahami objektif yang menjadi penelitian. Metodologi merupakan elemen yang penting dalam sesuatu kajian kerana metodologi yang tepat dapat menentukan objektif dan tujuan sesuatu penyelidikan tercapai sepenuhnya atau tidak (Hilmi Ismail, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini secara umumnya untuk menilai perlaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia. Untuk mencapai matlamat tersebut, beberapa perkara perlu dibincangkan dalam bab ini. Oleh itu, bab ini menghuraikan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Penghuraian metodologi yang di gunakan dalam kajian ini meliputi reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, kaedah pensampelan kajian, instrumen kajian, kesahan kebolehpercayaan instrument kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan tatacara penganalisisan data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Menurut Kerlinger (1970) reka bentuk kajian merupakan satu pelan khusus yang dibangunkan untuk mengolah data yang telah diperoleh daripada sampel kajian secara sistematik bagi membentuk hubungan antara kesemua pemboleh ubah -pemboleh ubah yang terlibat dalam sesebuah kajian. Selain itu, reka bentuk kajian juga merupakan teknik yang digunakan oleh pengkaji untuk menjawab beberapa persoalan kajian yang telah dibentuk di awal proses kajian (Othman Mohamed, 2001). Reka bentuk juga bertujuan untuk mengecilkan ruang bagi sebarang gangguan terhadap dapatan kajian yang diperoleh.

Secara umumnya, kajian ini dikenal pasti menggunakan kaedah gabungan iaitu kaedah kuantitatif sebagai *data primeir* dan disokong oleh kualitatif sebagai data *skunder* dengan menggunakan kaedah tinjauan (*servey*), temu bual dan analisis kandungan. Gabungan kedua-dua *metode* kuantitatif dan kualitatif dalam penyelidikan adalah untuk memahami permasalahan kajian Creswell dan Creswell (2018). Kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gabungan ini dipilih kerana selari dengan penyelidik-penyelidik lepas seperti Alias Mat Saad (2010); Ghazali Yusri Abd Rahman (2012); Azizi Jaafar (2015) dan Ramlan Mustapha (2017) menggunakan kaedah ini dalam kajian mereka.

Menurut Alias Mat Saad (2011); Norhayati Fatmi Talib (2014); Abu Zarrin Selamat (2014) dan Mohd Rashidi Bujai (2015) hasil dapatan kajian mereka mendapati kaedah gabungan ini berkeupayaan menerangkan sesuatu fenomena yang dikaji dengan lebih jelas dan mendalam. Selain itu, kaedah gabungan ini telah lama diguna pakai oleh sarjana-sarjana Islam dalam kajian-kajian berunsurkan Islam seperti al-Biruni (872-1048M), Ikhwan al-Safa (927-975M), al-Farabi (872-950M) dan Qutb al-Din al-Shirazi (1236-1311M). Oleh kerana kajian ini bersifat gabungan, maka kajian tinjauan digunakan sebagai sumber utama dengan menggunakan borang soal selidik. Manakala sumber sokongan diperolehi melalui temu bual untuk melengkapkan proses pengumpulan data.

Kaedah tinjauan terbukti mampu menggeneralisasikan dari sampel kepada populasi untuk memerihalkan sikap dan tingkah laku (Creswell, 2005). Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen untuk menjawab dua persoalan kajian dari dimensi konteks yang telah ditentukan. Analisis dokumen ini melibatkan Falsafah Pendidikan Islam (FPI), Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan juga objektif kursus (MPU) Pengajian Islam yang digunakan sebagai bahan pengajaran. Ketiga-tiga dokumen ini di teliti untuk menjawab dua persoalan kajian yang terdapat di bahagian dimensi konteks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, analisis dokumen merupakan penilaian pertama kajian yang melibatkan pengesahan pakar berhubung dokumen rasmi (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Analisis dokumen atau adakalanya dikenali sebagai analisis kandungan biasanya digunakan untuk pemeriksaan yang sistematik ke atas rekod atau dokumen sebagai sumber untuk data kajian (Alias Mat Saad, 2010). Selain itu juga, analisis dokumen akan menghasilkan fakta yang objektif (Patton, 1990).

Analisis dokumen turut memberi maklumat yang berharga kepada seseorang pengkaji dengan menekuni secara langsung dokumen tersebut. Di samping itu juga, ia memberi rangsangan untuk menghasilkan pertanyaan yang berkemungkinan boleh mendedahkan maklumat yang belum diketahui oleh pengkaji. Pemilihan kaedah gabungan antara kuantitatif dan kualitatif ini dipilih kerana amat sesuai dan relevan dengan kajian yang dijalankan. Selain itu, kaedah ini saling melengkapi data dan dapat meningkatkan kesahan kajian. Sokongan data antara satu sumber dengan sumber yang lain amat penting dan berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden (Creswell & Creswell, 2018; Azizi Jaafar, 2015).

Manakala menurut pengkaji yang lepas seperti Alias Mat Saad (2010), reka bentuk kajian yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif merupakan reka bentuk yang sesuai untuk memenuhi keperluan kajian ini kerana ia dapat memerihalkan tentang penilaian perlaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Lokasi Kajian

Kajian dilaksanakan di 18 buah Politeknik seluruh Malaysia yang menggunakan kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam dari kelompok (U3) dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, Kolej Komuniti di seluruh Malaysia tidak terlibat dalam kajian ini.

3.4 Populasi Kajian

Populasi dan sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar semester 3 dan pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus (MPU) Pengajian Islam. Justifikasi pemilihan pelajar-pelajar semester 3 adalah kerana mereka telah mengambil kursus (MPU) Pengajian Islam semasa berada di semester 2 bagi tujuan melengkapi kredit diploma yang diikuti. Manakala pensyarah yang terlibat bagi kajian ini adalah pensyarah dari unit Agama, Jabatan Pengajian Am (JPA) sahaja. Oleh yang demikian, Ary et al. (2002) mencadangkan agar penyelidik menjalankan kajian ke atas populasi sasaran sahaja. Justifikasi pemilihan pensyarah adalah kerana kursus ini di bawah penyeliaan pensyarah Unit Agama, Jabatan Pengajian Am (JPA). Oleh itu, kesemua pensyarah unit Agama, Jabatan Pengajian Am (JPA) adalah responden dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, populasi dan sampel bagi kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar semester 3 dan pensyarah-pensyarah (MPU) Pengajian Islam yang terdiri daripada 18 buah Politeknik Malaysia. Menurut Creswell (2013) pemilihan sampel kajian yang tepat dan bersesuaian dengan kajian amat penting sebelum sesuatu kajian itu di mulakan. Keseluruhan sampel bagi kajian ini melibatkan daripada kalangan pelajar seramai 396 orang dan dari kalangan pensyarah adalah 247 orang yang telah memberi maklum balas dari soal selidik yang telah di edarkan. Walau bagaimanapun setelah melalui analisis data terpencil, sebanyak 43 responden daripada kalangan pelajar dan 9 responden daripada kalangan pensyarah didapati mempunyai masalah data terpencil. Oleh itu, analisis untuk kajian ini diteruskan dengan jumlah 353 responden bagi data pelajar dan 202 responden bagi data pensyarah.

05-45068 tbupsi

3.5 Sampel dan Kaedah Pensampelan

Sampel kajian ditakrifkan sebagai sekumpulan kecil manusia, kejadian ataupun objek yang mewakili populasi kajian (Borg & Gall, 1989). Kajian ke atas sesuatu sampel lebih efektif kerana menjimatkan masa dan kos berbanding jika kajian dijalankan ke atas seluruh populasi kajian (Creswell, 2005; Borg & Gall, 1989). Setelah jumlah populasi diketahui, saiz sampel ditentukan berdasarkan kepada jadual Kerjcie dan Morgan (1970).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai pandangan boleh diguna pakai sewaktu menentukan saiz sampel. Antaranya, menurut Gay dan Airasian (2003) jumlah minimum yang diperlukan untuk kajian berbentuk kumpuan kawalan dan eksperimen adalah 30 orang. Manakala bagi kajian berbentuk korelasi tidak memerlukan jumlah sampel yang banyak. Beliau turut menggariskan cara penentuan sampel berdasarkan kepada 95% aras keyakinan iaitu bagi populasi kurang daripada 100 maka kesemua ahli populasi adalah sampel kajian. Manakala jika ahli populasi adalah kurang daripada 400 hingga 600 orang, jumlah sampel adalah 50% daripada jumlah populasi.

Seterusnya, jika jumlah populasi sekitar 1500 orang maka jumlah sampel adalah 20% daripada jumlah populasi dan akhirnya jika jumlah sampel sekitar 5000 maka jumlah sampel adalah 10% daripada jumlah populasi. Creswell (2005) turut berkongsi pandangan bahawa jumlah saiz sampel minimum bagi kajian korelasi adalah 30 orang manakala bagi kajian tinjauan deskriptif jumlah saiz sampel adalah bergantung kepada jumlah populasi.

Selain itu, cara yang paling mudah dan menjadi amalan ramai pengkaji adalah dengan merujuk jadual yang dibangunkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Dalam kajian ini, pengkaji memilih sampel berdasarkan cadangan Krejcie dan Morgan (1970) sebagai kaedah pensampelan iaitu jika jumlah populasi 10000 orang maka Krejcie dan Morgan (1970) mencadangkan jumlah sampel 384 orang sahaja. Walau bagaimanapun jumlah sebenar pelajar semester 3 dari 18 buah politeknik ialah 10,590 orang pelajar (Politeknik, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, bagi mengatasi masalah seperti soal selidik yang tidak sempurna atau tidak dipulangkan semula maka pengkaji menetapkan sampel pelajar seramai **420** orang (N = 420). Walau bagaimanapun, setelah soal selidik diedarkan kepada pelajar, penyelidik menerima kembali soal selidik yang telah dijawab seramai 396 orang pelajar sahaja. Manakala jumlah bagi keseluruhan pensyarah MPU Pengajian Islam terdiri daripada 363 orang berdasarkan dokumen rasmi politeknik, Politeknik (2019). Dari jumlah seramai 363 orang pensyarah ini, jumlah sampel di tentukan berdasarkan cadangan Krejcie dan Morgan (1970) sebanyak 186. Walau bagaimana pun pengkaji melebihkan kepada 61 sampel pensyarah sehingga menjadi jumlah keseluruhan 247 orang pensyarah berdasarkan jumlah pensyarah yang sedang mengajar (MPU) Pengajian Islam di 18 buah Politeknik. Penambahan ini bagi tujuan mengatasi masalah soal selidik yang tidak sempurna atau tidak di pulangkan. Oleh yang demikian, daripada 18 buah politeknik telah terlibat mewakili zon masing-masing hanya 211 orang pensyarah sahaja menjawab soal selidik tersebut.

3.5.1 Taburan Politeknik

Populasi kajian ini terdiri daripada pensyarah Unit Agama, Jabatan Pengajian Am (JPA) dan pelajar dalam bidang teknikal dan bukan teknikal. Terdapat 36 buat Politeknik yang sedang beroperasi di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Serawak. Walau bagaimanapun untuk kajian ini hanya melibatkan 18 buah politeknik sahaja menjadi lokasi kajian. Berikut merupakan bilangan Politeknik-politeknik Malaysia yang sedang beroperasi sehingga sekarang dan jadual politeknik-politeknik Malaysia mengikut zon sebagai lokasi kajian. Jadual 3.1 Senarai Keseluruhan Politeknik-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Politeknik Malaysia. Untuk lokasi bagi kajian sebenar bermula dari Jadual 3.2 Senarai Politeknik zon utara, Jadual 3.3 senarai Politeknik zon selatan, Jadual 3.4 senarai politeknik zon tengah dan Jadual 3.5 senarai politeknik zon timur. Kesemua zon ini adalah susunan mengikut taburan Politeknik Malaysia yang telah ditentukan oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) (Politeknik, 2019).

Jadual 3.1

Senarai Keseluruhan Politeknik-Politeknik Malaysia

Bil.	Senarai Nama Politeknik Keseluruhan
1	Politeknik Ibrahim Sultan
2	Politeknik Ungku Omar
3	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
4	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
5	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
6	Politeknik Kota Bharu
7	Politeknik Kuching, Sarawak
8	Politeknik Port Dickson
9	Politeknik Kota Kinabalu
10	Politeknik Seberang Perai
11	Politeknik Kota Melaka
12	Politeknik Kuala Terengganu
13	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
14	Politeknik Merlimau, Melaka
15	Politeknik Sultan Azlan Shah
16	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
17	Politeknik Sultan Idris Shah
18	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
19	Politeknik Muadzam Shah
20	Politeknik Mukah
21	Politeknik Balik Pulau
22	Politeknik Jeli
23	Politeknik Nilai
24	Politeknik Banting
25	Politeknik Hulu Terengganu
26	Politeknik Mersing
27	Politeknik Sandakan
28	Politeknik Tun Syed Nasir Syes Ismail
29	Politeknik Besut
30	Politeknik Tawau

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1 (*sambungan*)

Bil.	Senarai Nama Politeknik Keseluruhan
31	Politeknik Bagan Datuk
32	Politeknik Metro Kuantan
33	Politeknik Metro JB
34	Politeknik Metro Betong
35	Politeknik Metro Tasek Gelugor
36	Politeknik Metro KL

Jadual 3.2

Senarai Politeknik Zon Utara

Bil.	Politeknik Zon Utara
1	Politeknik Ungku Omar (PUO)
2	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS)
3	Politeknik Seberang Perai (PSP)
4	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

Jadual 3.3

Senarai Politeknik Zon Selatan

05-4506 tbupsi

Bil.	Politeknik Zon Selatan
1	Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)
2	Politeknik Mersing (PMJ)
3	Politeknik Merlimau, Melaka (PMM)
4	Politeknik Port Dickson (PPD)

Jadual 3.4

Senarai Politeknik Zon Tengah

Bil.	Politeknik Zon Tengah
1	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)
2	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)
3	Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)
4	Politeknik Metro Kuala Lumpur (PMKL)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Senarai Politeknik Zon Timur

Bil.	Politeknik Zon Timur
1	Politeknik Kota Baharu (PKB)
2	Politeknik Muadzam Shah (PMS)
3	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)
4	Sultan Mizan Zainal Abidin (PMZA)

Jadual 3.6

Senarai Politeknik Zon Borneo

Bil	Politeknik Zon Borneo
1	Politeknik Kuching Sarawak (PKS)
2	Politeknik Kota Kinabalu Sabah (PKK)

3.5.2 Teknik Pemilihan Sampel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini melibatkan 18 buah Politeknik Malaysia. Setiap negeri mempunyai lebih daripada satu Politeknik berdasarkan keperluan penubuhannya. Terdapat negeri yang mempunyai sehingga tiga buah Politeknik dengan penawaran kursus yang berbeza antara satu sama lain. Oleh kerana populasi bagi kajian ini berada di kedudukan yang bertaburan di banyak tempat, maka teknik persampelan berstrata lebih tepat bagi kajian ini. Kerana kedudukan sampel di kebanyakan tempat yang berbeza lebih sesuai dengan teknik berstrata berbanding dengan pensampelan secara rawak (Alias Mat Saad, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala teknik pensampelan secara rawak tidak dipilih kerana akan berkemungkinan beberapa kawasan tidak terpilih sebagai sampel. Untuk menjamin setiap populasi di pilih pada kebanyakan tempat, maka teknik pensampelan berstrata lebih terjamin dan menyeluruh (Best & Khan, 2003; Robson, 1998). Di samping itu, kaedah berstrata lebih berkesan dan pengagihan sampel akan terbahagi dengan secara adil (Mohd Nawi Ab Rahman, 2000; Alias Mat Saad, 2010). Oleh yang demikian, teknik pensampelan berstrata adalah sesuai dengan pensampelan kajian ini memandangkan sampel yang ingin dikaji berada di setiap negeri seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Pengkaji membahagikan kawasan sampel pelajar dan pensyarah mengikut zon. Rasional pengkaji memilih mengikut zon ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan pengumpulan data. Oleh yang demikian, penetapan dan pemilihan sampel hendaklah di susun dengan seimbang mengikut zon-zon yang telah di pilih. Pemilihan sampel perlu diberi penelitian agar dapat menggelakkan berlakunya ke tidak seimbangan antara sub kumpulan seperti terdapat kumpulan mempunyai ramai populasi dan kumpulan seterusnya tidak mempunyai populasi yang sama malah berkurangan (Bailey, 1994; Alias Mat Saad, 2010).

Oleh itu, pemilihan sampel hendaklah berdasarkan pecahan peratusan yang sama atau yang menghampiri dengan peratusan yang lain untuk menjamin keseimbangan pensampelan. Berikut adalah Jadual 3.7 merupakan taburan sampel pelajar Politeknik Zon Utara, Jadual 3.8 taburan sampel pelajar Politeknik Zon Selatan, Jadual 3.9 taburan sampel pelajar Politeknik Zon Tengah, Jadual 3.10 taburan sampel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar Politeknik Zon timur dan Jadual 3.11 sampel pelajar Politeknik Zon Borneo. Jumlah keseluruhan pelajar sebagai responden kajian seramai 396 orang.

Jadual 3.7

Taburan Sampel Pelajar Politeknik Zon Utara

Bil.	Politeknik Zon Utara	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Ungku Omar (PUO)	22	5.6%
2	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS)	22	5.6%
3	Politeknik Seberang Perai (PSP)	22	5.6%
4	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)	22	5.6%

Jadual 3.8

Taburan Sampel Pelajar Politeknik Zon Selatan

Bil.	Politeknik Zon Selatan	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)	22	5.6%
2	Politeknik Mersing (PMJ)	22	5.6%
3	Politeknik Merlimau, Melaka (PMM)	22	5.6%
4	Politeknik Port Dickson (PPD)	22	5.6%

Jadual 3.9

Taburan Sampel Pelajar Politeknik Zon Tengah

Bil.	Politeknik Zon Tengah	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)	22	5.6%
2	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)	22	5.6%
3	Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)	22	5.6%
4	Politeknik Metro Kuala Lumpur (PMKL)	22	5.6%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Taburan Sampel Pelajar Politeknik Zon Timur

Bil.	Politeknik Zon Timur	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Kota Baharu (PKB)	22	5.6%
2	Politeknik Muadzam Shah (PMS)	22	5.6%
3	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)	22	5.6%
4	Sultan Mizan Zainal Abidin (PMZA)	22	5.6%

Jadual 3.11

Taburan Sampel Pelajar Politeknik Borneo

Bil.	Politeknik Zon Borneo	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Kuching Sarawak (PKS)	22	5.6%
2	Politeknik Kota Kinabalu Sabah (PKK)	22	5.6%

Manakala sampel bagi pensyarah pula seperti dalam Jadual 3.12 merupakan taburan sampel pensyarah Politeknik Zon Utara, Jadual 3.13 taburan sampel pensyarah Politeknik Zon Selatan, Jadual 3.14 taburan sampel pensyarah Politeknik Zon Tengah, Jadual 3.15 taburan sampel pensyarah Politeknik Zon timur dan Jadual 3.16 taburan sampel pensyarah Politeknik Borneo. Jumlah keseluruhan pensyarah yang di edarkan soal selidik ini seramai 247 orang. Walau bagaimanapun jumlah responden yang menjawab soal selidik ini adalah seramai 211 orang pensyarah sahaja.

Jadual 3.12

Taburan Sampel Pensyarah Politeknik Zon Utara

Bil.	Politeknik Zon Utara	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Ungku Omar (PUO)	19	9%
2	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS)	16	7.6%
3	Politeknik Seberang Perai (PSP)	15	7.1%
4	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)	21	10%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.13

Taburan Sampel Pensyarah Politeknik Zon Selatan

Bil.	Politeknik Zon Selatan	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)	12	5.7%
2	Politeknik Mersing (PMJ)	7	3.3%
3	Politeknik Merlimau, Melaka (PMM)	13	6.2%
4	Politeknik Port Dickson (PPD)	3	1.4%

Jadual 3.14

Taburan Sampel Pensyarah Politeknik Zon Tengah

Bil.	Politeknik Zon Tengah	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)	12	5.7%
2	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)	12	5.7%
3	Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)	10	4.7%
4	Politeknik Metro Kuala Lumpur (PMKL)	3	1.4%

Jadual 3.15

Taburan Sampel Pensyarah Politeknik Zon Timur

Bil.	Politeknik Zon Timur	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Kota Baharu (PKB)	19	9%
2	Politeknik Muadzam Shah (PMS)	1	0.5%
3	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)	10	4.7%
4	Sultan Mizan Zainal Abidin (PMZA)	15	7.1%

Jadual 3.16

Taburan Sampel Pensyarah Politeknik Zon Borneo

Bil.	Politeknik Zon Borneo	Bilangan Sampel	Peratus
1	Politeknik Kuching Sarawak (PKS)	13	6.2%
2	Politeknik Kota Kinabalu Sabah (PKK)	10	4.7%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat pengukuran utama untuk menganalisis data kuantitatif dan temu bual atau kualitatif sebagai data skunder untuk menyokong data soal selidik. Gabungan antara kuatitatif dan kualitatif ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam yang di laksanakan di Politeknik seluruh Malaysia.

Selain itu, pengkaji turut menggunakan analisis dokumen dalam kajian ini untuk melihat kerelevanan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dengan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam yang di tawarkan di Politeknik Malaysia. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah sebahagian set soal selidik yang telah diubahsuai dari Alias Mat Saad (2010); Ghazali Yusri Abd Rahman (2012); Norhayati Fatmi Talib (2014) dan Azizi Jaafar (2015). Setiap instrumen ini mempunyai cakupannya yang tersendiri. Penjelasan mengenai instrumen adalah seperti berikut:

3.6.1 Soal Selidik

Soal selidik merupakan salah satu kaedah mudah dan cepat untuk mendapatkan maklumat tentang perkara yang di kaji. Soal selidik juga lebih sesuai terhadap kajian yang mempunyai sampel yang ramai (Tuckman, 1978). Selain itu, liputan yang meluas yang dapat dicapai dengan menggunakan soal selidik akan memberikan kesahan yang tinggi kepada keputusan kajian kerana sampel yang ramai dapat digunakan (Mouly,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1978). Soal selidik juga dapat mengurangkan kemungkinan berlakunya bias akibat daripada sifat peribadi atau kemahiran penyelidik (Ary et al., 1990).

Soal selidik membantu proses penyelidikan dari aspek menjimatkan kos dan masa untuk mendapatkan reaksi daripada responden yang jauh dengan pengawasan yang minimum (Abu Bakar Nordin, 1992; Azizi Jaafar, 2015). Di samping itu, soal selidik dapat memberi beberapa andaian bahawa responden mudah memahami soalan-soalan, malah responden mempunyai pengetahuan terhadap apa yang dikaji dan responden tidak dipaksa untuk menjawab soal selidik tersebut (Azizi Jaafar, 2015). Walau bagaimanapun, soal selidik itu hendaklah dibina dengan baik demi menjamin kekuatan data kajian. Oleh itu, soal selidik seharusnya menjalani proses kesahan dan kebolehpercayaan (Robson, 1998; Alias Mat Saad, 2010).

05-4506 tbupsi

Soal selidik dalam kajian ini akan dibahagikan kepada dua iaitu soal selidik untuk Pensyarah Unit Agama, Jabatan Pengajian Am (JPA) dan juga untuk pelajar Politeknik semester 3. Soal selidik pensyarah dan pelajar dibina bertujuan untuk menjawab semua persoalan kajian mengikut dimensi-dimensi yang telah di tetapkan bermula dengan dimensi konteks, input, proses dan produk.

Soal selidik pelajar adalah untuk mengenal pasti beberapa dimensi seperti dimensi input, iaitu aspek kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, aspek peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT), aspek infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT. Selain itu, dimensi proses pula iaitu, aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek penggunaan bahan bantu mengajar dan aspek pentaksiran penilaian berterusan (PB) dari sudut proses pelaksanaan.

Disamping itu, dimensi produk pula memberi fokus kepada pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi impak iaitu keputusan penilaian berterusan (PB) dan menilai aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Manakala aspek kemapanan pula terdiri daripada penilaian hubungan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam terhadap pembentukan kefahaman penghayatan agama (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar dan aspek kebolehpindahan menilai hubungan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam terhadap amalan penghayatan agama (akidah, ibadah dan akhlak) untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

05-4506 tbupsi

Soal selidik pensyarah pula adalah untuk mengenal pasti dimensi input, iaitu kompetensi pensyarah dari aspek pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakan ikhtisas. Selain itu, untuk mengenal pasti aspek kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, aspek peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT), aspek infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT. Manakala dimensi proses pula iaitu, aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, aspek penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), aspek pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, aspek pemantauan dokumen kursus MPU dan aspek pentaksiran penilaian berterusan (PB). Bagi dimensi produk pula melibatkan aspek pencapaian berdasarkan objektif kursus, aspek hubungan pengetahuan asas pendidikan dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan (MPU) Pengajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Islam dan hubungan pengetahuan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan (MPU) Pengajian Islam.

Seterusnya soal selidik pelajar dibangunkan untuk menjawab soalan kajian (2b) iaitu; Apakah tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, (2c) Apakah tahap peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik?), (2d) iaitu; Apakah tahap infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus MPU di Politeknik?), (3a) iaitu; Apakah tahap proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?).

05-4506832 tbupsi

(3c) iaitu; Apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?), (4a) iaitu; Apakah tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek impak keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam?, (4d) iaitu: Adakah terdapat hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) terhadap Pembentukan Kefahaman Agama (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar? dan (4e) iaitu; Adakah terdapat hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap amalan penghayatan agama (akidah, ibadah dan akhlak) berpotensi untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar?

Soal selidik pensyarah untuk menjawab soalan kajian (2a) iaitu; Apakah tahap kompetensi pensyarah dari aspek pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakan ikhtisas untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran?, (2b) iaitu; Apakah tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran dan peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar *"Student Learning Time"* (SLT) mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik?, (2c) Apakah tahap infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik?.

05-4506 tbupsi

(3a) iaitu; Apakah tahap proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?, (3b) Apakah tahap proses pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, serta pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik dilaksanakan dengan berkesan?, (3c) iaitu; Apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?, (4b) iaitu; Apakah tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam aspek keberkesanan dalam mencapai objektif kursus yang ditawarkan? dan (4c) iaitu; Adakah terdapat hubungan Kompetensi (Pengetahuan Asas Pendidikan dan pengetahuan kursus (MPU) Pengajian Islam terhadap pengetahuan pedagogi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengetahuan Pedagogikal Kandungan "*Pedagogical Content Knowledge*" dalam kalangan pensyarah?.

Dalam kajian ini, item-item soal selidik dibina dan di ubah suai "*adapt* dan *adopt* "dari penyelidik yang lepas berdasarkan konstruk-konstruk kerangka konseptual seperti konteks, input, proses dan produk (Norhayati Fatmi Talib, 2014, Azizi Jaafar 2015). Soal selidik ini menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis *'Likert'* 5 mata sebagai pilihan jawapan. Menurut Cohen et al. (2000) skala *'Likert'* adalah sesuai digunakan untuk mengukur persepsi, sikap dan pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruangan tertentu secara tersusun dan berterusan.

Skala *'Likert'* 5 mata telah banyak digunakan oleh penyelidik lepas dalam kajian analisis deskriptif melibatkan dua perisian iaitu perisian IBM SPSS *"Statistical Package for Social Science"* (SPSS Versi 21.0) dan *Smart Partial Least Squares* - Smart PLS 3.0. Antaranya dalam kajian *Reka Bentuk Model Integriti Akademik Berasaskan Penghayatan Rohani* (Ramlan Mustapha, 2017) dan *Model Kesejahteraan Psikologi Berasaskan Ihasn Kendiri, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Spiritual Dalam Konteks Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran* (Salina Mokhtar, 2018). Penggunaan jenis skala *'Likert'* 5 mata dalam soal selidik adalah lebih sesuai dalam kajian seperti ini kerana tidak memberi pemeringkatan kepada responden dalam menjawab soal selidik (Hair et al., 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara kelebihan menggunakan skala *'Likert'* ialah mudah diurus dan diguna pakai, item-itemnya mudah dijawab oleh responden dan data yang dipungut melalui skala *'Likert'* lebih tinggi kebolehpercayaannya berbanding dengan skala-skala yang lain (Chua, 2011). Selain itu, skala *'Likert'* ini dianggap mempunyai kelebihan berbanding dengan skala-skala yang lain (Mohd Majid Konting, 2000).

Terdapat dua bentuk skala likert yang digunakan dalam kajian ini. Pertama menggunakan jenis skala *likert* lima mata dan keterangan skala adalah daripada skala 1 yang bermaksud sangat tidak setuju sehingga 5 iaitu sangat setuju seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (2010) dan telah digunakan oleh penyelidik lepas (Azmil Hashim, 2010; Norhayati Fatmi Talib, 2014). Kedua jenis skala likert lima mata dan keterangan skala 1 sangat rendah dengan peratus antara 0-20% Skor Min 1.00 -1.80 dengan interpretasi *Sangat kurang mempunyai pengetahuan dan memerlukan tunjuk ajar*.

Manakala keterangan 5 sangat tinggi dengan peratus antara 81% - 100% Skor Min 4.21 – 5.00 dengan interpretasi *Mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam, diakui kepakaran serta sentiasa menjadi rujukan dalam organisasi* (Norhayati Fatmi Talib, 2014). Oleh itu, soal selidik dalam kajian ini, menggunakan skala *likert* lima mata skala 1 yang bermaksud sangat tidak setuju sehingga 5 iaitu sangat setuju, antaranya bahagian (B) konstruk input bagi penilaian modul sebagai bahan pengajaran, peruntukan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT), bilik kuliah dan perpustakaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, bahagian (C) konstruk proses bagi penilaian pelaksanaan amalan pengajaran dan pembelajaran pensyarah, penggunaan (BBM), pemantauan proses pengajaran dan pembelajaran, pemantauan dokumen kurikulum dan pentaksiran penilaian berterusan (PB). Bahagian (D) konstruk proses bagi penilaian keberkesanan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan (MPU) Pengajian Islam. Responden diminta untuk memilih jawapan mereka menandakan salah satu skala nombor dari 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut. Secara umumnya bagi kajian ini, responden diminta memberi jawapan mereka terhadap skala persetujuan jenis *Likert* iaitu Sangat Tidak Setuju yang diberi skor (1) hingga kepada Sangat Setuju yang diberi skor (5). Interpretasi terhadap nombor-nombor dan skala-skala ini seperti dalam Jadual 3.17

05-45065 tbupsi

Jadual 3.17

Skala Likert Lima Mata

	Skala
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Sumber: Ubah suai dari Hair et al. (2010); Azmil Hashim (2010) dan Norhayati Fatmi Talib (2014).

Jadual 3.18

Interpretasi Min

Skala Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala bahagian (B) konstruk input bagi penilaian pengetahuan asas pendidikan dan pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam menggunakan skala likert dengan interpretasi yang diubahsuai oleh Norhayati Fatmi Talib (2014) dari borang Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) prestasi kakitangan Awam. Item-item yang menggunakan skala dan interpretasi ini bermula dari HA1 hingga HA 25 dan HB 26 hingga HB 36. Secara umumnya bagi kajian ini, responden diminta memberi jawapan mereka terhadap skala persetujuan jenis *Likert* iaitu sangat rendah diberi skor (1) hingga sangat tinggi diberi skor (5). Interpretasi terhadap nombor-nombor dan skala ini seperti dalam Jadual 3.19.

Jadual 3.19

Skala Likert Lima Mata dan Interpretasi yang diubah dari Norhayati Fatmi Talib (2014) dari borang Jabatan Perkhidmatan Awam J.P.A (prestasi) 3/2002 borang penilaian prestasi tahunan kakitangan Awam dan adaptasi bahagian perancangan dan penyelidikan Dasar Pendidikan (2006)

	Skala	Skor min	Interpretasi
1	Sangat Rendah	0 – 20% Skor Min 1.00 – 1.80	Sangat kurang mempunyai pengetahuan dan memerlukan tunjuk ajar
2	Rendah	21% – 40% Skor Min 1.81 – 2.60	Kurang mempunyai pengetahuan dan perlu diberikan bimbingan oleh pegawai atasan
3	Sederhana	41% – 60% Skor Min 2.61 – 3.40	Mempunyai pengetahuan yang mencukupi
4	Tinggi	61% – 80% Skor Min 3.41 – 4.20	Mempunyai pengetahuan yang luas serta kerap kali menjadi sumber rujukan dalam atau luar organisasi
5	Sangat Tinggi	81% – 100% Skor Min 4.21 – 5.00	Mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam, diakui kepakaran serta sentiasa menjadi rujukan dalam organisasi

Sumber: Norhayati Fatmi Talib (2014) dari borang Jabatan Perkhidmatan Awam J.P.A (prestasi) 3/2002 borang penilaian prestasi tahunan kakitangan Awam dan adaptasi bahagian perancangan dan penyelidikan Dasar Pendidikan (2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi item HL 94 hingga HL 102 menggunakan skala persetujuan jenis likert iaitu tidak pernah bagi skor (1) hingga Amat kerap bagi skor (5), interpretasi terhadap nombor-nombor dan skala-skala ini seperti dalam Jadual 3.20.

Jadual 3.20

Skala Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) oleh Pensyarah

Skala			Interpretasi
1	Tidak Pernah	(TP)	Langsung tidak pernah
2	Jarang-jarang	(JJ)	1-2 kali dilaksanakan dalam satu semester
3	Kadang-kadang	(KK)	3-4 kali dilaksanakan dalam satu semester
4	Kerap	(K)	5-6 kali dilaksanakan dalam satu semester
5	Amat Kerap	(AK)	7 kali ke atas dalam satu semester

Sumber: Ubahsuai dari Norhayati Fatmi Talib (2014)

05-4506832 tbupsi

a. Soal selidik pelajar

Soal selidik pelajar mengandungi empat bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Keempat-empat bahagian ini adalah perlu di jawab oleh responden. Bahagian A (LB1-LB7) adalah berkaitan maklumat asas latar belakang pelajar yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut iaitu, nama Politeknik, jabatan pengajian yang diikuti oleh pelajar, jantina, jenis bidang yang diikuti sama ada sama ada bidang teknikal atau bukan teknikal, bidang diploma pengkhususan yang diikuti, semeter pengajian semasa, jenis aliran pendidikan di sekolah menengah sebelum mendaftar sebagai pelajar Politeknik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B adalah untuk mendapat maklumat tentang dimensi input iaitu, infrastruktur yang disediakan seperti maklum balas pelajar terhadap bilik kuliah (PA1-PA5), perpustakaan (PB6-PB11) dan peralatan ICT (PC12-PC16) sama ada mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus MPU di Politeknik. Selain itu, bahagian ini juga berperanan untuk mendapatkan maklum balas terhadap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran (PD17-PD29) dan peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) (PE30-PE33) sama ada mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik. Bahagian ini menggunakan skala persetujuan seperti berikut; (1) sangat tidak setuju (2) tidak setuju (3) kurang setuju (4) setuju (5) sangat setuju.

Bahagian C adalah untuk mendapat maklumat tentang dimensi proses iaitu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran (PF34-PF45) dan amalan pembelajaran (PG46-PG51) serta keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar BBM (PH52-PH57) dan pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) (PJ67-PJ76). Bahagian ini menggunakan skala persetujuan seperti berikut; (1) sangat tidak setuju (2) tidak setuju (3) kurang setuju (4) setuju (5) sangat setuju. Dimensi proses juga mengukur kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar oleh pensyarah semasa menjalankan P&P (PH58-PH66). Bahagian ini menggunakan skala seperti berikut; (1) tidak pernah (2) jarang-jarang (3) kadang-kadang (4) kerap (5) amat kerap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Bahagian D adalah untuk mendapat maklumat tentang dimensi produk iaitu persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam (PK77-PK86), pengaruh pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam terhadap pembentukan kefahaman penghayatan agama seperti perihal akidah (PL87-PL98), ibadah (PM99-PM108) dan akhlak (PN109-PN114) dalam diri pelajar, mendapatkan maklum balas berkaitan pengaruh pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam terhadap amalan penghayatan agama dari aspek akidah (PP115-PP124), ibadah (PR125-PR132) dan akhlak (PS133-PS138) untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Bahagian ini menggunakan skala persetujuan seperti berikut; (1) sangat tidak setuju (2) tidak setuju (3) kurang setuju (4) setuju (5) sangat setuju.

Secara keseluruhannya soal selidik ini digunakan bagi menjawab persoalan kajian: dimensi input iaitu persoalan kajian (2b) iaitu apakah tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, (2c) Apakah tahap peruntukan pengagihan peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time*" (SLT) mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik? dan (2d) apakah tahap infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik?; dimensi proses iaitu persoalan kajian (3a) iaitu apakah tahap proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik? dan (3c) iaitu apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?; dan dimensi produk iaitu persoalan kajian (4a) apakah tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek impak iaitu keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus MPU?, (4d) iaitu Adakah terdapat hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) terhadap Pembentukan Kefahaman Agama (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar? dan (4e) Adakah terdapat hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) terhadap amalan penghayatan agama (akidah, ibadah dan akhlak) berpotensi untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar?. Jadual 3.21 menunjukkan perincian kandungan bahagian (A), (B), (C) dan (D) serta bilangan item yang terkandung dalam soal selidik pelajar.

Jadual 3.21

Kandungan Soal Selidik Pelajar

Bahagian	Aspek / Konstruk	Bil.Item / Item	Rujukan
A	Latar Belakang Pelajar	(L1-L7) = 7	Kamarul Shukri Mat Teh (2009) Azmil Hashim (2010) Norhayati Fatmi Talib (2014)
B (Input)	Infrastruktur 1. Bilik Kuliah 2. Perpustakaan 3. Peralatan ICT 4. Modul 5. Peruntukan Jam Pembelajaran (SLT)	 (PA1-PA5) = 5 (PB6-PB11) = 6 (PC12-PC16) = 5 (PD17-PD29) = 13 (PE30-PE33) = 4	Alias Mat Saad (2010) Mohd Nordin Abu Bakar (2011) Norhayati Fatmi Talib (2014)
C (Proses)	Pelaksanaan Amalan Pengajaran Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Kekerapan Menggunakan (BBM)	(PF34-PF45) = 12 (PG46-PG51) = 7 (PH52-PH57) = 6 (PH 58-PH66) = 9	Alias Mat Saad (2010) Norhayati Fatmi Talib (2014) Abu Zarrin Selamat (2014)

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.21 (*sambungan*)

Bahagian	Aspek / Konstruk	Bil.Item / Item	Rujukan
	Pentaksiran Penilaian Berterusan	(PJ67-PJ76) = 10	
D (Produk)	Impak: 1. Persepsi Pelajar	(PK77-PK86) = 10	Zawawi Ismail (2008) Alias Mat Saad (2010)
	Kemampanan: 1. Pembentukan Kefahaman Penghayatan Agama	(PL87-PL98) = 11 (PM99-PM108) = 10	Norhayati Fatmi Talib (2014) Abu Zarrin Selamat (2014) Ramlan Mustpha (2017)
	Kebolehpindahan: 1. Amalan Penghayatan Agama Diaplikasikan Dalam Kehidupan Pelajar.	(PN109-PN114) = 6 (PP115-PP124) = 10 (PR125-PR132) = 8 (PS133-PS138) = 6	
Jumlah		145 Item	

b. Soal selidik pensyarah

05-4506 tbupsi

Soal selidik pensyarah mengandungi empat bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Kesemua bahagian ini adalah perlu di jawab oleh responden. Bahagian A (LP1-LP6) adalah berkaitan maklumat asas latar belakang pensyarah yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut iaitu, nama Politeknik, jantina, kelayakan akademik tertinggi, kelayakan ikhtisas, bilangan tahun mengajar, pengalaman mengajar dan gred perkhidmatan semasa.

Bahagian B dalam soal selidik ini adalah dimensi input, untuk mendapatkan beberapa maklumat seperti aspek kompetensi pensyarah unit Agama, Jabatan Pengajian Am (JPA) Politeknik Malaysia. Aspek kompetensi ini adalah untuk menjawab persoalan kajian (2a) iaitu apakah tahap kompetensi pensyarah dari aspek pengetahuan asas pendidikan (HA1-HA25), pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(HB26-HB36) dan kelayakan ikhtisas untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran?.

Selain itu, bahagian input berperanan untuk mendapatkan maklumat berkaitan aspek modul yang digunakan sebagai bahan pengajaran (HC37-HC49) dan peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) (HD50-HD53) berdasarkan silibus (MPU) Pengajian Islam. Aspek ini untuk menjawab persoalan kajian (2b) iaitu apakah tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran dan peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik?.

05-4506

Di samping itu, bahagian input turut berperanan untuk mendapatkan maklumat berkaitan aspek infrastruktur yang disediakan di Politeknik. Aspek ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian (2c) apakah tahap infrastruktur iaitu bilik kuliah (HE54-HE58), perpustakaan (HF59-HF64) dan peralatan ICT (HG65-69) mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik?

Bahagian C dalam soal selidik ini adalah dimensi proses. Dimensi proses terdapat enam sub konstruk iaitu pelaksanaan amalan pengajaran (HH-70-HH81) dan amalan pembelajaran (HJ2-HJ87), penggunaan bahan bantu mengajar BBM (HK88-HK93), kekerapan dalam penggunaan bahan bantu mengajar BBM (HL94-HL102), pemantauan P&P (HM103-107), pemantauan dokumen kursus (HN108-HN112) dan pentaksiran penilaian berterusan PB (HP113-HP122).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keenam-enam sub konstruk ini untuk menjawab persoalan kajian (3a) iaitu apakah tahap proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik? Manakala (3b) iaitu apakah tahap proses pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, serta pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik dilaksanakan dengan berkesan?. Seterusnya (3c) iaitu apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?

Bahagian D dalam soal selidik ini adalah dimensi produk. Dimensi produk terdapat tiga sub konstruk iaitu aspek keberkesanan dari sudut pencapaian objektif kursus (MPU) Pengajian Islam (HQ123-HQ136), aspek keberkesanan dari sudut pengetahuan pedagogi (HR137-HR149) dan aspek keberkesanan dari sudut pengetahuan pedagogikal kandungan (MPU) Pengajian Islam (HS150-HS157). Ketiga-tiga aspek produk ini untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut; (4b) iaitu apakah tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam mencapai objektif kursus yang ditawarkan? (4c) iaitu adakah terdapat hubungan Kompetensi (Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) terhadap pengetahuan pedagogi dan Pedagogikal Kandungan "*Pedagogical Content Knowledge*" dalam kalangan pensyarah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseluruhan soal selidik ini digunakan bagi menjawab persoalan kajian: dimensi input iaitu persoalan kajian (2a), (2b) dan (2c); dimensi proses iaitu persoalan kajian (3a), (3b) dan (3c); dan dimensi produk iaitu persoalan kajian (4b), (4c) dan (4d). Jadual 3.22 menunjukkan perincian kandungan bahagian (A), (B), (C) dan (D) serta bilangan item yang terkandung dalam soal selidik pensyarah.

Jadual 3.22

Kandungan Soal Selidik Pensyarah

Bahagian	Aspek/Konstruk	Bil.Item / Item	Rujukan
A	Latar Belakang	(LP1-LP6) = 6	Kamarul Shukri Mat Teh (2009) Azmil Hasim (2010) Norhayati Fatmi Talib (2014)
B (Input)	Kompetensi: 1. Pengetahuan Asas Pendidikan 2. Pengetahuan Kursus MPU Infrastruktur: 1. Modul Sebagai Bahan Pengajaran 2. Peruntukan Jam Pembelajaran (SLT) 3. Bilik Kuliah 4. Perpustakaan 5. Peralatan ICT	 (HA1-HA25) = 25 (HB26-HB36) = 11 (HC37-HC49) = 13 (HD50-HD53) = 4 (HE54-HE58) = 5 (HF59-HF64) = 6 (HG65-HG69) = 5	Alias Mat Saad (2010) Mohd Nordin Abu Bakar (2011) Norhayati Fatmi Talib (2014)
C (Proses)	Pelaksanaan Amalan Pengajaran Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Penggunaan (BBM) Kekerapan Penggunaan (BBM) Pemantauan Proses P&P Pemantauan Dokumen Kursus Pentaksiran Penilaian Berterusan (PB)	(HH70-HH81) = 12 (HJ82-HJ87) = 6 (HK88-HK93) = 6 (HL94-HL102) = 9 (HM103-HM107) = 5 (HN108-HN112) = 5 (HP113-HP122) = 10	Alias Mat Saad (2010) Norhayati Fatmi Talib (2014) Abu Zarrin Selamat (2014)

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.22 (*sambungan*)

Bahagian	Aspek/Konstruk	Bil.Item / Item	Rujukan
D (Produk)	Keberkesanan: 1. Mencapai Objektif Kursus (MPU) 2. Pengetahuan Pedagogi 3. Pengetahuan Pedagogikal Kanduangan MPU	(HQ123-HQ136) = 14 (HR137-HR149) = 13 (HS150-HS157) = 8	Alias Mat Saad (2010) Norhayati Fatmi Talib (2014)
Jumlah		163 Item	

3.6.2 Temubual

Menurut McMilan dan Schumacher (1984) temu bual adalah sama dengan soal selidik kerana pengkaji menyoal soalan kepada subjek. Perbezaan yang ketara antara soal selidik dengan temu bual ialah temu bual bersifat lisan dan melibatkan interaksi verbal secara langsung. Semasa menyoal, penyelidik boleh menyiasat dan menyoal untuk mendapatkan penjelasan, jika perlu. Selain itu, kekuatan data yang diperoleh hasil dari temu bual, dapat menyokong dapatan soal selidik yang telah dijalankan sebelumnya (Mohd Syaubari Othman, 2018).

Temu bual dalam dunia penyelidikan bukanlah sesuatu perkara yang baharu, malahan kebanyakan penyelidik menggunakan kaedah ini sama ada sebagai sumber data utama mahupun sebagai sumber sokongan dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Menurut Merriam (1998) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur bagi mendapatkan sesuatu dapatan. Dalam kajian ini, kaedah temu bual yang dikenal pasti adalah temu bual separa berstruktur. Pengkaji menggunakan protokol temu bual separa berstruktur kerana soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden lebih berfokus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Chua (2006) dalam temu bual separa berstruktur, walaupun penemubual telah menyediakan soalan sebelum sesi temu bual dijalankan, penemubual juga diberi kebebasan untuk menyoal dan menjelajah lebih mendalam tentang jawapan responden kepada satu soalan formal yang telah ditanya. Semasa sesi temu bual dijalankan, pengkaji akan memastikan perbualan tersebut direkodkan dengan menggunakan alat rakaman bagi tujuan kualiti maklumat dapat diperoleh dengan tersusun dan selamat untuk dianalisis. Dengan cara yang demikian, pengkaji akan dapat menilai apa yang dijelaskan dan mengemukakan soalan-soalan susulan yang sesuai. Data yang diperoleh dari rakaman yang tersusun merupakan sumber yang berharga kepada penyelidik (Siti Umiyati Mas'od, 2019).

Dalam kajian ini, proses temu bual dijalankan dengan menggunakan set instrumen temu bual yang mengandungi beberapa bentuk soalan yang meliputi dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk. Temu bual dijalankan ke atas responden dari kalangan pensyarah yang telah di kenal pasti oleh pengkaji. Temu bual yang baik dan berkesan adalah apabila pengkaji mentadbir proses temu bual dengan tersusun bermula dengan mengenal pasti responden yang hendak ditemu bual (Creswell, 2005).

Susunan soalan temu bual di mulai dengan dimensi input iaitu soalan kajian 3, apakah tahap kompetensi pensyarah dari aspek pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakan ikhtisas untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran?, soalan kajian 4, apakah pandangan pensyarah terhadap tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran dan tahap peruntukan jam pembelajaran P&P adakah mencukupi? dan soalan kajian 5, adakah tahap infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peralatan ICT mencukupi dan membantu palaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik?.

Selain itu, soalan-soalan temu bual dimensi proses meliputi soalan kajian 6 iaitu, apakah tahap proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran serta tahap penggunaan bahan bantu mengajar dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?, soalan kajian 7, apakah tahap proses pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik dilaksanakan dengan berkesan? dan soalan kajian 8, apakah proses pelaksanaan penilaian berterusan kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?. Manakala soalan kajian 10 iaitu apakah tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam aspek keberkesanan dalam mencapai objektif kursus yang ditawarkan?

05-4506 tbupsi

Dapatan-dapatan yang diperoleh daripada temu bual digunakan untuk menghurai data kuantitatif yang diperoleh daripada soal selidik. Fokus temu bual adalah pensyarah Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am (JPA) yang terlibat secara langsung mengajar kursus (MPU) Pengajian Islam dan pelajar yang telah mengambil kursus (MPU) Pengajian Islam. Menurut Patton (1987) kekuatan temu bual ialah peserta yang ditemu bual, umumnya lebih responsif kerana temu bual dilakukan secara bersahaja. Selain itu juga, kaedah temu bual secara separa berstruktur akan dapat meminimumkan kesilapan kerana soalan-soalan yang akan ditanya telah ditentukan di peringkat awal (Fontana & Frey, 1994).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan menggunakan kaedah temu bual pengkaji dapat menyoal dan menyelidik dengan lebih terperinci tentang jawapan responden di mana ia melibatkan pertanyaan, hujah dan pendapat untuk mencetuskan maklumat yang ingin diperoleh (Siti Umiyati Mas'od, 2019). Selain itu, salah satu kaedah yang perlu dilakukan oleh penyelidik ialah, menyediakan senarai semak soalan spesifik dengan tujuan untuk mencungkil jawapan dari responden secara bebas dan tersusun (Chua, 2006). Soalan-soalan yang telah disusun secara teratur akan ditanyakan kepada responden kerana temu bual yang berkualiti akan menentukan nilai penyelidikan kepada keseluruhan kajian (Sekaran, 1992).

Dalam kajian ini, sebelum memulakan proses temu bual, beberapa langkah awal telah dilakukan oleh pengkaji, antaranya merujuk kajian-kajian lepas berkaitan kaedah temu bual separa berstruktur. Kemudian pengkaji mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan temu bual dapat dijalankan dengan lebih berkesan seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2005). Antara langkah-langkah tersebut ialah:

i) Kenal pasti mereka yang hendak ditemu bual.
ii) Tentukan bentuk temu bual yang akan digunakan.
iii) Semasa melaksanakan temu bual rakamkan soalan dan jawapan supaya kita mendapat maklumat yang tepat semasa perbualan tersebut.
iv) Catat secara ringkas semasa sesi temu bual berlangsung.
v) Pilih tempat yang sesuai untuk temu bual.
vi) Maklumkan kepada mereka yang akan ditemu bual tentang tujuan kajian dan maklumat temu bual akan digunakan dalam kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vii) Temu bual hendaklah mengikut apa yang telah dirancang tetapi tidak terlalu terikat (fleksibel).

viii) Tamatkan terubul secara professional dengan mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan.

3.6.3 Analisis Dokumen

Dokumen merupakan bahan rasmi bertulis yang menjadi sumber rujukan utama. Dokumen juga adalah bahan bertulis yang tersedia pada tempat dan situasi tertentu (Merriam, 2009; Marohaini Mohd Yusoff, 2013; Mohd Syaubari Othman, 2018). Dalam kajian kualitatif, dokumen merupakan sumber yang bernilai (Creswell, 2005). Dokumen adalah bahan yang membantu pengkaji untuk memperoleh dan memahami sesuatu fenomena yang hendak dikaji terutama dalam kajian kualitatif (Alias Mat Saad, 2010). Analisis dokumen adalah salah satu daripada instrumen yang menjadi alat untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini.

Analisis dokumen juga diimplementasikan untuk membantu pengkaji mendapatkan data secara objektif melalui dokumen, tanpa penglibatan peserta sama ada pensyarah mahupun pelajar untuk hadir bagi memenuhi proses analisis. Analsis dokumen ini dapat memberikan maklumat data secara input dan konsisten, kerana segala data yang diperoleh secara tersurat mampu memberi jawapan terhadap sesuatu yang dikaji (Bogdan & Biklen, 2003; Creswell, 2012; Mohd Syaubari Othman, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, penggunaan dokumen adalah sebahagian daripada proses kajian dan berfungsi sebagai pelengkap kepada kajian ini. Selain itu, analisis dokumen bertindak sebagai bukti tambahan untuk menyempurnakan hasrat dan tujuan kajian. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen ini untuk menjawab persoalan kajian dari dimensi konteks iaitu, 1a) adakah objektif kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)? dan 2b) adakah objektif kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI)? Dokumen-dokumen yang dianalisis dalam kajian ini meliputi objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kesahan merujuk kepada kebenaran dan ketepatan (Alias Mat Saad, 2010). Kesahan juga diertikan sebagai satu alat pengukuran untuk mengukur data yang sepatutnya diukur (Azmil Hashim, 2010). Instrumen kajian yang telah disahkan dengan darjah kesahan yang tinggi terbukti dapat mengukur apa yang sepatutnya hendak diukur (Sekaran, 1992; Mohd Majid Konting, 2005; Mohd Syaubari Othman, 2018). Manakala sesuatu instrumen yang mempunyai kesahan yang tinggi jika ia mengukur apa yang sepatutnya diukur adalah tinggi (Creswell, 2009; Pallant, 2010; Mohd Syaubari Othman, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, soal selidik telah diubahsuai "*adapt"* dan" *adopt"* daripada set soal selidik yang telah digunakan oleh pengkaji yang lepas, maka beberapa proses perlu dilalui untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang telah diubahsuai ini. Oleh yang demikian, kesahan soal selidik kajian telah diuji kesahannya melalui kesahan muka dan kesahan kandungan. Instrumen yang telah disahkan mempunyai kesahan yang tinggi merupakan instrumen yang mampu menunjukkan keadaan sebenar pada perkara yang diuji (Abu Bakar Nordin, 1986).

Sebelum soal selidik ini dibangunkan, pengkaji telah mendapatkan pandangan dan nasihat dari penyelia. Pengkaji juga telah merujuk dengan beberapa orang pensyarah pakar yang terdiri daripada pakar bidang Pendidikan Islam dan pakar pembangunan instrumen. Oleh itu, panel-panel rujukan diwujudkan adalah untuk mengesahkan instrumen-instrumen kajian ini. Kesemua pakar ini terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti dan Politeknik yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing iaitu pakar dalam bidang pendidikan Islam, penyelidikan dan berpengalaman luas dalam bidang kursus (MPU) Pengajian Islam. Mereka juga terdiri daripada penggubal kursus (MPU) Pengajian Islam Politeknik. Maklumat berkaitan pakar adalah seperti dilampiran (F).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Kesahan

Kesahan diertikan sebagai kebenaran dan ketepatan sesuatu perkara yang di ukur. Untuk kesahan muka dan kesahan kandungan, item-item instrumen telah dirujuk kepada pakar-pakar yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti tempatan dan pensyarah-pensyarah Politeknik (pensyarah kanan yang terlibat dengan kursus (MPU) Pengajian Islam. Proses kesahan ini melibatkan teguran dan komentar daripada pakar-pakar untuk memantapkan lagi isi kandungan, penggunaan bahasa dan kejelasan maksud item. Untuk proses kesahan, Hassan Basri Awang Mat Dahlan (2002) mencadangkan item-item yang dibina dalam instrumen hendaklah dirujuk kepada beberapa pihak termasuk guru bidang, pelajar, penguji-penguji lain (untuk *face validity*) dan pakar bidang (untuk *content validity*).

05-4506 tbupsi

Oleh itu, instrumen yang terdiri daripada soal selidik pensyarah, soal selidik pelajar dan senarai semak untuk analisis dokumen telah dikemukakan kepada panel pakar untuk persetujuan pakar dan pengesahan instrumen. Panel rujuk atau pensyarah pakar adalah sebagai pengadil untuk menentukan perkaitan di antara item-item instrumen dengan perkara yang hendak diukur (Azmil Hashim, 2010). Oleh itu, pengkaji telah mengadakan perbincangan dengan pakar-pakar yang telah dilantik. Pakar-pakar ini terdiri daripada Profesor Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pensyarah Kanan Institut Pendidikan (IPG) cawangan bangi dan Pensyarah Kanan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah mendapat maklum balas dari pakar dari aspek pandangan dan teguran, beberapa cadangan telah diberikan oleh pakar untuk penambahbaikan. Pengkaji telah membuat sedikit pengubahsuaian dari segi istilah yang digunakan dan beberapa struktur ayat diberi penambahbaikan. Pembetulan dari komen pakar ini bertujuan untuk menghasilkan pernyataan yang lebih tepat dan jelas. Oleh yang demikian, kesemua pakar telah memberi persetujuan terhadap instrumen-instrumen tersebut dengan beberapa perubahan perlu dilaksanakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.23 perubahan item soal selidik pensyarah dan Jadual 3.24 perubahan item soal selidik pelajar.

Jadual 3.23

Perubahan Item Soal Selidik Pensyarah

Item asal		Item yang diubah	
HE49	Keluasan kelas untuk proses P&P MPU adalah sesuai	HE57	Keluasan bilik kuliah P&P adalah sesuai untuk pengajaran kursus MPU
HE50	Bilik kuliah untuk proses P&P MPU adalah sesuai	HE58	Persekitaran bilik kuliah sesuai untuk pengajaran kursus MPU
HF51	Mempunyai bahan rujukan pengajaran MPU yang mencukupi	HF59	Mempunyai bahan rujukan pengajaran MPU yang mencukupi untuk digunakan oleh pensyarah
HF52	Mempunyai bahan rujukan pengajaran MPU yang pelbagai	HF60	Mempunyai bahan rujukan pengajaran MPU yang pelbagai pilihan
HG57	Untuk P&P MPU mudah diperoleh	HG65	Untuk P&P MPU mudah diperoleh oleh pensyarah
HG58	Untuk P&P MPU pelbagai	HG66	Untuk P&P MPU tidak mempunyai pelbagai pilihan
HG59	Untuk P&P MPU mencukupi	HG67	Untuk P&P MPU mencukupi untuk digunakan
HG60	Untuk P&P MPU membantu proses P&P MPU	HG68	Untuk P&P MPU membantu proses P&P MPU di Politeknik
HG61	Sentiasa berada dalam keadaan baik	HG69	Sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.23 (*sambungan*)

Item asal		Item yang diubah	
HH70	Saya menggunakan portal CIDOS sebagai salah satu kaedah pengajaran	HH78	Saya menggunakan portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS) sebagai salah satu kaedah pengajaran
HK82	Saya menggunakan BBM yang pelbagai	HK90	Saya menggunakan BBM yang pelbagai jenis

Jadual 3.24

Perubahan Item Soal Selidik Pelajar

Item asal		Item yang diubah	
PA1	Untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P) MPU adalah mencukupi	PA1	Bilik kuliah untuk pengajaran dan pembelajaran P&P MPU mencukupi untuk digunakan dalam satu-satu masa
PA2	Jumlah pelajar yang ditetapkan dalam kursus MPU adalah bersesuaian	PA2	Pelajar terlalu ramai dalam bilik kuliah MPU
PA3	Penggunaan bilik kuliah untuk sesi MPU tersusun seperti yang telah dijadualkan	PA3	Tidak berlaku pertembungan penggunaan bilik kuliah dalam satu-satu masa
PA4	Saiz kelas untuk proses P&P adalah sesuai	PA4	Keluasan bilik kuliah untuk proses P&P adalah sesuai untuk pembelajaran MPU
PA5	Untuk proses P&P MPU adalah sesuai		-
PA6	Persekitaran bilik kuliah sesuai untuk pembelajaran MPU	PA5	Persekitaran bilik kuliah sesuai untuk pembelajaran MPU
PB7	Mempunyai bahan rujukan pembelajaran MPU yang mencukupi	PB6	Mempunyai bahan rujukan pembelajaran MPU yang mencukupi untuk dirujuk
PB8	Mempunyai bahan rujukan pembelajaran MPU yang pelbagai	PB7	Bahan rujukan untuk pembelajaran MPU di perpustakaan adalah terhad
PC13	Untuk P&P MPU mudah diperoleh	PC12	Untuk P&P MPU mudah diperoleh oleh pensyarah
PC14	Untuk P&P MPU pelbagai.	PC13	Untuk P&P MPU adalah sangat terhad
PC15	Untuk P&P MPU mencukupi.	PC14	Untuk P&P MPU mencukupi untuk digunakan pada bila-bila masa
PC16	Membantu proses P&P MPU.	PC15	Membantu proses P&P MPU di Politeknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila item-item telah di persetujuan oleh kesemua pakar maka dapatlah diakui bahawa instrumen tersebut mempunyai kesahan yang tinggi (Abu Bakar Nordin, 1986). Setelah mengambil kira beberapa perkara yang bertindih dan berulang, pengkaji telah menentukan item-item yang sebenar yang akan digunakan dalam kajian rintis.

3.8 Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan sesuatu instrumen kajian dalam melahirkan skor yang setara (Azizi Jaafar, 2015). Guilford dan Frucher (1978) menyatakan kebolehpercayaan merujuk kepada ketepatan, kestabilan dan ketekalan instrumen yang digunakan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain. Manakala Kirk dan Miller (1986) menyatakan kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan sesuatu ukuran walaupun diulangi beberapa kali dan kestabilan sesuatu ukuran pada sepanjang masa. Sehubungan dengan itu, sebelum sesuatu kajian dilaksanakan, kebolehpercayaan instrumen adalah faktor yang terpenting dilakukan oleh pengkaji. Sebagai seorang pengkaji memastikan instrumen tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi adalah satu kewajipan ke atasnya.

Chua (2011) menyatakan dalam sesuatu kajian kebolehpercayaan merujuk kepada kebolehan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Selain itu, kebolehpercayaan turut dikaitkan dengan darjah konsisten antara dua ukuran bagi perkara yang sama (Gay & Airasian, 2003; Sulaiman Ngah Razali, 2002; Alias Mat Saad 2010; Norhayati Fatmi Talib, 2014). Terdapat dua cara untuk menguji kekonsistenan sesuatu instrumen kajian. Pertama, dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan alat yang berbeza dan kedua, dengan menggunakan alat yang sama tetapi pada waktu yang berbeza (Sulaiman Ngah Razali, 2002).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan ukuran kekonsistenan dalaman bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian. Kekonsistenan dalaman merujuk kepada data yang diperlukan diperoleh daripada satu ujian (Alias Mat Saad, 2010). Kekonsistenan dalaman boleh diukur melalui indikator yang mengukur kebolehpercayaan seperti pekali *Cronbach Alpha*. Pekali *Cronbach Alpha* kini merupakan rumus yang banyak digunakan bagi tujuan mengukur kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian. Di dalam kajian ini, pekali *Cronbach Alpha* akan digunakan untuk menguji kekonsistenan dalaman terhadap item-item yang dibina. Nilai pekali *Cronbach Alpha* yang ditetapkan dalam setiap kajian adalah berbeza.

05-4506 tbupsi

Mohd Majid Konting (2005) tidak terdapat batasan yang khusus yang boleh digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, tetapi kebolehpercayaan yang melebihi 0.60 sering digunakan sebagai asas menentukan kebolehpercayaan soal selidik dan boleh diterima. Item yang mempunyai nilai *Cronbach Alpha* yang kurang daripada 0.30 akan diubahsuai atau dibuang. Abu Bakar Nordin (1992) menyatakan nilai alpha 0.6 hingga 0.8 boleh diterima dan nilai alpha melebihi 0.8 adalah yang baik. Manakala, menurut Sekaran (1992) nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang kurang daripada 0.60 disifatkan rendah dan tidak boleh diterima. Beliau juga menjelaskan bahawa nilai *alpha* yang berjulat antara 0.60 hingga 0.80 boleh diterima dan nilai alfa yang melebihi 0.80 adalah baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk mendapatkan nilai ketekalan dalam item-item instrumen, nilai alpha berasaskan koeffesien *Cronbach Alpha* telah digunakan dalam kajian ini. Ini berdasarkan bahawa soal selidik yang digunakan adalah dari jenis skala *Liker*t lima mata yang merupakan data selanjar. Oleh yang demikian, menurut Alias Baba (1999); Azmil Hashim (2010) pekali kebolehpercayaan dari jenis *Cronbach Alpha* paling sesuai digunakan. Pendapat ini di sokong oleh (Chua, 2006) iaitu bahawa ukuran yang sesuai untuk menentukan kebolehpercayaan alat ukuran soal selidik ialah dengan menggunakan *Cronbach Alpha.*

Nilai pekali *Cronbach Alpha* yang menghampiri 1 menunjukkan item-item dalam itu mengukur perkara yang sama dan nilai ini menunjukkan item-item tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (Azmil Hashim, 2010). Kebanyakkan pengkaji mencadangkan bahawa nilai alpha yang melebihi 0.80 menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu instrumen kajian (Brymen & Cramer, 1999; Azhar Yusuf, 2006; Zawawi Ismail, 2008; Azmil Hashim, 2010; Norhayati Fatmi Talib, 2014; Azizi Jaafar, 2015). Jadual 3.25 adalah klasifikasi indeks kebolehpercayaan yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.25

Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai *Cronbach Alpha*
Sangat Tinggi	0.90 – 1.00
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	0.00 – 0.30

Sumber: Brymen dan Cramer (1999)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif, pelbagai kaedah boleh digunakan, antaranya dengan cara triangulasi (Creswell, 2005; Othman Lebar, 2007; Alias Mat Saad, 2010; Mohd Syaubari Othman, 2018). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Kaedah temu bual ini melibatkan pensyarah pendidikan Islam yang mengajar kursus MPU di Politeknik.

Di samping itu, pengkaji menganalisis dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam Politeknik serta dokumen Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam untuk mendapatkan data kualitatif. Matlamat kesahan dan kebolehpercayaan adalah untuk memastikan ketepatan dan kebenaran sesuatu instrumen sebelum ia digunakan. Oleh itu, antara ciri-ciri kesahan sesuatu instrumen itu adalah merujuk kepada darjah sesuatu instrumen, sejauh manakah darjah instrumen tersebut dapat mengukur apa yang hendak diukur. Sesuatu instrumen itu dikatakan sah jika mampu mengukur apa yang hendak diukur (Alias Baba, 1997; McMillan & Schumacher, 2008; Sulaiman Ngah Razali, 2002; Wiersma, 2005; Azmil Hashim, 2010).

Selain itu, bagi mengukur kebolehpercayaan data kualitatif, Robson (1998) mencadangkan data yang diperoleh dari penyelidikan kualitatif seperti data analisis dokumen dapat diukur dengan menggunakan analisis Cohen Kappa. Kaedah ini adalah seperti yang telah di lakukan oleh penyelidik lepas seperti Azmil Hashim (2010) dan Alias Mat Saad (2010). Tujuan analisis indeks Cohen Kappa adalah untuk mendapat darjah persetujuan dari pakar terhadap unit analisis tema atau konstruk yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, seramai sebelas orang pakar telah dipilih untuk membuat penilaian persetujuan bagi unit data analisis dokumen dan tiga orang pakar dipilih untuk membuat penilaian persetujuan bagi unit data temu bual. Dalam Jadual 3.26, Jadual 3.27, Jadual 3.28, Jadual 3.29 dan Jadual 3.30 adalah nilai persetujuan antara pakar. Jadual 3.31 adalah contoh Unit Data Analisis Dokumen Falsafah Pendidikan Islam (FPI), Jadual 3.32 adalah contoh Unit Data Analisis Dokumen Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Jadual 3.33 adalah contoh persetujuan sub tema oleh pakar. Formula pengiraan nilai pekali persetujuan Cohen Kappa seperti (Robson, 1998).

$$K = \frac{Pa-Pc}{N-Pc}$$

Petunjuk kekunci: Pa= unit persetujuan

Pc= 50 peratus jangkaan persetujuan

N= bilangan unit yang diuji nilai persetuju

Jadual 3.26

Nilai Persetujuan antara Pakar 1 Hingga 5 (Analisis Dokumen)

Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Pakar 4	Pakar 5
$K = \frac{57-28.5}{57-28.5}$	$K = \frac{54-28.5}{57-28.5}$	$K = \frac{55-28.5}{57-28.5}$	$K = \frac{57-28.5}{57-28.5}$	$K = \frac{56-28.5}{57-28.5}$
$K = \frac{28.5}{28.5}$	$K = \frac{25.5}{28.5}$	$K = \frac{26.5}{28.5}$	$K = \frac{28.5}{28.5}$	$K = \frac{27.5}{28.5}$
K = 1.00	K = 0.89	K = 0.92	K = 1.00	K = 0.96

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.27

Nilai Persetujuan antara Pakar Pakar 6 Hingga 11 (Analisis Dokumen)

Pakar 6	Pakar 7	Pakar 8	Pakar 9	Pakar 10	Pakar 11
$K = \frac{54-28.5}{57-28.5}$	$K = \frac{57-28.5}{57-28.5}$	$K = \frac{57-28.5}{57-28.5}$	$K = \frac{57-28.5}{57-28.5}$	$K = \frac{57-28.5}{57-28.5}$	$K = \frac{57-28.5}{57-28.5}$
$K = \frac{25.5}{28.5}$	$K = \frac{28.5}{28.5}$	$K = \frac{28.5}{28.5}$	$K = \frac{28.5}{28.5}$	$K = \frac{28.5}{28.5}$	$K = \frac{28.5}{28.5}$
K = 0.89	K = 1.00	K = 1.00	K = 1.00	K = 1.00	K = 1.00

Jadual 3.28

Nilai Persetujuan Keseluruhan antara Pakar 1 Hingga 11 (Analisis Dokumen)

Purata Persetujuan Keseluruhan	Nilai Pekali Cohen Kappa
$\frac{1.00+0.89+0.92+1.00+0.96+0.89+1.00+1.00+1.00+1.00+1.00}{11}$	0.96
$\frac{10.55}{11}$	
K = 0.95	

Jadual 3.29

Nilai Persetujuan antara Pakar (Temubual Pensyarah)

Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Purata Persetujuan Keseluruhan	Nilai Pekali Cohen Kappa
$K = \frac{67-33.5}{60-33.5}$	$K = \frac{67-33.5}{63-33.5}$	$K = \frac{67-33.5}{61-33.5}$	$\frac{0.89+0.94+0.91}{3}$	0.91
$K = \frac{30.0}{33.5}$	$K = \frac{31.5}{33.5}$	$K = \frac{30.5}{33.5}$		
K= 0.89	K= 0.94	K= 0.91		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.30

Nilai Persetujuan antara Pakar (Temubual Pelajar)

Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Purata Persetujuan Keseluruhan	Nilai Pekali Cohen Kappa
K= 55-27.5 / 54-27.5 = 27.5 / 26.5 = 0.96	K= 55-27.5 / 47-27.5 = 23.5 / 27.5 = 0.85	K= 55-27.5 / 43-27.5 = 27.5 / 21.5 = 0.78	0.96+0.85+0.78 / 3	0.86

Jadual 3.31

Contoh Unit Data Analisis Dokumen Falsafah Pendidikan Islam (FPI)

Objektif Kursus MPU	No. Item	Falsafah Pendidikan Islam	Persetujuan Ya	Persetujuan Tidak	Perlu Dibaiki
Objektif 1	S1	Pendidikan suatu uasaha berterusan	/		
Melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan	S2	Menyampaikan ilmu berdasarkan al-Quran	/		
	S3	Menyampaikan ilmu berdasarkan al-Sunanah	/		
	S4	Membentuk kemahiran berdasarkan al-Quran	/		
	S5	Membentuk kemahiran berdasarkan al-Sunnah	/		
	S6	Memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Quran	/		
	S7	Memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Sunnah	/		

Jadual 3.32

Contoh Unit Data Analisis Dokumen Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Objektif Kursus MPU	No. Item	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	Persetujuan Ya	Persetujuan Tidak	Perlu Dibaiki
Objektif 1	A1	Pendidikan suatu usaha berterusan	/		
Melaksanakan dengan yakin	A2	Memperkembangkan potensi individu	/		
	A3	Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu	/		

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.32 (*sambungan*)

Objektif Kursus MPU	No. Item	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	Persetujuan		Perlu Dibaiki
			Ya	Tidak	
amalan Islam dalam kehidupan	A4	Insan seimbang dari segi intelek	/		
	A5	Insan seimbang dari segi rohani	/		
	A6	Insan seimbang dari segi emosi	/		
	A7	Insan seimbang dari segi jasmani	/		
	A8	Insan harmonis dari segi intelek	/		
	A9	Insan harmonis dari segi rohani	/		

Jadual 3.33

Contoh Persetujuan Sub Tema oleh Pakar

Kod	Definisi Operasi	Contoh Unit	Persetujuan	
			Ya	Tidak
KSM	Kesediaan modul	Alhamdulillah ok sahaja. Modul ada digunakan semasa P&P. Modul pensyarah bagi pada awal kelas… kemudian pensyarah akan beri taklimat perjalanan kuliah kita sepanjang semester. (P1PMJ)	/	
ISM	Istilah modul	Istilah dan tulisan dalam buku tu mudah difahami bila baca. (P2PSP)	/	
KDM	Kandungan dan susunan modul	Kandungan memang tersusun serba-sedikit kita akan belajar step by step belum ikut topik pensyarah akan ikut topik yang pertama topik yang kedua dan begitulah seterusnya. (P1PMJ)	/	
LML	Latihan modul	Latihan ada berdasarkan topik untuk mengukur apa yang kita faham selepas belajar. (P3PKB)	/	
AVM	Aktiviti modul	Aktiviti ini lebih kepada macam latihan jugalah sebab dia nak bagi apa yang kita belajar tu untuk ingat. (P2PSP)	/	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan dan kesahan item-item, kesesuaian istilah dan struktur ayat yang digunakan dalam soal selidik pensyarah dan pelajar. Selain itu, kajian rintis juga berperanan untuk mengenal pasti kelemahan dan kekurangan soal selidik yang digunakan sama ada perlu menjalani proses penambahbaikan atau tidak. Oleh itu, kajian rintis menentukan kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu instrumen yang dibangunkan. Kajian rintis telah dilaksanakan di enam buah Politeknik Malaysia yang dipilih mengikut pecahan zon. Politeknik-politeknik tersebut ialah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) Kedah, Politeknik Metro Johor (PMJB) Johor, Politeknik Melaka (PM), Politeknik Banting (PB) Selangor, Politeknik Nilai (PNS) dan Politeknik Mukah Sarawak (PMS).

05-4506 tbupsi

Terdapat pelbagai pandangan berkaitan jumlah sampel bagi kajian rintis. Menurut Connelly (2008) serta Treece dan Treece (2005) bilangan sampel untuk kajian rintis adalah 10% daripada sampel sebenar. Manakala Sekaran (2000), jika 10% daripada 500 populasi maka yang lebih sesuai adalah 50 sampel. Selain itu, Isaac dan Michael (1995) serta Hill (1998) mencadangkan saiz sampel untuk kajian rintis adalah antara 10 hingga 30 responden. Dalam kajian yang turut melibatkan analisis *PLS-SEM* seperti ini, jumlah minimum di antara 30 responden hingga 100 responden adalah memadai bagi kajian rintis (Ramayah et al., 2020). Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih seramai 50 orang pensyarah dan 50 orang pelajar untuk mengikuti kajian rintis bagi kedua-dua soal selidik iaitu soal selidik pensyarah dan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari 50 orang pensyarah yang terlibat, seramai16 orang pensyarah terdiri daripada Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) Kedah, 5 orang pensyarah Politeknik Metro Johor (PMJB), 4 orang pensyarah Politeknik Kota Melaka (PKM), 5 pensyarah Politeknik Banting (PB) Selangor, seramai 11 orang dari Politeknik Nilai (PNS) dan seramai 9 orang dari Politeknik Mukah Sarawak (PMS). Manakala jumlah daripada 50 orang pelajar yang terlibat dari keempat-empat buah politeknik seramai 8 orang pelajar terdiri daripada Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) Kedah, 8 orang pelajar Politeknik Metro Johor (PMJB), 7 orang pelajar Politeknik Melaka (PKM), 7 pelajar Politeknik Banting (PB) Selangor, 10 Politeknik Nilai (PNS) dan 10 orang dari Politeknik Mukah Sarawak (PMS). Berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan, nilai pekali *Cronbach Alpha* yang mengukur kebolehpercayaan soal selidik seperti yang di tunjukkan dalam Jadual 3.34 bagi pelajar dan Jadual 3.27 bagi pensyarah.

05-4506832 tbupsi

Ujian kebolehpercayaan berdasarkan analisis "*Cronbach Alpha*" yang di jalankan dan hasil daripada analisis kebolehpercayaan instrumen soal selidik pelajar bagi kajian rintis ini dapat dilihat dalam Jadual di bawah. Nilai "*Cronbach's Alpha*" keseluruhan bagi soal selidik pelajar ialah 0.980. Manakala Nilai "*Cronbach's Alpha*" keseluruhan bagi soal selidik pensyarah adalah 0. 972.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.34

Nilai Cronbach Alpha Soal Selidik Pelajar

Pelajar	*Cronbach Alpha*
Dimensi Input	0.951
Bilik Kuliah	0.785
Perpustakaan	0.805
Peralatan ICT	0.877
Modul MPU Sebagai Bahan Pembelajaran	0.935
Peruntukan Jam Pembelajaran P&P (SLT)	0.743
Dimensi Proses	0.957
Amalan Pelaksanaan Pengajaran	0.937
Amalan Pelaksanaan Pembelajaran	0.834
Penggunaan BBM	0.909
Kekerapan Menggunakan BBM Berikut Oleh Pensyarah	0.864
Pentaksiran Penilaian Berterusan (PB)	0.902
Dimensi Produk Impak:	0.962
Persepsi Pelajar	0.940
Kemampanan: Pembentukan Kefahaman Penghayatan Agama	0.939
Perihal Akidah	0.940
Perihal Ibadah	0.878
Perihal Akhlak	0.919
Kebolehpindahan: Amalan Penghayatan Agama Diaplikasian Dalam Kehidupan Pelajar	0.938
Perihal Akidah	0.889
Perihal Ibadah	0.879
Perihal Akhlak	0.865
Cronbach Alpha Keseluruhan	0.977

Berdasarkan Jadual 3.34, menunjukkan bahawa ukuran kebolehpercayaan untuk konstruk pelajar bagi dimensi input 0.951, dimensi proses 0.957dan dimensi produk adalah 0.962. Jadual 3.34 menunjukkan bahawa nilai *"Cronbach Alpha"* bagi semua konstruk pelajar adalah lebih besar daripada 0.6 (> 0.6), ia menunjukkan bahawa terdapat *"good internal consistency"* bagi item pengukur di dalam setiap skala. Oleh itu, instrumen kajian ini boleh dipercayai dan boleh diteruskan dengan kajian sebenar. Manakala hasil ujian kebolehpercayaan berdasarkan analisis "*Cronbach Alpha*" yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di jalankan kepada instrumen soal selidik pelajar pula menunjukkan Nilai "*Cronbach Alpha*" keseluruhan bagi soal selidik pelajar ialah 0.977.

Jadual 3.35

Nilai Cronbach Alpha Soal Selidik Pensyarah

Pensyarah	*Cronbach Alpha*
Dimensi Input	0.625
Pengetahuan Asas Pendidikan	0.756
Pengetahuan Terhadap Kursus MPU	0.706
Modul MPU Sebagai Bahan Pengajaran	0.704
Peruntukan Jam Pembelajaran P&P (SLT)	0.746
Bilik Kuliah	0.810
Perpustakaan	0.821
Peralatan ICT	0.772
Dimensi Proses	0.811
Amalan Pelaksanaan Pengajaran	0.617
Amalan Pelaksanaan Pembelajaran	0.790
Penggunaan BBM	0.648
Kekerapan Penggunaan BBM	0.697
Pemantauan Proses P&P	0.793
Pemantauan Dokumen Kursus MPU	0.624
Pentaksiran Penilaian Berterusan (PB)	0.822
Dimensi Produk	0.865
Keberkesanan: Pencapaian Objektif Kursus MPU	0.920
Keberkesanan: Pengetahuan Pedagogi	0.707
Keberkesanan: Pengetahuan Pedagogikal Kandungan MPU	0.811
Cronbach Alpha Keseluruhan	0.831

Berdasarkan Jadual 3.35 menunjukkan bahawa ukuran kebolehpercayaan untuk konstruk pensyarah bagi dimensi input 0.625, dimensi proses 0.811 dan dimensi produk adalah 0.865. Jadual menunjukkan bahawa nilai *"Cronbach Alpha"* bagi semua konstruk pensyarah adalah lebih besar daripada 0.6 (> 0.6), ia menunjukkan bahawa terdapat *"good internal consistency"* bagi item pengukur di dalam setiap skala. Oleh itu, instrumen kajian ini boleh dipercayai dan boleh diteruskan dengan kajian sebenar. Manakala hasil ujian kebolehpercayaan berdasarkan analisis "*Cronbach Alpha*" yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di jalankan kepada instrumen soal selidik pensyarah pula menunjukkan Nilai "*Cronbach's Alpha*" keseluruhan bagi soal selidik pensyarah ialah 0.831.

3.10 Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Dalam kajian ini pengumpulan data ditadbir sendiri oleh penyelidik secara atas talian. Sebelum pengumpulan data dibuat, beberapa prosedur penting disusun terlebih dahulu untuk memastikan kelancaran semasa pengumpulan data dijalankan. Dalam kajian ini juga, beberapa prosedur telah diatur untuk aktiviti pengumpulan data, antaranya:

i) Penyelidik memohon kebenaran untuk menjalankan penyelidikan di Politeknik yang terpilih daripada Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Sebanyak 6 buah Politeknik di pilih menjalani kajian rintis dan 18 buah Politeknik sebagai kajian sebenar. (Lampiran D).

ii) Penyelidik memohon surat akuan pelajar (Kebenaran Menjalankan Penyelidikan) daripada Institut Pengajian Siswazah (IPS-UPSI). Setelah surat akuan diperoleh penyelidik menghantar kepada Politeknik yang terlibat.

iii) Penyelidik memohon surat pelantikan pakar daripada Institut Pengajian Siswazah (IPS-UPSI) terlebih dahulu. Setelah surat diperoleh, penyelidik berhubung dan berjumpa dengan pakar yang terlibat terdiri daripada pakar penilaian pengukuran, pakar dalam bidang pendidikan Islam dan Penggubal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kursus (MPU) Pengajian Islam. Seramai 11 orang pakar yang terlibat dalam pengesahan instrument kajian ini. (Lampiran C).

iv) Penyelidik menghantar surat permohonan kebenaran mengedarkan soal selidik, surat akuan pelajar dan surat kelulusan daripada Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada Pengarah-pengarah Politeknik yang terlibat. (Lampiran D).

v) Proses penyelidikan bermula setelah semua prosedur-prosedur (a-d) selesai dilaksanakan.

Setelah prosedur-prosedur proses penyelidikan diperoleh, borang soal selidik diedarkan kepada responden secara atas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Form.* Kajian tinjauan secara atas talian dapat mengumpul data yang luas dengan cepat. Selain itu, kajian tinjauan berasaskan atas talian mempunyai pelbagai kelebihan seperti menjimatkan kos yang rendah serta proses pengumpulan data yang cepat. Kajian tinjauan berasaskan atas talian ini mudah ditadbir serta keupayaan untuk memindahkan maklum balas tinjauan secara langsung ke pengkalan data menjimatkan masa dan dapat mengurangkan kesalahan sewaktu perpindahan data dilaksanakan (Andrews et al., 2003).

Menurut Evans dan Mathur (2018) kaedah tinjauan atas talian semakin sesuai dan mendapat sambutan dimasa sekarang berbanding pada tahun 2005. Kajian tinjauan dalam talian juga mempunyai sifat yang berterusan (*lestari*) untuk digunakan sepanjang zaman. Di samping itu, selain daripada menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan data, penyelidik juga mengumpul data melalui kaedah temu bual. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini seramai 4 orang responden dari kalangan pensyarah dan 4 orang responden dari kalangan pelajar telah dipilih untuk menjalani sesi temu bual.

3.10.1 Pengumpulan Data Soal Selidik Secara Atas Talian "*Online Servey*"

Perkembangan dunia jalur lebar atau internet yang semakin pesat telah meningkatkan persekitaran frekuensi penggunaannya. Penggunaan jalur lebar atau secara atas talian sebagai medium untuk mengumpul data semakin banyak digunakan oleh penyelidik dalam kajian penyelidikan sains sosial (Schaefer & Dillman, 1998; Stanton, 1998). Menurut Hewson et al. (1996) melalui medium jalur lebar atau atas talian, pengumpulan data terhadap responden yang terlibat dapat dikumpulkan tanpa melibatkan pergerakan.

05-4506 tbupsi

Sehubungan dengan itu, perkembangan teknologi maklumat dan internet memberi impak positif kepada para penyelidik, antaranya penyelidik dapat mengumpul data dari pelbagai pelusuk dunia tanpa mengira masa dan tempat. Pelbagai jenis pengumpulan data seperti tinjauan, ujian, skala dan penilaian dapat diaplikasikan dalam medium atas talian melalui laman sesawang. Kepelbagaian dalam pengumpulan data dapat disampaikan serta disalurkan dengan cepat kepada pihak yang terlibat tanpa pengantaraan bahan cetakan seperti kertas, surat atau penglibatan orang tengah. Berdasarkan jumlah kajian yang melibatkan secara atas talian penggunaannya didapati semakin hari semakin meningkat. Selain itu, didapati juga pengumpulan data secara atas talian, memberi kebebasan kepada responden untuk menyatakan pendapat secara terbuka atau menjawab soal selidik tanpa terikat dengan mana-mana pihak (Stanton & Rogelberg, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akbulut (2015) menyatakan responden dapat menyatakan pendapat mereka secara bebas dan terbuka dalam persekitaran atas talian. Selain itu, faktor pemilikan internet dalam masyarakat antara penyumbang kepada penyelidikan secara atas talian digunakan. Penyelidikan secara atas talian merupakan elemen yang bermanfaat, kerana kemampuannya dapat mempercepatkan sesuatu data diperoleh khusus dalam peneyelidikan sains sosial (Payne & Barnfather, 2012). Selain itu. hasil tinjauan pengumpulan data secara atas talian mendapati banyak memberi faedah khusus dalam penyampaian soal selidik kepada respoden dalam kategori kumpulan khas yang sukar diakses lokasinya (Baltar & Brunet, 2012).

3.10.2 Pengumpulan Data Soal Selidik Pensyarah dan Pelajar

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun tbupsi

Penyelidik menghubungi setiap pegawai yang telah ditetapkan oleh Pihak Politeknik iaitu Ketua Jabatan Pengajian Am dan Ketua Kursus Pendidikan Islam di Politeknik yang terlibat. Biasanya di Politeknik subjek Pendidikan Islam berada di bawah seliaan Ketua Kursus Pendidikan Islam. Oleh itu, penyelidik menghubungi Ketua Kursus Pendidikan Islam untuk berbincang secara detail mengenai bilangan pensyarah serta pelajar yang diambil sebagai responden kajian. Setelah maklumat di peroleh, penyelidik menghubungi responden untuk tujuan pengedaran soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10.3 Pengumpulan Data Analisis Dokumen

Data analisis dokumen dikumpulkan dari Dokumen Kursus (MPU) Pengajian Islam, Dokumen Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dokumen Falsafah Pendidikan Islam. Data analisis dokumen bertujuan untuk menjawab persoalan kajian 1(a) Adakah Objektif Kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)? dan 1(b) Adakah Objektif Kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI)?

3.10.4 Pengumpulan Data Temu Bual

Temu bual dilaksanakan bagi tujuan untuk mendapatkan maklum balas pensyarah berkaitan pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam yang di jalankan. Protokol temu bual separa berstruktur digunakan semasa temu bual di jalankan supaya soalan-soalan yang dikemukakan lebih berfokus. Pengkaji menggunakan alat rakaman untuk merakam temu bual yang dijalankan supaya pengkaji dapat memberikan tumpuan yang disampaikan oleh responden semasa sesi rakaman. Dengan ini, pengkaji dapat memahami dan menilai apa yang akan dijelaskan dan mengemukakan soalan susulan yang sesuai. Setelah sesi temu bual berakhir, pengkaji menulis semula ayat demi ayat temu bual tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji melaksanakan langkah-langkah temu bual dengan mengambil pandangan seperti yang telah dicadangkan oleh Creswell (2005). Antara langkah-langkah tersebut ialah kenal pasti mereka yang hendak ditemu bual, tentukan bentuk temu bual yang akan digunakan, rakam soalan dan jawapan supaya mendapat maklumat yang tepat semasa perbualan, membuat catatan, temu bual hendaklah mengikut apa yang telah dirancang dan tamatkan temu bual secara profesional dengan mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan.

3.11 Tatacara Analisis Data

Analisis data bagi kajian ini melalui empat analisis proses penganalisisan, iaitu analisis pertama dengan menggunakan analisis dokumen. Analisis dokumen digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai Kerelevanan Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Objektif Kursus (MPU) Pengajian Islam melalui borang senarai semak yang telah disahkan oleh pakar. Proses ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian (1a) Adakah objektif kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)? dan (1b) Adakah objektif kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI)?

Analsis kedua adalah melalui proses berkaitan pemeriksaan data dan analisis data. Seterusnya data dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS *"Statistical Package for Social Science"* (SPSS Versi 21.0). Perisian SPSS digunakan untuk menjawab persoalan kajian (2a) Apakah tahap kompetensi pensyarah dari aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakan ikhtisas untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran?, (2b) Apakah tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran dan peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "Student Learning Time" (SLT) mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik?, (2c) Apakah tahap infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik ?, (3a) Apakah tahap proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?, (3b) Apakah tahap proses pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, serta pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik dilaksanakan dengan berkesan?, (3c) Apakah tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?, (4a) Apakah tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek impak iaitu keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam? dan (4b) Apakah tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam mencapai objektif kursus yang ditawarkan?).

Analsis ketiga adalah menggunakan perisian *Smart Partial Least Squares* - Smart PLS 3.0. Perisian Smart PLS 3.0 pula digunakan untuk menganalisis multivariate pemodelan persamaan struktural atau *Smart Partial Least Square Stuctural Equation Modelling* (*PLS-SEM*) untuk menjawab persoalan kajian (4c) Adakah terdapat hubungan Kompetensi (Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) terhadap pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kandungan "*Pedagogical Content Knowledge*" dalam kalangan pensyarah? (4d) Adakah terdapat hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) terhadap Pembentukan Kefahaman Agama (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar? dan (4e) Adakah terdapat hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) terhadap amalan penghayatan agama (akidah, ibadah dan akhlak) untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar?). Manakala analsis keempat analisis melibatkan analisis temu bual dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Proses analisis temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam yang dilaksanakan di Politeknik.

05-4506 tbupsi

3.11.1 Analisis Dokumen

Pengkaji telah memastikan setiap maklumat yang direkodkan dalam dokumen yang diperoleh diterjemahkan dengan betul. Menurut Miles dan Huberman (1994) setiap dokumen dianalisis mengikut nama dan jenis dokumen, tujuan dokumen tersebut disediakan, di mana dan untuk apa dokumen itu digunakan, kepentingan dokumen dan untuk siapa ia disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai Kerelevanan Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Kursus (MPU) Pengajian Islam. Menurut Patton (1990) analisis dokumen mampu memberi maklumat yang berharga kepada seseorang pengkaji dengan cara pengkaji menekuni secara langsung dokumen tersebut. Dengan cara tersebut, pengkaji akan membina kekuatan kepada setiap data yang diperoleh.

3.11.2 Analisis Deskriptif

Melalui analisis deskriptif, pengkaji telah menyusun beberapa persoalan kajian untuk diproses penganalisisan secara kuantitatif. Data-data kuantitatif ini dilakukan secara deskriptif melalui analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences Version* 21.0. Proses menganalisis data kuantitatif ini dilakukan secara deskriptif iaitu menggunakan *frekuensi,* peratusan, min dan sisihan piawai.

3.11.3 Analisis Kualitatif

Melalui hasil temu bual yang diperoleh, data dianalisis dengan membuat transkripsi untuk memudahkan urusan data yang diperlukan bagi tujuan menyokong dan memperjelaskan hasil dapatan daripada data kuantitatif. Data diklusterkan mengikut persoalan kajian, kemudian data ditranskripsikan iaitu ditulis semula daripada hasil rakaman. Setelah proses penyalinan dibuat, data salinan disahkan oleh responden bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tujuan ketepatan proses salinan. Kemudian proses mengklasifikasikan ayat dan proses kod bersebelahan ayat dijalankan.

Setelah proses ayat-ayat penting dikelompokkan kepada unit-unit dan tema-tema, proses seterusnya adalah secara *peer checking* oleh pakar untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan dan ketepatan tema yang terhasil. Data kemudiannya dianalisis berdasarkan tema-tema yang terhasil dan menyusun mengikut tema dan persoalan kajian. Seterusnya rumusan dan laporan dibuat dalam penulisan kajian.

3.11.4 Analisis Inferensi

Selain itu, dalam kajian ini beberapa persolan kajian dianalsis dengan menggunakan *Smart Partial Least Squares Equato Modeliing - Smart PLS* 3.0. *Smart Partial Least Squares Structural Equato Modeliing* (*PLS-SEM*) merupakan teknik statistik lanjutan yang kompleks dan popular ketika ini. Teknik ini semakin popular dan digunakan dalam kebanyakan penyelidikan sains sosial (Hair et al., 2014; Hair et al., 2010; Schumaker & Lomax, 2010). Penyelidik menggunakan pendekatan PLS-SEM (*Partial Least Square-Structural Equation Modeling*) dengan berbantukan perisian Smart PLS 3.0 (Ringle et al., 2016) untuk menjawab soalan kajian (4C, 4D, 4E dan 4F).

Pemilihan pendekatan *PLS-SEM* adalah disebabkan oleh beberapa perkara iaitu kaedah ini dapat dilakukan pada model persamaan struktur yang kompleks yang terdiri daripada banyak pemboleh ubah dan item, boleh mengawal kedua-dua pemboleh ubah berbentuk reflektif dan formatif (Hair et al., 2014), data yang tidak normal (Zhang et

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

al., 2007), menguji perhubungan antara pemboleh ubah secara serentak (Henseler et al., 2016), model kajian bersifat reflektif dan atau formatif (Hair et al., 2017), kajian yang bersifat penerokaan (*exploratory*) dan bukan pengujian teori. Oleh itu, penyelidik menggunakan *PLS-SEM* adalah kerana dimensi produk dalam kajian ini memfokuskan kepada hubungan dan menerangkan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian (Hair et al. 2014).

Analisis *PLS-SEM* yang digunakan terdiri daripada dua jenis iaitu analisis model pengukuran dan model struktur. Pertama melalui penilaian model pengukuran penyelidik dapat menilai kebolehpercayaan dan kesahan pemboleh ubah yang diukur. Kesahan terhadap model pengukuran menjadi keperluan dalam menilai model sesuatu model struktur. Manakala penilaian model struktur pula bertujuan menilai keupayaan model dalam meramal hubungan yang terbaik antara pemboleh ubah-pemboleh ubah (Hair et al., 2014).

Dalam kajian ini model yang berkaitan adalah bersifat reflektif. Menurut Hair et al. (2014) untuk model pengukuran reflektif, arah sebab dan akibat adalah daripada pemboleh ubah untuk mengukur. Setiap item yang mewakili pemboleh ubah dijangka mempunyai korelasi antara satu sama lain. Menggugurkan item daripada model pengukuran tidak memberi kesan kepada pemboleh ubah.

Model pengukuran yang bersifat reflektif perlu melalui tiga jenis ujian iaitu kesahan konvergen, kesahan diskriminan dan kebolehpercayaan konstruk. Kesahan konvergen ditentukan berdasarkan ujian nilai *outer loading* bagi setiap item dan *Average Variance Extracted* (AVE). Nilai *outer loading* melebihi 0.7 menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa item-item kajian telah mencapai tahap kesahan konvergen yang telah ditetapkan (Hair et al. 2017; Henseler et al., 2009; Ringle et al., 2012). Manakala nilai AVE melebihi 0.5, menunjukkan bahawa pemboleh-pemboleh ubah kajian mampu menerangkan purata perubahan antara item-item (Hair et al., 2017; Henseler et al., 2009; Ringle et al., 2012).

Bagi ujian kesahan diskriminan pula ditentukan berdasarkan ujian Heterotrait-Monotrait (HTMT) (Hair et al., 2017; Henseler et al., 2014). Ujian HTMT bertujuan untuk memastikan item-item dalam sesuatu pemboleh ubah berbeza dengan item-item dalam pemboleh ubah yang lain (Hair et al., 2017). Aras nilai HTMT yang dicadangkan ialah kurang dari 0.85 (Clark & Watson, 1995; Kline, 2015), atau kurang dari 0.90 (Gold et al., 2001; Teo et al., 2008). Aras nilai HTMT yang kurang dari 0.85 adalah yang terbaik kerana ia mempunyai kadar sensitiviti yang tinggi terhadap kesahan diskriminan dan menunjukkan perbezaan item-item dalam setiap pemboleh ubah. Walau bagaimanapun, aras nilai kurang dari 0.9 masih boleh diterima (Henseler et al., 2014).

Seterusnya ujian kebolehpercayaan konstruk. Kebolehpercayaan pemboleh ubah merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman instrument kajian (Chua, 2014; Palaniappan, 2009; Sekaran & Bougie, 2016). Ujian kebolehpercayaan pemboleh ubah dilakukan menggunakan ujian kebolehpercayaan komposit yang diperoleh melalui prosedur PLS Algorithm. Nilai kebolehpercayaan komposit di bawah 0.6 dikategorikan sebagai lemah, 0.7 sebagai memuaskan dan 0.8 ke atas dikategorikan sebagai baik (Henseler et al., 2009; Sekaran & Bougie, 2016). Nilai kebolehpercayaan komposit bagi setiap pemboleh ubah perlu lebih besar daripada 0.70 (Hair et al., 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua melalui penilaian model struktur. Bagi analisis model struktur pula melibatkan ujian *path Coefficients,* ujian kekuatan model (R2), Ujian Saiz Kesan (f2) dan ujian ramalan relevan. Untuk ujian *path Coefficients* dinilai berdasarkan nilai beta (β), statistik t (t) atau nilai p (Hair et al., 2017; Henseler et al., 2009). Nilai β digunakan sebagai petunjuk pemberat sumbangan bagi setiap pemboleh ubah bebas atau peramal dalam sesuatu perhubungan. Nilai beta yang tinggi bagi sesuatu pemboleh ubah menunjukkan bahawa sumbangannya ialah lebih tinggi berbanding dengan pemboleh ubah yang mempunyai nilai beta yang lebih rendah. Ini bermakna semakin tinggi nilai beta, semakin penting pemboleh ubah peramal tersebut (Henseler et al., 2014).

Nilai t pula menentukan tahap signifikan sesuatu hubungan, iaitu (*t > 1.28 ($p < 0.10$); **t > 1.65 ($p < 0.05$); ***t > 2.33 ($p < 0.001$)) apabila hipotesis kajian mempunyai arah sama ada positif atau negatif, manakala (*t > 1.65 ($p < 0.10$); **t > 1.96 ($p < 0.05$); ***t > 2.57 ($p < 0.001$)) apabila hipotesis kajian tidak mempunyai tanda arah (Hair et al., 2017; Henseler et al., 2009). Bagaimanapun, dalam kajian sains sosial, nilai $p < 0.05$ digunakan sebagai tanda signifikan bagi sesuatu hasil kajian (Chua, 2014).

Bagi ujian kekuatan model pula adalah bertujuan untuk menilai tahap perubahan yang berlaku kepada pemboleh ubah bersandar apabila dimasukkan pemboleh ubah tidak bersandar ke dalam analisis. Kekuatan model diukur berdasarkan kepada nilai R2 yang diperoleh melalui prosedur PLS *Algorithm*. Kekuatan model diukur berdasarkan kepada nilai R2 yang diperoleh melalui prosedur PLS *Algorithm*. Walau bagaimanapun, bagi kajian-kajian yang berkaitan dengan sains sosial, nilai R2 yang disyorkan ialah R2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

= 0.26 yang dikategorikan sebagai teguh, 0.13 sebagai sederhana dan 0.02 sebagai lemah (Cohen, 1988).

Ujian saiz bertujuan untuk menilai tahap sumbangan pemboleh ubah tidak bersandar ke atas pemboleh ubah bersandar. Saiz kesan diukur berdasarkan kepada nilai f2 yang diperoleh melalui prosedur PLS *Algorithm*. Nilai f2 = 0.35 dikategorikan sebagai besar, 0.15 sebagai sederhana dan 0.02 sebagai kecil (Hair et al., 2017). Manakala proses yang terakhir adalah ujian ramalan relevan (Q2). Ramalan relevan bertujuan untuk menilai keupayaan pemboleh ubah tidak bersandar meramal pemboleh ubah bersandar. Ramalan relevan diukur berdasarkan kepada nilai Q2 yang diperoleh melalui prosedur blindfolding. Nilai Q2 lebih besar daripada 0 menunjukkan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar berupaya bertindak sebagai peramal kepada pemboleh ubah bersandar (Hair et al., 2017).

Manakala analisis IPMA pula ini telah di perkenalkan oleh Martilla dan James (1977) sebagai cara untuk mengukur kepuasan pelanggan dengan produk atau perkhidmatan. Pendekatan IPMA mengiktiraf kepuasan sebagai fungsi dua kompenan iaitu kepentingan produk atau perkhidmatan kepada pelanggan dan prestasi perniagaan dalam menyediakan perkhidmatan atau produk tersebut (Martilla & James, 1977). IPMA bukan sahaja menganalisis laluan pekali (iaitu dimensi kepentingan), ia juga mempertimbangkan nilai purata sesuatu pemboleh ubah dan petunjuk pemboleh ubah tersebut (dimensi prestasi). Melalui analisis ini, sesuatu penemuan dan kesimpulan tambahan dapat dihasilkan daripada analisis dimensi kepentingan dan dimensi prestasi dalam satu aplikasi SEM-PLS (Ringle & Sarstedt, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.12 Penutup

Secara keseluruhannya dalam bab ini pengkaji mengemukakan metodologi yang digunakan berdasarkan model CIPP Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Dalam bab ini reka bentuk kajian yang digunakan adalah melibatkan deskriptif dengan kaedah gabungan antara kuantitatif sebagai *primer* dan kualitatif sebagai *sekunder* untuk menyokong data kuantitatif. Data kuantitatif diperoleh melalui borang soal selidik manakala data kualittatif diperoleh melalui protokol semi struktur temu bual dan analisis dokumen melalui senarai semak. Data kuantittaif dianalisis melalui dua kaedah iaitu *SPSS* dan laluan *PLS-SEM* berdasarkan persoalan kajian yang telah dibina. Di samping itu, dalam bab ini juga pengkaji telah mengemukakan populasi, pensampelan, prosedur pengumpulan data, kaedah penganalisisan, kebolehpercayaan dan instrumen kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian meliputi profil responden kajian dan data analisis kajian. Analisis deskriptif dalam kajian ini melibatkan perisian IBM *SPSS "Statistical Package for Social Science"* (*SPSS* Versi 21.0). Selain itu, dalam kajian ini analisis turut melibatkan laluan *Smart Partial Least Squares* - *Smart PLS* 3.0. Penggunaan *SPSS* versi 21.0 adalah bertujuan untuk menerangkan analisis data deskriptif yang akan menjelaskan tentang min, mod, sisihan piawai dan peratusan. Manakala perisian *Smart PLS* 3.0pula digunakan untuk menganalisis multivariate pemodelan persamaan struktural atau *Smart Partial Least Square Structural Equation Modelling* (*PLS-SEM*). Di samping itu, data temu bual diperoleh untuk menyokong dapatan utama kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian pertama bab ini memaparkan beberapa proses penapisan data sebelum meneruskan kepada analisis kajian. Antara proses tersebut adalah proses analisis penapisan data, penilaian data yang hilang, penilaian data terpencil (*Outliers*), penilaian *common method bias,* penilaian ujian *multivariate*, penilaian data *normaliti* dan penilaian berbilang *kolinearitи* (*multicollineriti*).

Bahagian kedua terdiri daripada profil responden: (1) profil responden pakar penilai kerelevanan kurikulum; (2) profil responden pensyarah kursus (MPU) Pengajian Islam; dan (3) profil responden pelajar yang telah mengambil kursus (MPU) Pengajian Islam. Bahagian ketiga dalam bab ini membincangkan hasil dapatan kajian dimensi konteks iaitu: soalan kajian (1a) kerelevanan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK); dan soalan kajian (1b) kerelevanan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

Bahagian keempat bab ini membincangkan hasil dapatan kajian dimensi input iaitu: soalan kajian (2a) i – Tahap Kompetensi Pensyarah aspek Pengetahuan Asas Pendidikan; soalan kajian (2a) ii – Tahap Kompetensi Pensyarah aspek Pengetahuan Terhadap Kursus (MPU) Pengajian Islam; soalan kajian (2a) iii – Kelayakan Ikhtisas untuk Melaksanakan P&P. Seterusnya soalan kajian (2b) i – Tahap Kesediaan Modul (MPU) Pengajian Islam Sebagai Bahan Pengajaran; soalan kajian (2b) ii – Peruntukan Pengagihan Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) *Student Learning Time.* Dan soalan kajian (2c) i – Tahap kesediaan Infrastruktur (bilik kuliah); soalan kajian (2c) ii – Tahap kesediaan Infrastruktur (perpustakaan); soalan kajian (2c) iii – Tahap kesediaan Infrastruktur (peralatan ICT) Terhadap Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian kelima bab ini membincangkan hasil dapatan kajian dimensi proses iaitu: soalan kajian (3a) i – Tahap Proses Amalan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran; soalan kajian (3a) ii – Tahap Proses Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM); soalan kajian (3b) i – Tahap Proses Pemantauan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran; soalan kajian (3b) ii – Tahap Proses Pemantauan Dokumen Kursus (MPU) Pengajian Islam; soalan kajian (3c) i – Tahap Proses Pelaksanaan Pentaksiran Penilaian berterusan (PB) Kursus (MPU) Pengajian Islam.

Bahagian keenam bab ini membincangkan hasil dapatan kajian dimensi produk iaitu: soalan kajian (4a) i – produk Impak, Keputusan Penilaian Berterusan (PB); soalan kajian (4a) ii – produk Impak, Persepsi Pelajar Terhadap Kursus (MPU) Pengajian Islam; soalan kajian (4b): Produk Keberkesanan Mencapai Objektif Kursus; soalan kajian (4c): Produk Keberkesanan, Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Kompetensi Pensyarah (Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan Pedagogikal Kandungan *"Pedagogical Content Knowledge*" dalam kalangan pensyarah; soalan kajian (4d): Produk Kemampanan, Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam (Modul MPU, bilik kuliah, perpustakaan, peralatan ICT dan Pelaksanaan Amalan P&P) dengan Pembentukkan Kefahaman Agama (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar; soalan kajian (4e): Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam (Modul MPU, bilik kuliah, perpustakaan, peralatan ICT dan Amalan Pelaksanaan P&P) dengan amalan penghayatan agama (akidah, ibadah dan akhlak) berpotensi untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Prosedur Tapisan Data

Sebelum data dianalisis dengan lebih lanjut, prosedur penapisan data yang teliti perlu dijalankan terlebih dahulu agar penilaian dapat dijalankan dengan lebih tepat dan sesuai (Hair et al., 2010). Kline (2005) turut berpandangan bahawa memulakan analisis data selepas selesai memasukkan data ke dalam perisian komputer tertentu tanpa menapis data terlebih dahulu akan menyebabkan dapatan kajian tidak tepat. Oleh itu prosedur penapisan data dalam kajian ini melibatkan analisis kehilangan data, analisis data terpencil dan analisis *common method bias*.

4.2.1 Penilaian Data yang Hilang

05-45068 Perpustakaan Tuanku Bainun tbupsi

Data yang hilang berlaku ketika responden melangkau atau enggan menjawab soalan tertentu di dalam soal selidik (Kline, 2016). Dalam kajian ini, data terdiri daripada 396 soal selidik yang telah dimasukkan ke dalam perisian SPSS versi 21.0. Nilai kekerapan di dalam analisis deskriptif telah dilakukan terhadap semua pemboleh ubah untuk mengenal pasti data yang hilang. Data yang hilang dapat diganti dengan menggunakan nilai min jika data yang hilang itu adalah 5% dan ke bawah, manakala untuk data yang hilang lebih daripada 50%, disarankan untuk dikeluarkan daripada kajian tanpa mempengaruhi ukuran saiz sampel (Hair et al., 2014). Oleh itu, di dalam kajian ini, Jadual 4.1, Jadual 4.2, Jadual 4.3, Jadual 4.4 dan Jadual 4.5 menunjukkan tidak ada data yang hilang kerana semua item pengukuran telah diisi oleh responden dan dapat disimpulkan bahawa tidak muncul masalah yang utama tentang data yang hilang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Analisis Penilaian Untuk Data yang Hilang Bagi Data Kompetensi Pensyarah

Pemboleh Ubah	N	Peratusan
Pengetahuan Asas Pendidikan	202	100.00%
Pengetahuan Terhadap Kursus (MPU) Pengajian Islam	202	100.00%

Jadual 4.2

Analisis Penilaian untuk Data yang Hilang bagi Data Pengetahuan Pedagogi dan Pedagogikal Kadungan MPU (PPPK)

Pemboleh Ubah	N	Peratusan
Pengetahuan Pedagogi	202	100.00%
Pengetahuan Pedagogi Kandungan MPU	202	100.00%

Jadual 4.3

Analisis Penilaian untuk Data yang Hilang bagi Data Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam

05-45068 tbupsi

Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam	N	Peratusan
Bilik Kuliah	353	100.00%
Perpustakaan	353	100.00%
Peralatan ICT	353	100.00%
Modul MPU Sebagai Bahan Pembelajaran	353	100.00%
Pelaksanaan Amalan Pengajaran	353	100.00%
Pelaksanaan Amalan Pembelajaran	353	100.00%
Penggunaan BBM	353	100.00%

Jadual 4.4

Analisis Penilaian untuk Data yang Hilang bagi Data Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam	N	Percent
Pembentukan Kefahaman Penghayatan Agama Akidah	353	100.00%
Pembentukan Kefahaman Penghayatan Agama Ibadah	353	100.00%
Pembentukan Kefahaman Penghayatan Agama Akhlak	353	100.00%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Analisis Penilaian untuk Data yang Hilang bagi Data Amalan Penghayatan Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam	N	Peratusan
Amalan Penghayatan Agama Akidah	353	100.00%
Amalan Penghayatan Agama Ibadah	353	100.00%
Amalan Penghayatan Agama Akhlak	353	100.00%

4.2.2 Penilaian Data Terpencil (*Outlier*)

Data terpencil (*outlier*) bermaksud pemerhatian yang dianggarkan tidak konsisten dan berbeza dengan data yang lain (Hair et al., 2014). Pengesanan data terpencil (*outlier*) berlaku apabila data yang dimasukkan ke dalam SPSS tidak betul dan kegagalan untuk menentukan kod data yang hilang di dalam *syntax* komputer sehingga menunjukkan data yang hilang dibaca sebagai data yang sebenar (Tabachnick & Fidell, 2013).

Dalam kajian ini, untuk meneruskan analisis dengan *PLS-SEM*, data terpencil (*outlier*) dapat diperiksa dengan kaedah *case wise diagnostic* dalam menangani masalah data terpencil. Analisis menunjukkan terdapat 43 responden yang mempunyai masalah data terpencil bagi data pelajar dan telah digugurkan daripada kajian ini. Manakala, terdapat 9 responden yang mempunyai masalah data terpencil bagi data pensyarah dan telah digugurkan daripada kajian ini. Oleh itu, analisis untuk kajian ini diteruskan dengan jumlah 353 responden bagi data pelajar dan 202 responden bagi data pensyarah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Penilaian *Common Method Bias*

Common method bias merujuk kepada bias yang berlaku dalam kaedah pengukuran (*measurement method*). Terdapat pelbagai pandangan tentang *Common method bias*. Menurut Chang et al. (2010) menyatakan bahawa bias terjadi jika responden kajian terdiri daripada satu sumber sahaja. Responden menilai diri sendiri lebih dari yang sepatutnya (*overestimate*). Situasi ini juga dikenali sebagai *self-reported* dan akan menyebabkan ralat sistematik (*systematic error*). Namun, menurut Lindell dan Whitney (2001) yang menyatakan bahawa *common method bias* adalah perkara yang remeh. Walau bagaimanapun terdapat juga pandangan yang menggesa agar para penyelidik melakukan perkara yang terdaya untuk mengatasi masalah *common method bias* (Podsakoff et al., 2003).

05-4506 tbupsi

Justeru itu, penyelidik menggunakan kaedah yang diperkenalkan oleh Bagozzi et al. (1991) iaitu dengan menguji *common method bias* melalui *inter-construct correlation*. Melalui kaedah ini, jika korelasi antara pemboleh ubah kajian melebihi 0.90, maka data menghadapi masalah *common method bias* (Bagozzi et al., 1991). Namun berdasarkan Jadual 4.6, Jadual 4.7 dan Jadual 4.8 menunjukkan tiada pemboleh ubah kajian yang berkorelasi melebihi dari 0.90. Dapatan ini sekali gus membuktikan bahawa data kajian adalah bebas dari masalah *common method bias.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Korelasi antara Pemboleh Ubah Kajian bagi Data Kompetensi Pensyarah

Pemboleh Ubah	KOMPETENSI	PPPK
KOMPETENSI	1	
PPPK	-0.124	1

**Correlation is Significant at the 0.01 level (2-tailed).
Nota, Kompetensi = Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus MPU, PPPK = Pengetahuan Pedagogi dan Pedagogikal Kandungan MPU

Jadual 4.7

Korelasi antara Pemboleh Ubah Kajian bagi Data Pelaksanaan Kursus MPU dan Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Pemboleh Ubah	MPU	PKA	PKI	PKH
MPU	1			
PKA	0.612**	1		
PKI	0.597**	0.769**	1	
PKH	0.613**	0.611**	0.759**	1

**Correlation is Significant at the 0.01 level (2-tailed).
Nota, MPU = Pelaksanaan Kursus MPU, PKA = Pembentukan Kefahman Akidah, PKI = Pembentukan Kefahaman Ibadah, PKH = Pembentukan Kefahaman Akhlak

05-4506 tbupsi

Jadual 4.8

Korelasi antara Pemboleh Ubah Kajian bagi Data Pelaksanaan Kursus MPU dan Amalan Pengahayatan Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Pemboleh Ubah	MPU	PPA	PPI	PPH
MPU	1			
PPA	0.676**	1		
PPI	-0.101	-0.082	1	
PPH	-0.880	-0.067	0.668**	1

**Correlation is Significant at the 0.01 level (2-tailed).
Nota MPU = Pelaksanaan Kursus MPU, PPA = Amalan Penghayatan Akidah, PPI = Amalan Penghayatan Ibadah, PPH = Amalan Penghayatan Akhlak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4 Penilaian Ujian Multivariat

Dalam kajian ini, penyelidik menjalankan analisis ujian multivariat bagi memastikan data mempunyai kuasa penjelasan yang baik (Meyers et al., 2006) supaya data dapat di interpretasi dengan tepat. Keputusan analisis yang terhasil adalah tidak betul sekiranya ujian andaian tersebut tidak dipenuhi (Tabachnick & Fidell, 2007). Walau bagaimanapun secara dasarnya *PLS-SEM* tidak memerlukan data bertabur secara normal (*multivariate normal distribution*) kerana ianya khusus untuk data yang tidak bertabur secara normal (Hair et al., 2014). Sebaliknya jika ujian multivariat ini dijalankan juga, maka akan menghasilkan data yang sesuai dan bermakna serta memenuhi andaian secara statistik. Ujian-ujian ini meliputi ujian kenormalan data dan berbilang kolineariti (*multicollinearity*), (Hair et al., 2010; Tabachnick & Fidell, 2007).

05-4506832 tbupsi

4.2.5 Penilaian Data Normaliti

Ujian kenormalan data dijalankan bertujuan mengenal pasti sama ada terdapat pemboleh ubah pengganggu atau residual mempunyai taburan normal. Menurut Hair et al. (2014) normaliti bermaksud bentuk taburan normal bagi pemboleh ubah dan korespondennya. Terdapat pelbagai kaedah dalam menentukan sama ada data yang dikumpul di dalam kajian memenuhi andaian normaliti atau tidak iaitu secara visual atau statistik. Ujian secara visual boleh dilakukan dengan melihat kepada *boxplot* dan rajah histogram, manakala secara statistik adalah dengan melihat nilai *Skewness* dan *Kurtosis* ataupun ujian *Kolmogorov-Smirnov* dan *Shapiro-Wilk*. Hair et al. (2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyarankan supaya pengujian kenormalan di lakukan melalui kaedah ujian *Skewness*, *Kurtosis*, *Kolmogorov-Smirnov* dan *Shapiro-Wilk*.

Data yang diperoleh daripada bahagian ini adalah berdasarkan Soal Selidik Pelajar. Dapatan kajian berkaitan tahap infrastruktur iaitu peralatan ICT yang disediakan, aspek mencukupi dan membantu dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Untuk melihat secara terperinci tahap infrastruktur yang disediakan, keterangan analisis deskriptif adalah seperti dalam Jadual 4.45 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.45

Tahap Infrastruktur iaitu Peralatan ICT

No.	Item	Kekerapan (Peratus) (N = 353)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
		STS	TS	KS	S	SS			
1	Untuk P&P MPU mudah diperoleh oleh pensyarah	0 (0.0)	0 (0.0)	24 (6.8)	133 (37.7)	196 (55.5)	4.49	0.622	Tinggi
*2	Untuk P&P MPU adalah sangat terhad	0 (0.0)	0 (0.0)	11 (3.1)	187 (53.0)	155 (43.9)	4.41	0.552	Tinggi
3	Untuk P&P MPU mencukupi untuk digunakan pada bila-bila masa	0 (0.0)	0 (0.0)	13 (3.7)	183 (51.8)	157 (44.5)	4.41	0.562	Tinggi
4	Membantu proses P&P MPU di Politeknik	0 (0.0)	3 (0.8)	27 (7.6)	176 (49.9)	147 (41.6)	4.32	0.651	Tinggi
5	Sentiasa berkeadaan baik (boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja)	0 (0.0)	0 (0.0)	6 (1.7)	133 (37.7)	214 (60.6)	4.59	0.526	Tinggi
Keseluruhan							4.44	0.431	Tinggi

*Item Negatif

05-4506832 tbupsi

Jadual 4.45 menunjukkan bahawa setiap item infrastruktur iaitu peralatan ICT bagi persepsi pelajar berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang tinggi ialah “Untuk P&P MPU mudah diperoleh oleh pensyarah” (Min = 4.49 & SP = 0.622), item “Untuk P&P MPU mencukupi untuk digunakan pada bila-bila masa” (Min = 4.41 & SP = 0.562), item “Membantu proses P&P MPU di Politeknik” (Min = 4.32 & SP = 0.651), “Sentiasa berkeadaan baik (boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja)” (Min = 4.59 & SP = 0.526) dan akhir sekali item “Untuk P&P MPU adalah sangat terhad” (Min = 4.41 & SP = 0.552). Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa infrastruktur iaitu peralatan ICT berada pada tahap tinggi (Min = 4.44 & SP = 0.431).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Dapatan Temu Bual Pensyarah Berkaitan Aspek Tahap Tahap Infrasruktur: Peralatan ICT

Hasil dapatan temu bual aspek infrastruktur iaitu peralatan ICT menunjukkan bahawa peranan ICT dalam membantu pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran (MPU) Pengajian Islam di Politeknik. Dari aspek penggunaan peralatan ICT pensyarah menggunakan peralatan ICT tanpa menghadapi sebarang masalah terutama dalam aspek kemudahan sesuatu peralatan untuk di perolehi. Peralatan ICT juga mencukupi untuk digunakan dalam satu –satu masa dan sentiasa berada dalam keadaan yang boleh digunakan. Secara keseluruhannya peralatan ICT dapat membantu dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam. Oleh itu, hasil dapatan temu bual ini selari dengan dapatan analisis deskriptif.

05-4506832 tbupsi

(Peralatan ICT Mudah Di Peroleh)

"...Dekat sini mudah...maksudnya mudah senanglah kita nak dapat benda tu...dan kita bawa sendiri juga rasanya...ada yang bawa sendiri...ada juga yang disediakan kat dalam tu...dalam kelas...tapi banyaknya kita bawalah..."

(RP1PMJ)

"...Peralatan ICT di sini...setakat ini memang mudah untuk kita peroleh... peralatan ICT di sini memang telah disediakan dalam bilik kuliah..."

(RP2PSP)

"...Peralatan ICT kat sini sudah ada semua..."

(RP4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"…Peralatan ICT memang disediakan…mudah diperoleh…sebabnya di tempat saya ni dah disediakan di bilik-bilik kelas.... peralatan ICT…kita tak perlu bawa dah…ada macam-macam pilihan…macam contoh semua bilik-bilik kuliah tu memang dah ada projektor…"

(RP3PKB)

(Peralatan ICT Mencukupi)

"…barang cukup…dan barang tu boleh guna..."

(RP1PMJ)

"…dan cukuplah kalau kita nak guna… di sini tiada keperluan untuk bawa barang ICT dari luar…sepatutnya kemudahan-kemudahan seperti projektor meja memang tersedia…dan setakat ni memang lengkap…dan mencukupi untuk kegunaan ke pensyarah…"

(RP2PSP)

"*…nak guna pun mencukupi…"*

(RP3PKB)

"...ya bahan tu cukup tidak berebut…"

(RP4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Peralatan ICT Membantu Proses P&P)

"...peralatan-peralatan ni sangat membantu lah…dan sangat memainkan peranan penting lah…kita nak interaktif…dan kelas interaktif kita kena buatlah..."

(RP1PMJ)

"...peralatan ICT sangat-sangat membantu proses P&P…"

(RP2PSP)

"*…membantu dalam proses kursus ni..."*

(RP3PKB)

05-4506

"*…dari sudut peralatan ICT membantu lah untuk proses P&P…"*

tbupsi

(RP4PUO)

(Peralatan ICT Boleh Di gunakan)

"...dan setakat ini tiada lagi dengar barang rosak…dan jika ada pun akan dimaklumkan awal…dan dibaik pulih segera…barang memang berada dalam keadaan baik...boleh digunakan bila-bila masa je …"

(RP2PSP)

"...dan peralatan tu memang boleh digunakan lah berada dalam keadaan baik…"

(RP3PKB)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...apa yang kita nak...ada projektor kiranya alatan-alatan yang ada di Politeknik saya ni. Kalau kat sini eloklah barang tu…tak ada pula rosak…"

(RP4PUO)

d. Dapatan Temu Bual Pelajar Berkaitan Aspek Tahap Tahap Infrasruktur: Peralatan ICT

Hasil dapatan temu bual aspek tahap infrastruktur iaitu peralatan ICT menunjukkan bahawa kemudahan ICT telah disediakan untuk membantu proses pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik. Hasil temu bual mendapati pensyarah dapat menggunakan peralatan ICT dengan mudah semasa proses P&P dijalankan. Selain itu, peralatan ICT sentiasa berada dalam keadaan yang mencukupi dan dalam keadaan baik apabila untuk digunakan. Di samping itu, pelajar bersetuju bahawa peralatan ICT ini dapat membantu pelajar semasa proses pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini dijalankan. Oleh itu, hasil dapatan temu bual ini selari dengan dapatan analisis deskriptif. Berikut adalah maklum balas temu bual oleh pelajar: -

(Pensyarah Mudah Menggunakan Peralatan ICT)

"...Penggunaan ICT nampak pensyarah guna mudah je tiada halangan untuk guna…"

(P1PMJ)

"...Saya ingat balik pensyarah nak guna peralatan ICT ni mudahlah…"

(P2PSP)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...Macam peralatan ICT ni sebenarnya telah tersedia pensyarah nak guna pun tidak ada masalah lah sebab dia memang tersedia..."

(P3PKB)

"...Peralatan ICT ni saya tengok pensyarah dapat menggunakan dengan mudah. Contoh yang biasa pensyarah guna macam Projektor laptop dan benda-benda tu memang semua dah ada dah tersedia lah..."

(P4PUO)

(Peralatan ICT Mencukupi)

"...pada pandangan saya rasanya semua tersedia sebab tak pernah nampak lagi pensyarah berebut Ke apa ke... dan penggunaan pun dalam satu masa cukup..."

(P1PMJ)

"*...Bilangan peralatan ICT tidak terhad memang banyak pilihan..."*

(P2PSP)

"*...dari segi bilangan tu tak pastilah cuma bila nak guna tu memang sentiasa ada lah. Penggunaannya pun cukup dan tiada masalah..."*

(P3PKB)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Peralatan ICT Membantu Proses P&P)

"...Peralatan ICT membantu proses P&P saya... terutama projektor...sebab kita ramai kedudukan belakang so projector ni membantu lah…"

(P1PMJ)

"...Waktu kita orang belajar tu semua peralatan ict ataupun kelas berjalan dengan lancar lah...peralatan ICT ni memang membantu lah dalam P&P...zaman moden ni pun bila kita buat pembentangan kita guna projektor. Ada peralatan ICT pembelajaran pon seronoknya sebab kita boleh nampak dan juga dengarkan tidak lah tertumpu kepada pensyarah bercakap je…"

(P2PSP)

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun tbupsi

"...Saya tengoklah kalau dari sudut proses P&P ni memang membantu lah... Maksudnya bila ada peralatan ni kita tak perlu lagi nak membawa nota lah sebab semuanya boleh dipancarkan…"

(P3PKB)

"...Untuk peralatan ICT ni bagi saya dia sangat membantu dalam proses pembelajaran contohnya kita menggunakan projektor dan projektor ni sangat membantu lah dari sudut penyampaian kelas…"

(P4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Peralatan ICT Sentiasa Boleh Digunakan)

"...So peralatan ICT ni memang berfungsi dan sentiasa berada dalam keadaan baik..."

(P1PMJ)

"...Masa kita guna peralatan ICT itu seingat saya tidak ada rosak. masa nak guna pun cukup tak pernahlah tak dapat..."

(P2PSP)

"...Peralatan tu memang sentiasa berada dalam keadaan baiklah dan boleh digunakan..."

(P3PKB)

05-4506 tbupsi

"...dan peralatan tu pun memang sentiasa boleh digunakan maknanya tak rosak lah... peralatan tu bila digunakan memang boleh pakai dan sentiasa berada dalam keadaan baik..."

(P4PUO)

4.6 Dapatan Kajian Aspek Proses: (Analisis Deskriptif)

Dapatan kajian aspek proses merangkumi tiga aspek utama iaitu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran meliputi proses pelaksanaan amalan pengajaran, proses pelaksanaan amalan pembelajaran, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Kedua proses pemantauan pelaksanaan P&P meliputi pemantauan pelaksanaan pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran dan pemantauan dokumen pelaksanaan kursus. Ketiga proses pentaksiran kursus meliputi pentaksiran penilaian berterusan (PB). Untuk melihat secara terperinci proses bagi setiap aspek yang dinilai, analisis deskriptif hasil dapatan adalah seperti yang telah disusun mengikut sub-topik berikut:

4.6.1 Tahap Proses Pelaksanaan Amalan Pengajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam Perspektif Pensyarah

Persoalan Kajian 3a*: Apakah tahap proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan amalan pembelajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik?*

05-4506832 tbupsi

a. Soal Selidik Pensyarah, Tahap Proses Amalan Pengajaran Kursus MPU

Data yang diperoleh daripada bahagian ini adalah berdasarkan Soal Selidik Pensyarah. Dapatan kajian berkaitan tahap proses pelaksanaan amalan Pengajaran dalam kursus (MPU) Pengajian Islam. Untuk melihat secara terperinci tahap proses amalan Pengajaran dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam, keterangan analisis deskriptif adalah seperti dalam Jadual 4.46 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.46

Tahap Proses Pelaksanaan Amalan Pengajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

No.	Item	Kekerapan (Peratus) (N = 202)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
		STS	TS	KS	S	SS			
1	Saya mewujudkan kesediaan dan minat pelajar untuk belajar	0 (0.0)	0 (0.0)	26 (12.9)	124 (61.4)	52 (25.7)	4.13	0.609	Tinggi
2	Saya melaksanakan aktiviti pengajaran yang kreatif	0 (0.0)	0 (0.0)	22 (10.9)	129 (63.9)	51 (25.2)	4.14	0.585	Tinggi
3	Saya menyampaikan isi pelajaran dengan teratur	0 (0.0)	1 (0.5)	25 (12.4)	123 (60.9)	53 (26.2)	4.13	0.626	Tinggi
4	Saya menggunakan istilah yang mudah difahami	0 (0.0)	0 (0.0)	21 (10.4)	114 (56.4)	67 (33.2)	4.23	0.621	Tinggi
*5	Saya tidak menggunakan analogi yang mudah semasa P&P	0 (0.0)	0 (0.0)	38 (18.8)	132 (65.3)	32 (15.8)	3.97	0.589	Sederhana Tinggi
6	Saya membina situasi P&P yang sesuai dengan topik	1 (0.5)	6 (3.0)	54 (26.7)	118 (58.4)	23 (11.4)	3.77	0.704	Sederhana Tinggi
7	Saya mempelbagaikan kaedah dalam sesi P&P	2 (1.0)	5 (2.5)	66 (32.7)	120 (59.4)	9 (4.5)	3.64	0.656	Sederhana Tinggi
8	Saya mengajar dengan tersusun	1 (0.5)	3 (1.5)	60 (29.7)	127 (62.9)	11 (5.4)	3.71	0.612	Sederhana Tinggi
9	Saya menggunakan portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS) sebagai salah satu kaedah pengajaran	0 (0.0)	2 (1.0)	40 (19.0)	130 (64.4)	30 (14.9)	3.93	0.619	Sederhana Tinggi
10	Saya menggunakan salah satu aplikasi *Kahoot, Prezzi* dan *Quiziz* sebagai kaedah refleksi	0 (0.0)	0 (0.0)	41 (20.3)	130 (64.4)	31 (15.3)	3.95	0.596	Sederhana Tinggi
11	Saya menepati waktu memulakan dan menamatkan sesi P&P	1 (0.5)	12 (5.9)	81 (40.1)	98 (48.5)	10 (5.0)	3.51	0.707	Sederhana Tinggi

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.46 (*sambungan*)

No.	Item	Kekerapan (Peratus) (N = 202)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
		STS	TS	KS	S	SS			
*12	Saya tidak berjaya menamatkan sesi P&P seperti yang ditetapkan	0 (0.0)	0 (0.0)	80 (39.6)	115 (56.9)	7 (3.5)	3.64	0.549	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							3.90	0.430	Sederhana Tinggi

*Item Negatif

Jadual 4.46 menunjukkan bahawa setiap item proses pelaksanaan amalan pengajaran kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang tinggi ialah "Saya mewujudkan kesediaan dan minat pelajar untuk belajar" (Min = 4.13 & SP = 0.609), item "Saya melaksanakan aktiviti pengajaran yang kreatif" (Min = 4.14 & SP = 0.585), item "Saya menyampaikan isi pelajaran dengan teratur" (Min = 4.13 & SP = 0.626) dan akhir sekali item "Saya menggunakan istilah yang mudah difahami" (Min = 4.23 & SP = 0.621).

05-4506 tbupsi

Di samping itu, terdapat juga item proses amalan pelaksanaan pengajaran kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran bagi persepsi pensyarah yang berada pada tahap sederhana tinggi ialah "Saya membina situasi P&P yang sesuai dengan topik" (Min = 3.77 & SP = 0.704), item "Saya mempelbagaikan kaedah dalam sesi P&P" (Min = 3.64 & SP = 0.656), item "Saya mengajar dengan tersusun" (Min = 3.71 & SP = 0.612), item "Saya menggunakan portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS) sebagai salah satu kaedah pengajaran" (Min = 3.93 & SP = 0.619), item "Saya menggunakan salah satu aplikasi *Kahoot, Prezzi dan Quiziz* sebagai kaedah refleksi" (min = 3.95 dan sp = 0.596) dan akhir sekali item "Saya menepati waktu memulakan dan menamatkan sesi P&P" (Min = 3.51 & SP = 0.707).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, item proses pelaksanaan amalan pengajaran kursus (MPU) Pengajian Islam yang berada pada tahap sederhana rendah pula ialah item "Saya tidak menggunakan analogi yang mudah semasa P&P" (Min = 3.97 & SP = 0.589) dan akhir sekali item "Saya tidak berjaya menamatkan sesi P&P seperti yang ditetapkan" (Min = 3.64 & SP = 0.549). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa proses pelaksanaan amalan pengajaran kursus MPU berada pada tahap sederhana tinggi (Min = 3.90 & SP = 0.430).

4.6.2 Tahap Proses Pelaksanaan Amalan Pengajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam Perspektif Pelajar

b. Soal Selidik Pelajar, Tahap Proses Pelaksanaan Amalan Pengajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

05-4506 tbupsi

Data yang diperoleh daripada bahagian ini adalah berdasarkan Soal Selidik Pelajar. Dapatan kajian berkaitan tahap proses pelaksanaan amalan pengajaran dalam kursus MPU. Untuk melihat secara terperinci tahap proses amalan Pengajaran dalam pelaksanaan kursus MPU, keterangan analisis deskriptif adalah seperti dalam Jadual 4.47 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.47

Tahap Proses Pelaksanaan Amalan Pengajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

No.	Item	Kekerapan (Peratus) (N = 353)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
		STS	TS	KS	S	SS			
1	Pensyarah berjaya mewujudkan kesediaan pelajar untuk belajar	2 (0.6)	6 (1.7)	37 (10.5)	148 (41.9)	160 (45.3)	4.30	0.768	Tinggi
2	Pensyarah mengadakan aktiviti pengajaran kreatif semasa P&P	0 (0.0)	3 (0.8)	22 (6.2)	138 (39.1)	190 (53.8)	4.46	0.652	Tinggi
3	Pensyarah menyampaikan isi pelajaran dengan teratur	0 (0.0)	4 (1.1)	64 (18.1)	159 (45.0)	126 (35.7)	4.15	0.75	Tinggi
4	Pensyarah menggunakan istilah yang mudah difahami oleh pelajar	0 (0.0)	3 (0.8)	51 (14.4)	187 (53.0)	112 (31.7)	4.16	0.688	Tinggi
*5	Pensyarah menggunakan analogi yang sukar difahami	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (1.4)	109 (30.9)	239 (67.7)	4.66	0.503	Tinggi
6	Pensyarah membina situasi P&P yang sesuai dengan topik yang diajarkan	1 (0.3)	0 (0.0)	5 (1.4)	146 (41.4)	201 (56.9)	4.55	0.558	Tinggi
7	Pensyarah mengajar dengan tersusun	0 (0.0)	1 (0.3)	11 (3.1)	190 (53.8)	151 (42.8)	4.39	0.564	Tinggi
8	Pensyarah memastikan pengajarannya tidak membosankan pelajar	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (1.1)	178 (50.4)	171 (48.4)	4.47	0.522	Tinggi
9	Pensyarah memberi kuiz kepada pelajar melalui portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS)	0 (0.0)	0 (0.0)	3 (0.8)	125 (35.4)	225 (63.7)	4.63	0.501	Tinggi
10	Pensyarah menggunakan salah satu aplikasi pembelajaran seperti Kahoot, Prezzi dan Quiziz sebagai latihan pengukuhan	0 (0.0)	0 (0.0)	13 (3.7)	167 (47.3)	173 (49.0)	4.45	0.568	Tinggi

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.40 (*sambungan*)

No.	Item	Kekerapan (Peratus) (N = 353)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
		STS	TS	KS	S	SS			
11	Pensyarah menepati waktu memulakan dan menamatkan sesi P&P	0 (0.0)	1 (0.3)	10 (2.8)	152 (43.1)	190 (53.8)	4.50	0.570	Tinggi
*12	Pensyarah menamatkan sesi P&P di luar waktu kelas	0 (0.0)	0 (0.0)	19 (5.4)	164 (46.5)	170 (48.2)	4.43	0.595	Tinggi
Keseluruhan							4.43	0.419	Tinggi

*Item Negatif

Jadual 4.40 menunjukkan bahawa setiap item proses pelaksanaan amalan pengajaran kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang tinggi ialah "Pensyarah berjaya mewujudkan kesediaan pelajar untuk belajar" (Min = 4.30 & SP = 0.768), item "Pensyarah mengadakan aktiviti pengajaran kreatif semasa P&P" (Min = 4.46 & SP = 0.652), item "Pensyarah menyampaikan isi pelajaran dengan teratur" (Min = 4.15 & SP = 0.750), item "Pensyarah menggunakan istilah yang mudah difahami oleh pelajar" (Min = 4.16 & SP = 0.688), item "Pensyarah membina situasi P&P yang sesuai dengan topik yang diajarkan" (Min = 4.55 & SP = 0.558), item "Pensyarah mengajar dengan tersusun" (Min = 4.39 & SP = 0.564), item "Pensyarah memastikan pengajarannya tidak membosankan pelajar" (Min = 4.47 & SP = 0.522), item "Pensyarah memberi kuiz kepada pelajar melalui portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS)" (Min = 4.63 & SP = 0.501), item "Pensyarah menggunakan salah satu aplikasi pembelajaran seperti *Kahoot, Prezzi dan Quiziz* sebagai latihan pengukuhan" (Min = 4.45 & SP = 0.568), "Pensyarah menepati waktu memulakan dan menamatkan sesi P&P" (Min = 4.50 & SP = 0.570) dan akhir sekali item "Pensyarah menggunakan analogi yang sukar difahami" (Min = 4.66 & SP = 0.503) dan akhir sekali item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Pensyarah menamatkan sesi P&P di luar waktu kelas" (Min = 4.43 & SP = 0.595). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa proses pelaksanaan amalan pengajaran kursus MPU berada pada tahap tinggi (Min = 4.43 & SP = 0.419).

c. Dapatan Temu Bual Pensyarah, Tahap Proses Amalan Pengajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

Hasil dapatan temu bual aspek amalan pengajaran kursus (MPU) Pengajian Islam menunjukkan bahawa pensyarah membuat persediaan sebelum memulakan kelas. Pelbagai jenis teknik pengajaran digunakan untuk menarik minat pelajar sebelum memulakan kelas. Antaranya teknik pengajaran kreatif digunakan seperti membuat sesi soal jawab, menyemak pengetahuan sedia ada pelajar melalui *kahoot* dan seumpamanya. Penyampaian isi pelajaran disampaikan dengan teratur walaupun menggunakan aplikasi ketika mengajar.

Pensyarah juga menggunakan bahasa dan istilah yang bersesuaian dengan tahap pelajar, menggunakan analogi dan contoh untuk menambahkan lagi pengetahuan pelajar. Selain itu, pendekatan membina situasi untuk memberi kefahaman yang jelas terhadap sesuatu topik digunakan. Pensyarah juga mempelbagaikan teknik pengajaran untuk menggelakkan pelajar dari cepat jemu. Di samping itu, CIDOS dijadikan sebagai platform untuk menghantar tugasan atau kuiz. Penggunaan aplikasi seperti *kahoot, quiziz, padlet* dan seumpamanya merupakan pilihan pensyarah untuk mempelbagaikan teknik pengajaran dan pensyarah berjaya menepati waktu semasa dan selepas proses P&P. Oleh itu, hasil dapatan temu bual ini selari dengan dapatan analisis deskriptif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Kesediaan Kelas)

"…Antaranya saya wujud kan kesediaan dan minat belajar…terhadap topik…kita masukkanlah dengan soalan…ataupun teka-teki ke…klip video dan sebagainya lah..."

(RP1PMJ)

"…Sebelum saya memulakan kelas…saya akan buat persediaan dululah…untuk menarik minat pelajar saya terhadap kelas…saya bagi ruang untuk mereka sebelum memulakan kelas… "

(RP2PSP)

"…Ok...saya memang membuat persediaan mengajar…ataupun untuk menarik minat pelajar…antaranya saya ada la buat sikit...set induksi sikit...beberapa minit dalam 2 minit ke... ataupun tanya soalan…biasanya tanya soalan…kan…sebelum mula P&P tu...nanti tanyalah soalan yang berkait dengan topik…ataupun kita tunjukkan video dan tanya pelajar..."

(RP3PKB)

"…Okey biasanya saya akan buat persediaan…dan dari sudut menarik minat untuk belajar…dan untuk kelas yang akan datang pelajar dah tahu dah apa dia yang saya mengajar..."

(RP4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Pengajaran Kreatif)

"...aktiviti pula saya gunakan aktiviti pengajaran yang kreatif lah...dan kita guna teknik yang berbeza...supaya pelajar tu tak boring lah..."

(RP1PMJ)

"...daripada video tersebut...dari segi aktiviti saya pun melaksanakan aktiviti lah...aktiviti pengajaran yang dapat menarik minat pelajarlah..."

(RP3PKB)

"...dan saya buat aktiviti...ada juga saya gunakan aplikasi untuk menarik minat pelajar kan...pelajar seronok juga kalau buat aktiviti yang macam tu..."

(RP4PUO)

05-4506 tbupsi

(Penyampaian Isi Pelajaran Yang Teratur)

"...dengan benda yang sama...kita ajar dengan cara tersusun dan teratur...kita ikut topik lah..."

(RP1PMJ)

"...setakat ini saya menyampaikan isi pelajaran tu dengan teratur lah...sebab ada silibus...ada slait...dan kita pun cari tambahan luar juga..."

(RP2PSP)

"...sampaikan isi pelajaran itu mengikut susunan silibus lah..."

(RP3PKB)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...keadaan yang penuh teraturlah untuk penyampaian isi pelajaran...dan juga tersusun..."

(RP4PUO)

(Menggunakan Istilah Yang Mudah)

"...setakat ni tiada lah yang tak faham...walaupun kita selitkan sedikit bahasa Inggeris...dia fahamlah...sebab kita guna istilah yang biasa dia dengar...dan kerja pun mudah untuk faham..."

(RP1PMJ)

"...setakat ini pelajar faham...dan dengan cara apa kita nak melihat kefahaman pelajar tu kita buat aktiviti lah...tak adalah kita mengajar je...untuk memahamkan pelajar..."

(RP2PSP)

"...saya guna bahasa yang mudah difahami bahasa standard lah..."

(RP3PKB)

"...aaa...saya guna istilah yang mudah je untuk pelajar...supaya dia orang senang faham dan cepat faham..."

(RP4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Menggunakan Analogi Mudah)

"...jika tidak faham...kita guna contoh ataupun analogi lah...masa kita mengajar tu...kita kena cuba untuk fahamkan pelajar kita dengan kaedah lain...kalau dia tak faham juga kita bolehlah guna medium lain...contoh cerita atau saya bagi lah masa tu untuk menambah kefahaman berbentuk video di luar waktu kelas..."

(RP1PMJ)

"...yang tidak faham biasanya saya akan mempelbagaikan lah kaedah dalam pengajaran tu...biasanya saya bagi lah contoh mudah dan analogi mudah untuk pelajar lebih faham..."

(RP2PSP)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBai tbupsi

"...kalau budak ada yang tidak faham...ada jugalah saya bagi macam analogi contoh yang mudah faham...yang sesuailah..."

(RP3PKB)

"...kalau tak faham tu saya akan bawakan contoh situasi yang mudah faham...mungkin kita bagi dalam bentuk contoh lakonan ..."

(RP4PUO)

(Kepelbagaian Kaedah Pengajaran)

"...kaedah penyampaian banyaklah saya pelbagaikan kaedah tu...mengajar pun tersusun lah...ikut topik tadi kan...secara teratur tersusun..."

(RP1PMJ)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...dalam penyampaian biasanya memang saya akan mempelbagaikan lah...setakat ini pelajar memang faham dan pengajaran pun teratur lah...tapi itulah kita yang kena controllah..."

(RP2PSP)

(Penggunaan CIDOS)

"...setakat ni saya guna google classroom lah...setakat ni google classroom mesralah...bagi saya dan juga pelajar saya...di mana pelajar saya mudah akses...menghantar asaingment yang saya bagi...ada juga guna CIDOS..."

(RP1PMJ)

"...untuk tugasan pelajar ni... biasanya saya menggunakan medium CIDOS lah...medium google class room pun boleh... "

(RP2PSP)

"...untuk tugasan hantar dia suruh guna CIDOS lah..."

(RP3PKB)

"*...untuk diaorang hantar tugasan digital biasanya dia orang hantar melalui CIDOS lah..."*

(RP4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Penggunaan Aplikasi Dalam P&P)

"…antara kaedah lain yang digunakan…adalah seperti kahoot quiziz ataupun banyaklah…medium yang kita boleh guna tu semua aplikasi lah..."

(RP1PMJ)

"…dari sudut aktiviti pula…biasanya memang saya guna aplikasi lah…contohnya macam kahoot quiziz dan sebagainya… untuk kaedah reflexi saya guna kahoot…"

(RP2PSP)

"…biasanya di akhir kelas tu saya akan bagi latihan kan…melalui quiziz…quiz lab ataupun kahoot pun ada juga…lepas tu saya pun ada juga minta pelajar...aaaa…menulis refleksi di padlet…kita minta pelajar tulis refleksi apa yang dia dapat pada hari itu…"

(RP3PKB)

"…aplikasi biasanya kita guna macam quiziz...mentor menti...ada juga macam padlet..."

(RP4PUO)

(Menepati waktu P&P)

"…untuk menjaga masa…biasanya saya akan badget lah 15 minit sebelum habis kelas…"

(RP2PSP)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...mengajar tu kita kena tengoklah...kita kena pastikan menepati... dan kita susun betul-betul...contoh kelas dua jam tu apa yang kita nak buat...permulaan di tengah dan berakhir macam mana...pastikan merancang seperti waktu dalam P&P...supaya kita tak menzalimi pelajar kitalah...ambil masa mereka kan...ok setakat ni yang ajar tu pelajar fahamlah..."

(RP1PMJ)

"...biasanya saya cuba masuk kelas tepati masa lah...biasanya saya akan cuba tamatkan kelas saya...sebelum...tamat...maknanya lima minit sebelum habis kelas... saya akan tamatkan lah supaya pelajar boleh bersedia untuk kelas berikutnya...saya akan buat macam itulah supaya tak mengganggu kelas lain..."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBai tbupsi

(RP3PKB)

"...kelas biasanya kita ikut waktu yang telah ditetapkan...nak kata kelas yang kita mengajar tu tak cukup pun tak ada...kiranya ikut waktu yang telah ditetapkan..."

(RP4PUO)

d. Dapatan Temu Bual Pelajar, Tahap Proses Amalan Pengajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

Hasil dapatan temu bual aspek proses amalan pengajaran kursus (MPU) Pengajian Islam menunjukkan bahawa, sebelum memulakan kelas pensyarah akan mewujudkan kesediaan pelajar dengan soal jawab berkaitan topik yang akan dipelajari. Pensyarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga menarik minat pelajar dengan pengajaran kreatif seperti aplikasi kahoot dan quiziz. Selain itu, pensyarah telah menyampaikan isi pelajaran dalam keadaan baik dan teratur serta menggunakan beberapa elemen kreatif ketika proses P&P dijalankan. Pensyarah menggunakan istilah atau analogi mudah dan membina situasi sebagai contoh untuk menambahkan pengetahuan pelajar. Di samping itu, pensyarah juga menggunakan portal *CIDOS*, aplikasi *kahoot, quiziz, padlet* dan seumpamanya dalam P&P. Pensyarah juga menepati waktu semasa proses P&P dijalankan. Oleh itu, hasil dapatan temu bual ini selari dengan dapatan analisis deskriptif. Berikut merupakan maklum balas temu bual pelajar: -

(Kesediaan Belajar)

"…Biasanya pensyarah akan memulakan kelas dengan beri salam dan bertanya khabar… selepas itu baru mula kelas…tidaklah terlalu terus mengajar...pensyarah sebelum dia mengajar dia tanyalah apa yang telah diajar pada kelas yang lepas…dia nak tengok kita bersedia untuk belajar... so benda tu memang saya rasa sangat membantu untuk kita remind balik apa yang kita telah belajar…"

(P1PMJ)

"…Sebelum mula kelas pensyarah akan ambil kehadiran…lepas tu dia akan terangkan apa yang akan dia ajar…"

(P2PSP)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...Sebelum mula kelas pensyarah bagi soalan dah...so pelajar boleh bersedialah untuk sebelum belajar..."

(P3PKB)

"...Pensyarah biasanya sebelum dia mula kelas dia akan bagitahu apa yang dia nak ajar pada minggu ni... kita orang akan bersedialah dan akan tahu apa yang akan kita orang belajar pada hari tersebut..."

(P4PUO)

(Pengajaran Kreatif)

"...Aktiviti ada depend on topik-topik yang kita belajar...biasa pensyarah akan bagi kita quiziz lah... dan kita jawablah time tu paling seronok lah sebab semua berlumba-lumba untuk jawab..."

05-4506832 tbupsi

(P1PMJ)

"...biasanya pensyarah akan mengajar dan diselangi dengan aktiviti mcm permainan soal jawab lah..."

(P2PSP)

"...Aktiviti pun ada contoh sesi soal jawab lah...pensyarah akan tanya dan kita akan jawab... kemudian ada juga menjalankan aktiviti-aktiviti kreatif..."

(P3PKB)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...Ada juga buat aktiviti macam dia buat quiziz...selain daripada tu ada juga dia buat benda lain...contoh dia buat kumpulan dan pelajar duduk dalam kumpulan kemudian dia buatlah soal jawab..."

(P4PUO)

(Penyampaian Isi Pelajaran Yang Teratur)

"...pensyarah mengajar mengikut bab yang telah disusun ..."

(P1PMJ)

"...Walaupun buat aktiviti Ustaz pun ada buat penerangan dan penerangan isi pelajaran itu disampaikan dengan teratur lah..."

(P3PKB)

05-4506 tbupsi

"...masa mengajar pun bersyarah mengajar dengan tersusun lah dan dia pun gunakan istilah yang kami faham..."

(P4PUO)

(Menggunakan Istilah dan Analogi Yang Mudah Difahami)

"...jika ada perkataan dalam bahasa Arab pensyarah akan translate kan ..."

(P1PMJ)

"...pensyarah akan bagi contoh macam cerita ke atau sejarah ke... yang mudah...lepas tu dia akan tanya sama ada faham atau tidak..."

(P2PSP)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...Isi dan istilah yang digunakan dalam kursus ini mudah difahami…contoh kalau pensyarah nak lagi kefahaman dia akan create contoh mudah la kita faham…"

(P3PKB)

"...Kalau pelajar tak faham memang mesti adalah pensyarah bantu. Dia akan bagi contoh supaya kita lebih faham… dan pensyarah pun akan ajar pelajar ni dengan contoh-contoh yang bersesuaian dengan topik…"

(P4PUO)

(Menggunakan Situasi Yang Bersesuaian)

"...Pensyarah akan bantu sehingga pelajarnya akan faham...biasanya pensyarah akan buka slait dan dia suruh kami baca…lepas tu dia tanya kalau ada yang tak faham dia akan bagi contoh...contohnya pensyarah bila dia baca surah dia akan translate kan dan dia akan faham salah maksud ayat-ayat atas surah tersebut…"

(P1PMJ)

"…Situasi ada juga pensyarah bagi…tapi jika perlu jelah…yang tak faham tu memang dia akan buat situasi lah…tapi sekarang dah tak ingat…"

(P2PSP)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...Ada juga pensyarah mengajar dia sokong dengan situasi-situasi tertentu berkaitan dengan topik supaya benda tu senang nak faham ...contoh pensyarah nak fahamkan tentang aurat so dia bawa ke contoh yang berkaitan dengan pergelangan tangan... benda tu nampak simple tapi dia adalah aurat..."

(P3PKB)

"...atau dia bagi situasi yang lain supaya pelajar lebih memahami..."

(P4PUO)

(Pengajaran Yang Tersusun)

"...walaupun pun dia bagi contoh ke situasi ke dia mengajar ok tak melompat lah tersusun je...Kalau pelajar bosan tu biasanya dia buat cara yang lain lah dia bagi tarik macam belajar kan..."

05-4506832 tbupsi

(P4PUO)

(Menggunakan Platform CIDOS)

"...kuiz ada buat sama ada dalam kertas tu ataupun online...biasa kita akan buat kuiz dekat CIDOS lah..."

(P1PMJ)

"...Kalau kuiz ni biasa yang dalam talian dia guna CIDOS...Selain tu CIDOS ni kita orang guna untuk ambil slait-slait mengikut topik...ye tugasan pun ada hantar kat CIDOS..."

(P4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Menggunakan Salah Satu Aplikasi Dalam P&P)

"...Kalau aplikasi yang pensyarah guna dalam kelas antaranya quiziz itulah…untuk pengukuhan la…"

(P1PMJ)

"...ada juga guna aplikasi dalam pengajaran tu biasa dia guna kahoot...kuiziz pedlet pun ada... dia guna aplikasi tui sebab dia nak tengok kefahaman kita tu...sambil sambil tudia buat soal jawab..."

(P4PUO)

(Menepati waktu P&P)

"...Kelas biasanya pensyarah mengikut jadual lah kalau jam 10.00 maka jam 10.00 lah habis...tak pernah belajar P&P hingga tambah minggu…"

05-4506832 tbupsi

(P1PMJ)

"...Kita masuk kelas seperti yang telah ditetapkan dalam jadual…kelas pun biasanya ditamatkan mengikut waktu lah…"

(P4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.3 Tahap Proses Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam MPU Perspektif Pensyarah

a. Soal Selidik Pensyarah, Tahap Proses Amalan Pembelajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

Data yang diperoleh daripada bahagian ini adalah berdasarkan Soal Selidik Pensyarah. Dapatan kajian berkaitan tahap proses pelaksanaan amalan pembelajaran dalam kursus (MPU) Pengajian Islam. Untuk melihat secara terperinci tahap proses pelaksanaan amalan pembelajaran dalam kursus (MPU) Pengajian Islam, keterangan analisis deskriptif adalah seperti dalam Jadual 4.48 berikut:

Jadual 4.48

Tahap Proses Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

No.	Item	Kekerapan (Peratus) (N = 202)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
		STS	TS	KS	S	SS			
1	Saya menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti P&P	1 (0.5)	1 (0.5)	19 (9.4)	113 (55.9)	68 (33.7)	4.22	0.671	Tinggi
*2	Saya tidak membenarkan pelajar berinteraksi semasa sesi P&P untuk mengelakkan suasana bising	2 (1.0)	0 (0.0)	13 (6.4)	108 (53.5)	79 (39.1)	4.30	0.677	Tinggi
3	Saya menggalakkan perbincangan terbuka	1 (0.5)	1 (0.5)	13 (6.4)	103 (51.0)	84 (41.6)	4.33	0.663	Tinggi
4	Saya menggalakkan pelajar menghantar tugasan di portal Curriculum Information Document Online System (CIDOS)	4 (2.0)	0 (0.0)	12 (5.9)	97 (48.0)	89 (44.1)	4.32	0.76	Tinggi
5	Saya menggalakkan pelajar membuat pembentangan secara atas talian	1 (0.5)	0 (0.0)	18 (8.9)	95 (47.0)	88 (43.6)	4.33	0.679	Tinggi

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.48 (*sambungan*)

No.	Item	Kekerapan (Peratus) (N = 202)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
		STS	TS	KS	S	SS			
6	Saya menggalakkan pelajar membuat tugasan secara berkumpulan	1 (0.5)	1 (0.5)	20 (9.9)	99 (49.0)	81 (40.1)	4.28	0.700	Tinggi
Keseluruhan							4.30	0.598	Tinggi

*Item Negatif

Jadual 4.48 menunjukkan bahawa setiap item proses pelaksanaan amalan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang tinggi ialah "Saya menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti P&P" (Min = 4.22 & SP = 0.671), item "Saya menggalakkan perbincangan terbuka" (Min = 4.33 & SP = 0.663), item "Saya menggalakkan pelajar menghantar tugasan di *portal Curriculum Information Document Online System* (CIDOS)" (Min = 4.32 & SP = 0.760), item "Saya menggalakkan pelajar membuat pembentangan secara atas talian" (Min = 4.33 & SP = 0.679), "Saya menggalakkan pelajar membuat tugasan secara berkumpulan" (Min = 4.28 & SP = 0.700) dan akhir sekali item "Saya tidak membenarkan pelajar berinteraksi semasa sesi P&P untuk mengelakkan suasana bising" (Min = 4.30 & SP = 0.677). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap proses pelaksanaan amalan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada tahap tinggi (Min = 4.30 & SP = 0.598).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.4 Tahap Proses Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam Perspektif Pelajar

b. Soal Selidik Pelajar, Tahap Proses Amalan Pembelajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

Data yang diperoleh daripada bahagian ini adalah berdasarkan Soal Selidik Pelajar. Dapatan kajian berkaitan tahap proses amalan pelaksanaan pembelajaran dalam kursus (MPU) Pengajian Islam. Untuk melihat secara terperinci tahap proses pelaksanaan amalan pembelajaran dalam kursus (MPU) Pengajian Islam, keterangan analisis deskriptif adalah seperti dalam Jadual 4.49 berikut:

Jadual 4.49

Tahap Proses Pelaksanaan Amalan Pembelajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

No	Item	Kekerapan (Peratus) (N = 353)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
		STS	TS	KS	S	SS			
1	Pensyarah menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti P&P	0 (0.0)	0 (0.0)	20 (5.7)	187 (53.0)	146 (41.4)	4.36	0.586	Tinggi
*2	Pensyarah tidak menggalakkan pelajar berinteraksi semasa sesi P&P	0 (0.0)	2 (0.6)	66 (18.7)	171 (48.4)	114 (32.3)	4.12	0.720	Tinggi
3	Pensyarah menggalakkan perbincangan terbuka semasa P&P	1 (0.3)	15 (4.2)	129 (36.5)	108 (30.6)	100 (28.3)	3.82	0.903	Sederhana Tinggi
4	Pensyarah menggalakkan pelajar menghantar tugasan di portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS)	3 (0.8)	13 (3.7)	149 (42.2)	124 (35.1)	64 (18.1)	3.66	0.845	Sederhana Tinggi

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.49 (*sambungan*)

No	Item	Kekerapan (Peratus) (N = 353)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
		STS	TS	KS	S	SS			
5	Pensyarah menggalakkan pelajar membuat pembentangan secara atas talian	0 (0.0)	6 (1.7)	70 (19.8)	196 (55.5)	81 (22.9)	4.00	0.705	Sederhana Tinggi
6	Pensyarah menggalakkan pelajar membuat tugasan secara berkumpulan	1 (0.3)	14 (4.0)	112 (31.7)	158 (44.8)	68 (19.3)	3.79	0.807	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							4.00	0.595	Sederhana Tinggi

*Item Negatif

Jadual 4.49 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya proses pelaksanaan amalan pembelajaran bagi persepsi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang tinggi ialah hanya item "Pensyarah menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti P&P" (Min = 4.36 & SP = 0.586). Di samping itu, terdapat juga item proses amalan pelaksanaan pembelajaran kursus MPU dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran bagi persepsi pelajar yang berada pada tahap sederhana tinggi ialah "Pensyarah menggalakkan perbincangan terbuka semasa P&P" (Min = 3.82 & SP = 0.903), item "Pensyarah menggalakkan pelajar menghantar tugasan di portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS)" (Min = 3.66 & SP = 0.845), item "Pensyarah menggalakkan pelajar membuat pembentangan secara atas talian" (Min = 4.00 & SP = 0.705), "Pensyarah menggalakkan pelajar membuat tugasan secara berkumpulan" (Min = 3.79 & SP = 0.807) dan akhir sekali item "Pensyarah tidak menggalakkan pelajar berinteraksi semasa sesi P&P" (Min = 4.12 & SP = 0.720). Oleh itu, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap proses pelaksanaan amalan pembelajaran kursus MPU berada pada tahap sederhana tinggi (Min = 4.00 & SP = 0.595).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Dapatan Temu Bual Pensyarah, Tahap Proses Amalan Pembelajaran Kursus (MPU) Pengajian Islam

Hasil dapatan temu bual aspek tahap amalan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam menunjukkan pensyarah berjaya mewujudkan pembelajaran aktif dalam kelas. Antaranya, penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk memastikan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam sentiasa mendapat sambutan daripada kalangan pelajar. Pensyarah juga mewujudkan interaksi dua hala antara pelajar dengan pensyarah dan pelajar dan sesama ahli kumpulan. Perbincangan terbuka juga merupakan pilihan pensyarah untuk memastikan proses pelaksanaan kursus tertumpu kepada syarahan pensyarah semata-mata. Di samping itu, perbincangan dalam kumpulan juga merupakan amalan yang sering berlaku semasa proses pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dijalankan. Oleh itu, hasil dapatan temu bual ini selari dengan dapatan analisis deskriptif.

05-4506832 tbupsi

(Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kelas)

"...Jadi saya galakkan lah...ataupun motivated pelajar tu...supaya dia orang ambil bahagian lah dalam aktiviti P&P kita..."

(RP1PMJ)

"...Biasanya saya akan menggalakkan pelajar untuk mengambil bahagian dalam kelas...dalam aktiviti P&P..."

(RP2PSP)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...Saya memang galakkan lah...pelajar saya ambil bahagian dalam kelas...dalam aktiviti P&P lah..."

(RP3PKB)

"...Ok...saya menggalakkan pelajar saya untuk mengambil bahagian dalam kelas..."

(RP4PUO)

(Interaksi Dalam Kelas)

"biasanya saya buat aktiviti dalam kumpulan...ataupun aktiviti secara individu pun ada juga...buat refleksi biasanya kat padlet...ni kita minta pelajar tulis jawapan pada padlet tu...padlet kan tidak guna suara jadi tidak bising..."

(RP1PMJ)

"...contoh macam buat aktiviti perbincangan terbuka ataupun...pembentangan bagi masa sepuluh minit...kemudian dia orang bentang...dapatan yang dia orang dapat..."

(RP2PSP)

"...contohnya mengadakan aktiviti berkumpulan...saya akan bagi topik topik untuk pelajar bincangkan...interaksi...memang bagi peluang lah pada pelajar...membenarkan pelajar berinteraksi..."

(RP3PKB)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...kiranya saya buat aktiviti-aktiviti...saya benarkan pelajar berinteraksi...sebab biar ada two ways communication...sebab biar ada interaksi antara kita dan dia... saya buat aktiviti macam pembentangan..."

(RP4PUO)

(Perbincangan Terbuka)

"...kalau yang di discussion tu saya akan bagi arahan...contoh kumpulan satu tulis nama...dan bagi tahu apa hasil perbincangan tadi...kalau pembentangan biasanya buat secara live..."

(RP1PMJ)

"...aktiviti berkumpulan...jadi maksudnya ada interaksi dua hala antara pensyarah dan pelajar..."

(RP2PSP)

"...menggalakkan perbincangan berkumpulan secara terbuka...ada jugalah saya menggalakkan pelajar membuat pembentangan secara atas talian..."

(RP3PKB)

"...kiranya tugasan saya buat dalam tugas dalam kumpulan...tugasan biasanya pelajar hantar atas platform CIDOS..."

(RP4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Dapatan Temu Bual Pelajar, Tahap Proses Amalan Pembelajaran Kursus MPU

Hasil dapatan temu bual tahap proses amalan pembelajaran kursus MPU menunjukkan bahawa pensyarah memberi galakkan kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti kelas yang dijalankan. Selain itu, pensyarah juga menggalakkan pembelajaran aktif antara pelajar untuk berinteraksi dalam kelas semasa pelaksanaan kursus MPU. Oleh itu, hasil dapatan temu bual ini selari dengan dapatan analisis deskriptif. Berikut adalah hasil dapatan temu bual yang telah dijalankan: -

(Pensyarah Memberi Galakkan P&P Kepada Pelajar)

"…Contoh pensyarah bagi topik sebagai contoh pergaulan bebas So kita carilah... Punca sebab dan lain-lain…"

(P1PMJ)

"…Biasanya pensyarah buat aktiviti dia nak bagi pelajar fahamlah...Kadang-kadang tu dia bagi kita fikir dulu dalam satu-satu topik kemudian dia akan minta kita bentang lah. Kalau ada apa yang perlu dibetulkan nanti pensyarah betulkan lah…"

(P2PSP)

"…Untuk mengelakkan pelajar bosan dan juga tertidur di dalam kelas pensyarah akan mewujudkan aktiviti lah ataupun dia akan mewujudkan perbincangan dua hala…" Pensyarah juga menggalakkan pelajar untuk join dengan aktiviti-aktiviti yang dibuat so tiada yang terkecuali lah.

(P3PKB)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...Pensyarah biasanya dia akan melibatkan semua pelajar di dalam aktiviti. Biasanya mula-mula dia akan tanyalah siapa yang nak offer diri itu terlibat atau mahu dipilih..."

(P4PUO)

(**Interaksi Dalam Kelas)**

"...Pensyarah dia sini dia bagi peluang untuk kita bercakap contohnya untuk kita bertanya dan dia akan menjawab..."

(P1PMJ)

"...Bila ada benda yang tak faham contohnya pensyarah akan buka peluang lah untuk pelajar tanya nanti adalah wakil pelajar akan tanya..."

(P2PSP)

"...Jadi aktiviti2 hala soalan jawab ni sebenarnya seronoklah dan tidak menjadi bosan... Pensyarah membenarkan pelajar untuk berinteraksi sesama sendiri..."

(P3PKB)

"...Pensyarah biasanya dia akan bagi kita orang bincang lah... atau mungkin ada yang tak faham boleh tanya kawan sebelah tu kan atau tanya pensyarah..."

(P4PUO)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini akan membincangkan berkaitan penilaian model struktur. Apabila semua pemboleh ubah telah diuji untuk pengesahan dan boleh dipercayai, maka proses seterusnya adalah menilai model struktur. Penilaian model struktur meliputi ramalan model struktur dan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah serta menguji hipotesis kajian (Hair et al. 2014). Pemboleh ubah-pemboleh ubah diuji antara satu sama lain berdasarkan anak panah (*directed point)*.

Directed point akan memberi makna sama ada terdapat hubungan antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain berdasarkan nilai beta (β) pengujian hipotesis dan nilai R^2. Oleh itu, analisis penilaian model struktur dijalankan bertujuan untuk menentukan hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah, mengukur ketepatan model ramalan, menilai pemboleh ubah yang paling menyumbang dan meneliti kerelevanan item-item model.

Dalam penilaian model struktur terdapat enam ujian penilaian yang dilaksanakan iaitu pertama penilaian *collinearity* antara pemboleh ubah. Secara umumnya nilai *collinearity* bertujuan untuk memastikan tidak terdapat dua item yang mempunyai nilai korelasi yang tinggi. Kedua adalah pengujian hipotesis. Tujuan pengujian hipotesis adalah untuk melihat sama ada terdapat hubungan signifikan atau tidak di antara pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga adalah ujian ketepatan peramalan (*Predictive Accurary R2*). Nilai pekali penentuan R^2 digunakan sebagai panduan untuk menjelaskan kekuatan sesebuah model dan melihat antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang paling menyumbang kepada pemboleh ubah *endogenous* atau model. Kempat ujian saiz kesan ketepatan peramalan (*effect size / f^2).* Nilai kesan f^2 adalah bertujuan untuk menghitung saiz kesan ketepatan. Kelima adalah ujian kerelevanan peramalan *(predictive relevance/ Q^2).* Ujian *predictive relevance* Q^2 adalah untuk menilai sama ada item untuk model adalah relevan dengan model atau pemboleh ubah endogenous (Hair et al. 2014). Dan yang terakhir adalah keenam, iaitu ujian saiz kesan kerelevanan peramalan *(effect size/q2*). Ujian q^2 ini bertujuan untuk menghitung saiz kesan kerelevanan peramalan.

05-4506832 tbupsi

a. Ujian Penilaian *Collinearity*

Bahagian ini membincangkan berkaitan ujian penilaian *Collinearity.* Penilaian ini merupakan proses sebelum meneruskan kepada analisis model struktur. Ujian penilaian *Collinearity* dilakukan bertujuan untuk memastikan tidak wujud dua item yang mempunyai nilai kolerasi yang tinggi. Sekiranya *Collinearity* ini terjadi dalam kajian maka telah terdapat item yang sedang bertindih yang berfungsi sebagai item persendirian untuk mengukur dua atau lebih pemboleh ubah (Hair et al.2014). Oleh itu, melalui ujian *Varians Inflation Factor* (VIF) yang bertindak untuk mengesan item-item yang bertindih melalui nilai VIF seperti yang telah ditetapkan (Hair et al. 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesuatu kolineariti pemboleh ubah ditentukan berdasarkan ujian *Varians Inflation Factor* (VIF). Menurut Hair et al. 2014, nilai VIF mestilah kurang daripada 5.0 untuk menunjukkan bahawa data kajian bebas daripada masalah kolineariti yang serius. Terdapat dua bacaan untuk nilai VIF yang perlu dipenuhi ketika menjalankan ujian penilaian kolineariti iaitu pertama *Outer VIF Value*, nilai *Outer VIF Value* adalah menunjukkan nilai VIF bagi setiap item soalan. Item soalan yang mempunyai nilai VIF kurang daripada 5.0 perlu dikekalkan dalam analisis kajian. Manakala bagi nilai VIF yang mempunyai nilai VIF yang melebihi daripada 5.0 maka perlu dikeluarkan daripada analisis kajian.

Kedua *Inner VIF Value,* dalam konteks *Inner VIF Value* adalah untuk menunjukkan nilai VIF bagi setiap pemboleh ubah. Pemboleh ubah yang mempunyai nilai VIF kurang daripada 5.0 perlu dikekalkan dalam analisis kajian. Sekiranya sebaliknya iaitu jika nilai VIF melebihi daripada nilai VIF 5.0 maka perlu dikeluarkan daripada analisis kajian. Dalam kajian ini, nilai bagi *Outer VIF Value* (VIF) pensyarah telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dengan nilai bagi setiap item antara 1.215 hingga 3.092 dan nilai bagi *Outer VIF Value* (VIF) pelajar pula adalah di antara 1.293 hingga 4.433. Begitu juga nilai *Inner VIF Value* (VIF) bagi setiap pemboleh ubah masing-masing adalah 1.490 seperti dalam Jadual 4.69 (Kompetensi Pensyarah) dan nilai *Inner VIF Value* (VIF) bagi pelajar di antara 1.898 hingga 2.743 seperti dalam Jadual 4.70 (Pelaksanaan Kursus MPU).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.69

Dapatan Ujian Kolinearitiri Inner VIF Value Kompetensi Pensyarah

	PENGETAHUAN PEDAGOGI	PENGETAHUAN PEDAGOGIKAL KANDUNGAN
AP	1.490	1.490
PK	1.490	1.490

Nota, AP = Pengetahuan Asas Pendidikan, PK = Pengetahuan Kursus MPU.

Jadual 4.70

Dapatan Ujian Kolinearitiri Inner VIF Value Pelaksanaan Kursus MPU

	BBM	BK	PKH	PKA	PKI	MP	PMB	PMG	PPH	PPA	PPI	PT	PS
BBM			1.903	1.903	1.903				1.903	1.903	1.903		
BK			1.898	1.898	1.898				1.898	1.898	1.898		
PKH													
PKA													
PKI													
MP			2.726	2.726	2.726				2.726	2.726	2.726		
PMB			2.621	2.621	2.621				2.621	2.621	2.621		
PMG			2.743	2.743	2.743				2.743	2.743	2.743		
PPH													
PPA													
PPI													
PT			2.245	2.245	2.245				2.245	2.245	2.245		
PS			2.701	2.701	2.701				2.701	2.701	2.701		

Nota, BK = Bilik Kuliah, PS = Perpustakaan, PT = Peralatan ICT, MP = Modul MPU, PMG = Pelaksanaan Amalan Pengajaran PMB = Pelaksanaan Amalan Pembelajaran, BM = Bahan Bantu Mengajar, PKA = Pembentukan Kefahaman Akidah, PKI = Pembentukan Kefahaman Ibadah, PKH = Pembentukan Kefahaman Akhlak, PPA = Amalan Penghayatan Akidah, PPI = Amalan Penghayatan Ibadah, PPH = Amalan Penghayatan Akhlak.

b. Pengujian Hipotesis

Untuk menentukan hubungan hipotesis di antara sesuatu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain, analisis pekali laluan model *path coefficients* dijalankan untuk menganggarkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah serta sekali gus untuk menjawab hipotesis kajian. *Path Coefficient* dinilai berdasarkan nilai beta (β),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

statistik t (t) atau nilai p (Hair et al., 2017; Henseler et al., 2009) yang diperoleh melalui ujian statistik menggunakan prosedur *bootstrapping*. Nilai β digunakan sebagai petunjuk pemberat sumbangan bagi setiap pemboleh ubah bebas atau peramal dalam sesuatu perhubungan.

Nilai beta yang tinggi bagi sesuatu pemboleh ubah menunjukkan bahawa sumbangannya ialah lebih tinggi berbanding dengan pemboleh ubah yang mempunyai nilai beta yang lebih rendah. Ini bermakna semakin tinggi nilai beta, semakin penting pemboleh ubah peramal tersebut (Henseler et al., 2014). Nilai t pula menentukan tahap signifikan sesuatu hubungan, iaitu *t > 1.28 ($p < 0.10$); **t > 1.65 ($p < 0.05$); ***t > 2.33 ($p < 0.001$) apabila hipotesis kajian mempunyai arah sama ada positif atau negatif, manakala *t > 1.65 ($p < 0.10$); **t > 1.96 ($p < 0.05$); ***t > 2.57 ($p < 0.001$) apabila hipotesis kajian tidak mempunyai tanda arah (Hair et al., 2017; Henseler et al., 2009). Walau bagaimanapun, dalam kajian sains sosial, nilai $p < 0.05$ digunakan sebagai tanda signifikan bagi sesuatu hasil kajian (Chua, 2014). Dalam kajian ini hipotesis yang merangkumi pengetahuan asas pendidikan pengetahuan kursus MPU, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan adalah melibatkan pensyarah sahaja. Manakala pembentukan kefahaman agama dan pembentukan penghayatan agama adalah melibatkan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.3 Hubungan Kompetensi Pensyarah iaitu (Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) dengan Pengetahuan Pedagogi dan Pedagogikal Kandungan

Persoalan Kajian 4c: Aspek Keberkesanan: *Adakah terdapat hubungan* ***kompetensi pensyarah*** *(Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) terhadap pengetahuan* ***pedagogi dan pedagogikal kandungan*** *dalam kalangan pensyarah?*

Berdasarkan Jadual 4.71 Hasil keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan kompetensi pensyarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan (PPPK) dengan nilai beta dan t (β = -0.180; t = 2.437).

05-4506832 tbupsi

Jadual 4.71

Hubungan Kompetensi Pensyarah dan Pengetahuan Pedagogi dan Pedagogikal Kandungan (MPU) Pengajian Islam

Hipotesis	Pemboleh ubah	Nilai (β)	Standard Deviation (STDEV)	T Statistics (O/STDEV)	P Values	Keputusan
Ha1	KOMPETENSI -> PPPK	-0.180	0.074	2.437	0.015***	Signifikan

Nota: p <0.01; p <***0.001**

Nota, PPPK = Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan Pedagogikal Kandungan MPU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Ujian Kekuatan Model (*R2*) Kompetensi Pensyarah

Kekuatan model bertujuan untuk menilai tahap perubahan yang berlaku kepada pemboleh ubah bersandar apabila dimasukkan pemboleh ubah tidak bersandar ke dalam analisis. Kekuatan model diukur berdasarkan kepada nilai R2 yang diperoleh melalui prosedur PLS *Algorithm*. Nilai R2 = 0.75 dikategorikan sebagai teguh, 0.50 sebagai sederhana dan 0.25 sebagai lemah (Hair et al., 2017). Walau bagaimanapun, bagi kajian-kajian yang berkaitan dengan sains sosial, nilai R2 yang disyorkan ialah R2 = 0.26 yang dikategorikan sebagai teguh, 0.13 sebagai sederhana dan 0.02 sebagai lemah (Cohen, 1988). Dalam kajian ini hasil analisis ujian kekuatan model (*R2*) *Square* kompetensi pensyarah menunjukkan telah memberi sumbangan sebanyak 3.3 peratus (kategori lemah) kepada pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan (PPPK).

05-4506 tbupsi

Jadual 4.72

Nilai Kekuatan Model (R2) Kompetensi Pensyarah

Pemboleh ubah	Kekuatan Model (R2) Square
PPPK	0.033

Nota, PPPK = Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan Pedagogikal Kandungan

b. Ujian Saiz Kesan (*f2*) Kompetensi Pensyarah

Ujian saiz kesan bertujuan untuk menilai tahap sumbangan pemboleh ubah tidak bersandar ke atas pemboleh ubah bersandar. Saiz kesan diukur berdasarkan kepada nilai f2 yang diperoleh melalui prosedur PLS Algorithm. Nilai f2 = 0.35 dikategorikan sebagai besar, 0.15 sebagai sederhana dan 0.02 sebagai kecil (Hair et al., 2017). Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini Jadual 4.64 ujian saiz kesan kompetensi pensyarah, hasil pengujian algorithm menunjukkan hubungan antara kompetensi dengan pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan memperoleh nilai f2 sebanyak 0.034, ini menunjukkan kompetensi memberi sumbangan pada tahap kecil kepada pedagogi dan pedagogikal kandungan.

Jadual 4.73

Ujian Saiz Kesan (f2) Kompetensi Pensyarah.

Pemboleh Ubah	PPPK
KOMPETENSI	0.034
PPPK	-

Nota, PPPK = Pengetahuan Pedagogi dan Pedagogikal Kandungan

05-4506 tbupsi

c. Ujian Kerelevanan Peramalan (*Q2*) Kompetensi Pensyarah

Ujian kerelevanan peramalan bertujuan untuk menilai keupayaan pemboleh ubah tidak bersandar meramal pemboleh ubah bersandar. Ramalan relevan diukur berdasarkan kepada nilai Q2 yang diperoleh melalui prosedur *blindfolding.* Nilai Q2 lebih besar daripada 0 menunjukkan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar berupaya bertindak sebagai peramal kepada pemboleh ubah bersandar (Hair et al. 2017). Dalam Jadual 4.74 hasil dapatan pengujian *PLS-SEM blindfolding* mendapati nilai Q^2 bagi Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan Pedagogikal Kandungan ialah 0.007, iaitu lebih besar daripada sifar. Keputusan ini mengesahkan bahawa Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan Pedagogikal Kandungan berupaya memberi ramalan kesan yang relevan terhadap kompetensi pensyarah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.74

Ujian Kerelevanan Peramalan (Q2) (Kompetensi Pensyarah)

Pemboleh ubah	Kerelevanan Peramalan (Q^2) (= 1-SSE/SSO)
KOMPETENSI	-
PPPK	0.007

Nota, PPPK = Pengetahuan Pedagogi dan Pengetahuan Pedagogikal Kandungan

4.8.4 Hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam Dengan Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak) dalam Kehidupan Pelajar

Persoalan Kajian 4d: Aspek Kemampanan: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara **Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam** iaitu (**Input**: Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (**Proses**: Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan **Pembentukan Kefahaman Agama** iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar?

Berdasarkan Jadual 4.75 Hasil keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak pelajar. Pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai beta iaitu pembentukan kefahaman akidah ($\beta = 0.612$; $t = 18.196$), pembentukan kefahaman ibadah ($\beta = 0.610$; $t = 16.978$) dan pembentukan kefahaman akhlak ($\beta = 0.629$; $t = 21.441$).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.75

Hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Hipotesis	Pemboleh ubah	Nilai (β)	Standard Deviation (STDEV)	T Statistics (O/STDEV)	P Values	Keputusan
Ha2	MPU -> PKA	0.612	0.034	18.196	0.000***	Signifikan
	MPU -> PKH	0.629	0.029	21.441	0.000***	Signifikan
	MPU -> PKI	0.610	0.036	16.978	0.000***	Signifikan

Nota: p<0.01; p<***0.001**
Nota, MPU = Pelaksanaan kursus MPU (Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Modul, penggunaan BBM, amalan pengajaran dan amalan pembelajaran). PKA = Pembentukan Kefahaman Akidah, PKH = Pembentukan Kefahaman Akhlak, PKI = Perkembangan Kefahaman Ibadah.

a. Ujian Kekuatan Model (*R2*) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

05-4506832 tbupsi

Hasil analisis ujian kekuatan model *(R2) Square* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam yang terdiri daripada (bilik kuliah, perpustakaan, peralatan ICT, modul, penggunaan BBM, amalan pengajaran dan amalan pembelajaran) telah memberi sumbangan sebanyak 37.4 peratus pembentukan kefahaman akidah, 39.6 peratus pembentukan kefahaman akhlak dan 37.2 peratus pembentukan kefahaman ibadah pelajar. Secara kesimpulannya ketiga-tiga pemboleh ubah dalam model ini berada pada kategori teguh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.76

Nilai Kekuatan Model (R2) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Pemboleh ubah	Kekuatan Model (R2) Square
PKA	0.374
PKH	0.396
PKI	0.372

Nota, PKA = Pembentukan Kefahaman Akidah, PKH = Pembentukan Kefahaman Akhlak dan PKI = Pembentukan Kefahaman Ibadah

b. Ujian Saiz Kesan (*f2*) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam Dengan Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Berdasarkan dalam Jadual 4.77 ujian saiz kesan menunjukkan hubungan antara pembentukan kefahaman akidah dan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam memperoleh nilai f2 sebanyak 0.598, pembentukan kefahaman akhlak memperoleh nilai sebanyak 0.656 dan pembentukan kefahaman ibadah memperoleh nilai f2 sebanyak 0.592. Ini menunjukkan pembentukan kefahaman akidah, pembentukan kefahaman akhlak dan pembentukan kefahaman ibadah memberi sumbangan pada tahap yang besar kepada pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

Jadual 4.77

Ujian Saiz Kesan (f2) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Pemboleh ubah	MPU	PKA	PKH	PKI
MPU	-	0.598	0.656	0.592
PKA	-	-	-	-
PKH	-	-	-	-
PKI	-	-	-	-

Nota, MPU = Pelaksanaan kursus MPU, PKA = Pembentukan Kefahaman Akidah, PKH = Pembentukan Kefahaman Akhlak dan PKI = Pembentukan Kefahaman Ibadah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Ujian Kerelevanan Peramalan (*Q2*) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam Dengan Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Dalam Jadual 4.78 hasil dapatan pengujian PLS *blindfolding* mendapati nilai Q2 bagi pembentukan kefahaman akidah ialah 0.183, pembentukan kefahaman akhlak ialah 0.302 dan pembentukan kefahaman ibadah pula ialah 0.228. Keputusan ini mengesahkan bahawa pembentukan kefahaman akidah, kefahaman akhlak dan kefahaman ibadah berupaya memberi ramalan kesan yang relevan terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

Jadual 4.78

Ujian Kerelevanan Peramalan (Q2) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Pembentukan Kefahaman Agama (Akidah, Ibadah dan Akhlak)

Pemboleh ubah	Kerelavana Peramalan (Q^2) (=1-SSE/SSO)
MPU	
PKA	0.183
PKH	0.302
PKI	0.228

Nota, MPU = Pelaksanaan kursus MPU, PKA = Pembentukan Kefahaman Akidah, PKH = Pembentukan Kefahaman Akhlak dan PKI = Pembentukan Kefahaman Ibadah.

4.8.5 Hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam Dengan Amalan Penghayatan Agama: Akidah, Ibadah dan Akhlak Diaplikasikan Dalam Kehidupan Pelajar

Persoalan Kajian 4e: Aspek Kebolehpindahan: *Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara* ***Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam*** *iaitu (****Input****: Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT), (****Proses****: Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan* ***Amalan Penghayatan Agama*** *(akidah, ibadah dan akhlak) untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar?*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.79 Hasil keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan amalan penghayatan akidah, nilai beta iaitu (β = 0.685; t = 23.558) dan amalan penghayatan ibadah, nilai beta iaitu (β = -0.142; t = 3.023). Manakala sebaliknya pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan amalan penghayatan akhlak, hasil pengujian hipotesis menunjukkan tidak mempunyai hubungan dan keputusan adalah tidak signifikan dengan nilai beta (β = -0.105; t = 1.550).

Jadual 4.79

Hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Amalan Penghayatan Agama: Akidah, Ibadah dan Akhlak Diaplikasikan dalam Kehidupan Pelajar

Hipotesis	Pemboleh ubah	Nilai (β)	Standard Deviation (STDEV)	T Statistics (O/STDEV)	P Values	Keputusan
Ha3	MPU -> PPA	0.685	0.029	23.558	0.000***	Signifikan
	MPU -> PPH	-0.105	0.068	1.550	0.122	Tidak Signifikan
	MPU -> PPI	-0.142	0.047	3.023	0.003***	Signifikan

Nota: p <0.01; p <***0.001**
Nota, MPU = Pelaksanaan kursus MPU (Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Modul, penggunaan BBM, amalan pengajaran dan amalan pembelajaran). PPA = Amalan Penghayatan Akidah, PPH = Amalan Penghayatan Akhlak, PPI = Amalan Penghayatan Ibadah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Ujian Kekuatan Model (*R2*) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam Dengan Amalan Penghayatan Agama: Akidah, Ibadah dan Akhlak Diaplikasikan Dalam Kehidupan Pelajar

Hasil analisis ujian kekuatan model *(R2) Square* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam yang terdiri daripada (bilik kuliah, perpustakaan, peralatan ICT, modul, penggunaan BBM, amalan pengajaran dan amalan pembelajaran) telah memberi sumbangan sebanyak 47.0 peratus (kategori teguh) kepada amalan penghayatan akidah. Manakala amalan penghayatan akhlak sebanyak 1.1 peratus (kategori lemah) dan amalan penghayatan ibadah sebanyak 2.0 peratus (kategori lemah).

Jadual 4.80

Nilai Kekuatan Model (R2) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Amalan Penghayatan Agama: Akidah, Ibadah dan Akhlak Diaplikasikan dalam Kehidupan Pelajar

Pemboleh ubah	Kekuatan Model (R2) Square
PPA	0.470
PPH	0.011
PPI	0.020

Nota, PPA = Amalan Penghayatan Akidah, PPH = Amalan Penghayatan Akhlak, PPI = Amalan Penghayatan Ibadah

b. Ujian Saiz Kesan (*f2*) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam Dengan dengan Amalan Penghayatan Agama: Akidah, Ibadah dan Akhlak Diaplikasikan Dalam Kehidupan Pelajar

Berdasarkan dalam Jadual 4.81 ujian saiz kesan menunjukkan hubungan antara amalan penghayatan akidah dan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam memperoleh nilai f2 sebanyak 0.886, ini menunjukkan amalan penghayatan akidah memberi sumbangan pada tahap yang besar kepada pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Manakala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungan amalan penghayatan ibadah dan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam memperoleh nilai f2 sebanyak 0.020, iaitu menunjukkan amalan penghayatan ibadah memberi sumbangan pada tahap kecil kepada pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Bagi amalan penghayatan akhlak pula menunjukkan tidak memberi sumbangan kepada pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan nilai f2 sebanyak 0.011.

Jadual 4.81

Ujian Saiz Kesan (f2) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Amalan Penghayatan Agama: Akidah, Ibadah dan Akhlak Diaplikasikan dalam Kehidupan Pelajar

Pemboleh ubah	MPU	PPA	PPH	PPI
MPU	-	0.886	0.011	0.020
PPA	-	-	-	-
PPH	-	-	-	-
PPI	-	-	-	-

Nota, MPU = Pelaksanaan kursus MPU, PPA = Amalan Penghayatan Akidah, PPH = Amalan Penghayatan Akhlak, PPI = Amalan Penghayatan Ibadah

05-4506 tbupsi

c. Ujian Kerelevanan Peramalan (*Q2*) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Amalan Penghayatan Agama: Akidah, Ibadah dan Akhlak Diaplikasikan Dalam Kehidupan Pelajar

Dalam Jadual 4.82 hasil dapatan pengujian PLS *blindfolding* mendapati nilai Q^2 bagi amalan penghayatan akidah ialah 0.286, amalan penghayatan akhlak ialah 0.002 dan amalan penghayatan ibadah ialah 0.006, iaitu ketiga-tiga nilai pemboleh ubah menunjukkan lebih daripada sifar. Keputusan ini mengesahkan bahawa amalan penghayatan akidah, amalan penghayatan akhlak dan amalan penghayatan ibadah berupaya memberi ramalan kesan yang relevan terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.82

Ujian Kerelevanan Peramalan (Q2) Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam Dengan Amalan Penghayatan Agama: Akidah, Ibadah dan akhlak Diaplikasikan Dalam Kehidupan Pelajar

Pemboleh ubah	Kerelevanan Peramalan (Q^2) (= 1-SSE/SSO)
MPU	
PPA	0.286
PPH	0.002
PPI	0.006

Nota, MPU = Pelaksanaan kursus MPu, PPA = Amalan Penghayatan Akidah, PPH = Amalan Penghayatan Akhlak, PPI = Amalan Penghayatan Ibadah

4.9 *Importance-Performance Map Analysis* (IPMA)

Importance-Performance Map Analysis (IPMA) memperuntukkan kepada para penyelidik untuk meluaskan analisis laluan *PLS-SEM* bagi mendapatkan hasil dan penemuan tambahan (Ringle & Sarstedt, 2016). IPMA bukan sahaja menganalisis laluan pekali (iaitu dimensi kepentingan), ia juga mempertimbangkan nilai purata sesuatu pemboleh ubah dan petunjuk pemboleh ubah tersebut (dimensi prestasi). Melalui analisis ini, sesuatu penemuan dan kesimpulan tambahan dapat dihasilkan daripada analisis dimensi kepentingan dan dimensi prestasi dalam satu aplikasi *PLS-SEM* (Ringle & Sarstedt, 2016).

Analisis IPMA ini telah di perkenalkan oleh Martilla dan James (1977) sebagai cara untuk mengukur kepuasan pelanggan dengan produk atau perkhidmatan. Pendekatan IPMA mengiktiraf kepuasan sebagai fungsi dua komponen iaitu kepentingan produk atau perkhidmatan kepada pelanggan dan prestasi perniagaan dalam menyediakan perkhidmatan atau produk tersebut (Martilla & James, 1977). Oleh


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu dalam kajian ini, IPMA juga dapat mengukur pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek keberkesanan dan produk berdasarkan konstruk-konstruk yang telah di bangunkan untuk mengukur pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Dengan cara ini, IPMA tidak hanya mengukur prestasi item, malahan turut melibatkan pentingnya item itu sebagai faktor penentu keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam kepada pelajar.

Importance-Performance Map Analysis (IPMA) terdiri daripada sepasang paksi matriks koordinat di mana 'kepentingan' (paksi y) dan 'prestasi' (paksi x) berdasarkan empay kuadran yang menggabungkan kepentingan dan prestasi tersebut (Go & Zhang, 2008; Martilla & James 1977). Setiap kuadran menginterpretasikan strategi yang berbeza Rajah 4.1.

05-4506 tbupsi



Rajah 4.1. Analisis IPMA berdasarkan kuadran. Diadaptasi dari Matila dan James (1977)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


i) **Kuadran A**: Tumpuan utama (kepentingan tinggi/prestasi rendah). Terdapat faktor-faktor yang dianggap penting oleh pelanggan, tetapi prestasi produk/perkhidmatan dianggap tidak memuaskan dan perlu diberi perhatian untuk meningkat prestasinya.

ii) **Kuadran B**: Kekalkan kerja yang baik (kepentingan tinggi/prestasi tinggi). Terdapat faktor-faktor penting yang menyokong kepuasan pelanggan supaya produk/perkhidmatan yang dikehendaki mengekalkan prestasinya.

iii) **Kuadran C**: Keutamaan rendah (kepentingan rendah/prestasi rendah). Terdapat faktor-faktor yang mempunyai tahap prestasi yang rendah dan prestasinya tidak kepada pelanggan dan tidak perlu diberi keutamaan.

iv) **Kuadran D**: Mungkin berlebihan (kepentingan rendah/prestasi tinggi). Terdapat faktor-faktor yang tidak penting dan faktor-faktor tersebut mempunyai prestasi yang baik terhadap aspek lain yang lebih utama.

05-4506832 tbupsi




Rajah 4.2. Analisis IPMA Terhadap Kompetensi Pensyarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 4.2 analisis IPMA menunjukkan kepentingan dan prestasi daripada pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan terhadap kompetensi pensyarah. Hasil analisis mendapati kompetensi berada pada kuadran A. Ini menunjukkan kompetensi penting kepada pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan. Namun perlu diberi perhatian kerana prestasi pemboleh ubah tersebut perlu dipertingkatkan lagi.




Rajah 4.3. Analisis IPMA Terhadap Pembentukan Kefahaman Akidah (PKA)

Berdasarkan Rajah 4.3 analisis IPMA menunjukkan kepentingan dan prestasi daripada pembentukan kefahaman akidah terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil analisis mendapati pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada kuadran B. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Islam penting kepada pembentukan kefahaman akidah dan prestasinya juga tinggi dan perlu dikekalkan.




Rajah 4.4. Analisis IPMA Terhadap Pembentukan Kefahaman Akhlak (PKH)

Berdasarkan Rajah 4.4 analisis IPMA menunjukkan kepentingan dan prestasi daripada pembentukan kefahaman akhlak terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil analisis mendapati pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada kuadran B. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam penting kepada pembentukan kefahaman akhlak dan prestasinya juga tinggi dan perlu dikekalkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.5. Analisis IPMA Terhadap Pembentukan Kefahaman Ibadah (PKI)

05-4506832 tbupsi

Berdasarkan Rajah 4.5 analisis IPMA menunjukkan kepentingan dan prestasi daripada pembentukan kefahaman ibadah terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil analisis mendapati pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada kuadran B. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam penting kepada pembentukan kefahaman ibadah dan prestasinya juga tinggi dan perlu dikekalkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.6. Analisis IPMA terhadap Amalan Penghayatan Akidah (PPA)

05-4506832 tbupsi

Berdasarkan Rajah 4.6 analisis IPMA menunjukkan kepentingan dan prestasi daripada amalan penghayatan akidah terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil analisis mendapati pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada kuadran B. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam penting kepada amalan penghayatan akidah dan prestasinya juga tinggi dan perlu dikekalkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.7. Analisis IPMA Terhadap Amalan Penghayatan Akhlak (PPH)

05-4506 tbupsi

Berdasarkan Rajah 4.7 analisis IPMA menunjukkan kepentingan dan prestasi daripada amalan penghayatan akhlak terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil analisis mendapati pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada kuadran A. Ini menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam penting kepada amalan penghayatan akhlak. Namun perlu diberi perhatian kerana prestasi pemboleh ubah tersebut perlu dipertingkatkan lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.8. Analisis IPMA terhadap Amalan Penghayatan Ibadah (PPI)


05-4506 tbupsi

Berdasarkan Rajah 4.8 analisis IPMA menunjukkan kepentingan dan prestasi daripada amalan penghayatan ibadah terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil analisis mendapati pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada kuadran A. Ini menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam penting kepada amalan penghayatan ibadah. Namun perlu diberi perhatian kerana prestasi pemboleh ubah tersebut perlu dipertingkatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.10 Rumusan Dapatan dan Model Kajian



Rajah 4.9. Model Pengukuran Kompetensi Pensyarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.10. Model Struktur Kompetensi Pensyarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.11. Model Pengukuran Pelaksanaan MPU dengan PKA, PKH dan PKI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.12. Model Struktur Pelaksanaan MPU dengan PKA, PKH dan PKI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.13. Model Pengukuran Pelaksanaan MPU dengan PPA, PPH dan PPI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.14. Model Struktur Pelaksanaan MPU dengan PPA, PPH dan PPI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.11 Penutup

Bab ini telah membincangkan secara menyeluruh berkaitan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik berdasarkan persetujuan pakar bidang dan pensyarah politeknik. Fasa pertama penilaian adalah dimensi konteks iaitu melibatkan persetujuan pakar melalui senarai semak kerelevanan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam.

Fasa kedua adalah aspek penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam yang melibatkan pensyarah dan pelajar melalui soal selidik dan temu bual. Kajian memberi fokus kepada dimensi input, proses dan produk. Penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari perspektif pensyarah memberi fokus kepada pengetahuan asas pendidikan, ikhtisas, amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran penilaian berterusan, pemantauan P&P, pemantauan dokumen kursus, tahap kesediaan modul dan kesediaan infrastruktur untuk pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Manakala penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari perspektif pelajar pula memberi fokus kepada tahap kesediaan modul, tahap kesediaan infrastruktur untuk pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam, amalan pengajaran dan pembelajaran pensyarah, persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dan persepsi pelajar terhadap keputusan penilaian berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala fasa ketiga pula adalah sebahagian daripada dimensi produk iaitu memberi fokus kepada hubungan kompetensi pensyarah iaitu (pengetahuan asas pendidikan dan pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dengan pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan. Hubungan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan pembentukan kefahaman agama; akidah, ibadah dan akhlak dalam kehidupan pelajar. Hubungan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan amalan penghayatan agama; akidah, ibadah dan akhlak diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini dimulai dengan pendahuluan, ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian berdasarkan model CIPP iaitu dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk. Seterusnya dalam bab ini disusuli dengan implikasi dapatan kajian, cadangan penambahbaikan kepada beberapa pihak yang berkepentingan seperti bahagian kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK), bahagian pembuat dasar politeknik dan pelaksana kurikulum dari kalangan pensyarah Politeknik secara khususnya. Di samping itu, dalam bab ini juga turut membincangkan berkaitan cadangan kajian lanjutan kepada para penyelidik yang akan datang agar dapat meneroka dengan lebih jauh berdasarkan keperluan kurikulum semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia. Kursus ini dilaksanakan selama tiga jam seminggu semasa proses pengajaran dan pembelajaran, serta mewakili dua jam kredit yang wajib diikuti oleh pelajar semasa di semester dua pengajian diploma.

Kajian penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dijalankan berasaskan model CIPP Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Hasrat kajian ini adalah untuk mendapat gambaran sebenar pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia, serta mengenal pasti kekuatan dan keperluan penambahbaikan pelaksanaan kursus ini. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berdasarkan persoalan kajian yang telah dibina. Terdapat empat dimensi utama mendasari kajian ini berpandukan model CIPP Stufflebeam dan Shinkfield (2007) iaitu dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk.

Dimensi konteks dalam kajian ini telah menggunakan analisis dokumen sebagai penilaian. Analisis dokumen ini telah melibatkan pengesahan pakar untuk menilai dokumen kurikulum (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Analisis ini meliputi penilaian kerelevanan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan kerelevanan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala analisis deskriptif pula terdiri daripada dimensi input, dimensi proses dan sebahagian dimensi produk. Dalam kajian ini dimensi input meliputi aspek kompetensi pensyarah iaitu tahap pengetahuan asas pendidikan dan pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Bagi aspek modul dan waktu pembelajaran pula meliputi penilaian tahap kesediaan modul sebagai bahan pengajaran dan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT). Manakala aspek infrastruktur dalam kajian ini terdiri daripada penilaian tahap kesediaan bilik kuliah, tahap kesediaan perpustakaan dan tahap kesediaan peralatan ICT untuk melaksanakan kursus (MPU) Pengajian Islam.

Dimensi proses dalam kajian ini pula meliputi aspek pelaksanaan amalan pengajaran, pelaksanaan amalan pembelajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, pemantauan pelaksanaan P&P, pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam dan pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB). Dimensi produk pula melibatkan produk impak iaitu keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Manakala produk keberkesanan iaitu keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam mencapai objektif kursus (MPU) Pengajian Islam yang ditawarkan.

Seterusnya terdapat tiga elemen penilaian dalam dimensi produk yang menggunakan analisis laluan *PLS-SEM*. Pertama produk keberkesanan yang meliputi penilaian hubungan kompetensi pensyarah iaitu (Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan "*Pedagogikal Content Knowledge"* dalam kalangan pensyarah. Kedua produk kemampanan, iaitu menilai hubungan pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan Pembentukan Kefahaman Agama iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar. Dan ketiga produk kebolehpindahan, iaitu menilai hubungan Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan Amalan Penghayatan Agama iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian.

5.3.1 Perbincangan Aspek Penilaian Konteks

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun tbupsi

a. Kerelevanan Objektif Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Dapatan kajian mendapati bahawa objektif kursus (MPU) Pengajian Islam adalah relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia berjalan seperti yang telah dihasratkan dan mengikut perancangan kurikulum. Hasil persetujuan yang telah diperoleh daripada 11 orang pakar iaitu pakar 1 telah memberi persetujuan dengan 57 item (K = 1.00); (2) pakar 2 telah bersetuju dengan 54 item (K = 0.89); (3) pakar 3 telah bersetuju dengan 55 item (K = 0.92); (4) pakar 4 telah bersetuju dengan 57 item (K = 1.00); (5) pakar 5 telah bersetuju dengan 56 item (K = 0.93); (6) pakar 6 telah bersetuju dengan 54 item (K = 0.86); (7) pakar 7 telah bersetuju dengan 57 item (K = 1.00); (8) pakar 8 telah bersetuju dengan 57 item (K = 1.00); (9) pakar 9 telah bersetuju dengan 57 item (K =

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.00); (10) pakar 10 telah bersetuju dengan 57 item (K = 1.00) dan (11) pakar 11 telah bersetuju dengan 57 item (K = 1.00). Jumlah keseluruhan (K = 0.95). Keputusan ini menunjukkan bahawa objektif kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik menepati dan selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Menurut Alias Mat Saad (2010) dan Norhayati Fatmi Talib (2014) menyatakan bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan penyataan yang boleh dilihat sebagai pedoman, arah tuju atau pandangan-pandangan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Tambahan pula bahawa pandangan Saylor et al. (1981) telah menyatakan bahawa inti pati yang terkandung dalam penyataan falsafah pendidikan dengan jelas mengandungi kepercayaan, sistem nilai dan harapan yang akan diperoleh daripada sistem pendidikan yang dihasilkan oleh falsafah berkenaan. Kenyataan ini turut selari dengan Olivia (1997).

05-4506 tbupsi


Menurut Mok (2000) isi kandungan yang termaktub dlm FPK adalah berlandaskan daripada usaha berfikir yang kritis berteraskan pemikiran ideologi Negara yang telah dimanifestasikan dalam laporan dan dasar pendidikan. FPK telah menjadi panduan dan pedoman dalam hala tuju yang berkaitan dengan pendidikan sama ada di dalam institusi pendidikan atau di luar institusi pendidikan.

Menurut Saharia Ismail (2015) FPK melahirkan manusia yang berperwatakan unggul dan insan yang baik dan mulia, rakyat yang bercirikan amanah serta bertanggungjawab, berpekerti mulia, bercirikan warganegara yang setia dan bersemangat tinggi sekali gus membina keluarga yang baik. Manakala objektif kursus pula merupakan tujuan atau matlamat akhir dan sesuatu yang boleh diukur sebagaimana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang diharapkan atau apa yang akan diperoleh oleh pelajar hasil daripada pengalaman pembelajaran yang dilalui. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat kerelevanan antara objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hubungan kerelevanan antara kursus MPU dengan FPK ini bertunjangkan kepada cadangan struktur model pembangunan kurikulum yang telah dibina oleh Tanner dan Tanner (1995). Objektif kurikulum atau kursus sentiasa saling mempunyai perkaitan dengan Falsafah Pendidikan yang menjadi sumber yang paling utama dalam proses pendidikan. Hubungan perkaitan ini seperti dalam Rajah 5.1



Rajah 5.1. Struktur Model Pembangunan Kurikulum Tanner dan Tanner (1995)

i. Huraian item-item dalam objektif kursus (MPU) Pengajian Islam yang relevan dengan FPK:

Dapatan kajian telah menunjukkan item kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu "melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan" relevan dengan FPK. Ini menunjukkan amalan Islam melalui proses pendidikan menjadi suatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan terhadap pelajar dalam memahami sesuatu ilmu serta untuk beramal dengannya. Pendidikan merupakan suatu usaha berterusan yang memberi manfaat dalam kehidupan seharian manusia. Menurut Awang Yahya (2004) proses pembelajaran adalah menjadi kewajipan kepada manusia untuk memahami segala kejadian berkaitan dirinya dan memahami tentang alam semesta melalui proses pembelajaran dan ilmu pengetahuan yang datangnya dari pencipta Allah S.W.T. Manakala amalan Islam pula menjadikan seseorang itu insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Justeru itu, untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis menjadi suatu keperluan dalam pembinaan objektif kursus untuk selari dengan FPK.

05-4506832 tbupsi

Kajian juga mendapati item "etika dan profesionalisme berkaitan syariah dan institusi Islam dalam membentuk pembangunan ummah" relevan dengan FPK iaitu menjadikan manusia ke arah rakyat Malaysia yang berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, berupaya mencapai kesejahteraan diri, berkebolehan memberi sumbangan terhadap keluarga, masyarakat dan Negara. Selain itu, etika dan manusia juga merupakan dua perkara yang saling berkait serta merujuk kepada akhlak seseorang. Menurut Kabir (2013); Moghaddam et al. (2016) telah mendefinisikandan etika sebagai (akhlak). Oleh yang demikian, manusia yang beretika dan profesionalisme merujuk kepada manusia yang mempunyai akhlak seperti yang di anjurkan dalam Islam. Malahan al-Attas (1981) telah memberi pandangan bahawa tujuan akhir pengajaran adalah untuk menjadikan manusia itu *ta'dib* iaitu beradab. Justeru itu, untuk melahirkan generasi manusia yang sempurna dan seimbang haruslah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai etika yang selari dengan tujuan dan matlamat pendidikan (Ahmad Mohd Salleh, 2008; Ghazali Darussalam, 2004; Hassan Langgulung, 1991; Tajul Ariffin Noordin, 1993)

Manakala item "menghubung kait minda ingin tahu dengan Islam dan cabaran semasa di Malaysia" relevan dengan FPK iaitu merujuk elemen "perkembangan potensi secara menyeluruh", "insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani", "insan yang harmonis dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani" dan "Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab berketerampilan, berupaya mencapai kesejahteraan diri, berkebolehan memberi sumbangan terhadap keluarga, masyarakat dan Negara". Hubungan ini jelas membuktikan untuk mencapai tahap manusia yang seimbang elemen-elemen ini amatlah saling berkait dan tidak boleh dipisahkan. Menurut Saharia Ismail (2015) antara matlamat FPK adalah untuk memastikan kelestarian menghasilkan produk modal insan dari warganegara yang mempunyai sahsiah yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Oleh itu, persetujuan kerelevanan ini sangat signifikan dalam membuktikan fitrah kejadian manusia itu berasaskan kepada agama yang meliputi semua aspek yang terkandung dalam kehidupan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Kerelevanan Objektif Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI)

Dapatan kajian mendapati objektif kursus (MPU) Pengajian Islam adalah relevan dengan Falsafah Pendidikan Islam. Hasil senarai semak yang telah diedarkan kepada 11 orang pakar, telah memberikan keputusan seperti berikut: (1) pakar 1 telah memberi persetujuan dengan 39 item (K = 1.00); (2) pakar 2 telah bersetuju dengan 36 item (K = 0.84); (3) pakar 3 telah bersetuju dengan 37 item (K = 0.90); (4) pakar 4 telah bersetuju dengan 37 item (K = 0.90); (5) pakar 5 telah bersetuju dengan 38 item (K = 0.92); (6) pakar 6 telah bersetuju dengan 38 item (K = 0.94); (7) pakar 7 telah bersetuju dengan 37 item (K = 0.90); (8) pakar 8 telah bersetuju dengan 38 item (K = 0.95); (9) pakar 9 telah bersetuju dengan 39 item (K = 1.00); (10) pakar 10 telah bersetuju dengan 37 item (K = 0.90) dan (11) pakar 11 telah bersetuju dengan 37 item (K = 0.90). Oleh itu, jumlah keseluruhan adalah (K = 0.92).

05-4506f tbupsi

Keputusan ini menunjukkan keseluruhan pakar telah memberi persetujuan bahawa objektif kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan FPI. Dapatan ini mengukuhkan lagi bahawa pelaksanaan kursus MPU di Politeknik Malaysia berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Islam. FPI telah menjadi panduan dalam pelaksanaan kurikulum yang berasaskan Pendidikan Islam. FPI adalah sebagai suatu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu berlandaskan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Qutb (1972) menyatakan sesungguhnya pendekatan al-Quran tidak hanya mempamerkan tauhid dalam bentuk teori semata-mata dan sekiranya kebergantungan kepada teori semata-mata ia akan menjadi ilmu yang tidak meninggalkan kesan dalam hati dan kehidupan manusia. Maka, Falsafah Pendidikan Islam atau falsafah Islam merupakan elemen yang tidak boleh dipisahkan dalam dunia pendidikan. Malahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Falsafah Islam akan membawa manusia untuk mengenali penciptanya. FPI juga memainkan peranan untuk membina dan membentuk manusia agar menjadi khalifah Allah S.W.T yang berilmu, beriman, bertakwa, beramal soleh, berakhlak dengan akhlak Islamiah berketerampilan bertunjangkan panduan al-Quran dan al-Sunnah (Ikhwan Lubis & Maimun Aqsha Lubis, 2021). Oleh itu, pembinaan FPI adalah bermatlamatkan untuk menjadikan individu, manusia dan masyarakat yang holistik atau dalam erti kata lain untuk menjadikan manusia itu sentiasa menghayati cara hidup berlandaskan Islam yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

i. Huraian item-item dalam objektif kursus (MPU) Pengajian Islam yang relevan dengan FPI:

Dapatan kajian telah mendapati item kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu "melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan" relevan dengan FPI. Ini menunjukkan pelaksanaan amalan Islam dalam kehidupan seharian relevan dengan FPI iaitu bermatlamatkan penyampaian ilmu al-Quran, al-Sunnah, membentuk generasi yang berkemahiran al-Quran, menghayati Islam berlandaskan al-Quran. FPI merupakan antara ikhtiar untuk melahirkan individu yang baik serta melahirkan manusia yang beriman dan beramal soleh (Ikhwan Lubis & Maimun Aqsha Lubis, 2021).

Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008) pembinaan FPI adalah berasaskan empat rukun, iaitu pertama iman yang teguh, kedua akhlak yang baik, ketiga berilmu dengan ilmu yang menyeluruh dan keempat mempunyai amalan yang soleh di dunia dan akhirat. Selain itu, didapati item "etika dan profesionalisme berkaitan syariah dan institusi Islam dalam membentuk pembangunan ummah"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

relevan dengan FPI iaitu memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Quran, al-Sunnah, melahirkan insan yang berilmu, berkeperibadian yang mulia, bersikap positif dan melahirkan insan yang bermatlamatkan mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan al-Qabisi (1955) iaitu dengan menggariskan panduan dalam kurikulum dengan dua matlamat dalam pengajaran, iaitu matlamat agama dan matlamat akhlak.

Manakala item "menghubungkaiat minda ingin tahu dengan Islam dan cabaran semasa di Malaysia" relevan dengan FPI meliputi aspek memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Quran, al-Sunnah, melahirkan insan yang berilmu, berkeperibadian yang mulia, bersikap positif dan melahirkan insan yang bermatlamatkan mencapai kesejahteraan di dunia. Pendidikan merupakan pengantara untuk membentuk manusia ke suatu tahap yang mulia. Pendidikan ini menjadi lebih sempurna apabila menggabungkan ilmu duniawi dan ukhrawi. Menurut al-Qabisi (1955) pendidikan Islam diperincikan kepada dua perkara iaitu dasar tawazun (keseimbangan) antara pengetahuan keduniaan dengan pengetahuan akhirat (aspek intelektual dengan spiritual).

Oleh yang demikian, kerelevanan antara objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan FPI adalah sangat signifikan dari aspek pelaksanaannya yang meliputi ilmu dunia dan ukhrawi. Perkara ini selari dengan dapatan kajian oleh Muhammad Amirul Mohd Nor (2020) iaitu dapatan kajiannya berkaitan kurikulum yang dibawa oleh al-Qabisi (1955) iaitu kurikulum ijbari dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum ikhtiyari. Menunjukkan pendidikan agama dan akhlak sangat berkait rapat untuk memastikan kesejahteraan dalam masyarakat dan Negara tercapai.

5.3.2 Perbincangan Aspek Penilaian Input

Perbincangan dapatan kajian aspek penilaian input terbahagi kepada empat sub perbincangan iaitu pertama memberi fokus kepada tahap kompetensi pensyarah yang terdiri daripada pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pensyarah terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakan ikhtisas pensyarah untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kedua berkaitan tahap kesediaan modul sebagai bahan pengajaran. Ketiga berkaitan peruntukan jam pembelajaran "*Student Learning Time"* (SLT) dan keempat adalah aspek infrastruktur yang meliputi kesediaan bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT sebagai kemudahan asas pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 tbupsi

a. Kompetensi pensyarah

i. Kompetensi dari aspek pengetahuan asas pendidikan:

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai tahap kesediaan yang baik dari aspek pengetahuan asas pendidikan. Kesemua item penilaian terhadap tahap pengetahuan asas pendidikan menunjukkan berada pada interpretasi skor yang tinggi (Min = 4.15) iaitu mempunyai pengetahuan yang luas serta kerap kali menjadi sumber rujukan dalam atau luar organisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan dari soal selidik ini juga selari dengan dapatan hasil temu bual, iaitu menunjukkan bahawa pensyarah memiliki pengetahuan asas pendidikan yang secukupnya. Pensyarah juga didapati memperkaitkan model-model pengajaran semasa dalam proses P&P. Menurut Corcoran (1981) pengetahuan asas pendidikan merupakan elemen yang penting dalam proses P&P kerana guru yang tidak kompeten dalam bidangnya sukar untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang bakal dihadapinya nanti.

Di samping itu, dapatan temu bual juga menunjukkan pengetahuan asas pendidikan ini diterjemahkan oleh pensyarah melalui teknik-teknik pembelajaran yang menggunakan teori-teori pembelajaran yang bersesuaian dengan topik yang diajar. Pensyarah juga berjaya menarik minat pelajar dengan memberi motivasi melalui bahan bantu mengajar seperti video dan mengadakan aktiviti yang bersesuaian dalam bilik kuliah. Aspek pengetahuan asas pendidikan merupakan elemen yang penting bagi seseorang pendidik. Tanpa kemahiran pengajaran yang betul sesuatu isi pelajaran tidak dapat disampaikan dengan baik dan sempurna.

Walau bagaimanapun aspek pengetahuan asas pendidikan ini luas. Ianya tidak merujuk dengan memiliki kelulusan semata-mata, malahan faktor luaran seperti minat, pengaruh ganjaran dan seumpamanya turut memainkan peranan. Nadiah Mat Syned (2010) dalam kajiannya mendapati daripada 515 orang guru pelatih telah memberi jawapan faktor pemilihan profesion perguruan dengan nilai min iaitu faktor prestij Min = 4.12, minat Min = 3.83, ganjaran Min = 3.61, persekitaran kerja Min = 3.61 dan faktor pengaruh Min = 3.82. Ini menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

faktor prestij dan minat berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, menurut Abdul Razif Zaini et al. (2020) menyatakan kompetensi sesorang guru mempengaruhi corak penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa kompetensi yang dimiliki oleh seseorang pendidikan sama ada guru mahupun pensyarah tidak hanya semata-mata dengan kelulusan semata-mata, malahan minat juga memberi impak dalam menentukan kompetensi itu berjaya dan dihayati ataupun sebaliknya. Di samping itu, dalam pendidikan kompetensi merupakan elemen yang sangat penting bahkan sebagai penentu sama ada beroleh kejayaan ataupun kegagalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah.

05-4506832 tbupsi

Malahan dengan adanya kompetensi dalam diri pensyarah ianya akan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran seseorang pendidik yang reflektif (Mahadi Abu Hasan & Norliah Kudus, 2006; Rodzli Hashim, 2010; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2012; Esah Sulaiman, 2012). Selain itu juga, kompetensi dalam aspek asas pengetahuan pendidikan turut memberi sumbangan dalam mewujudkan persekitaran yang positif untuk keperluan pelajar dan ibu bapa (Zieger, 2018). Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian berkaitan pengetahuan asas pendidikan selari dengan kajian-kajian yang lepas. Aspek pengetahuan asas pendidikan merupakan elemen yang penting dalam dunia pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Kompetensi dari aspek pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai pengetahuan yang baik terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Kesemua item penilaian menunjukkan berada pada interpretasi skor yang tinggi (Min = 4.10) iaitu kelompok mempunyai pengetahuan yang luas serta kerap kali menjadi sumber rujukan dalam atau luar organisasi. Pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam kursus ini adalah dari latar belakang bidang pendidikan Islam. Dapatan ini selari dengan kajian Ahmad Firdaus Mohd Noor et al. (2022) iaitu elemen kompetensi dan nilai profesionalisme yang perlu ada pada seorang pendidik iaitu mengusai dalam bidang.

05-4506832 tbupsi

Dapatan hasil temu bual juga menunjukkan selari dengan dapatan yang diperoleh dari soal selidik. Hasil temu bual menunjukkan pensyarah menguasai kursus dan isi pelajaran dengan baik sebelum melaksanakan kursus ini di dalam bilik kuliah. Pensyarah didapati memahami dengan baik matlamat kursus dan menyampaikannya mengikut kemampuan dan kesesuaian pelajar. Topik-topik asas Islam disampaikan dengan pelbagai kaedah demi memastikan isi pelajaran kursus berjaya disampaikan kepada pelajar. Dari aspek pentaksiran pula pensyarah sentiasa memastikan penilaian dilaksanakan berpandukan skema dan rubrik yang telah disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek tugasan pula pensyarah melaksanakannya berdasarkan *course learning outcome* yang telah ditetapkan oleh program dan garis panduan kurikulum. Norhayati Fatmi Talib (2014) dalam kajiannya mendapati pensyarah mempunyai pengetahuan dalam bidang dengan tahap pencapaian min yang tinggi dari aspek *course learning outcome,* sukatan pelajaran, penyediaan fail rekod pensyarah dan penguasaan objektif kurikulum. Dalam kajian ini aspek pengetahuan terhadap kursus ini juga diterjemahkan tahap penguasaannya oleh pensyarah melalui pematuhan ketetapan yang telah disediakan dalam *student study guide* yang telah dibekalkan kepada pelajar dan pensyarah. Perkara ini penting agar setiap apa yang disampaikan oleh pensyarah tidak tersasar oleh, malahan pelajar juga dapat mengetahui apa yang akan diperoleh semasa proses P&P dijalankan. Di samping itu, tahap pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam ini dapat dilihat di dalam rancangan mengajar semester (RMS) dan fail rekod mengajar yang telah disediakan oleh pensyarah.

Disamping itu, aspek pengetahuan dalam sesuatu kursus atau subjek merupakan elemen yang penting dalam melengkapkan maksud kompetensi. Kompetensi tidak terbatas kepada teknik pengajaran malahan penguasaan dalam sesuatu bidang juga merupakan aspek yang penting. Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) berpandangan bahawa seseorang guru perlu menguasai ilmu yang diajar agar dapat menyampaikan isi pelajaran tersebut dengan baik. Manakala Norhayati Fatmi Talib (2014) menyatakan seseorang pendidik perlu meningkatkan tahap dan keupayaan pengajaran yang berkesan. Item penilaian dalam kajian ini "saya menguasai kursus (MPU) Pengajian Islam secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pensyarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersedia dan menguasai sebelum memulakan pengajaran dengan mempunyai kompetensi yang tinggi terhadap kursus.

Dapatan ini selari dengan Atan Long (1980) iaitu pengetahuan seseorang guru tidak terhad kepada isi kandungan pengajaran sahaja, malah perlu mengetahui cara untuk memindahkan isi kandungan pengajaran tersebut hingga ke tahap boleh diterima oleh pelajar. Selain itu, seseorang juga harus memiliki kompetensi pengajaran yang meliputi aspek pengetahuan isi kandungan, kemahiran dan sikap positif (Good & Mulryan, 1990). Sementara itu, seseorang pendidik haruslah mempunyai kemahiran penyampaian ilmu yang menarik agar pelajar dapat menyelami peristiwa yang berlaku di dalam bilik kuliah sehingga merasakan benar-benar berlaku ke atas diri mereka (Simah Mamat, 2017). Oleh itu, dapatan kajian ini telah menyimpulkan bahawa pensyarah yang terlibat dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik adalah mempunyai kompetensi pengetahuan asas pendidikan dan pengetahuan yang tinggi terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam.

iii. Kompetensi dari aspek dan kelayakan ikhtisas untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran:

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua pensyarah yang terlibat kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai kelayakan ikhtisas iaitu 82 orang mempunyai Diploma Pendidikan, 57 orang memiliki Ijazah Pendidikan, 43 orang mempunyai sijil ikhtisas KIPA dan 20 orang sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Kursus Perguruan Lepasan Ijazah. Walaupun kelayakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ikhtisas tidak menjurus kepada (MPU) Pengajian Islam Pengajian Islam namun kesemua pensyarah mempunyai latar belakang pengajian Pendidikan Islam. Dapatan hasil temu bual juga mendapati tiada seorang pensyarah yang tidak mempunyai ikhtisas atau berstatus pensyarah tidak terlatih. Ini menunjukkan kesemua pensyarah mempunyai kemampuan yang cukup dari aspek ikhtisas untuk melaksanakan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam P&P.

Kelayakan atau pendidikan memainkan peranan yang amat penting untuk melaksanakan sesuatu kursus atau subjek. Mok (1992) memberi pandangan bahawa latar belakang atau sejarah pendidikan amat penting dalam setiap individu yang bergelar pendidik. Ini kerana pengalaman yang mencukupi dalam pendidikan akan memberi keyakinan dalam diri seseorang untuk memegang amanah, prinsip dan nilai. Menurut Dunkin dan Biddle (1974) kemahiran dalam pendidikan atau pengajaran adalah aspek yang penting dalam komponen sebagai seorang pendidik.

Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) seorang guru perlu memiliki kemahiran mengajar seperti memulakan pengajaran, memberi peluang pelajar bertanya, menggunakan analogi mudah untuk memberi contoh menyediakan persoalan yang baik dan mengakhiri pelajaran dengan sebaiknya. Ini kerana kemahiran-kemahiran tersebut adalah suatu keperluan supaya seorang pendidik mampu dan berkebolehan dalam mengawal bilik kuliah dengan mutu yang tinggi dan mampu menarik perhatian pelajar untuk terus belajar dengan bermakna dan menyeronokkan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa seorang guru iaitu "*mu'allim"* perlu mempunyai latihan keguruan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencukupi, termasuk bidang asas pendidikan seperti psikologi dan sosiologi pendidikan (Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010). Pandangan ini turut disokong oleh (al-Na'my, 1994) iaitu untuk menjadi seorang guru "*mu'allim"* yang professional, seseorang itu perlu mendapat latihan dan pendidikan guru.

b. Tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran

Tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran dalam dapatan ini terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu pertama aspek penyediaan modul, kedua aspek isi kandungan modul dan ketiga aspek sumbangan modul.

05-4506 tbupsi

i) Hasil dapatan soal selidik persepsi pensyarah

Dapatan kajian yang diperoleh daripada perspektif pensyarah mendapati tahap kesediaan modul MPU sebagai bahan pengajaran berada pada tahap sederhana tinggi (Min = 3.57). Elemen penilaian dalam dapatan ini meliputi aspek modul tersedia diminggu pertama sesi kuliah bermula, modul menggunakan istilah yang sesuai dan mudah difahami, modul mudah dibaca, isi kandungan modul yang tersusun mengikut topik, modul dilengkapi dengan latihan pengukuhan, aktivit-aktiviti yang disediakan dalam modul bertujuan untuk membantu kefahaman pelajar, modul yang digunakan bersesuaian dengan sukatan mata pelajaran yang dicadangkan, modul ini bersesuaian dengan peringkat diploma, modul menyumbang ke arah pembentukan kefahaman dari aspek akidah, ibadah dan akhlak pelajar, modul ini membentuk penghayatan agama Islam dan modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini berkesan membentuk penghayatan agama pelajar. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini juga turut selari dengan dapatan temu bual.

ii) Dapatan temu bual pensyarah:

Hasil temu bual pensyarah dari aspek tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran menunjukkan pihak politeknik dan pensyarah telah menyediakan modul kepada pelajar sebelum sesi P&P bermula. Selain itu, modul yang disediakan adalah bersesuaian dengan tahap pelajar. Malahan modul yang disediakan juga mudah dibaca oleh pelajar tanpa penerangan oleh pensyarah. Pelajar dapat memahami isi kandungannya dengan baik sama ada melalui pembacaan bersendirian mahupun secara berkumpulan. Modul ini juga telah disusun dengan baik mengikut susunan topik-topik seperti yang telah dicadangkan dalam sukatan pelajaran.

Dari aspek yang lain pula, pensyarah bersetuju bahawa latihan yang disediakan dalam modul ini membantu kefahaman pelajar. Latihan yang disediakan telah disusun mengikut peringkat aras kefahaman dan selari dengan topik-topik yang disediakan. Modul ini juga dilengkapi dengan aktiviti-aktiviti pengukuhan. Aktiviti-aktiviti ini dapat digunakan oleh pensyarah semasa proses P&P ini dijalankan. Sebagai contoh aktiviti yang disediakan telah digunakan melalui aplikasi seperti *kahoot, quiziz* dan seumpamanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, modul ini membantu kefahaman pelajar terutama dari aspek kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak pelajar. Isi kandungan yang disediakan adalah bersesuaian dengan tahap dan peringkat pembelajaran pelajar. Secara kesimpulannya tahap kesediaan modul sebagai bahan pengajaran telah dilaksanakan dengan baik oleh pensyarah dan pihak politeknik untuk memastikan kelancaran proses P&P berlangsung. Malahan modul yang telah disediakan berupaya menyumbang ke arah pembentukan kefahaman dan penghayatan agama Islam dalam diri pelajar. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pensyarah dan pihak politeknik telah berjaya menyediakan modul sebagai bahan pengajaran kepada pelajar. Selain itu, modul yang dibekalkan kepada pelajar adalah bersifat mesra pelajar iaitu mudah dibaca dan difahami. Aspek kemenjadian pelajar merupakan perkara yang penting dalam sistem pendidikan. Dapatan juga menunjukkan modul (MPU) Pengajian Islam berupaya memberi sumbangan terhadap proses kemenjadian pelajar terutama aspek pendidikan Islam.

iii) Hasil dapatan soal selidik persepsi pelajar:

Seterusnya dapatan kajian menurut perspektif pelajar, tahap kesediaan modul pada perspektif pelajar menunjukkan berada pada tahap yang tinggi (Min = 4.13). Hasil dapatan ini selari dengan kajian Norhayati Fatmi Talib (2014) dan Azizi Jaafar (2015) iaitu secara keseluruhannya tahap kesediaan buku teks atau modul tersedia sebelum P&P bermula dengan jumlah skor min yang tinggi. Elemen penilaian dalam dapatan ini meliputi aspek modul (MPU) Pengajian Islam tersedia di minggu pertama sesi kuliah, istilah yang bersesuaian dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mudah difahami, modul yang mudah dibaca, kandungan modul disusun mengikut topik, latihan yang disediakan membantu pelajar memahami topik dengan baik, aktiviti-aktiviti yang disediakan membantu kefahaman pelajar, kesesuaian modul dengan sukatan pelajaran yang dicadangkan, modul (MPU) Pengajian Islam memberi sumbangan ke arah pembentukan kefahaman akidah, ibadah dan akhlak pelajar, modul (MPU) Pengajian Islam memberi kesan terhadap penghayatan agama Islam pelajar, modul (MPU) Pengajian Islam memberi kesan terhadap pelaksanaan penghayatan agama Islam pelajar dalam kehidupan seharian.

iv) Dapatan temu bual pelajar:

Disamping itu, berdasarkan dapatan temu bual menunjukkan keselarian di antara dapatan pensyarah dan pelajar iaitu modul (MPU) Pengajian Islam tersedia di minggu pertama sebelum sesi kuliah bermula. Modul yang digunakan sebagai bahan pengajaran pula menunjukkan terdapat kesesuaian dengan tahap dan peringkat pengajian. Pelajar bersetuju modul yang disediakan mudah dibaca dan mempunyai isi kandungan yang tersusun. Menurut Qhairunnisa Aziz (2015) bahan pengajaran seperti modul yang mempunyai kualiti adalah dari isi kandungan yang tepat, kerana modul merupakan medium penyampaian maklumat yang berkesan dan berperanan sebagai penyebaran ilmu kepada pelajar. Hasil dapatan juga menunjukkan latihan yang disediakan membantu pelajar untuk memahami topik-topik dengan baik. Menurut Siti Hawa Mohd Nawawi (2005) serta Abdul Razak Idris dan Nor Asmah Salleh (2010) dalam pembelajaran kaedah pengulangan berbentuk latihan merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

salah satu ciri-ciri yang penting untuk tujuan kefahaman. Pelajar bersetuju aktiviti yang disediakan dalam modul membantu proses kefahaman pelajar dalam P&P.

Modul (MPU) Pengajian Islam ini juga memberi kefahaman kepada pelajar dari aspek kefahaman akidah, ibadah dan akhlak. Menurut Nurdalina Daud dan Noor Azlan Ahmad Zanzali (2009) penggunaan modul atau buku didapati sebagai salah satu kaedah pengajaran berbentuk konvensional namun begitu, kaedah ini mampu memberi kesan yang positif terhadap kefahaman pelajar. Pelajar juga bersetuju bahawa modul (MPU) Pengajian Islam memberi sumbangan terhadap pengukuhan penghayatan agama. Pelajar juga dapat mengimplikasi penghayatan agama terutama kepada perkara yang melibatkan urusan ibadah seperti puasa sunat, menutup aurat, kewajipan solat dan seumpamanya di amalkan dalam kehidupan pelajar dengan lebih baik. Pelajar juga sentiasa berwaspada dalam urusan pertuturan yang boleh membawa kepada pembatalan iman. Pelajar meyakini bahawa setiap amalan dicatat oleh *Raqib* dana *Atiq*. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap kefahaman akidah, ibadah dan akhlak berada pada tahap yang baik. Dapatan temu bual juga menyokong, bahawa pelajar lebih berhati-hati dalam semua urusan termasuk dalam pergaulan lelaki dan perempuan.

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan modul berada pada tahap yang baik dan membantu proses pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam. Di samping itu, modul yang disediakan membantu pelajar dalam mengukuhkan lagi kefahaman berkaitan urusan agama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

khususnya melibatkan perkara akidah, ibadah dan akhlak pelajar. Dari aspek tahap kesediaan modul berada pada tahap yang tinggi, dapatan ini selari dengan kajian oleh Norhayati Fatmi Talib (2014) iaitu kemudahan modul TITAS pada persepsi pelajar berada pada tahap yang tinggi. Normieza Mohd Yusoff (2019) dalam kajiannya meninjau persepsi pelajar terhadap modul *basic algebra* yang disediakan kepada pelajar telah menunjukkan skor min yang tinggi iaitu para pelajar bersetuju dengan ciri-ciri tinjauan yang dilakukan. Modul yang disediakan oleh pensyarah kepada pelajar membantu dalam proses P&P *basic algebra*.

c. Peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar *"Student Learning Time" (SLT)* mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik.

i) Hasil dapatan soal selidik persepsi pensyarah:

Hasil dapatan kajian, aspek peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar *"Student Learning Time" (SLT)* menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi (Min = 3.60). Elemen penilaian dalam dapatan ini meliputi aspek tempoh masa peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar, kesesuaian peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar, keselesaan peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dan ketepatan waktu menghabiskan sukatan pelajaran seperti yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Dapatan temu bual pensyarah:

Hasil dapatan temu bual menunjukkan jumlah pengagihan jam pembelajaran pelajar *"Student Learning Time" (SLT)* untuk pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam adalah mencukupi. Selain itu, jam pembelajaran pelajar juga bersesuaian dengan pelaksanaan P&P. Sebagai contoh dalam seminggu masa yang diperuntukkan untuk pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam adalah tiga jam. Dari aspek pelaksanaan pula satu jam di peruntukkan untuk tutorial dan syarahan. Manakala dua jam diperuntukkan untuk praktikal amali dan syarahan. Di samping itu, penemuan dari temu bual menunjukkan pensyarah berasa selesa dengan tempoh yang diperuntukkan untuk pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik. Dengan tempoh dan agihan yang ditetapkan pensyarah berjaya menghabiskan sukatan pelajaran mengikut perancangan seperti yang telah ditetapkan dalam rancangan pengajaran harian.

05-4506832 tbupsi

iii) Hasil dapatan soal selidik persepsi pelajar:

Hasil dapatan aspek peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar pelajar *"Student Learning Time" (SLT)* pada persepsi pelajar menunjukkan berada pada tahap yang tinggi (Min = 4.12). Dapatan ini selari dengan perspektif pensyarah. Menurut (Fowzia Osman, 1990) menyatakan jadual waktu yang terbaik adalah jadual yang sistematik kerana jadual ini mampu melicinkan tugas-tugas P&P dan dapat mengurangkan masalah kepada guru, manakala kajian oleh Norhayati Fatmi Talib (2014) item kemudahan jadual waktu adalah tinggi dan disokong oleh dapatan temu bual "*jangka masa yang diberikan adalah mencukupi dan bersesuaian"* (Azizi Jaafar, 2015) dari aspek peruntukan agihan masa adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didapati bersesuaian dan secara keseluruhannya tahap kepuasan pelaksanaan jadual waktu adalah tinggi. Elemen penilaian dalam dapatan ini meliputi aspek tempoh masa peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar, kesesuaian peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar, pensyarah berjaya menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh P&P dan pelajar berasa selesa dengan peruntukan agihan jam pembelajaran yang ditetapkan.

iv) Dapatan temu bual pelajar:

Hasil temu bual aspek peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar untuk pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam menunjukkan pelajar berpuas hati dengan jumlah jam yang telah diperuntukkan iaitu tiga jam dalam seminggu. Pelajar juga bersetuju bahawa peruntukan jam yang disediakan bersesuaian dengan elemen pelaksanaan kursus seperti amali, tutorial dan praktikal. Selain itu, peruntukan jam pembelajaran pelajar juga bersesuaian dengan pelaksanaan sukatan pelajaran. Sukatan pelajaran berjaya dihabiskan oleh pensyarah dengan lancar tanpa memerlukan masa tambahan. Di samping itu, pelajar juga berasa selesa dengan tempoh masa perjalanan kelas dan pelaksanaan kursus yang melibatkan aktiviti seperti amali, tutorial dan praktikal.

Secara kesimpulannya hasil dapatan kajian berdasarkan perspektif pensyarah dan pelajar menunjukkan peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time*" (SLT) adalah mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik. Pensyarah dan pelajar bersetuju bahawa tempoh masa waktu P&P adalah bersesuaian. Manakala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pensyarah juga melaksanakan proses P&P dan menghabiskan sukatan pelajaran mengikut waktu yang ditetapkan. Tempoh masa yang bersesuaian ini telah memberi keselesaan kepada pensyarah dan pelajar semasa proses P&P dijalankan. Dapatan kajian ini turut selari dengan kajian Fowzia Osman (1990); Norhayati Fatmi Talib (2014) dan Azizi Jaafar (2015).

d. Tahap infrastruktur iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik.

Infrastruktur merupakan kemudahan asas yang menjadi kemestian perlu dilengkapkan kewujudannya dalam bidang pendidikan sama ada dalam bidang teknikal mahupun sains sosial. Kemudahan-kemudahan ini menjadi pelengkap semasa proses P&P. Dalam kajian ini infrastruktur yang maksudkan adalah daripada bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT.

Bilik Kuliah: Dapatan kajian dari aspek tahap kesediaan infrastruktur iaitu bilik kuliah berada pada tahap yang sederhana tinggi (Min = 3.66) dari perspektif pensyarah dan tahap tinggi (Min = 4.57) dari perspektif pelajar. Disamping itu, dapatan temu bual pula menujukkan pensyarah dan pelajar memberi maklum balas yang sama iaitu bilik kuliah mencukupi untuk digunakan dalam satu-satu masa, tiada berlaku pertembungan kelas antara pensyarah, keluasan dan persekitaran bilik kuliah yang sesuai untuk menyokong aktiviti pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Dapatan kajian ini selari dengan kajian lepas. Menurut Norhayati Fatmi Talib (2014) dalam kajiannya mendapati skor min bagi kemudahan bilik kuliah berada pada tahap yang tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengikut persepsi pensyarah dan pelajar. Perkara ini turut disokong oleh Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin (2015); Juairiah Marjonet et al. (2020) aspek persekitaran iaitu, fizikal pembelajaran adalah penting untuk memastikan persekitaran sentiasa berada dalam keadaan kondusif dan infrastruktur merupakan sebahagian daripadanya. Oleh itu, secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bilik kuliah telah disediakan dengan baik oleh pihak pengurusan politeknik. Selain itu, bilik kuliah juga didapati mencukupi untuk digunakan dalam satu-satu masa sesi P&P. Kesediaan dan kecukupan bilik kuliah ini memainkan peranan yang penting agar proses pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.

Perpustakaan: Dari aspek kesediaan perpustakaan menunjukkan persepsi pensyarah (Min = 4.10) dan pelajar (Min = 4.11) mendapati bahawa kesediaan perpustakaan berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini turut disokong dengan dapatan temu bual yang dijalankan. Perpustakaan merupakan tempat pengambilan sumber yang tepat dalam konteks pembelajaran. Bahan-bahan rujukan yang disediakan memberi sumbangan terhadap penerokaan ilmu. Dalam kajian ini pensyarah dan pelajar bersetuju bahawa bahan rujukan yang disediakan mencukupi dalam satu-satu masa. Malahan perpustakaan telah menyediakan bahan rujukan yang pelbagai untuk kegunaan pensyarah dan pelajar.

Di samping itu, bahan rujukan yang disediakan sedikit sebanyak dapat membantu dalam penguasaan dan pencapaian pelajar khususnya dalam sumber rujukan (MPU) Pengajian Islam. Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa perpustakaan mampu memberi kesan terhadap pencapaian pelajar (Nejaha Yusuf, 2014; Lance et al., 2001; Teravainen & Clark, 2017; Ida, 2016; Wardana et al., 2019; William et al., 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pensyarah dan pelajar berpuas hati dengan waktu perkhidmatan perpustakaan yang disediakan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perpustakaan merupakan salah satu infrastruktur yang membantu dalam pelaksanaan pembelajaran berkesan dalam melahirkan graduan yang berkualiti.

Peralatan ICT: Dapatan kajian terhadap tahap kesediaan infrastruktur peralatan ICT dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam menunjukkan berada pada tahap yang tinggi pada perspektif pensyarah (Min = 4.33) dan pelajar (Min = 4.44). Pensyarah dan pelajar bersetuju bahawa peralatan ICT yang disediakan mudah untuk diperoleh semasa proses P&P dilaksanakan. Di samping itu, terdapat pelbagai pilihan peralatan ICT yang disediakan dan mencukupi untuk digunakan dalam satu-satu masa ketika P&P berlangsung. Pensyarah dan pelajar menunjukkan kesepakatan bahawa peralatan dan penggunaan ICT ini membantu dalam proses penyampaian kursus (MPU) Pengajian Islam sama ada menarik minat pelajar ketika P&P mahupun pembelajaran berkesan. Dapatan ini turut disokong dengan dapatan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas.

Menurut Muhammad Nidzam Yaakob et al. (2019) melalui pembaharuan dan inovasi dalam pembelajaran masa kini memberi satu anjakan paradigma dalam proses P&P. Pembaharuan yang dimaksudkan itu merujuk kepada keperluan penggunaan peralatan ICT dalam proses P&P yang melibatkan (MPU) Pengajian Islam. MPU Pengajian Islam tidak boleh bergantung kepada kaedah konvensional semata-mata, kerana telah terbukti dalam kajian-kajian yang lepas menunjukkan kaedah dan pembelajaran melalui medium teknologi maklumat turut memberi sumbangan terhadap menarik minat pelajar. Azizi Jaafar (2015) dalam kajiannya mendapati guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyambut baik terhadap kemudahan peralatan ICT terutama penggunaan bahan multimedia malahan guru sangat berminat kerana penggunaan ICT ini dapat menarik minat pelajar untuk belajar.

Di samping itu, kajian Shah Rulbani Zakaria et al. (2017) daripada analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap penggunaan ICT dalam kalangan pensyarah Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi manakala hasil analisis inferensi menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan ICT berdasarkan pengalaman mengajar. Hal ini juga telah terbukti pembelajaran masa kini dengan menggunakan peralatan dan medium ICT semasa proses P&P berlangsung. Selain itu, pembelajaran menggunakan peralatan ICT juga membuktikan pembelajaran yang berkesan semasa proses P&P. Menurut Mohd Zainudin Jenal (2017) penggunaan teknologi ICT dalam pembelajaran telah membolehkan maklumat-maklumat disampaikan dengan lebih pantas dan menjadikan pembelajaran lebih berkesan.

Manakala Mohd Noorhadi Mohd Yusof dan Zurinah Tahir (2017) berpandangan penggunaan ICT dalam pembelajaran merupakan satu keperluan dalam pendidikan yang membantu guru dan pelajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang berkesan. Oleh itu, secara kesimpulannya pensyarah dan pelajar menyambut baik terhadap kesediaan peralatan ICT dalam membantu proses pelaksanaan kurus MPU ini berdasarkan dapatan-dapatan kajian yang menunjukkan kebaikan dalam pengguna peralatan ICT dalam pembelajaran. Dapatan ini juga selari dengan dapatan temu bual iaitu pensyarah dan pelajar mudah diperoleh, mencukupi dalam satu-satu masa, boleh digunakan dan membantu dalam aspek pengajaran terutama P&P yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Perbincangan Aspek Penilaian Proses

Perbincangan dapatan kajian aspek penilaian proses terbahagi kepada enam sub perbincangan iaitu; Pertama memberi fokus kepada tahap proses pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran, kedua tahap proses pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam segi amalan pembelajaran, ketiga tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), keempat tahap proses pemantauan pelaksanaan P&P, kelima tahap proses pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam dan keenam tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek keberkesanan pelaksanaan di Politeknik**.**

a. Tahap proses pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengaajian Islam dari segi amalan pengajaran.

i) Amalan pengajaran pada persepsi pensyarah:

Penilaian pelaksanaan proses P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran, pada persepsi pensyarah telah menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi dengan (Min = 3.90). Dapatan ini selari dengan Ismail Abu Zaki (2017) iaitu kajian berkaitan amalan pengajaran bidang ibadah dalam kalangan guru dan penguasaan ibadah dalam kalangan pelajar, dapatan kajian berdasarkan persepsi guru berada pada tahap sederhana tinggi. Item penilaian yang mendapat interpretasi skor tinggi dalam dapatan ini terdiri daripada aspek pensyarah mewujudkan kesediaan dan minat pelajar untuk belajar, pensyarah melaksanakan aktiviti pengajaran kreatif, pensyarah menyampaikan isi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran dengan teratur dan pensyarah menggunakan istilah yang mudah difahami.

Manakala item penilaian yang mendapat interpretasi skor sederhana tinggi pula ialah pensyarah menggunakan analogi yang mudah semasa proses pengajaran, pensyarah membina situasi P&P yang bersesuaian dengan topik, pensyarah mempelbagaikan kaedah dalam P&P, pensyarah mengajar dengan tersusun, pensyarah menggunakan portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS) sebagai salah satu kaedah pengajaran, pensyarah menggunakan aplikasi seperti *quiziz, kahoot* dan *prezi* sebagai salah satu kaedah refleksi dan pensyarah memulakan dan menamatkan sesi P&P seperti yang ditetapkan. Di samping itu juga, dapatan kajian ini turut selari dengan dapatan temu bual iaitu sub-sub tema temu bual telah menunjukkan pensyarah telah melaksanakan amalan pengajaran dengan baik dan berkesan.

Pengajaran adalah proses bimbingan yang dilaksanakan oleh pensyarah melalui medium kursus atau subjek yang diajar. Oleh yang demikian, bimbingan yang sempurna akan melahirkan kesedaran dan penambahan ilmu pengetahuan. Kajian Yufiza Yusof et al. (2016) menyatakan remaja yang tercicir memerlukan bimbingan agama sebagai panduan untuk menjalani kehidupan. Dan bimbingan ini memerlukan guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan bimbingan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian juga telah menunjukkan pensyarah telah berjaya mewujudkan aspek kesediaan sebelum memulakan P&P. Kesediaan dalam proses pengajaran merupakan strategi penting untuk menarik minat dan mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan topik yang akan dipelajari. Kesediaan juga merujuk kepada aktiviti penyolaan sebelum sesuatu topik dimulakan. Menurut Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2017) aktiviti mengemukakan soalan adalah sebahagian daripada kemahiran pedagogi yang perlu dimiliki oleh seorang guru. Perkara ini selari dengan kajian lepas iaitu kesediaan dalam proses pengajaran secara tidak langsung dapat merangsang dan menarik minat pelajar. Minat dalam pembelajaran akan memberi kesan yang positif dalam pencapaian pelajar.

05-4506832 tbupsi

Selain itu, dapatan menunjukkan pensyarah turut mengamalkan pengajaran kreatif didalami bilik kuliah. Pengajaran kreatif secara tidak langsung akan memberi sumbangan kepada kelancaran pengajaran dengan aktiviti-aktiviti yang mampu menarik minat pelajar. Pensyarah juga turut mengamalkan pengajaran dengan menggunakan istilah dan analogi yang mudah untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Kepelbagaian dalam penyampaian seumpama ini secara tidak langsung akan membantu kefahaman pelajar dari masa ke semasa. Menurut Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) seorang guru perlu mempunyai kemahiran memulakan pengajaran atau kesediaan untuk mengajar. Kemahiran ini termasuk dalam konteks mengemukakan soalan, menggunakan analogi serta contoh, menggunakan papan hitam dan mengakhiri pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dari aspek amalan pengajaran yang lain pula, pensyarah berjaya menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan teratur, membina situasi P&P yang sesuai dengan topik, mempelbagaikan kaedah dalam P&P, mengajar dengan tersusun dan menepati waktu memulakan dan menamatkan kelas. Menurut Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) kemahiran mengajar akan menghasilkan aktiviti pengajaran yang baik dan sistematik. Di samping itu, pensyarah juga mengamalkan pengajaran melalui atas talian seperti menggunakan *platform CIDOS*, aplikasi kahoot, prezzi, quizziz dan seumpamanya dalam pengajaran. Menurut Maimunah Nasir dan Hashimah Mohd Yunus (2017) pengajaran yang pelbagai seperti melibatkan ICT dalam pelaksanaan pengajaran akan menjadikan suasana pembelajaran lebih seronok, tidak membosankan dan lebih bermakna. Secara kesimpulannya amalan pengajaran yang diamalkan oleh pensyarah telah dilaksanakan dengan baik, tersusun dan berkesan.

ii) Dapatan temu bual pensyarah:

Hasil dapatan temu bual telah menunjukkan pensyarah berjaya memulakan kesediaan pengajaran dan mengakhiri pengajaran dengan baik. Sebagai contoh sebelum memulakan kelas pensyarah akan memberi ruang kepada pelajar untuk membuat persediaan seperti memastikan kelas berada dalam keadaan baik dan bersih, memulakan soalan-soalan mudah berkaitan topik yang akan dipelajari dan mengakhiri P&P dengan refleksi seperti menggunakan *kahoot* atau seumpamanya. Selain itu, dapatan temu bual menunjukkan pensyarah sentiasa mengamalkan pengajaran yang mampu menarik minat pelajar dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mewujudkan pelbagai kaedah pengajaran termasuk aktiviti dan pengajaran kreatif, menyampaikan isi pelajaran dengan teratur dan mengamalkan pengajaran dengan menggunakan istilah yang mudah di fahami. Pensyarah juga telah menyampaikan isi pelajaran dengan baik, teratur dan berkesan.

Pelbagai bentuk amalan pengajaran yang diamalkan oleh pensyarah dalam pengajaran termasuk menggunakan analogi dan contoh yang mudah untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Di samping itu, pensyarah juga mengamalkan pengajaran melalui kemudahan teknologi maklumat semasa proses pengajaran berlangsung. Penggunaan teknologi maklumat seperti *platform CIDOS* dan aplikasi *kahoot* dan *quiziz* adalah bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman pelajar. Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa pensyarah berjaya menepati waktu dalam memulakan dan mengakhiri sesi pengajaran mengikut waktu yang telah ditetapkan.

05-4506832 tbupsi

iii) Amalan pengajaran pada persepsi pelajar:

Hasil dapatan kajian menunjukkan keseluruhan item penilaian pelaksanaan amalan pengajaran yang diamalkan oleh pensyarah berada pada tahap yang tinggi dengan (Min = 4.43) iaitu pensyarah berjaya mewujudkan kesediaan pelajar untuk memulakan pelajaran. Pensyarah juga mengamalkan pengajaran dengan aktiviti pengajaran kreatif, menyampaikan isi pelajaran dengan teratur, menggunakan istilah yang mudah difahami, menggunakan analogi dan situasi yang mudah difahami oleh pelajar dan bersesuaian dengan topik yang diajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pengajaran yang tersusun merupakan amalan yang diamalkan oleh pensyarah untuk memastikan pengajarannya tidak membosankan pelajar. Pelbagai pendekatan yang diamalkan oleh pensyarah untuk memastikan proses P&P sentiasa mendapat sambutan dengan mengamalkan pembelajaran yang mampu menarik minat pelajar seperti kuiz melalui portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS) dan aplikasi seperti *Kahoot, Prezzi* dan *Quiziz* sebagai latihan pengukuhan. Di samping itu, pensyarah sentiasa mengamalkan pengajaran dengan menepati waktu dengan memulakan dan menamatkan sesi P&P mengikut jadual yang telah ditetapkan.

iv) Dapatan temu bual pelajar:

05-4506832 tbupsi

Hasil dapatan soal selidik pelajar menunjukkan amalan pengajaran pensyarah berada pada tahap tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan temu bual pelajar iaitu pensyarah mewujudkan kesediaan untuk belajar dengan beberapa aktiviti permulaan seperti soal jawab soalan yang berkaitan topik yang akan dipelajari. Selain itu, pensyarah telah menyampaikan isi pelajaran dalam keadaan baik dan teratur serta menggunakan beberapa elemen kreatif ketika proses P&P dijalankan. Untuk mengatasi masalah kefahaman pelajar, pensyarah mengamalkan amalan pengajaran dengan menggunakan istilah-istilah dan analogi mudah untuk memahamkan sesuatu topik yang ingin disampaikan. Di samping itu, pensyarah juga sentiasa memastikan pelajar memahami topik-topik yang disampaikan termasuk dengan membina situasi untuk menambahkan pengetahuan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pensyarah juga, menggunakan portal *CIDOS* dalam pengajaran untuk mempelbagaikan aktiviti di dalam bilik kuliah seperti melaksanakan kuiz atas talian. Selain itu, portal *CIDOS* juga merupakan medium penyampaian untuk pelajar memuat turun bahan pengajaran seperti slait dan nota serta sebagai tempat untuk pelajar menghantar tugasan. Untuk memastikan proses pengajaran sentiasa relevan di dalam bilik kuliah pensyarah juga turut menggunakan beberapa aplikasi pendidikan seperti, *kahoot, quiziz, padlet* dan seumpamanya dalam P&P untuk menilai refleksi pengajaran yang telah dijalankan. Refleksi selepas proses pengajaran merupakan perkara yang penting dalam proses pengajaran kerana ianya untuk memastikan kefahaman dalam penyampaian sesuatu topik berjaya disampaikan kepada pelajar. Di samping itu, untuk memastikan amalan pengajaran yang berkesan, pensyarah telah mengamalkan proses pelaksanaan P&P dengan menepati waktu permulaan dan mengakhirinya mengikut waktu yang telah ditetapkan.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa amalan pengajaran merupakan suatu proses yang penting dalam penyampaian ilmu, ianya digambarkan sebagai proses memindahkan, memberitahu, mengajar sesuatu ilmu pengetahuan dan menyampaikan ilmu serta pelbagai jenis maklumat kepada seseorang yang tidak mempunyai kefahaman dan pengetahuan berkaitan ilmu tersebut (Azizi Yahaya & Siti Atiqah Sharudin, 2010; Ishak Baba, 2009; Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Tahap proses pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pembelajaran.

i) Amalan pembelajaran pada persepsi pensyarah:

Berdasarkan dapatan kajian daripada perspektif pensyarah**,** penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pembelajaran secara keseluruhannya menunjukkan berada pada tahap yang tinggi dengan (Min = 4.30). Item penilaian ini meliputi aspek iaitu pensyarah memberi galakkan dan memberi peluang kepada pelajar untuk membuat tugasan secara berkumpulan. Di samping itu, pensyarah memberi galakkan kepada pelajar untuk berinteraksi sesama mereka semasa proses pembelajaran. Galakkan ini dengan tujuan dapat mewujudkan kemahiran kognitif, nilai dan pembelajaran aktif di dalam bilik kuliah. Dapatan ini selari dengan pandangan Al-Ghazali (2005) iaitu interaksi dengan rakan sebaya mampu menyumbang ke arah penguasaan kemahiran emosi, idea, kemahiran kolaboratif dan menguasai daya cipta yang konstruktif.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pensyarah menggalakkan perbincangan terbuka atau pembelajaran aktif sesama pelajar. Pembelajaran secara aktif atau perbincangan terbuka dapat menambah ilmu pengetahuan sesama pelajar, bahkan dapat memperbaiki kemahiran komunikasi dalam diri pelajar (Nurulhidayah Ariff & Norasykin Mohd Zaid, 2021). Kajian Whitman (1996) dan Pamungkas et al. (2019) menyatakan bahawa kepelbagaian dalam pelbagai jenis pendekatan pembelajaran boleh membantu keperluan gaya pembelajaran pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pensyarah juga mewujudkan pembelajaran berteraskan teknologi maklumat iaitu pembelajaran tidak tertumpu kepada tutorial semata-mata malahan turut menggalakkan pelajar untuk membuat pembentangan secara atas talian dan menggunakan portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS) untuk penghantaran tugasan pelajar. Menurut European Commision (2005) antara ciri-ciri yang dimiliki oleh guru berkualiti adalah kesediaan guru dalam mengajar ilmu pengetahuan dengan menggunakan teknologi maklumat dan informasi sebagai *platform* untuk membina persekitaran pembelajaran sepanjang hayat.

ii) Dapatan temu bual pensyarah:

05-4506832 tbupsi

Hasil dapatan temu bual menunjukkan bahawa dapatan temu bual ini selari dengan dapatan soal selidik iaitu pensyarah menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kelas sama ada dari aspek tugasan berkumpulan mahupun di dalam perbincangan terbuka atau dikenali dengan perbincangan aktif. Menurut McPherson (2020) Perbincangan terbuka atau aktif adalah kaedah perbincangan yang diketuai oleh pelajar dalam membincangkan sesuatu topik termasuk melaksanakan sesuatu seperti memproses, mengguna dan membuat refleksi terhadap sesuatu tugasan atau arahan yang telah dikeluarkan oleh pensyarah.

Kajian oleh Mpofu et al. (1998) membuktikan bahawa pelajar amat gemar melaksanakan tugasan dalam bentuk berkumpulan kerana ianya dapat mempengaruhi pembelajaran mereka. Berdasarkan hasil temu bual yang diperoleh menunjukkan pensyarah menggalakkan pelajar untuk mengambil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahagian dalam perbincangan kelas dan aktiviti yang dianjurkan. Di samping itu, pensyarah juga sentiasa menggalakkan pelajar berinteraksi di dalam bilik kuliah untuk perkongsian ilmu dan perbincangan terbuka atau perbincangan aktif. Sebagai contoh pensyarah mewujudkan aktiviti berkumpulan seperti membahagikan topik-topik dalam kumpulan dan mengarahkan pelajar berinteraksi untuk membahaskan topik-topik yang telah disediakan. Setelah perbincangan dijalankan pelajar akan membuat pembentangan dan sesi soal jawab akan jalankan. Dari situ semua pelajar akan berpeluang menyumbangkan idea dan berkongsi hasil maklumat yang telah diperoleh.

iii) Amalan pembelajaran pada persepsi pelajar:

Dapatan soal selidik pelajar, terhadap penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pembelajaran secara keseluruhannya menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi dengan (Min = 4.00). Dapatan ini adalah selari dengan perspektif pensyarah. Item penilaian yang mendapat interpretasi skor tinggi dalam dapatan ini ialah pensyarah memberi galakkan kepada pelajar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti P&P dan pensyarah memberi galakkan kepada pelajar agar berinteraksi semasa proses P&P. Kedua-dua aspek ini memberi sumbang kepada pelajar ke arah penguasaan kemahiran emosi, idea, kemahiran kolaboratif dan menguasai daya cipta yang konstruktif (Al-Ghazali, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala item penilaian yang mendapat interpretasi skor sederhana tinggi dalam dapatan ini ialah pensyarah menggalakkan perbincangan terbuka, pensyarah menggalakkan penghantaran tugasan melalui portal CIDOS, pensyarah menggalakkan pelajar membuat pembentang secara atas talian dan pensyarah menggalakkan pelajar membuat tugasan secara berkumpulan. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan temu bual yang di peroleh telah menunjukkan bahawa proses amalan pembelajaran yang dijalankan oleh pensyarah telah dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

iv) Dapatan temu bual pelajar:

Hasil dapatan temu bual menunjukkan pelajar memperakui bahawa pensyarah memberi galakkan kepada pelajar semasa proses P&P. Sebagai contoh pensyarah menyediakan sesuatu topik seperti isu pergaulan bebas dan pelajar diminta untuk membincangkan dan mencari isi secara dalam kumpulan untuk menyelesaikan isu tersebut. Selain itu, pensyarah juga mewujudkan aktiviti perbincangan dan pembentangan berkaitan sesuatu isu untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Perbincangan dan aktiviti ini bertujuan untuk mengelakkan pelajar dari perasaan bosan serta mewujudkan pembelajaran dua hala. Di samping itu, dapatan temu bual juga membuktikan bahawa pensyarah mewujudkan interaksi sesama pelajar iaitu melalui sesi soal jawab sesama pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pensyarah juga mengadakan perbincangan terbuka seperti perkongsian idea dan pertukaran maklumat. Dari aspek penghantaran tugasan pula pensyarah menggalakkan pelajar menghantar tugasan melalui portal CIDOS. Selain itu, portal CIDOS turut digunakan sebagai *platform* untuk menjawab kuiz, latihan pengukuhan topik dan permainan secara atas talian seperti *quiziz* dan seumpamanya. Pensyarah juga menggalakkan kepada pelajar untuk bekerjasama dalam kumpulan terutama melibatkan tugasan. Secara kesimpulannya dapatan temu bual ini telah menggambarkan keadaan sebenar pelaksanaan amalan pembelajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah adalah dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa amalan pembelajaran merupakan elemen yang penting dalam pengukuhan ilmu pengetahuan. Melalui amalan pembelajaran yang berkesan mampu membina keyakinan dalam diri pelajar, meningkatkan kefahaman pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan serta bermakna. Menurut Yahya Othman (2012), mengaitkan humor dengan kelucuan yang boleh menyebabkan seseorang pelajar menjadi seronok apabila mendengarnya. Selain itu, aktiviti pemusatan pelajar ternyata dapat memberi banyak kelebihan kepada pelajar. Antaranya peningkatan tahap kefahaman pelajar terhadap topik yang dipelajari. Berdasarkan kon pembelajaran Dale (1969) memberi gambaran iaitu semakin tinggi penglibatan pelajar dalam suatu proses pembelajaran, semakin tinggi keupayaan pelajar mengingati perkara yang mereka belajar (Nurulhidayah Ariff & Norasykin Mohd Zaid, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) aspek pelaksanaan dan keberkesanan di Politeknik.

i) Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) menurut perspektif pensyarah:

Berdasarkan dapatan kajian daripada perspektif pensyarah, menunjukkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berada pada tahap sederhana tinggi dengan (Min = 3.99). Ini bermakna penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dilaksanakan dengan baik dan berkesan sebagai usaha untuk membantu pelajar dalam menguasai topik-topik kursus (MPU) Pengajian Islam. Perincian dapatan kajian menunjukkan bahawa dua item penilaian penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) oleh pensyarah berada pada tahap yang tinggi iaitu pensyarah menggunakan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian semasa proses P&P, malahan pensyarah juga bersetuju bahawa penggunaan bantu mengajar (BBM) dapat membantu pelajar untuk mengusai topik-topik (MPU) Pengajian Islam dengan baik.

05-4506832 tbupsi

Dapatan ini selari dengan kajian Gamal Abdul Nasir Zakaria dan Salwa Mahalle (2017) iaitu bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru dalam pengajarannya yang terdiri daripada alat dan material pendidikan membantu guru dalam memberi kefahaman kepada murid semasa sesi pengajarannya. Di samping itu, Abdul Alim (1981) turut berpandangan bahan bantu mengajar (BBM) dapat meningkatkan prestasi pengajaran. Manakala aspek seperti penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) terkini, kepelbagaian jenis (BBM) dan kekerapan penggunaan (BBM) berada pada tahap serderhana tinggi. Namun, dapatan temu bual menunjukkan bahawa sub-sub tema penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) membantu pensyarah dalam semua aspek yang dinilai.

ii) Dapatan temu bual pensyarah:

Hasil dapatan temu bual daripada sub-sub tema penilaian tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) menunjukkan bahawa pensyarah menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian ketika proses P&P. Kajian Alizah Lambri dan Zamri Mahamood (2019) menyatakan bahawa pemilihan dan penggunaan alat bahan bantu mengajar yang bersesuaian turut mempengaruhi keberkesanan proses P&P.

05-4506832 tbupsi

Selain itu, dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa pensyarah menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang pelbagai dan mengikut kesesuaian topik untuk mempelbagaikan aktiviti dalam P&P. Kajian Azizi Jaafar (2015) menyatakan penggunaan (BBM) mengikut kesesuaian topik dapat memberi suasana sebenar dalam proses P&P. Bahan mengajar (BBM) memainkan peranan yang sangat penting dalam sesuatu proses P&P. Antara kelebihan penggunaan bantu mengajar (BBM) adalah dapat menarik minat, membina keyakinan pelajar dan dapat merungkai pelbagai permasalahan yang wujud dalam diri pelajar untuk memahami sesuatu topik yang hendak disampaikan. Ini kerana setiap bantu mengajar (BBM) yang dihasilkan mempunyai peranannya tersendiri dan dapat memberikan kesan yang baik dalam proses P&P. Kajian Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) menyatakan bantu mengajar (BBM) dapat menjelaskan bahagian yang sukar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

difahami, besar dan jelas, warna yang menarik dan saiz yang tepat, tahan lama dan paling memberi kesan.

iii) Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) menurut perspektif pelajar:

Dapatan kajian menurut perspektif pelajar pula menunjukkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang dilaksanakan oleh pensyarah dalam proses P&P berada pada tahap yang tinggi dengan (Min = 4.25) iaitu pensyarah menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan topik yang diajar, menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang terkini, mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) untuk tujuan menarik minat pelajar dan pensyarah membantu mempertingkatkan kefahaman pelajar dengan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian dengan topik-topik (MPU) Pengajian Islam.

Manakala item penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang pelbagai menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi. Perspektif ini terjadi berkemungkinan kerana bahan bantu mengajar (BBM) yang terkini pada perspektif pelajar masih membawa maksud dalam kategori yang sama seperti penggunaan aplikasi *kahoot, quizizz* dan seumpamanya. Bahan bantu mengajar (BBM) mempunyai fungsi yang berbeza untuk mempertingkatkan kefahaman pelajar namun kategori yang sama. Perspektif ini adalah suatu yang realiti dihadapi oleh pelajar. Oleh itu, satu perancangan penambahbaikan perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukan seperti menggabungkan bahan bantu mengajar (BBM) dalam bentuk aplikasi dan material dalam satu masa ketika proses P&P dijalankan.

iv) Dapatan temu bual pelajar:

Hasil dapatan temu bual daripada sub-sub tema penilaian tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang dilaksanakan oleh pensyarah menunjukkan pelajar memberi maklum balas bahawa pensyarah menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian ketika P&P seperti menggunakan aplikasi *whatsapp* khusus dalam menerangkan terjemahan ayat al-Quran, menggunakan kertas warna untuk menerangkan topik-topik, menggunakan telefon pintar untuk memberi contoh berbentuk grafik dengan cepat, menggunakan laptop dan projektor untuk sesi pembentangan.

05-4506832 tbupsi

Selain itu, pensyarah juga menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang terkini ketika proses P&P seperti aplikasi *kahoot, whatsapp, quiziz* dan telefon pintar. Penggunaan (BBM) yang terkini dan pelbagai jenis ini dapat membantu kefahaman pelajar dan menarik minat pelajar terhadap sesuatu pembelajaran khususnya terhadap subjek yang melibatkan pendidikan Islam. Sebagai contoh penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dapat membantu pelajar dari aspek merakamkan apa yang dipelajari dan memainkan semula rakaman tersebut bagi tujuan rujukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) membantu proses pelaksanaan P&P dengan berkesan. Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) juga memberi sumbangan terhadap situasi baru kepada pelajar semasa proses P&P seperti gembira, meyakinkan dan pembelajaran lebih berfokus. Di samping itu penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dapat menyuntik motivasi dalam diri pelajar serta membantu kefahaman berkaitan topik-topik yang diajar dengan lebih berkesan.

d. Tahap proses pemantauan pelaksanaan P&P aspek pelaksanaan dan keberkesanan di Politeknik.

i) Proses pemantauan pelaksanaan P&P pada perspektif pensyarah.

05-4506832 ptbupsi

Proses penilaian pemantauan pelaksanaan P&P hanya melibatkan perspektif pensyarah sahaja. Hasil dapatan kajian dari aspek penilaian pemantauan pelaksanaan P&P secara keseluruhannya mendapati berada pada tahap tinggi dengan (Min = 4.22). Proses pemantauan pelaksanaan P&P ini melibatkan aspek pencerapan ke atas pensyarah yang dilaksanakan sekurang-kurangnya setahun sekali. Setelah pencerapan dijalankan pegawai yang mencerap akan membuat perbincangan dengan pensyarah hasil pencerapan bagi tujuan penambahbaikan, proses seterusnya adalah pensyarah akan membuat penambahbaikan daripada teguran yang diperoleh. Di samping itu, Politeknik turut melaksanakan audit dalaman untuk menyemak kurikulum (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak kurikulum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Dapatan temu bual pensyarah:

Hasil dapatan sub-sub tema temu bual telah menunjukkan bahawa pensyarah dicerap oleh pentadbir sebanyak sekali dalam setahun. Hasil daripada pencerapan akan dimaklumkan kepada pensyarah melalui sesi perbincangan. Kemudian pensyarah perlu membuat penambahbaikan hasil daripada kandungan perbincangan penambahbaikan. Untuk memelihara kualiti kurikulum, audit dalaman dilaksanakan sebanyak dua kali dalam setahun mengikut semester. Oleh itu, berdasarkan daripada sub-sub tema temu bual yang dijalankan menunjukkan pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan baik dan berkesan di Politeknik. Kajian ini selari dengan kajian Norhayati Fatmi Talib (2014) pemantauan dapat meningkatkan prestasi pelajar, dapat meneliti proses pelaksanaan dan membantu perkembangan pensyarah. Manakala Azizi Jaafar (2015) menyatakan pemantauan bertujuan untuk memastikan produk yang berkualiti dan pelaksanaan kurikulum dilaksanakan mengikut prosedur yang tepat.

05-4506832 tbupsi

e. Tahap proses pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam aspek pelaksanaan dan keberkesanan di Politeknik.

i) Proses pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam pada perspektif pensyarah

Proses penilaian pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam hanya melibatkan perspektif pensyarah sahaja. Hasil dapatan kajian dari aspek penilaian pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam secara keseluruhannya mendapati berada pada tahap tinggi dengan (Min = 4.45).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam ini melibatkan aspek penyediaan fail rekod pensyarah (FRP) mengikut jadual yang telah ditetapkan, semakan fail rekod pensyarah (FRP) oleh ketua kursus dan ketua jabatan, menyediakan fail contoh tugasan pelajar bagi tujuan audit, menyediakan *student study guide* (SSG) untuk pelajar dan pensyarah dan menyediakan nota atas talian (*slide*).

ii) Dapatan temu bual pensyarah:

Hasil dapatan kajian turut disokong dengan dapatan temu bual yang telah dijalankan. Berdasarkan sub-sub tema dapatan temu bual menjelaskan fail rekod pensyarah disediakan oleh pensyarah secara atas talian menggunakan (IFRP). Fail rekod pensyarah disemak oleh ketua kursus dan ketua jabatan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Penggiliran semakan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh ketua kursus. Setiap pensyarah akan disemak fail rekod pensyarah setiap semester mengikut takwim yang ditetapkan.

Selain itu, pensyarah juga perlu menyediakan fail contoh tugasan pelajar bagi tujuan audit dalaman. Fail sampel akan disemak dari aspek pemberian pemarkahan berdasarkan pematuhan rubrik, pengambilan kehadiran pelajar dan pembuktian material tugasan pelajar. Kesemua pembuktian ini perlu disimpan oleh pensyarah untuk keabsahan pemarkahan yang telah diberikan oleh pensyarah. Di samping itu, pensyarah juga perlu menyediakan nota dan *student study guide* (SSG) untuk pelajar dan pensyarah. *Student study guide* SSG dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nota akan disemak dan dipantau oleh ketua kursus untuk menjamin kualiti kurikulum dilaksanakan mengikut ketetapan yang telah disediakan.

Oleh itu, dapatan ini jelas menunjukkan penyediaan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik. Pelaksanaan pemantauan dokumen kursus ini adalah penting untuk memastikan kualiti kurikulum terpelihara dan pelaksanaannya mengikut seperti apa yang telah dikehendaki dalam falsafah pendidikan Negara. Pemantauan dokumen kursus memberi kebaikan dari aspek keselarasan kerja dan membantu meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan pensyarah (Ramaiah, 1999). Manakala Norhayati Fatmi Talib (2014) menyatakan pemantauan berkesan dapat meningkatkan prestasi pensyarah dan kemajuan pelajar.

05-4506 tbupsi

f. Tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam aspek pelaksanaan dan keberkesanan di Politeknik.

i) Pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) pada perspektif pensyarah

Berdasarkan dapatan kajian daripada perspektif pensyarah terhadap pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam menunjukkan bahawa secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan (Min = 4.32). Item penilaian dalam kajian ini terdiri daripada aspek domain pentaksiran, penggunaan skema atau rubrik, penyediaan *student study guide* (SSG) oleh penyelaras kursus, semakan bahan penilaian berterusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh penyelaras, pelaksanaan projek dan e-folio secara berkumpulan, tugasan berasaskan masalah (PBT) adalah 30%, tugasan e-folio adalah 30%, tugasan pembentangan adalah 20%, tugasan tunjuk cara adalah 20% dan jumlah keseluruhan markah berdasarkan rubrik pemarkahan adalah 100%. Hasil dapatan ini menunjukkan proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik.

ii) Dapatan temu bual pensyarah:

Hasil dapatan temu bual daripada sub-sub tema penilaian telah menjelaskan bahawa pensyarah menilai pentaksiran pelajar mengikut panduan yang telah disediakan. Secara keseluruhannya penilaian pentaksiran kursus (MPU) Pengajian Islam dalam kajian ini melibatkan domain afektif. Antara penilaian domain afektif adalah melibatkan aspek kerja berpasukan pelajar di dalam kumpulan. Di samping itu, bahan pentaksiran penilaian berterusan (PB) akan disemak oleh penyelaras kursus terlebih dahulu sebelum disahkan semakan oleh ketua kursus. Setelah pengesahan di laksanakan bahan penilaian berterusan (PB) akan diedarkan kepada pelajar dan pensyarah sebagai panduan penilaian.

Hasil dapatan kajian juga memerihalkan bahawa aspek pentaksiran penilaian berterusan (PB) bagi kursus (MPU) Pengajian Islam adalah berdasarkan ketetapan kurikulum iaitu tugasan berasaskan masalah (PBT) adalah 30%, tugasan e-folio adalah 30%, tugasan pembentangan adalah 20%, tugasan tunjuk cara adalah 20% dan jumlah keseluruhan markah berdasarkan rubrik pemarkahan adalah 100%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) pada perspektif pelajar

Dapatan kajian menurut perspektif pelajar terhadap pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam menunjukkan bahawa secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan (Min = 4.29). Item penilaian dalam kajian ini terdiri daripada aspek tanggungjawab pensyarah menjelaskan skema pentaksiran kursus secara terperinci kepada pelajar, pelajar memperoleh markah yang tinggi dalam tugasan tunjuk cara, pembentangan, e-folio, tugasan berasaskan masalah (PBT) dan memperoleh markah keseluruhan yang tinggi dalam penilaian berterusan (PB). Selain itu, pelajar bersetuju bahawa tugasan dilaksanakan secara berkumpulan, pensyarah membuat semakan tugasan pelajar mengikut jadual yang telah ditetapkan, pensyarah membimbing tugasan pelajar seperti yang telah ditetapkan dan pensyarah menilai tugasan pelajar berdasarkan peraturan pemarkahan yang telah ditetapkan oleh kurikulum.

iv) Dapatan temu bual pelajar:

Hasil dapatan temu bual pelajar aspek proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) menunjukkan bahawa, pensyarah telah menjelaskan secara terperinci berkaitan skema pentaksiran kepada pelajar di awal semester. Tugasan pelajar sentiasa dipantau dan disemak oleh pensyarah. Selain itu, pensyarah membimbing pelajar sepanjang tugasan diberikan. Penilaian berterusan pelajar dinilai oleh pensyarah berdasarkan rubrik atau skema pemarkahan yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini juga selari dengan keputusan penilaian berterusan (PB) pelajar iaitu 164 orang (46.5%) responden mendapat gred A+, diikuti pula dengan responden yang mendapat gred A iaitu seramai 78 orang (22.1%) dan seramai 50 orang (14.2%) responden mendapat gred A-. Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan seramai 42 orang (11.9%) responden yang mendapat gred B+ dan diikuti dengan gred B iaitu seramai 14 orang (4.0%), 2 orang (0.6%) responden pula mendapat gred C hanya 1 orang (0.3%) responden sahaja yang mendapat gred C+, E dan Gagal dalam Kursus (MPU) Pengajian Islam. Di samping itu, kajian ini turut selari dengan kajian Norhayati Fatmi Talib (2014) iaitu penilaian berterusan pelajar (PB) menurut perspektif pensyarah berada pada tahap tinggi dan pelajar mendapat keputusan yang dalam penilaian berterusan (PB). Oleh itu, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik.

05-4506832 tbupsi

5.3.4 Perbincangan Aspek Penilaian Produk

Perbincangan dapatan kajian aspek penilaian produk terbahagi kepada empat tahap produk berdasarkan model penilaian CIPP Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Pertama produk impak iaitu melibatkan keputusan penilaian berterusan (PB) dan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik. Kedua produk keberkesanan iaitu melibatkan pencapaian objektif kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik dan keberkesanan kompetensi pensyarah melalui pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan dalam kalangan pensyarah kursus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga produk kemampanan iaitu melibatkan pembentukan kefahaman agama (kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak) dalam diri pelajar melalui pelaksanaan kurus (MPU) Pengajian Islam di politeknik. Keempat produk kebolehpindahan iaitu amalan penghayatan agama diaplikasikan dalam kehidupan pelajar melalui pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Berikut merupakan perbincangan aspek produk:

a. Produk Impak:

Penilaian produk impak dalam kajian ini terdiri daripada dua aspek, pertama tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek keputusan penilaian berterusan (PB). Kedua tahap pencapaian pelaksanaan kursus MPU dari aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam.

i) Keputusan penilaian berterusan (PB):

Berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada pelajar mendapati bahawa keputusan penilaian berterusan (PB) pelajar secara keseluruhannya adalah baik. Perincian dapatan keputusan penilaian berterusan (PB) pelajar menunjukkan lebih daripada separuh iaitu 164 orang (46.5%) responden mendapat gred A+, diikuti pula dengan responden yang mendapat gred A iaitu seramai 78 orang (22.1%) dan seramai 50 orang (14.2%) responden mendapat gred A - dalam Kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan seramai 42 orang (11.9%) responden yang mendapat gred B+ dan diikuti dengan gred B iaitu seramai 14 orang (4.0%) dalam Kursus (MPU) Pengajian Islam. Manakala, 2orang (0.6%) responden pula mendapat gred C dan hanya 1 orang (0.3%) responden sahaja yang mendapat gred C+, E dan Gagal dalam Kursus (MPU) Pengajian Islam.

ii) Persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kursus MPU di politeknik.

Hasil dapatan keputusan penilaian berterusan (PB) pelajar menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam adalah baik. Keputusan penilaian berterusan pelajar ini selari dengan dapatan tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan secara keseluruhan persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam adalah berada pada tahap yang tinggi dengan (Min = 4.43). Pelajar menunjukkan minat terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam, pelajar juga berpersepsi bahawa kewajiban penawaran kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik adalah wajar dan pelajar juga mengharapkan keputusan yang baik dari kursus (MPU) Pengajian Islam.

Selain itu, pelajar bersetuju bahawa kursus (MPU) Pengajian Islam menyumbang kepada penambahan pengetahuan pelajar mengenai pendidikan Islam, pelajar menjadikan modul kursus (MPU) Pengajian Islam sebagai rujukan sekiranya ingin penjelasan mengenai pendidikan Islam, kursus (MPU) Pengajian Islam ini tidak mengganggu pelajar dalam urusan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kursus yang lain, didapati pelajar melaksanakan tugasan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan bersungguh-sungguh, pelajar memperakui bahawa isi kandungan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam berguna dalam kehidupan seharian, pelajar juga suka bertanya kepada pensyarah berkaitan kursus (MPU) Pengajian Islam terutama perkara berkaitan ibadah dan pelajar berasa selesa dan senang menjadikan kursus (MPU) Pengajian Islam sebagai panduan untuk melaksanakan amalan agama dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, dapat disimpulkan aspek produk impak telah menunjukkan bahawa kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan baik dan berkesan oleh pensyarah berdasarkan pencapaian penilaian berterusan pelajar (PB) dan persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506 tbupsi

b. Produk Keberkesanan:

Penilaian aspek produk keberkesanan terbahagi kepada dua iaitu pertama adalah dari aspek untuk menilai tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap objektif kursus (MPU) Pengajian Islam. Kedua adalah untuk menilai keberkesanan hubungan kompetensi pensyarah iaitu pengetahuan asas pendidikan dan pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam melalui aspek pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan sebagai pelaksana kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap objektif kursus.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh dari soal selidik pensyarah berkaitan tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam mencapai objektif kursus adalah sederhana tinggi dengan (Min = 3.69). Hasil dapatan ini selari dapatan temu bual iaitu pensyarah menyatakan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam berjaya dilaksanakan berdasarkan tahap pencapaian dan penerimaan pelajar. Selain itu, pensyarah juga telah berjaya menyampaikan isi pelajaran berdasarkan objektif kursus dengan baik dan berkesan. Keberkesanan ini dapat dilihat berdasarkan sub-sub tema temu bual yang telah dibina iaitu pensyarah berjaya menyampaikan objektif kursus dengan baik melalui pelaksanaan dalam P&P. Di samping itu, pelajar dapat mengusai objektif atau topik (MPU) Pengajian Islam dengan baik dan berkesan berdasarkan pencapaian dalam penilaian berterusan pelajar. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa objektif-objektif kursus (MPU) Pengajian Islam telah berjaya disampaikan oleh pensyarah dengan baik dan berkesan kepada pelajar. Keberkesanan ini dapat dibuktikan melalui hasil tugasan yang telah disediakan, pelajar dapat menterjemahkan penerimaan dan penguasaan objektif kursus dalam tugasan yang telah diberikan dengan mendapat keputusan yang cemerlang dalam pentaksiran penilaian berterusan (PB).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Keberkesanan hubungan kompetensi pensyarah dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan

Produk keberkesanan hubungan kompetensi pensyarah iaitu (pengetahuan asas pendidikan dan pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam) dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan. Perbincangan dapatan ini berdasarkan analisis teknik laluan *PLS-SEM*. Peringkat ini secara dasarnya adalah untuk menilai persoalan kajian dan hipotesis yang telah dibina:

Persoalan Kajian 4c: Aspek Keberkesanan: *Adakah terdapat hubungan* ***kompetensi pensyarah*** *(Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) terhadap pengetahuan* ***pedagogi dan pedagogikal kandungan*** *dalam kalangan pensyarah MPU?*

05-4506832 tbupsi

Ha1 Terdapat hubungan yang signifikan antara Kompetensi Pensyarah iaitu (Pengetahuan Asas Pendidikan dan Pengetahuan Kursus (MPU) Pengajian Islam) dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogical kandungan "*Pedagogical Content Knowledge"* pensyarah.

Berdasarkan hasil keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan kompetensi pensyarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan (PPPK) dengan nilai beta dan t (β = -0.180; t = 2.437). Justeru itu, hipotesis altenatif (Ha1) adalah diterima. Oleh yang demikian, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai kompetensi dalam bidang khususnya untuk melaksanakan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya dari aspek penilaian produk keberkesanan, kecemerlangan sesuatu akademik adalah bermula dari bagaimana penyampaian maklumat itu disampai kepada pelajarnya. Dalam aspek penilaian produk keberkesanan ini, pensyarah merupakan indikator utama dalam memainkan peranan yang penting untuk memastikan isi pelajaran dan objektif kursus disampaikan dengan jelas kepada pelajar. Berdasarkan dapatan keseluruhan bagi dimensi produk keberkesanan ini menunjukkan bahawa objektif kursus telah berjaya disampaikan dengan baik oleh pensyarah dan berkesan kepada pelajar.

Manakala kompetensi pensyarah pula telah menunjukkan bahawa aspek keberkesanan di sini adalah pensyarah mempunyai pengetahuan dalam bidang khususnya untuk melaksanakan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik. Dapatan kajian menunjukkan pensyarah mempunyai pengetahuan yang jelas berkaitan asas-asas pendidikan seperti pengetahuan terhadap model-model pengajaran, teori pembelajaran, falsafah pendidikan kebangsaan dan falsafah pendidikan Islam, mengetahui berkaitan kluster-kluster domain kursus (MPU) Pengajian Islam dan mempunyai pengetahuan yang jelas berkaitan motivasi serta keperluan pelajar.

Oleh itu, keputusan ini jelas menunjukkan bahawa kejayaan dalam menyampaikan isi pelajaran berdasarkan objektif-objektif kursus (MPU) Pengajian Islam telah dilaksanakan dengan baik oleh pensyarah. Pensyarah bukan sekadar mengetahui tentang asas-asas pendidikan, malahan pensyarah berjaya memindahkan proses pengetahuan tersebut dan diterjemahkan melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknik pengajaran, strategi penyampaian, kaedah pengajaran di dalam kelas. Di samping itu, pensyarah juga berupaya memotivasikan pelajar mengikut keperluan semasa. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian maka hipotesis Ha1 dalam kajian ini adalah diterima.

c. Produk Kemampanan:

Penilaian aspek kemampanan pula adalah untuk memberi fokus kepada keupayaan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam membentuk kefahaman Agama iaitu (kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak) dalam diri pelajar. Oleh itu, dapatan kajian yang di peroleh adalah berdasarkan persoalan kajian dan hipotesis yang telah dibina:

Persoalan Kajian 4d: Aspek Kemampanan: *Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara* ***Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam*** *iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan* ***Pembentukkan Kefahaman Agama*** *iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar?*

Ha2 Terdapat hubungan yang signifikan antara Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Amalan Pengajaran, Amalan Pembelajaran, Penggunaan BBM,) dengan Pembentukan Kefahaman Agama iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) dalam diri pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak pelajar. Pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai beta iaitu pembentukan kefahaman akidah (β = 0.612; t = 18.196), pembentukan kefahaman ibadah (β = 0.610; t = 16.978) dan pembentukan kefahaman akhlak (β = 0.629; t = 21.441). Perincian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam pembentukan kefahaman agama (kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak) adalah seperti berikut:

Pembentukan kefahaman agama dalam kajian ini merujuk kepada aspek kefahaman ilmu agama dalam kalangan pelajar yang meliputi kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak yang terdapat dalam diri pelajar berdasarkan pengalaman pembelajaran yang di peroleh dari pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Perbincangan mengenai produk kemampanan dari aspek akidah adalah bersumberkan keterangan daripada maksud hadis riwayat oleh Muslim yang bermaksud:

> "*khabarkan kepada ku tentang iman, Rasulullah s.a.w bersabda: Iman itu adalah beriman dengan Allah, malaikatnya, kitabnya, rasulnya, dari akhirat dan beriman dengan qada' dan qadarnya*".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Produk Pembentukan Kefahaman agama iaitu aspek perihal akidah.

Dapatan menunjukkan bahawa aspek kefahaman akidah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan nilai beta ($\beta = 0.612$; $t = 18.196$). Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam membantu dalam membentuk kefahaman agama dari aspek perihal akidah pelajar. Item pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini terdiri daripada penggunaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, kesesuaian bilik kuliah, kesediaan perpustakaan dengan menyediakan bahan rujukan yang mencukupi, peralatan ICT yang mencukupi, pelaksanaan P&P yang berkesan dan penggunaan bahan bantu mengajar BBM yang bersesuaian semasa pelaksanaan P&P. Manakala item penilaian kefahaman agama perihal akidah dalam kajian ini berasaskan rukun iman iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitabnya (al-Quran), beriman kepada rasul sebagai utusan, beriman kepada hari akhirat dan beriman kepada qada' dan qadar.

05-4506832 tbupsi

Berdasarkan dapatan produk kefahaman agama dari aspek perihal akidah, dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan kefahaman agama perihal akidah. Pembentukan kefahaman agama perihal akidah ini adalah berasaskan item penilaian iaitu pelajar memahami bahawa alam sekeliling adalah diciptakan oleh Allah S.W.T. Dalam konteks kefahaman agama terhadap perihal akidah, pelajar dapat menghubungkan kefahaman tentang kejadian alam sekeliling secara langsung dengan pencipta iaitu Allah S.W.T.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Abdul Halim Hasan et al. (1952) telah menyifatkan ciri-ciri orang yang beriman adalah mereka mempercayai dan beriman dengan al-Quran sebagaimana firman Allah S.W.T dalam ayat 3 dan 4 dari surah Al-Baqarah iaitu mereka sentiasa berfikir tentang hakikat agama, mengukur amalan seharian mereka dan memperbaiki sikap dan nilai moral serta mematuhi dengan perintah dan larangan al-Quran. Kenyataan ini turut disokong oleh Al-Rahman (2003) bahawa iman adalah membenarkan dalam hati, diikrarkan dengan lisan dan dipraktikkan dengan anggota serta iman akan bertambah dengan ketaatan dan berkurangan dengan dosa yang dilakukan. Selain itu, pelajar memahami bahawa beriman kepada Allah S.W.T merupakan suatu kewajipan keatas setiap muslim.

Di samping itu, dalam konteks kefahaman agama perihal akidah terdapat elemen berkaitan keimanan kepada malaikat, elemen penilaian beriman terhadap malaikat ini ialah pelajar memahami bahawa salah satu tugas malaikat adalah mencatat amalan baik dan buruk yang dilakukan oleh manusia. Pelajar juga memahami bahawa malaikat sentiasa mengawasi tingkah laku manusia. Kefahaman berkaitan hakikat dan kewujudan malaikat serta memahami tugas-tugas yang dilaksanakan oleh malaikat merupakan bukti seseorang itu mempunyai keimanan yang jelas terhadap Allah S.W.T. Mempercayai kewujudan malaikat adalah suatu kewajipan ke atas setiap Muslim, kerana ianya telah di sabitkan dengan dalil yang qati'e dari surah An-Nisa' ayat 136 yang bermaksud:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"*Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkan lah iman kamu kepada Allah dan RasulNya dan kepada Kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada RasulNya (Muhammad, s.a.w) dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah dan Malaikat-malaikatNya dan Kitab-kitabNya dan Rasul-rasulNya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh".*

(Surah An-Nisa': ayat 136)

Malaikat diciptakan oleh Allah S.W.T dalam keadaan yang berbeza dengan manusia. Malaikat tidak mempunyai hawa nafsu seperti manusia, tidak mempunyai jantina lelaki mahupun perempuan, mereka tidak makanan dan minum, tidak melakukan dosa dan sentiasa beribadah kepada Allah S.W.T tanpa rasa penat atau jemu serta melaksana segala perintah Allah S.W.T (Syarah Jauharaul Tauhid).

Selain daripada itu, elemen penilaian kefahaman agama perihal akidah dalam kajian ini juga ialah pelajar memahami bahawa al-Quran merupakan wahyu daripada Allah S.W.T al-Quran merupakan wahyu agung yang telah diturunkan oleh Allah S.W.T melalui pengantaraan malaikat 512ating a.s kepada nabi junjungan besar Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib pada malam jumaat 17 Ramadan bersamaan 6 ogos 610(M) tahun ke 41 keputeraan baginda Nabi S.A.W (Qamhawi, 2003; Mohd Yusof Othman, 2012; Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al., 2021). Di samping itu, pelajar juga memahami bahawa al-Quran dapat memberi syafaat kepada umat manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut himpunan fatwa pejabat mufti wilayah persekutuan (Muhammad Mushfique Ahmad Ayoup @ Ayu, 2020) bahawa puasa dan al-Quran dapat memberi syafaat kepada orang yang melaksanakannya pada hari akhirat berdasarkan dalil surah Ibrahim ayat 1 yang bermaksud:

"Ini ialah Kitab (al-Quran) yang Kami turunkannya kepada mu (wahai Muhammad), supaya kamu mengeluarkan umat manusia seluruhnya daripada gelap-gelita (kekufuran) kepada cahaya (keimanan) – dengan izin Tuhan mereka – ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji."

Selain daripada itu, terdapat juga hadith sahih yang telah menyatakan bahawa kedua-dua ibadah tersebut mampu memberi syafaat kepada orang yang melakukannya. Antaranya hadith riwayat Ahmad (6626) dan al-Thabrani (88) yang bermaksud:

"Puasa dan al-Quran akan memberi syafaat buat hamba pada hari kiamat. Puasa berkata: "Wahai Rab! Aku telah menahannya daripada makan dan syahwat pada siang hari, maka izinkan aku memberi syafaat kepadanya. Al-Quran pula berkata: Aku telah menahannya daripada tidur pada malam hari, maka izinkan aku memberi syafaat kepadanya. Kemudian, keduanya memberi syafaat (kepada orang yang melakukannya)."

(Riwayat Ahmad (6626) dan al-Thabarani (88).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hadith daripada Abu Umamah RA, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan 514ating pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya".

(Riwayat Muslim (804)).

Hadith daripada Abu Hurairah RA berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Bagi orang yang berpuasa itu dua kegembiraan: Kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika bertemu Tuhannya".

(Riwayat Muslim (1151)).

Berdasarkan daripada beberapa dalil hadith ini jelas menunjukkan bahawa amalan berpuasa dan membaca al-Quran ini dapat memberi syafaat kepada orang yang melakukannya.

Dalam konteks beriman dengan rasul, pelajar memahami bahawa mengikuti cara hidup Rasulullah S.A.W akan beroleh ganjaran pahala. Menurut (Md. Asham Ahmad, 2015) berdasarkan pandangan ulama' terhadap hadis berkaitan makanan kesukaan Rasulullah S.A.W yang diwayatkan oleh Muslim yang bermaksud:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Aku tidak pernah sekali-kali melihat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam mencela makanan. Sesungguhnya apabila Baginda menyukainya, Baginda memakannya dan apabila Baginda tidak menyukainya Baginda diam."

(HR. Bukhari (5409) dan Muslim (2064))

Sebahagian ulama' telah memberi pandangan berkaitan hadith ini iaitu kecenderungan untuk mengikuti makanan yang disukai oleh Rasulullah S.A.W adalah harus (*mubah*). Manakala dalam konteks menyukai makanan yang disukai oleh Rasulullah S.A.W dengan niat seseorang itu berkepentingan untuk meniru atau meneladani Rasulullah S.A.W sebagai amalan *Sunnah,* maka perbuatan tersebut insya Allah memperoleh ganjaran pahala daripada Allah S.W.T (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, 2015). Pelajar juga memahami bahawa Rasulullah S.A.W adalah utusan terakhir untuk umat manusia. Perkara ini telah di jelaskan dalam hadith Nabi berkaitan perihal kiamat, iaitu terutusnya baginda Nabi S.A.W merupakan utusan terakhir memberi gambaran bahawa akhir zaman mendekati manusia (Khairul Asyraf, 2021).

Seterusnya item penilaian kefahaman agama perihal akidah yang lain pula ialah pelajar memahami bahawa hari kiamat adalah hari pengakhiran kehidupan buat manusia. Perihal kiamat telah dijelaskan di dalam al-Quran iaitu akan terjadinya suatu hari pengakhiran yang dinamakan sebagai hari kiamat atau diistilahkan dengan "*yaum al akhir*". Perkataan "*yaum al akhir*" telah disebutkan di dalam al-Quran sebanyak 24 kali, manakala perkataan "akhirat" pula telah disebutkan sebanyak 25 kali (Sodiqin, 2008; Hadiyanto & Khunairoh, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar juga memahami bahawa qada' dan qadar adalah ketentuan dari Allah S.W.T. Sebagai hamba yang beriman dengan Allah S.W.T akan meyakini bahawa qada' ialah menjadikannya mengikut apa yang telah ditetapkan, manakala qadar ialah menetapkan kadar sesuatu sebelum memutuskannya agar ia berlaku. Beriman dengan qada' dan qadar bererti telah menerima segala ketentuan dan ketetapan Allah S.W.T (Jabatan Mufti Terangganu, t.t). Perkara ini telah di rakamkan dalam surah Al-Qamar ayat 49 dan hadith Nabi dari riwayat ahmad yang bermaksud:

"*Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir yang telah ditentukan."* (Surah Al-Qamar; ayat 49)

05-4506832 ptbupsi

"*Beriman kepada Allah S.W.T, para MalaikatNya, Kitab-kitabNya, para RasulNya dan Hari Akhirat, serta beriman kepada takdir yang baik dan buruk."*

(HR Ahmad; 346)

Di samping itu, menelusuri tentang hakikat iman dan akidah, cendekiawan Islam telah membuat kesimpulan bahawa akidah adalah sinonim dengan iman atau keimanan. Oleh itu, dalam konteks keimanan ianya selaras dengan al-Quran sepertimana yang telah disampaikan oleh Dr. Salah Abd al-Alim Ibrahim dalam tulisan beliau *al-'Aqidah fi Daw' al-Qur'an al-Karim (1982, 7).* Apabila dirujuk kepada al-Quran didapati ungkapan akidah adalah membawa makna kepada istilah iman. Perkara ini turut selari dengan firman Allah S.W.T dalam surah Yunus ayat 9 yang bermaksud:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"*Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Tuhan mereka akan memimpin mereka dengan sebab iman mereka yang sempurna itu".*

ii) Produk Pembentukan Kefahaman agama iaitu aspek perihal ibadah.

Dapatan menunjukkan bahawa aspek kefahaman ibadah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan nilai beta ($\beta = 0.610$; $t = 16.978$). Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam membantu dalam membentuk kefahaman agama dari aspek perihal ibadah pelajar. Item pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini terdiri daripada penggunaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, kesesuaian bilik kuliah, kesediaan perpustakaan dengan menyediakan bahan rujukan yang mencukupi, peralatan ICT yang mencukupi, pelaksanaan P&P yang berkesan dan penggunaan bahan bantu mengajar BBM yang bersesuaian semasa pelaksanaan P&P. Manakala item kefahaman agama perihal ibadah dalam kajian ini berasaskan kepada rukun Islam dari hadith riwayat al bukhari iaitu melafazkan syahadah mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan nabi Muhammad itu adalah utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan menunaikan puasa pada bulan Ramadhan.

Berdasarkan dapatan produk kefahaman agama dari aspek perihal ibadah, dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan kefahaman agama perihal ibadah. Pembentukan kefahaman agama perihal ibadah ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan item penilaian iaitu pelajar memahami bahawa menunaikan solat merupakan suatu kewajipan ke atas umat Islam. Tertegaknya Islam itu berasaskan atas rukunnya yang lima iaitu mengucap dua kalimah syahadah, solat lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadhan, menunaikan zakat dan melaksanakan haji di Baitullah. Mendirikan solat diumpamakan seperti menjaga tiang agama, jika dijaga dengan baik teguhlah ia dan jika sebaliknya maka roboh lah ia kesan daripada meninggalkan solat tersebut (Azhar Mohd Nawi & Sukarni Ab Ghani, 2021).

Pelajar juga memahami bahawa menunaikan solat merupakan perkara wajib apabila tiba waktunya, tanpa halangan sama ada berada pada waktu lapang ataupun sebaliknya. Menunaikan solat pada waktunya dapat melatih diri dalam mendisiplinkan masa dan beroleh kejayaan. Kajian oleh Salasiah Hanin Hamjah et al. (2012) menunjukkan bahawa amalan kerohanian seperti ibadah solat menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. Selain itu, pelajar memahami bahawa aspek kebersihan amat penting ketika untuk mendirikan solat. Kebersihan sebelum mendirikan solat merupakan indikator yang penting kepada sesuatu ibadah untuk diterima disisi Allah S.W.T. Solat hendaklah dilaksanakan dalam keadaan bersih tubuh badan, pakaian dan tempat mendirikan solat daripada sebarang najis atau kekotoran (Abd Rashid Ahmad, 1995). Sebagaimana dari surah Al-Maaidah ayat 6 yang bermaksud:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduk lah) iaitu basuh lah muka kamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapu lah sebahagian dari kepala kamu dan basuh lah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersuci lah dengan mandi wajib".

(Surah Al-Maaidah; ayat 6).

Selain itu, dalam konteks kefahaman agama dari aspek perihal ibadah, elemen penilaian dalam kajian ini juga menunjukkan pelajar memahami bahawa ibadah puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga sahaja. Pelajar juga memahami bahawa ibadah puasa adalah kewajipan ke atas setiap umat Islam. Kefahaman yang jelas berhubung ibadah puasa ini menggambarkan pelajar memahami tentang kewajipan berpuasa dan kelebihannya. Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Mohd Aris Jasmi (2016) pelaksanaan puasa yang sempurna dapat membentuk jiwa untuk menjadi insan yang soleh. Di samping itu, kefahaman pelajar berkaitan hakikat puasa bukan sekadar menahan lapar dahaga menunjukkan bahawa kefahaman pelajar telah di dasari dengan ilmu pengetahuan. Islam amat menitip beratkan konsep ilmu pengetahuan dan beramal dengannya. Al-Khatib al-*Baghdadi rahimahullah*, dalam kitabnya *Iqtidho' al-'Ilmi al-'amal* telah menukilkan kata-kata hikmah daripada Abdullah bin al-Mu'taz rahimahullah berkaitan kepentingan beramal dengan ilmu yang bermaksud "Ilmu tanpa amal ibarat sepohon pokok tanpa buah". Jelas di sini menunjukkan bahawa kepentingan ilmu dalam kehidupan amatlah berguna terutama melibatkan perkara ibadah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya dalam konteks kefahaman agama dari aspek perihal ibadah menurut perspektif zakat pula, pelajar memahami bahawa ibadah zakat merupakan salah satu dari rukun Islam. Menurut Azizah Othman et al. (2019) amalan berzakat merupakan ibadah yang dituntut di dalam Islam. Kewajipan mengeluarkan zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang perlu ditunaikan apabila telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam syara'. Manakala tujuan Allah S.W.T mewajibkan zakat adalah untuk membantu golongan-golongan yang memerlukan untuk meneruskan kehidupan. Amalan berzakat ini dilaksanakan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam al-Quran surah at Taubah ayat 60 yang bermaksud:

05-4506832 tbupsi

"Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat (amil), mualaf yang dipujuk hati mereka, untuk memerdekakan hamba, orang-orang yang berhutang, orang-orang yang berjuang di jalan Allah SWT, orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai ketetapan yang diwajibkan Allah SWT dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

(Surah At-Taubah: ayat 60)

Manakala elemen kefahaman agama dari aspek perihal ibadah menurut perspektif haji pula menunjukkan, pelajar memahami bahawa ibadah haji wajib dilaksanakan bagi yang berkemampuan dan telah memenuhi syarat. Menurut Lokman Musa (2022) dalam ibadah haji kemampuan atau dalam bahasa arab disebut sebagai *"Istita'ah"* merujuk kepada salah satu daripada syarat-syarat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kewajipan melaksanakan haji. Manakala *"Istita'ah"* dalam ibadah haji meliputi pelbagai aspek dan sudut seperti kemampuan dari sudut kewangan, keselamatan dan kesihatan malah termasuk aspek kelulusan visa dan koata melaksanakan haji dalam sesuatu musim. Dalam rukun Islam ibadah haji di letakkan sebagai kedudukan yang kelima iaitu melaksanakan haji bagi yang berkemampuan menunjukkan keperluan melaksanakan ibadah ini berbeza dengan ibadah-ibadah yang lain, ini kerana ibadah haji bukan sahaja melibatkan *badaniyah* semata-mata seperti tubuh badan yang sihat dan cergas, bahkan turut melibatkan *maliyah* iaitu kekuatan sumber kewangan yang mencukupi.

iii) Produk Pembentukan Kefahaman agama iaitu aspek perihal akhlak.

Dapatan menunjukkan bahawa aspek kefahaman agama perihal akhlak pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan nilai beta ($\beta = 0.629$; $t = 21.441$). Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam membantu dalam membentuk kefahaman agama dari aspek perihal akhlak pelajar. Item pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini terdiri daripada penggunaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, kesesuaian bilik kuliah, kesediaan perpustakaan dengan menyediakan bahan rujukan yang mencukupi, peralatan ICT yang mencukupi, pelaksanaan P&P yang berkesan dan penggunaan bahan bantu mengajar BBM yang bersesuaian semasa pelaksanaan P&P.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala item kefahaman agama perihal akhlak dalam kajian ini berdasarkan daripada peringkat perbincangan akhlak oleh Darraz (2005). Menurut beliau peringkat perbincangan akhlak terbahagi kepada empat peringkat iaitu pertama peringkat tingkah laku akhlak terhadap Allah dan Rasul. Peringkat kedua ialah tingkah laku akhlak terhadap diri sendiri, peringkat ketiga ialah tingkah laku akhlak terhadap ibu bapa dan peringkat keempat ialah tingkah laku akhlak terhadap masyarakat.

Pembentukan kefahaman agama perihal akhlak dalam kajian ini adalah merujuk kepada tahap kefahaman pelajar terhadap pengetahuan akhlak. Menurut Mohd Khairi Shafie dan Mohamad Khairi Othman (2016). Akhlak yang baik adalah lahir daripada kefahaman ilmu pengetahuan yang jelas dan diperoleh sama ada dalam suasana formal atau sebaliknya. Dalam konteks peringkat pertama iaitu tingkah laku akhlak terhadap Allah dan Rasul, elemen penilaian yang terkandung dalam kajian ini ialah pelajar memahami bahawa akhlak terbaik adalah akhlak Rasulullah. Menurut Nik Zul Azhar Nik Hassan dan Musliha Ismail (2018) dalam al-Quran Allah S.W.T telah merakamkan pujian perihal akhlak Rasulullah S.A.W melalui firmanNya yang bermaksud:

"Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang mulia"

(Surah Al-Qalam; ayat 68)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pelajar juga memahami bahawa menutup aurat adalah tuntutan dalam agama. Pelaksanaan menutup aurat adalah mencerminkan akhlak Islam diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Pelaksanaan ini tidak terjadi secara semula jadi tanpa mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang jelas berkaitan akhlak Islam dalam diri pelajar. Pengetahuan dan kefahaman yang jelas berkaitan akhlak Islam ini adalah selari dengan konsep akhlak seperti Imam al Ghazali (t.t) dan Miskawaih (1966).

Peringkat kedua pula adalah tingkah laku akhlak terhadap dirinya sendiri, elemen penilaian yang terkandung pada peringkat kedua ini ialah pelajar memahami bahawa Islam mengajar sifat bersangka baik terhadap sesama manusia. Dalam sejarah Islam telah membuktikan bahawa kepentingan bersangka baik terhadap sesama manusia merupakan antara elemen penting yang perlu ada dalam diri seseorang pemimpin. Antara inti pati nasihat dari seorang ayah kepada anaknya iaitu seorang khalifah Islam telah di rakamkan dalam al-Muqaddimah, Ibnu Khaldun (2004) telah merekodkan utusan yang di tulis oleh Tahir bin al-Husayn (ms. 844) untuk anaknya iaitu seorang gabenor di al-Raqqah dan Mesir. Kandungan surat tersebut telah menekankan sikap yang perlu ada pada seorang pemimpin iaitu bersangka baik dengan orang lain dan berhati-hati dalam membuat tuduhan. Perihal kandungan surat ini telah sampai pada pengetahuan al-Ma'mun, maka beliau telah memerintahkan agar kandungan surat tersebut diperluaskan kepada seluruh pegawai-pegawai kerajaan pada ketika itu. Ini menunjukkan bahawa bertapa pentingnya kefahaman dan pengetahuan berkaitan keperluan bersangka baik pada semua orang dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat ketiga pula ialah tingkah laku akhlak terhadap ibu bapa. Antara elemen penilaian yang terkandung dalam kajian ini adalah pelajar memahami bahawa berbuat baik kepada ibu bapa merupakan kewajipan bagi setiap anak. Ibu bapa merupakan anugerah bagi anak-anak, tanpa ibu bapa maka tiadalah zuriat dan keturunan di antara kedua-duanya. Oleh itu, Islam telah mengajar umat manusia agar menjalankan tanggungjawab sebagai anak-anak terhadap ibu bapa selaras dengan kehendak syarak. Nas juga telah memberi panduan bahawa tanggung jawab seorang anak kepada ibu bapa melalui pemberian nafkah merentasi perbezaan agama dan budaya. Keengganan mematuhi ayat Allah terhadap berbuat baik kepada ibu bapa akan mengundang kemurkaan Allah S.W.T (Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin, 2021).

05-4506832 tbupsi

Peringkat keempat pula merujuk kepada tingkah laku akhlak terhadap masyarakat. Elemen-elemen penilaian yang berkaitan dengan kajian ini ialah pelajar memahami bahawa amalan memberi salam merupakan akhlak dari Islam. Selain itu, pelajar juga memahami bahawa setiap umat Islam itu adalah bersaudara. Memberi salam merupakan amalan yang digalakkan dalam Islam. Kalimah *al-Salam* dalam Bahasa Arab membawa maksud keselamatan, keamanan dan kebebasan daripada keaiban (Anis t.th., 1:446). Dalam Islam, juga *al-Salam* merujuk kepada ucapan kesejahteraan dari seorang Muslim kepada Muslim yang lain. Manakala dalam al-Quran Allah S.W.T telah berfirman dalam surah Al-Nisa' ayat 86 yang bermaksud:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

""Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu"

(Surah Al-Nisa': ayat 86)

Berdasarkan dalil ini jelas menunjukkan bahawa adab memberi salam merupakan amalan yang di tuntut dalam Islam walaupun memberi salam kepada orang yang kita tidak kenali. Di samping itu, menjawabnya pula menjadi satu kewajipan kepada orang yang menerima salam tersebut (al-Asqalani, 1986). Kefahaman pelajar terhadap adab dan konsep memberi salam ini menggambarkan bahawa pelajar mempunyai ilmu pengetahuan berkaitannya. Manakala pengetahuan berkaitan umat Islam itu bersaudara juga selari dengan konsep memberi dan menjawab salam dari orang yang tidak dikenali atas dasar persaudaraan sesama Islam.

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa, dari aspek penilaian produk kemampanan, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dalam pembentukan kefahaman agama iaitu (kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak) dalam diri pelajar. Oleh itu, hipotesis H2 dalam kajian ini adalah diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Produk Kebolehpindahan:

Penilaian produk kebolehpindahan dalam kajian ini melibatkan responden pelajar yang telah mengambil kursus (MPU) Pengajian Islam semasa di semester dua. Oleh yang demikian, responden dalam kajian ini masih dalam tempoh pengajian iaitu berada di semester tiga pengajian diploma di politeknik. Penilaian produk kebolehpindahan ini berkaitan keupayaan pengalaman pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Oleh itu, dapatan kajian yang di peroleh adalah berdasarkan persoalan kajian dan hipotesis yang telah dibina:

Persoalan Kajian 4e: Aspek Kebolehpindahan: *Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara* ***Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam*** *iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Amalan Pelaksanaan P&P dan Penggunaan BBM) dengan* ***Amalan Penghayatan Agama*** *(akidah, ibadah dan akhlak) untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar?*

05-4506832 tbupsi

Ha3 Terdapat hubungan yang signifikan antara Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu (Modul MPU, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Peralatan ICT, Amalan Pengajaran, Amalan Pembelajaran, Penggunaan BBM) dengan Amalan Penghayatan Agama iaitu (akidah, ibadah dan akhlak) diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan penghayatan akidah, nilai beta iaitu (β = 0.685; t = 23.558) dan amalan penghayatan ibadah, nilai beta iaitu (β = -0.142; t = 3.023). Manakala sebaliknya pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan amalan penghayatan akhlak, hasil pengujian hipotesis menunjukkan tidak mempunyai hubungan dan keputusan adalah tidak signifikan dengan nilai beta (β = -0.105; t = 1.550). Oleh itu, perincian perbincangan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Amalan Penghayatan Agama iaitu: akidah, ibadah dan akhlak diaplikasikan dalam kehidupan pelajar adalah seperti berikut:

Amalan penghayatan agama dalam kajian ini merujuk kepada aspek amalan seharian pelajar yang meliputi amalan akidah, amalan ibadah dan amalan akhlak yang diaplikasikan oleh pelajar dalam kehidupan seharian berdasarkan pengalaman pembelajaran yang di peroleh dari pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Perbincangan mengenai produk amalan penghayatan agama aspek akidah ini bersumberkan keterangan daripada maksud hadith riwayat oleh Muslim yang bermaksud:

"*khabarkan kepadaku tentang iman, Rasulullah S.A.W bersabda: Iman itu adalah beriman dengan Allah, malaikatnya, kitabnya, rasulnya, dari akhirat dan beriman dengan qada' dan qadarnya*".

(HR Muslim (9&10))

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Produk Amalan Penghayatan Agama iaitu aspek perihal akidah

Dapatan menunjukkan bahawa aspek amalan penghayatan akidah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan nilai beta iaitu ($\beta = 0.685$; $t = 23.558$). Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam membantu dalam aspek amalan penghayatan akidah pelajar. Item pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini terdiri daripada penggunaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, kesesuaian bilik kuliah, kesediaan perpustakaan dengan menyediakan bahan rujukan yang mencukupi, peralatan ICT yang mencukupi, pelaksanaan P&P yang berkesan dan penggunaan bahan bantu mengajar BBM yang bersesuaian semasa pelaksanaan P&P. Manakala elemen amalan penghayatan akidah dalam kajian ini berasaskan rukun iman iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitabnya (al-Quran), beriman kepada rasul sebagai utusan, beriman kepada hari akhirat dan beriman kepada qada' dan qadar.

05-4506832 tbupsi

Berdasarkan dapatan produk amalan penghayatan agama perihal akidah pelajar, menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghayatan akidah berasaskan item penilaian iaitu pelajar berfikir tentang ciptaan-ciptaan Allah SWT yang terdapat di sekelilingnya. Dalam konteks menzahirkan keimanan kepada Allah S.W.T, tingkah laku menghubungkan alam semesta dengan Tuhan merupakan salah satu bukti mengagungkan kebesaran Allah S.W.T. Pengakuan keimanan ini bukan sahaja dapat dibuktikan dengan ucapan lisan, malahan melibatkan tingkah laku, perbuatan dan mengambil iktibar apa yang terdapat di sekeliling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manusia. Ini kerana tingkah laku menghubungkan alam semesta dengan Tuhan itu adalah salah satu bukti seseorang itu beriman dengan Allah S.W.T.

Hal ini kerana kewujudan spiritual dalam diri seseorang itu sangat berkait dengan ketentuan oleh hubungan hati dengan kebesaran dan keagungan Tuhan (Bensaid et al., 2014). Menurut Sa'id Hawa (1999) salah satu bukti wujudnya spiritual dalam diri seseorang itu adalah apabila terdapat dalam diri manusia itu iman dalam hatinya. Oleh itu, hanya hamba Allah yang mempunyai kecerdasan spiritual sahaja akan menghubungkan ciptaan-ciptaan di sekelilingnya dengan kebesaran Allah S.W.T. Dapatan ini turut disokong oleh Suriani Sudi et al. (2020) iaitu seseorang Muslim akan membenarkan di hatinya untuk mentauhidkan kepada Allah S.W.T apabila mempunyai kecerdasan spiritual yang jelas.

05-4506832 tbupsi

Selain itu, antara elemen penilaian akidah yang lain ialah pelajar mempercayai bahawa malaikat Raqib dan Atid mencatat segala perbuatan yang dilakukan oleh menusia. Berdasarkan surah Arrad ayat 11 yang bermaksud:

"Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nya itu dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.

(Surah Arrad: ayat 11)

Oleh itu, ayat ini jelas menunjukkan bahawa beriman dengan malaikat ialah mempercayai dengan sepenuh hati dan yakin bahawa malaikat adalah perantaraan antara Allah dan Rasulnya. Beriman dengan malaikat juga merupakan sebahagian daripada penghayatan agama dari aspek akidah. Maka dapatan ini jelas selari dengan ayat dari surah Arrad ayat 11.

Seterusnya aspek beriman dengan kitabnya iaitu al-Quran. Dalam konteks beriman dengan al-Quran, seseorang yang memperakui keimanannya kepada Allah S.W.T dan meyakini bahawa al-Quran merupakan kitab suci yang datang daripada Allah S.W.T, keimanannya tidak terhenti sekadar untuk meyakini sahaja. Malahan mempelajari, memahami, menyebarkan dan mempraktikkan al-Quran dalam kehidupan seharian merupakan suatu tuntutan yang perlu diamalkan oleh setiap individu yang beriman. Selain itu, konsep beriman dengan al-Quran tidak terhenti kepada konsep mempercayai sahaja, malahan dalam kajian ini elemen membudayakan bacaan al-Quran sebagai kelaziman dalam kehidupan merupakan amalan yang dilaksanakan oleh pelajar. Di samping itu, mereka sedar bahawa dengan mendampingi dan membaca al-Quran akan memperoleh syafaat dari Allah S.W.T. Menurut Mohd Arip Kasmo (2000) al-Quran merupakan anugerah Allah kepada hambanya dan disertakan dengan manfaat yang maksimum, oleh itu adalah tidak memadai sekiranya seseorang itu hanya membaca al-Quran tanpa memahami maksudnya. Dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi satu kerugian jika al-Quran itu tidak dikaji dan dilaksanakan dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks beriman dengan rasul, pelajar mempraktikkan pemakaian jubah ketika solat kerana ingin mengikuti amalan pemakaian Rasulullah S.A.W. Selain itu, pelajar juga melazimi amalan berselawat dalam kehidupan seharian terutama ketika nama baginda disebut. Kemuncak kepada perihal akidah adalah apabila keimanan dan keyakinan pelajar terhadap meyakini dengan hati dan perbuatan bahawa tiada seorang manusia terlepas dari hari kiamat. Keyakinan ini membuktikan pelajar mempunyai pengetahuan yang jelas berkaitan pengetahuan akidah dan memperkaitkan dalam kehidupan seharian. Seterusnya aspek beriman dengan qada' dan qadar sebagai tanda menerima ketentuan ilahi atas pilihan yang dilalui oleh hamba Allah. Pelajar bersetuju bahawa bersabar atas ujian atau musibah yang telah menimpa merupakan pilihan yang sewajarnya. Penerimaan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang jelas dan membenarkan di dalam hati sebagai bukti pelaksanaan penerimaannya.

ii) Produk Amalan Penghayatan Agama iaitu aspek perihal ibadah.

Dapatan menunjukkan bahawa aspek amalan penghayatan ibadah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan nilai beta iaitu (β = -0.142; t = 3.023). Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam membantu dalam aspek amalan penghayatan ibadah pelajar. Item amalan penghayatan ibadah dalam kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan kepada rukun Islam dari hadith riwayat al bukhari iaitu melafazkan syahadah mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan nabi Muhammad itu adalah utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan menunaikan puasa pada bulan Ramadhan.

Berdasarkan dapatan produk amalan penghayatan ibadah menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghayatan ibadah pelajar berasaskan item penilaian iaitu pelajar melafazkan syahadah setiap hari sekurang-kurangnya lima kali di dalam solat. Ucapan syahadah merupakan salah satu bentuk tingkah laku seseorang hamba itu mentauhidkan Allah S.W.T. Tauhid merupakan penyaksian bahawa Allah itu Esa (Ibnu Hajar, 1986). Ia juga bermaksud mengesakan Allah dan tidak menyembah selainNya. Selain itu, menurut Suriani Sudi et al. (2020) mentauhidkan Allah adalah bentuk keimanan dan ia dizahirkan dengan ucapan syahadah. Oleh itu, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa amalan yang dilaksanakan oleh pelajar dalam kehidupan seharian merupakan bukti penghayatan agama itu diamalkan dalam kehidupan seharian mereka.

Selain itu, antara item lain dalam penilaian produk amalan penghayatan ibadah ialah pelajar sentiasa menjaga kebersihan terutama dalam aspek pemakaian. Kebersihan dalam beribadah merupakan tuntutan di dalam agama, Islam menitikberatkan soal kebersihan dan penjagaannya (al-Qaradhawi, 2003). Sebagaimana yang telah termaktub dalam al-Quran, Islam mengajarkan tentang kebersihan meliputi aspek rohani dan jasmani (Siti Nafsatul Rohmah, 2017). Oleh yang demikian, menjaga kebersihan diri adalah suatu ibadah dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehidupan seorang Muslim. Kebersihan adalah sebahagian dari iman sebagaimana yang terkandung dalam mafhum hadith riwayat Muslim yang bermaksud "*bersuci adalah sebahagian daripada iman*" (HR Muslim (223) (Anita Agustina, 2021). Oleh itu, aspek penjagaan kebersihan ini merupakan bukti penghayatan agama itu diamalkan dalam kehidupan seharian pelajar.

Di samping itu, item penilaian produk amalan penghayatan ibadah juga menjurus kepada aspek pertuturan yang baik serta memberi manfaat, antaranya ialah pelajar berusaha memelihara ucapan yang baik ketika bertutur dan memperbanyakkan bacaan al-Quran dalam kehidupan seharian. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pengalaman pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam ini berupaya untuk memberi dorongan kepada pelajar ke arah penghayatan agama khusus dalam aspek ibadah. Perihal ini selari dengan penjelasan oleh Al-Ghazali (1998) iaitu Allah telah menjadikan lidah atau lisan untuk memperbanyakkan zikir, memuji Allah, membaca al-Quran dan memberi petunjuk sesama manusia. Oleh yang demikian, kesungguhan pelajar dalam aspek memelihara ucapan dan memanfaatkan pertuturan ke arah kebaikan adalah jelas menunjukkan penghayatan ibadah itu wujud dalam diri pelajar dan diamalkan dalam kehidupan seharian mereka. Dapatan ini juga selari dengan dapatan kajian Alias Mat Saad (2010) iaitu responden memanfaatkan pertuturan ke arah kebaikan dengan menjadikan amalan-amalan sunat seperti membaca doa sebelum dan sesudah makan dalam kehidupan seharian mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ibadah solat pula, didapati pelajar menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Islam itu didasari dengan rukunnya yang lima dan salah satu daripadanya adalah kewajipan menunaikan solat. Menurut Imam al-Baihaqi dalam syarahnya dari kitab Syu'abul Iman dari riwayat Ikrimiah dari Umar R.A secara *marfu'* iaitu baginda Rasulullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud "*solat adalah tiang agama, barang siapa mendirikannya maka dia mendirikan agama, barang siapa meninggalkannya bererti ia meruntuhkannya"* (HR Baihaqi (2550). Berdasarkan dari mafhum hadith ini jelas menunjukkan bahawa solat merupakan ibadah yang penting dalam diri seseorang yang beriman dan kepentingannya melibatkan urusan agama dalam semua lapisan sama ada individu, masyarakat mahupun Negara (Nazira Ahmad, 2019).

05-4506832 tbupsi

Seterusnya amalan penghayatan ibadah turut mencakupi aspek menunaikan zakat sebagai kewajipan Muslim (Mausuah al-Fiqhiyyah, 1989: 23/226). Elemen berkaitan zakat ini merujuk kepada aspek iaitu pelajar membenarkan dalam hati bahawa zakat dapat membantu golongan asnaf yang memerlukan. Menurut al-Qaradhawi (1973) zakat telah ditentukan kadarnya khusus daripada harta yang difardukan oleh Allah S.W.T kepada golongan yang memerlukan dan berhak ke atasnya. Beliau juga berpandangan bahawa ibadah zakat juga meliputi amalan bersedekah iaitu membelanjakan harta pada jalan Allah. Selain itu, zakat juga dapat membantu dalam aspek penyucian jiwa dan rohani manusia (Ibnu Manzur, 1997). Hal ini kerana amalan berzakat lahir dari hati yang ikhlas untuk mencapai tujuan ibadah menunaikannya. Kelebihan berzakat ini turut menyumbang ke arah pemikiran yang positif, belas ihsan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersyukur dan menghindari daripada sikap negatif seperti tamak, sombong dan mementingkan diri Mohd Nasir Masroom et al. (2017).

Dalam konteks ibadah haji pula pelajar membenarkan dalam hati tentang kewajipan melaksanakan haji apabila telah mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan. Haji merupakan ibadah yang sangat istimewa dalam Islam, kedudukan dalam agama berada pada rukun Islam yang kelima. Namun di hati umat Islam mengerjakannya merupakan yang utama dalam kehidupan umat manusia (Kisworo, 2017). Ibadah haji adalah bertujuan untuk menyempurnakan agama dalam diri tiap manusia yang mengakui beriman dengan Allah S.W.T. Di samping itu, mengerjakannya merupakan suatu ibadah. Dapatan dalam kajian ini menunjukkan pelajar bersungguh-sungguh untuk memahami dang menghayati konsep pelaksanaan haji dengan ikhlas. Hal ini menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam telah menyumbang ke arah penghayatan agama dalam pelbagai konteks termasuk juga berkaitan haji.

Dari aspek produk amalan penghayatan ibadah konteks puasa dan pembacaan al-Quran, pelajar berpuasa di dalam bulan Ramadhan dan memperbanyakkan bacaan al-Quran pada bulan tersebut. Puasa merupakan ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap hamba yang beriman dengan Allah S.W.T. Kewajipan berpuasa telah termaktub dalam al-Quran sebagaimana firman Allah S.W.T dari surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"*wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan berpuasa atas kamu sebagaimana diwajibkan atas umat-umat yang terdahulu sebelum kamu, semoga kamu bertakwa"*

(Surah Al-Baqarah: ayat 183)

Antara salah satu fokus hasil pembelajaran yang terkandung dalam kursus (MPU) Pengajian Islam adalah melaksanakan dengan penuh yakin amalan-amalan Islam dalam kehidupan seharian, berdasarkan amalan-amalan yang telah diamalkan oleh pelajar seperti berpuasa dalam bulan Ramadhan dan membudayakan bacaan al-Quran dalam bulan tersebut. Oleh yang demikian, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek ibadah berjaya diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

05-4506832 tbupsi

iii) Produk Amalan Penghayatan Agama iaitu aspek perihal akhlak.

Dapatan menunjukkan bahawa aspek amalan penghayatan akhlak pelajar tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan nilai beta ($\beta = -0.105$; $t = 1.550$). Amalan penghayatan akhlak adalah merujuk kepada pengalaman pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam yang dilalui oleh pelajar. Oleh itu, dapatan penilaian ini tidak menggambarkan keruntuhan akhlak pelajar. Walau bagaimanapun dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam tidak menyumbang kepada amalan penghayatan akhlak pelajar. Penghayatan akhlak pelajar dalam konteks kajian ini merujuk kepada tingkah laku baik yang diamalkan oleh pelajar dalam kehidupan seharian. Hassan Langgulung (1981)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan pendidikan berasaskan pengajaran agama seperti kursus (MPU) Pengajian Islam bukan sekadar menyentuh aspek kognitif semata-mata seperti solat, puasa, zakat dan haji sahaja. Malahan skop pengajaran tersebut turut melibatkan domain afektif dalam membentuk tingkah laku seperti akhlak.

Item amalan penghayatan akhlak dalam kajian ini adalah berdasarkan daripada peringkat perbincangan akhlak oleh Darraz (2005). Menurut beliau peringkat perbincangan akhlak terbahagi kepada empat peringkat iaitu pertama peringkat tingkah laku akhlak terhadap Allah dan Rasul. Peringkat kedua ialah tingkah laku akhlak terhadap diri sendiri, peringkat ketiga ialah tingkah laku akhlak terhadap ibu bapa dan peringkat keempat ialah tingkah laku akhlak terhadap masyarakat. Keempat-empat peringkat ini adalah merujuk kepada penilaian amalan penghayatan akhlak yang diamalkan oleh pelajar dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks peringkat pertama iaitu tingkah laku akhlak terhadap Allah dan Rasul, elemen penilaian yang terkandung dalam kajian ini ialah pelajar berusaha ke arah memilih rakan-rakan yang taat kepada agama sebagai teman dan menjaga batasan aurat dalam berpakaian merupakan antara usaha yang dilaksanakan oleh pelajar. Memilih rakan yang baik dan mempunyai ketaatan kepada agama merupakan aspek yang penting dalam kehidupan pelajar. Ini kerana terdapat laporan menunjukkan bahawa faktor pengaruh rakan sebaya sedikit sebanyak akan memberi kesan yang besar dalam kehidupan seharian pelajar. Item kepentingan memilih rakan yang taat kepada agama ini turut disokong oleh dapatan kajian oleh Ahmad et al. (2015); Muhammad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ramzi Zakaria et al. (2020) mendapati faktor rakan-rakan dan kekurangan pengetahuan agama adalah punca pelajar dipengaruhi dengan budaya songsang seperti yang dilaporkan masalah lesbian dalam kalangan remaja.

Peringkat kedua pula adalah tingkah laku akhlak terhadap dirinya sendiri, item penilaian yang terkandung dalam kajian pada peringkat kedua ini ialah pelajar mengamalkan dalam kehidupan seharian amalan bersikap baik sangka terhadap semua orang tanpa mengira aspek sama ada mengenali mahupun tidak. Amalan bersikap baik sangka atau "*husnu al-dzhan"* dapat mengeratkan silaturahim sesama Muslim (Al-Qabisi, 1987; Ahmad Shukri Yusoff, 2018). Oleh itu, amalan baik sangka yang diamalkan oleh pelajar adalah selari dengan al-Quran dari surah Al-Hujurat ayat 12 yang telah menekankan konsep menjauhi dengan kebanyakan dari sangkaan. Ayat ini memberi gambaran maksud seruan kepada orang-orang yang beriman agar tidak membiarkan diri mereka menjadi mangsa kepada lintasan yang lahir dari hati melalui sangkaan, syak dan ragu-ragu terhadap orang lain. Dengan ini secara tidak langsung al-Quran telah menyelamatkan hati-hati orang yang beriman dari terkena kotoran prasangka yang membawa ke arah dosa.

Pada peringkat ketiga pula ialah tingkah laku akhlak terhadap ibu bapa, item penilaian yang terkandung dalam peringkat ketiga ini ialah pelajar berusaha mematuhi nasihat ibu bapa walaupun dalam keadaan bertentangan dengan keinginan mereka sendiri. Peranan sebagai seorang anak dalam konteks mentaati dan berbakti kepada ibu bapa mempunyai perbincangan yang sangat luas, bahkan meliputi aspek ketaatan kepada ibu yang berlainan agama seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dirakamkan dalam riwayat Bukhari dan Muslim berkaitan Asma' binti Abu Bakar yang telah mengajukan pertanyaan kepada Rasulullah S.A.W tentang kekerabatan hubungannya dengan ibu yang berlainan agama.

Oleh itu, jawapan terhadap pertanyaan dari riwayat Bukhari dan Muslim berkaitan Asma' binti Abu Bakar telah dibahaskan dalam kitab *al-Mausuah al-Fiqhiah* (1986) 6:258 yang bermaksud "sebagai seorang Muslim adalah kewajipan ke atas dirinya untuk mentaati dan berbakti kepada kedua ibu bapanya meliputi dari kalangan ibu bapa yang fasiq (pendosa) atau kafir".

Perkara ini turut selari dengan al-Quran dalam surah Luqman ayat 14 yang bermaksud "Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung sehingga akhir menyusu) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, (dengan demikian) bersyukurlah kepada ku dan kepada kedua ibu bapa mu dan (ingatlah) kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)". Secara kesimpulannya pelajar telah mematuhi nasihat ibu bapa walaupun dalam keadaan bertentangan dengan keinginan mereka sendiri merupakan satu usaha yang besar telah dilaksanakan oleh pelajar sebagai seorang anak.

Pada peringkat keempat pula berhubung dengan tingkah laku akhlak terhadap masyarakat. Antara elemen yang terkandung dalam kajian ini adalah pelajar sentiasa mendahului memberi salam apabila bertemu dengan rakan dan orang lain. Selain itu, pelajar sentiasa memastikan dirinya sebagai orang yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pertama dalam menghulurkan bantuan kepada orang lain apabila diperlukan. Menurut Ibn Athir (1963), akhlak merupakan gambaran batin, jiwa atau rohani seseorang yang akan menterjemahkan dalam bentuk perbuatan. Ini bermakna jika seseorang itu mempunyai nilai akhlak yang baik akan menterjemahkan dalam bentuk perbuatan yang baik. Manakala Ibnu Maskawayh (1934) pula memberi pandangan bahawa akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dan akan mendorong kepada melakukan perbuatan secara langsung. Oleh itu, perbuatan yang diamalkan oleh pelajar iaitu memberi salam apabila bertemu dengan rakan atau orang lain dan menghulurkan bantuan kepada orang memerlukan adalah merupakan bukti seseorang pelajar itu mempunyai akhlak dalam diri mereka.

05-4506832 tbupsi

Hasil dapatan keseluruhan kajian dari produk amalan penghayatan agama iaitu aspek perihal akhlak menunjukkan bahawa berlaku ketidak selarian di antara dapatan penghayatan akidah, penghayatan ibadah dengan dapatan akhlak pelajar. Penghayatan akidah dan penghayatan ibadah dapat dibuktikan melalui pelaksanaan rutin pelajar sebagai Muslim seperti melaksanakan solat, tidak menyekutukan Allah S.W.T, beramal dengan amalan Islam seperti membaca al-Quran, tidak meninggalkan solat dengan sengaja, melaksanakan amal ibadah secara terang tanpa bersembunyi dan tidak menolak sebarang amalan Islam berbentuk akidah dan ibadah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun dari aspek penghayatan akhlak ia merupakan tingkah laku oleh pelajar hasil daripada persekitaran yang dihadapi oleh mereka dalam satu-satu masa tertentu. Pelajar tidak mempamerkan akhlak yang buruk secara berterusan namun terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi akhlak pelajar ke arah menjurus kepada tingkah laku atau akhlak yang kurang memuaskan disebabkan aspek kelalaian pelajar dan faktor psikologi yang terdapat pada pelajar itu sendiri seperti sikap lupa atau *"forgetting and remembering"* dan seumpamanya. Ini menyebabkan berlaku ke tidak selarian atau tidak signifikan terhadap perihal akhlak pelajar.

Aspek lupa ini akan menyebabkan pelajar menjadi hilang rasa malu pada sesuatu perkara yang mereka lakukan dalam satu-satu masa tertentu. Perkara ini disokong oleh Slavin (2003) iaitu menyatakan salah satu sebab yang mengakibatkan seseorang itu lupa adalah berpunca daripada gangguan atau *"interference"*. Di samping itu juga, perkembangan teknologi maklumat dan media sosial pada hari ini merupakan salah satu penyebab terhakisnya nilai akhlak dalam diri pelajar. Perkembangan ini juga termasuk dalam istilah gangguan atau *"interference"* yang sedikit sebanyak mempengaruhi nilai akhlak yang telah terbina dalam diri pelajar.

Secara kesimpulanya dari aspek penilaian produk kebolehpindahan, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan Amalan Penghayatan Agama iaitu akidah dan ibadah untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Manakala sebaliknya pada amalan penghayatan agama aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akhlak pelajar. Oleh itu, hipotesis kajian Ha3 adalah diterima pada aspek amalan penghayatan akidah dan ibadah sahaja.

5.4 Rumusan Perbincangan Dapatan Kajian

Rumusan perbincangan dapatan kajian adalah bertujuan untuk merumuskan dapatan berdasarkan persoalan kajian yang telah dibina daripada empat dimensi utama iaitu dimensi konteks, input, proses dan produk. Manakala elemen dimensi produk terbahagi kepada empat penilaian iaitu penilaian impak, penilaian keberkesanan, penilaian kemampanan dan penilaian kebolehpindahan. Secara ringkasnya kajian ini dimulai dengan penilaian dokumen. Penilaian dokumen melibatkan dokumen rasmi (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Kedua-dua dokumen ini dianalisis oleh jawatankuasa pakar untuk menilai kerelevanan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapatnya kerelevanan antara objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam.

Manakala penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam, terbahagi kepada beberapa aspek iaitu aspek kompetensi pensyarah yang meliputi aspek tahap pengetahuan asas pendidikan, aspek kelayakan ikhtisas, aspek tahap kesediaan Modul (MPU) Pengajian Islam, aspek tahap kesediaan agihan jam pembelajaran pelajar *"Student Learning Time"* (*SLT*), aspek tahap kesediaan infrastruktur seperti bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT, aspek amalan pengajaran dan amalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran, aspek penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), aspek pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), aspek pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam, aspek pentaksiran penilaian berterusan (PB), aspek pencapaian penilaian berterusan (PB) dan aspek pencapaian objektif kursus (MPU) Pengajian Islam. Kesemua penilaian dan pencapaian ini dianalisis secara deskriptif dengan nilai min dan sisihan piawai.

Manakala kajian yang melibatkan penilaian hubungan terdiri daripada tiga perkara iaitu hubungan kompetensi pensyarah dengan pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan kursus, hubungan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan pembentukan kefahaman agama dan hubungan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan amalan penghayatan agama dari aspek akidah, ibadah dan akhlak pelajar. Ketiga-tiga jenis penilaian hubungan ini dianalisis dengan menggunakan laluan *PLS-SEM*.

Rumusan dapatan kajian secara keseluruhan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam adalah seperti berikut:

5.4.1 Rumusan Penilaian Konteks

Berdasarkan dapatan kajian penilaian dimensi konteks dapat dirumuskan dua perkara iaitu kerelevanan objektif (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan kerelevanan objektif (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Hasil dapatan kajian penilaian konteks dapat dirumuskan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Kajian mendapati bahawa terdapatnya kerelevanan antara objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kerelevanan ini dicari kerana untuk memastikan kandungan kursus (MPU) Pengajian Islam selari dengan hasrat FPK iaitu terarah, signifikan, bermakna dari aspek hala tuju pendidikan negara dan melahirkan generasi berkualiti. Selain itu, FPK juga berhasrat untuk menjadikan pendidikan suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Di samping itu, kerelevanan objektif kursus dengan FPK akan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara (Falsafah Pendidikan Kebangsaan)

b. Kajian juga mendapati bahawa terdapatnya kerelevanan antara objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Kerelevanan ini di cari kerana kursus MPU dalam kajian ini merujuk kepada kursus (MPU) Pengajian Islam Politeknik. Kursus (MPU) Pengajian Islam merupakan kursus yang berasaskan ilmu pengetahuan agama. Antara objektif kursus (MPU) Pengajian Islam adalah untuk melahirkan warganegara yang faham *tasawur* Islam sebagai cara hidup, bersepadu, seimbang dan berupaya menghadapi pelbagai cabaran semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, didapati objektif kursus (MPU) Pengajian Islam selari dengan kehendak (FPI) iaitu Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, serta melahirkan hamba Allah yang berkeperibadian dan mempunyai pandangan hidup sebagai hamba Allah yang tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar, Negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat (Falsafah Pendidikan Islam, JAPIM, KPM)

5.4.2 Rumusan Penilaian Input

Berdasarkan dapatan kajian penilaian dimensi *input* terdapat empat perkara yang boleh dirumuskan dalam kajian ini, pertama rumusan terhadap kompetensi pensyarah iaitu meliputi kesediaan pensyarah dari aspek pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan berkaitan kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakkan ikhtisas. Rumusan kedua adalah berkaitan aspek kesediaan Modul (MPU) Pengajian Islam yang digunakan sebagai bahan pengajaran dan rumusan ketiga peruntukan jam pembelajaran pelajar *"Student Learning Time"* (*SLT*). Manakala rumusan keempat berkaitan kesediaan infrastruktur yang disediakan sebagai kemudahan untuk melaksanakan kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT. Oleh itu rumusan keseluruhan bagi dimensi input ini adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Kompetensi merupakan perkara yang penting dalam bidang pendidikan, kompetensi juga memberi jaminan bahawa sesuatu ilmu pengetahuan itu berjaya disampaikan dengan baik kepada para pelajar. Dalam kajian ini mendapati kompetensi pensyarah dari aspek pengetahuan asas pendidikan berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menggambarkan bahawa pensyarah yang terlibat dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini merupakan daripada golongan yang terpilih berdasarkan kelayakan akademik. Di samping itu, dapatan ini turut disokong dengan dapatan temu bual, hasil dapatan temu bual juga mendapati penemuan sokongan terhadap pensyarah iaitu penguasaan ilmu pengetahuan seperti model pengajaran, teori pembelajaran dan mempunyai daya tarikan dalam memberi motivasi kepada pelajar.

05-4506832 pt tbupsi

Dari aspek pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam pula memperlihatkan pensyarah mempunyai pengetahuan yang baik berdasarkan dapatan soal selidik iaitu berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini turut disokong dengan dapatan temu bual iaitu pensyarah menguasai topik-topik kursus, memahami tujuan dan matlamat kursus, mengajar mengikut kesesuaian dan kemampuan pelajar, penilaian berpandukan skema pemarkahan, mampu mengaplikasikan CLO dan PLO, mempunyai pengetahuan berkaitan *SSG*, membuat rancangan mengajar dan menyiapkan fail rekod pensyarah semasa dan sebelum mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, dari aspek kelayakan ikhtisas pula menunjukkan keseluruhan pensyarah mempunyai ikhtisas sekurang-kurangnya sijil KIPA. Program KIPA merupakan alternatif latihan pendidikan bagi lepasan ijazah yang tidak memiliki ikhtisas pendidikan. Latihan ini dianjurkan oleh bahagian kompetensi dan kerjaya Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk memberi pendedahan latihan perguruan kepada pensyarah-pensyarah baru yang tidak mempunyai pengalaman sebagai seorang pendidik. Seterusnya didapati sebahagian pensyarah mempunyai sijil kursus perguruan lepasan ijazah, diploma pendidikan dan ijazah pendidikan. Dapatan juga disokong oleh temu bual yang memperlihatkan keseluruhan pensyarah mempunyai asas dan latihan pendidikan yang sewajarnya sebelum mengajar.

05-4506832 pu tbupsi

Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan soal selidik dan dapatan temu bual mendapati tahap kompetensi pensyarah berada pada tahap yang tinggi dengan kesediaan pensyarah pada aspek-aspek penting seperti pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pensyarah terhadap kursus dan kelayakan ikhtisas. Dapatan ini jelas menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan baik berdasarkan elemen-elemen penting yang perlu ada pada setiap pendidik. Walau bagaimanapun masih terdapat sedikit kelemahan-kelemahan yang perlu di atasi seperti pengetahuan pensyarah terhadap kluster personal dan kemahiran keusahawanan, kluster etika dan profesionalisme dan kluster kemahiran kognitif. Kelemahan-kelemahan ini dinilai berdasarkan dapatan item soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Berdasarkan dapatan kajian dari aspek kesediaan Modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, kajian mendapati bahawa pada pandangan pensyarah tahap kesediaan modul adalah sederhana tinggi, manakala pada pandangan pelajar pula berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan modul (MPU) Pengajian Islam telah tersedia sebelum sesi P&P dilaksanakan. Selain itu, hasil dapatan temu bual di antara pensyarah dan pelajar telah menunjukkan persefahaman yang sama terhadap kesediaan Modul (MPU) Pengajian Islam iaitu pensyarah dan pelajar bersetuju bahawa Modul telah disediakan pada minggu pertama sesi P&P, Modul bersesuaian dengan pelajar, Modul mudah dibaca, kandungan Modul yang tersusun membuatkan pelajar memahaminya, mempunyai latihan dan aktiviti serta memberi impak kepada kefahaman pelajar dari aspek kefahaman akidah, ibadah dan kefahaman akhlak pelajar.

05-4506832 tbupsi

c. Seterusnya peruntukan agihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT). Kajian berkaitan peruntukan jam pembelajaran pelajar adalah dinilai pada aspek mencukupi dan membantu dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik. Dapatan kajian menunjukkan pada pandangan pelajar tahap kesediaan jam pembelajaran aspek mencukupi dan membantu dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada tahap yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala pada pandangan pensyarah tahap kesediaan jam pembelajaran pelajar aspek mencukupi dan membantu dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada tahap sederhana tinggi. Pada pandangan pelajar pula menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan kesediaan jam pembelajaran pelajar yang telah diperuntukkan kepada kursus (MPU) Pengajian Islam adalah mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus. Walaupun begitu, terdapat sedikit penambahbaikan yang perlu diberi perhatian seperti keseimbangan antara jam pembelajaran dengan tugasan pelajar. Selain itu aspek kesesuaian waktu pelaksanaan P&P perlu diberi perhatian dan pelaksanaan sukatan pelajaran perlu mengikut ketetapan yang telah disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan temu bual di antara pelajar dan pensyarah telah menunjukkan keselarian maklum balas yang diperoleh. Keselarian ini merujuk kepada pelaksanaan P&P untuk tujuan kuliah adalah diperuntukkan dua jam, manakala bagi tujuan tutorial atau amali adalah satu jam. Pensyarah dan pelajar juga bersetuju pada aspek kesesuaian masa pelaksanaan. Bahkan masa yang diperuntukkan untuk tujuan pelaksanaan P&P adalah selesa dan bersesuaian. Kesesuaian masa ini dapat dilihat melalui tempoh masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran dapat dihabiskan oleh pensyarah mengikut ketetapan yang telah ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Rumusan ketiga berkaitan kesediaan infrastruktur yang terdiri daripada bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT pada aspek mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan infrastruktur perpustakaan dan peralatan ICT pada pandangan pelajar dan pensyarah adalah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan infrastruktur bilik kuliah pada pandangan pelajar adalah tinggi. Manakala pada pandangan pensyarah iaitu berada pada tahap sederhana tinggi.

Dari aspek tahap kesediaan perpustakaan pula pensyarah dan pelajar bersetuju bahawa bahan rujukan yang disediakan adalah mencukupi untuk digunakan dalam satu-satu masa tertentu, mempunyai bahan rujukan yang pelbagai pilihan, bahan rujukan pula sangat membantu untuk tujuan penguasaan (MPU) Pengajian Islam dan waktu perkhidmatan yang disediakan adalah bersesuaian dengan penggunaan pelajar dan pensyarah.

Manakala pada aspek peralatan ICT pula, pensyarah dan pelajar bersetuju bahawa peralatan ICT yang disediakan mudah didapati dan diperoleh, tahap kesediaan yang mencukupi, peralatan ICT membantu semasa pelaksanaan P&P dan peralatan ICT berada dalam keadaan baik serta boleh digunakan. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa tahap infrastruktur yang disediakan di politeknik untuk pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam adalah mencukupi dan membantu semasa proses pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.3 Rumusan Penilaian Proses

Berdasarkan dapatan kajian penilaian dimensi proses terdapat tiga aspek utama iaitu pertama, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran meliputi proses pelaksanaan amalan pengajaran, proses pelaksanaan amalan pembelajaran, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Kedua, proses pemantauan pelaksanaan P&P meliputi pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan pemantauan dokumen pelaksanaan kursus. Ketiga, proses pentaksiran kursus meliputi pentaksiran penilaian berterusan (PB). Oleh itu rumusan keseluruhan bagi dimensi proses ini adalah seperti berikut:

a. Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran merupakan elemen yang penting dalam penyampaian ilmu. Dalam kajian ini proses pelaksanaan amalan pengajaran merupakan sebahagian daripada sub konstruk kajian. Berdasarkan hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pada pandangan pensyarah tahap proses pelaksanaan amalan pengajaran adalah berada pada tahap yang sederhana tinggi.

05-4506832 tbupsi

Ini menunjukkan amalan pengajaran telah dilaksanakan dengan baik oleh pensyarah namun, terdapat sedikit penambahbaikan yang perlu diberi perhatian terutama pada item penggunaan analogi mudah dalam konteks untuk memahami pelajar. Selain itu, item pembinaan situasi yang bersesuaian dengan topik perlu juga diberi penambahbaikan, mempelbagaikan kaedah pengajaran, pengajaran yang tersusun, memantapkan lagi penggunaan *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS), memperbanyakkan lagi penggunaan aplikasi seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kahoot, Prezzi dan *Quiziz* sebagai salah satu kaedah refleksi, menepati waktu memulakan dan menamatkan P&P. Manakala pada pandangan pelajar pula, pelajar bersetuju bahawa amalan pengajaran yang diamalkan oleh pensyarah berada pada tahap yang tinggi.

Walau bagaimanapun hasil dapatan temu bual telah menunjukkan pensyarah dan pelajar memberi maklum balas yang baik terhadap proses pelaksanaan amalan pengajaran pensyarah. Dapatan temu bual mendapati pensyarah telah membuat persediaan sebelum memulakan kelas, menggunakan pelbagai teknik pengajaran untuk menarik minat pelajar, menggunakan teknik pengajaran kreatif seperti menyoal, menyemak pengetahuan sedia ada pelajar, menyampaikan isi pelajaran dengan tersusun, menggunakan situasi yang mudah dan menggunakan aplikasi terkini sebagai sokongan semasa proses pengajaran berlangsung.

Dari aspek proses pelaksanaan amalan pembelajaran pula mendapati pada pandangan pensyarah berada pada tahap yang tinggi. Manakala pada pandangan pelajar proses pelaksanaan amalan pembelajaran berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan amalan pembelajaran juga berada pada tahap yang baik, namun terdapat sedikit penambahbaikan yang perlu di beri perhatian seperti pensyarah perlu memperbanyakkan perbincangan terbuka dalam kalangan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan seumpama ini dapat memberi percambahan idea dan perkongsian maklumat. Selain itu, pensyarah perlu memberi galakkan kepada pelajar untuk menggunakan *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS) sebagai medium pembelajaran khusus berkaitan dengan tugasan. Agihan dan teknik pengumpulan tugasan secara tradisional membuatkan pelajar cepat merasa bosan dan tidak bermotivasi. Pensyarah juga perlu mempelbagaikan teknik penilaian pembentangan seperti pembentangan secara atas talian atau pembentangan secara rakaman. Di samping itu, pensyarah juga perlu memberi galakkan kepada pelajar untuk berfikir dan menyelesaikan masalah tugasan secara berkumpulan agar dapat memberi percambahan idea dan menarik minat pelajar tanpa merasa terbeban dengan tugasan yang disediakan.

05-4506832 pu tbupsi

Dapatan temu bual juga telah menunjukkan pensyarah dan pelajar memberi maklum balas bahawa tahap amalan pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam berada pada tahap yang baik. Pensyarah berjaya mewujudkan pembelajaran yang aktif dalam kelas. Selain itu, pensyarah juga berjaya melibatkan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk memastikan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam sentiasa mendapat sambutan daripada kalangan pelajar. Pensyarah juga berjaya mewujudkan interaksi dua hala antara pelajar dengan pensyarah dan pelajar dan sesama ahli kumpulan. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa proses pelaksanaan amalan pembelajaran terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berfungsi dengan baik dengan beberapa dapatan yang memuaskan dan beberapa penambahbaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya proses pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berkaitan tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) semasa pelaksanaan P&P, dapatan kajian menunjukkan bahawa pada pandangan pensyarah tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berada pada tahap yang sederhana tinggi. Manakala pada pandangan pelajar pula menunjukkan tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian seperti penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang terkini, mempelbagaikan jenis bahan bantu mengajar (BBM) untuk mengatasi masalah pelajar berasa jemu dan menggunakan (BBM) dengan kadar yang kerap agar dapat menarik minat pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 pt tbupsi

Manakala dapatan temu bual menunjukkan pensyarah dan pelajar telah memberikan maklum balas yang positif iaitu semasa proses pelaksanaan P&P pensyarah telah menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian, terdiri daripada pelbagai jenis, bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik minat pelajar dan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang dapat membantu penguasaan topik kursus MPU. Ini menunjukkan melalui temu bual sesuatu maklumat yang dinilai dapat diperoleh dengan lebih bebas. Oleh yang demikian, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa pensyarah menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) dengan berkesan dan semasa proses pelaksanaan kurus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Selain itu, aspek pemantauan pula memperlihatkan tahap proses pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa tahap proses pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran terhadap pensyarah berada pada tahap yang tinggi. Proses pemantauan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ini meliputi aspek pencerapan ke atas pensyarah yang dilaksanakan sekurang-kurangnya setahun sekali. Setelah pencerapan dijalankan pegawai yang mencerap akan membuat perbincangan dengan pensyarah hasil pencerapan bagi tujuan penambahbaikan, kemudian pensyarah akan membuat penambahbaikan daripada teguran yang diperoleh.

Dapatan ini juga turut disokong dengan dapatan temu bual iaitu pensyarah dicerap oleh pentadbir sebanyak sekali dalam setahun. Hasil daripada pencerapan akan dimaklumkan kepada pensyarah melalui sesi perbincangan. Kemudian pensyarah perlu membuat penambahbaikan hasil daripada kandungan perbincangan penambahbaikan. Untuk memelihara kualiti kurikulum, audit dalaman dilaksanakan sebanyak dua kali dalam setahun mengikut semester. Justeru itu, dapatan ini menunjukkan pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik.

Seterusnya aspek pemantauan dokumen Kursus (MPU) Pengajian Islam. Aspek ini memperlihatkan tahap proses pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan tahap proses pemantauan dokumen kursus adalah berada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada tahap yang tinggi. Pemantauan dokumen kursus ini terdiri daripada aspek penyediaan fail rekod pensyarah (FRP) untuk tujuan semakan oleh ketua kursus mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Selain itu, pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam turut melibatkan semakan bukti tugasan pelajar atau fail contoh tugasan pelajar. Semakan ini bertujuan untuk memastikan pentaksiran dilaksanakan mengikut rubrik penilaian selaras dengan kehendak kurikulum. Pemantauan dokumen juga melibatkan "*Student Study Guide*" (SSG) atau "*Course Outline"* untuk kegunaan pelajar dan pensyarah. Dapatan ini juga turut disokong dengan dapatan temu bual iaitu pensyarah telah melaksanakan dan menyediakan dokumen-dokumen kursus seperti yang telah ditetapkan.

05-4506832 tbupsi

Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa penyediaan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam dan pelaksanaannya dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik. Pelaksanaan pemantauan dokumen kursus ini adalah penting untuk memastikan kualiti kurikulum terpelihara dan pelaksanaannya mengikut seperti apa yang telah dikehendaki dalam falsafah pendidikan Negara. Pemantauan dokumen kursus memberi kebaikan dari aspek keselarasan kerja dan membantu meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan pensyarah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Penilaian dimensi proses seterusnya adalah proses pentaksiran kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu pentaksiran penilaian berterusan (PB). Berdasarkan dapatan kajian pandangan pensyarah dan pelajar menunjukkan tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) adalah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini turut disokong dengan dapatan temu bual iaitu sub-sub tema penilaian telah menjelaskan bahawa pensyarah menilai pentaksiran pelajar dengan domain afektif. Antara penilaian domain afektif adalah melibatkan kerja berpasukan pelajar dalam kumpulan. Pensyarah juga bersetuju pemberian markah berdasarkan skema atau rubrik pemarkahan yang telah disediakan.

Manakala aspek pentaksiran bahan penilaian berterusan (PB) akan disemak oleh penyelaras kursus terlebih dahulu sebelum disahkan semakan oleh ketua kursus. Setelah pengesahan di laksanakan bahan penilaian berterusan (PB) akan diedarkan kepada pelajar dan pensyarah kursus. Pensyarah bersetuju bahawa pemberian markah adalah berdasarkan ketetapan kurikulum iaitu tugasan berasaskan masalah (PBT) adalah 30%, tugasan e-folio adalah 30%, tugasan pembentangan adalah 20%, tugasan tunjuk cara adalah 20% dan jumlah keseluruhan markah berdasarkan rubrik pemarkahan adalah 100%.

Dapatan temu bual pelajar pula telah menjelaskan bahawa pensyarah telah menjelaskan secara terperinci berkaitan skema pentaksiran kepada pelajar di awal semester. Tugasan pelajar sentiasa dipantau dan disemak oleh pensyarah. Selain itu, pensyarah membimbing pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sepanjang tugasan diberikan. Penilaian berterusan pelajar dinilai oleh pensyarah berdasarkan rubrik atau skema pemarkahan yang telah ditetapkan.

Dapatan kajian ini selari dengan keputusan penilaian berterusan (PB) pelajar iaitu 164 orang (46.5%) responden mendapat gred A+, diikuti pula dengan responden yang mendapat gred A iaitu seramai 78 orang (22.1%) dan seramai 50 orang (14.2%) responden mendapat gred A-. Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan seramai 42 orang (11.9%) responden yang mendapat gred B+ dan diikuti dengan gred B iaitu seramai 14 orang (4.0%), 2 orang (0.6%) responden pula mendapat gred C hanya 1 orang (0.3%) responden sahaja yang mendapat gred C+, E dan Gagal dalam Kursus (MPU) Pengajian Islam. Oleh itu, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik.

5.4.4 Rumusan Penilaian Produk

Penilaian dimensi produk terdiri daripada empat kategori iaitu produk impak, Produk keberkesanan, produk kemampanan dan produk kebolehpindahan. Oleh itu, rumusan bagi setiap produk adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Dalam kajian ini produk impak terdiri daripada dua elemen iaitu keputusan penilaian berterusan (PB) dan tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam telah merekodkan keputusan yang baik iaitu seramai 164 orang (46.5%) responden mendapat gred A+, diikuti dengan gred A seramai 78 orang (22.1%), 50 orang (14.2%) responden mendapat gred A-, 42 orang (11.9%) responden yang mendapat gred B+, diikuti dengan gred B iaitu seramai 14 orang (4.0%), 2 orang (0.6%) responden pula mendapat gred C dan hanya 1 orang (0.3%) responden sahaja yang mendapat gred C+, E dan Gagal dalam Kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 p tbupsi

Seterusnya produk impak bagi tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek impak terhadap keputusan penilaian berterusan (PB) adalah berjaya dilaksanakan dengan baik, manakala pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam pula menunjukkan telah berjaya dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Dari aspek produk keberkesanan pula memperlihatkan dua kategori iaitu produk keberkesanan terhadap pencapaian berdasarkan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dan produk keberkesanan terhadap pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan. Dalam kajian ini produk keberkesanan terhadap pencapaian berdasarkan objektif (MPU) Pengajian Islam adalah merujuk kepada tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap objektif kursus (MPU) Pengajian Islam.

Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap objektif kursus (MPU) Pengajian Islam adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Berdasarkan soal selidik yang telah diperoleh menunjukkan bahawa pencapaian pelajar telah mencapai objektif kursus seperti yang telah digariskan iaitu menerangkan dan melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan, memberi contoh melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan, menerangkan etika dan profesionalisme berkaitan Syariah, menerangkan Institusi Islam dalam membentuk pembangunan ummah, memberikan contoh Institusi Islam, menerangkan contoh pembangunan ummah, menghubungkait minda ingin tahu dengan Islam, menghubungkaitkan Islam dan cabaran semasa di Malaysia dan memberikan contoh hubung kait Islam dan cabaran semasa di Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat sedikit keperluan penambahbaikan yang perlu dilakukan. Keperluan penambahbaikan ini perlu kerana untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap objektif kursus dapat dicapai ke tahap yang lebih baik.

Berdasarkan dapatan temu bual yang dijalankan mendapati pensyarah telah menyatakan bahawa objektif kursus (MPU) Pengajian Islam berjaya dicapai berdasarkan tahap penguasaan dan penerimaan pelajar. Pencapaian ini dapat dilihat melalui tindakan yang dilaksanakan oleh pensyarah iaitu pensyarah telah menyampaikan isi pelajaran berdasarkan objektif dan matlamat kursus dengan berkesan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pensyarah telah berjaya melaksanakan kurus (MPU) Pengajian Islam dengan baik dan berkesan melalui objektif-objektif kursus.

05-4506832 p tbupsi

Keberkesanan ini juga boleh dilihat berdasarkan tema temu bual yang telah dibina iaitu pensyarah berjaya menyampaikan objektif kursus dengan baik melalui pelaksanaan dalam P&P. Selain itu, pelajar dapat mengusai objektif atau topik (MPU) Pengajian Islam dengan baik dan berkesan berdasarkan pencapaian dalam penilaian berterusan pelajar. Di samping itu, objektif-objektif kursus telah berjaya disampaikan oleh pensyarah dengan baik dan berkesan kepada pelajar. Keberkesanan ini dapat dilihat melalui hasil tugasan yang telah disediakan, pelajar dapat menterjemahkan penerimaan dan penguasaan objektif kursus dalam tugasan yang telah diberikan dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala produk keberkesanan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan pula merujuk kepada keberkesanan kompetensi pensyarah iaitu dari aspek pengetahuan asas pendidikan dengan pengetahuan kursus (MPU) Pengajian Islam melalui aspek pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan pensyarah. Berdasarkan dapatan hasil pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan kompetensi pensyarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan (PPPK) dengan nilai beta dan *t* (β = -0.180; t = 2.437). Ini menunjukkan latar belakang pendidikan pensyarah memainkan peranan yang penting sebagai pelaksana kurikulum di institusi. Pensyarah merupakan indikator utama dalam memainkan peranan sebagai pendidik untuk memastikan isi pelajaran dan objektif kursus disampaikan dengan jelas kepada pelajar. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pensyarah kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai kompetensi dalam bidang khuhsusnya berkaitan dengan pendidikan Islam.

c. Dari aspek produk kemampanan pula memperlihatkan keupayaan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam membentuk kefahaman Agama iaitu (kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak) dalam diri pelajar. Pembentukan kefahaman agama dalam kajian ini merujuk kepada aspek kefahaman ilmu agama dalam kalangan pelajar yang meliputi kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat dalam diri pelajar berdasarkan pengalaman pembelajaran yang di peroleh dari pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

Hasil keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak pelajar. Pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai beta iaitu pembentukan kefahaman akidah (β = 0.612; t = 18.196), pembentukan kefahaman ibadah (β = 0.610; t = 16.978) dan pembentukan kefahaman akhlak (β = 0.629; t = 21.441).

05-4506832 p tbupsi

Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam membantu dalam membentuk kefahaman agama dari aspek perihal akidah, ibadah dan akhlak pelajar. Elemen pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini terdiri daripada penggunaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, kesesuaian bilik kuliah, kesediaan perpustakaan dengan menyediakan bahan rujukan yang mencukupi, peralatan ICT yang mencukupi, pelaksanaan P&P yang berkesan dan penggunaan bahan bantu mengajar BBM yang bersesuaian semasa pelaksanaan P&P.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini elemen penilaian kefahaman agama perihal akidah adalah berasaskan rukun iman iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitabnya (al-Quran), beriman kepada rasul sebagai utusan, beriman kepada hari akhirat dan beriman kepada qada' dan qadar. Dan elemen penilaian kefahaman agama perihal ibadah pula berasaskan kepada rukun Islam dari hadith riwayat al bukhari iaitu melafazkan syahadah mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan nabi Muhammad itu adalah utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan menunaikan puasa pada bulan Ramadhan.

Manakala elemen penilaian kefahaman agama perihal akhlak pula berdasarkan daripada peringkat perbincangan akhlak oleh Darraz (2005). Menurut beliau peringkat perbincangan akhlak terbahagi kepada empat peringkat iaitu pertama peringkat tingkah laku akhlak terhadap Allah dan Rasul. Peringkat kedua ialah tingkah laku akhlak terhadap diri sendiri, peringkat ketiga ialah tingkah laku akhlak terhadap ibu bapa dan peringkat keempat ialah tingkah laku akhlak terhadap masyarakat. Secara kesimpulanya dapat dirumuskan bahawa, dari aspek penilaian produk kemampanan, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dalam pembentukan kefahaman agama iaitu (kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak) dalam diri pelajar. Oleh itu, hipotesis Ha2 dalam kajian ini adalah diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Dari aspek produk kebolehpindahan pula memperlihatkan keupayaan pengalaman pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Amalan penghayatan agama dalam kajian ini merujuk kepada aspek amalan seharian pelajar yang meliputi amalan akidah, amalan ibadah dan amalan akhlak yang diaplikasikan oleh pelajar dalam kehidupan seharian berdasarkan pengalaman pembelajaran yang di peroleh dari pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

Hasil keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan penghayatan akidah, dengan nilai beta iaitu (β = 0.685; t = 23.558) dan amalan penghayatan ibadah dengan nilai beta iaitu (β = -0.142; t = 3.023). Manakala sebaliknya pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan amalan penghayatan akhlak, hasil pengujian hipotesis menunjukkan tidak mempunyai hubungan dan keputusan adalah tidak signifikan dengan nilai beta (β = -0.105; t= 1.550).

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek amalan penghayatan akidah dan penghayatan ibadah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam membantu dalam aspek amalan penghayatan akidah dan penghayatan ibadah pelajar. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini menunjukkan tidak berlaku penghayatan akhlak dalam diri pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya elemen pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam ini terdiri daripada penggunaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, kesesuaian bilik kuliah, kesediaan perpustakaan dengan menyediakan bahan rujukan yang mencukupi, peralatan ICT yang mencukupi, pelaksanaan P&P yang berkesan dan penggunaan bahan bantu mengajar BBM yang bersesuaian semasa pelaksanaan P&P.

Sementara dari sudut elemen amalan penghayatan akidah pula adalah berasaskan rukun iman iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitabnya (al-Quran), beriman kepada rasul sebagai utusan, beriman kepada hari akhirat dan beriman kepada qada' dan qadar. Selain itu, amalan penghayatan ibadah pula berasaskan kepada rukun Islam dari hadith riwayat al bukhari iaitu melafazkan syahadah mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan nabi Muhammad itu adalah utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke baitullah dan menunaikan puasa pada bulan Ramadhan.

Manakala elemen penghayatan akhlak pula berdasarkan daripada peringkat perbincangan akhlak oleh Darraz (2005). Menurut beliau peringkat perbincangan akhlak terbahagi kepada empat peringkat iaitu pertama peringkat tingkah laku akhlak terhadap Allah dan Rasul. Peringkat kedua ialah tingkah laku akhlak terhadap diri sendiri, peringkat ketiga ialah tingkah laku akhlak terhadap ibu bapa dan peringkat keempat ialah tingkah laku akhlak terhadap masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan hasil dapatan keseluruhan kajian dari produk amalan penghayatan agama iaitu aspek perihal akhlak menunjukkan bahawa berlaku ke tidak selarian di antara dapatan penghayatan akidah, penghayatan ibadah dengan dapatan akhlak pelajar. Penghayatan akidah dan penghayatan ibadah dapat dibuktikan melalui pelaksanaan rutin pelajar sebagai Muslim seperti melaksanakan solat, tidak menyekutukan Allah S.W.T, beramal dengan amalan Islam seperti membaca al-Quran, tidak meninggalkan solat dengan sengaja, melaksanakan amal ibadah secara terang tanpa bersembunyi dan tidak menolak sebarang amalan Islam berbentuk akidah dan ibadah.

Walau bagaimanapun dari aspek penghayatan akhlak ia merupakan tingkah laku oleh pelajar hasil daripada persekitaran yang dihadapi oleh mereka dalam satu-satu masa tertentu. Pelajar tidak mempamerkan akhlak yang buruk secara berterusan namun terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi akhlak pelajar ke arah menjurus kepada tingkah laku atau akhlak yang kurang memuaskan disebabkan aspek kelalaian pelajar dan faktor psikologi yang terdapat pada pelajar itu sendiri seperti sikap lupa atau *"forgetting and remembering"* dan seumpamanya. Ini menyebabkan berlaku ke tidak selarian atau tidak signifikan terhadap perihal akhlak pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek lupa ini akan menyebabkan pelajar menjadi hilang rasa malu pada sesuatu perkara yang mereka lakukan dalam satu-satu masa tertentu. Perkara ini disokong oleh Slavin (2003) iaitu menyatakan salah satu sebab yang mengakibatkan seseorang itu lupa adalah berpunca daripada gangguan atau "*interference*". Di samping itu juga, perkembangan teknologi maklumat dan media sosial pada hari ini merupakan salah satu penyebab terhakisnya nilai akhlak dalam diri pelajar. Perkembangan ini juga termasuk dalam istilah gangguan atau "*interference*" yang sedikit sebanyak mempengaruhi nilai akhlak yang telah terbina dalam diri pelajar.

Secara kesimpulannya dari aspek penilaian produk kebolehpindahan, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan Amalan Penghayatan Agama iaitu akidah dan ibadah untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Manakala sebaliknya pada amalan penghayatan agama aspek akhlak pelajar. Oleh itu, hipotesis kajian Ha3 adalah diterima pada amalan penghayatan agama (akidah dan Ibadah).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Rumusan Penilaian CIPP Kaitan Antara Dimensi

Kajian penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia adalah berdasarkan teori CIPP Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Terdapat empat aspek penilaian dimensi berdasarkan teori ini iaitu penilaian dimensi konteks, penilaian dimensi input, penilaian dimensi proses dan penilaian dimensi produk. Secara ringkasnya rumusan perkaitan antara setiap dimensi adalah seperti berikut:

5.5.1 Rumusan Kaitan antara Dimensi Konteks dengan Dimensi Input

Di bawah dimensi input terdapat empat sub dimensi iaitu kompetensi pensyarah, kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam, peruntukan pengagihan jam pembelajaran *"Student Learning Time"* (*SLT*) dan infrastruktur. Oleh kerana objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dilihat mempunyai kerelevanan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI), maka keempat-empat sub dimensi ini memainkan peranan penting untuk mencapai objektif kursus MPU.

Antara peranan penting dalam sub dimensi ini adalah, pensyarah mempunyai kompetensi dari aspek pengetahuan asas pendidikan dan berpengetahuan dalam kursus (MPU) Pengajian Islam. Menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007) seseorang guru perlu menguasai ilmu yang diajar agar dapat menyampaikan isi pelajaran tersebut dengan baik. Selain itu, aspek kesediaan modul juga memainkan peranan penting dalam usaha untuk mencapai objektif kursus. Menurut Qhairunnisa Aziz (2015) modul merupakan medium penyampaian maklumat yang berkesan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berperanan sebagai penyebaran ilmu kepada pelajar. Manakala peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) memainkan peranan yang penting untuk memastikan penyampaian ilmu pengetahuan dapat disampaikan mengikut kehendak objektif kursus. Menurut Fowzia Osman (1990); Norhayati Fatmi Talib (2014) dan Azizi Jaafar (2015) aspek peruntukan jam pembelajaran pelajar penting dalam memastikan pelaksanaan P&P tercapai. Oleh itu, peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) dari aspek mencukupi dan membantu dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam memainkan peranan yang penting dalam kajian ini. Di samping itu juga, tahap kesediaan infrastruktur seperti bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT merupakan pelengkap dalam mencapai objektif kursus. Justeru, perkaitan antara dimensi konteks dan input dalam kajian ini sangat penting kerana dapat memerihalkan gambaran yang jelas berkaitan kekuatan dan sumbangan bagi setiap dimensi untuk pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506f tbupsi

5.5.2 Rumusan Kaitan antara Dimensi Konteks aengan Dimensi Proses

Dimensi proses merupakan aspek yang penting untuk memastikan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan. Manakala objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan pelaksanaan P&P pula turut memainkan peranan yang penting dalam kajian ini kerana setiap pelaksanaan amalan pengajaran dan amalan pembelajaran yang dijalankan oleh pensyarah terhadap pelajar akan memberi kesan terhadap pencapaian keputusan penilaian berterusan (PB), persepsi dalam kalangan pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam, pencapaian objektif kursus dan pembentukan kefahaman agama dan penghayatan agama dalam diri pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala aspek penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) pula akan membantu kefahaman dan penghayatan dalam diri pelajar berkaitan topik yang telah disampaikan.

Dari aspek pemantauan P&P pula, ianya berfungsi sebagai teras untuk memastikan proses P&P berjalan dengan lancar mengikut kehendak Falsafah Pendidikan. Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kursus (MPU) Pengajian Islam pula disemak dan dipantau bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan P&P dari masa ke semasa mengikut perkembangan pendidikan. Oleh kerana objektif kursus (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI), maka keselarian di antara dimensi ini perlu untuk memastikan perlaksanaannya dapat menghasilkan produk yang seiring dengan kehendak FPK dan FPI.

05-45068 tbupsi

5.5.3 Rumusan Kaitan antara Dimensi Konteks dengan Dimensi Produk

Dimensi produk merupakan destinasi akhir bagi kajian ini. Manakala dimensi konteks pula berperanan sebagai sumber asas untuk memastikan destinasi akhir iaitu dimensi produk menepati apa yang telah digariskan oleh dimensi konteks. Dimensi konteks dalam kajian ini merujuk kepada keselarian objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Perkaitan antara dimensi dalam kajian ini ialah objektif kursus (MPU) Pengajian Islam berfungsi sebagai panduan asas untuk memastikan perjalanan kursus (MPU) Pengajian Islam berjaya disampaikan dengan baik dan menghasilkan produk yang selari dengan apa yang telah dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan. Dalam kajian ini objektif kursus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(MPU) Pengajian Islam dilihat mempunyai perkaitannya dengan pembentukan kefahaman agama dan penghayatan agama dalam diri pelajar.

Berdasarkan dapatan kajian yang di peroleh menunjukkan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam iaitu "*melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian*", "*menerangkan etika dan profesionalisme berkaitan Syariah Institusi Islam dalam membentuk pembangunan ummah", "menghubung kait minda ingin tahu dengan Islam serta cabaran semasa di Malaysia*" dan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dilihat telah memberi kesan yang signifikan dari aspek pembentukan kefahaman agama dan penghayatan agama dalam diri pelajar. Oleh itu, objektif kursus (MPU) Pengajian Islam telah menunjukkan bahawa kemampuan dari aspek membentuk kefahaman agama dan penghayatan agama dalam diri pelajar yang terdiri daripada perihal akidah, perihal ibadah dan perihal akhlak.

05-4506 tbupsi

5.5.4 Rumusan Kaitan dntara Dimensi Input dengan Dimensi Proses

Terdapat empat sub dimensi di bawah dimensi input iaitu kompetensi pensyarah, kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam, peruntukan pengagihan jam pembelajaran "*Student Learning Time"* (*SLT*) dan infrastruktur mempunyai perkaitan dengan dimensi proses. Manakala terdapat satu sub dimensi proses iaitu pelaksanaan P&P iaitu amalan pengajaran dan amalan pembelajaran mempunyai perkaitan dengan dimensi input.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian pada perspektif pensyarah dan pelajar telah menunjukkan amalan pengajaran dilaksanakan dengan baik oleh pensyarah. Pensyarah telah berjaya mewujudkan kesediaan sebelum mengajar, pensyarah juga mengamalkan pengajaran kreatif di dalam bilik kuliah seperti aktiviti berkumpulan, membina situasi mudah dalam usaha memberi kefahaman kepada pelajar dan menggunakan aplikasi sebagai medium untuk merangsang minat pelajar. Pensyarah juga sering menggunakan istilah dan analogi yang mudah untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Kepelbagaian amalan pengajaran dalam penyampaian secara tidak langsung dapat membantu kefahaman pelajar.

Seterusnya aspek amalan pembelajaran, pada perspektif pensyarah dan pelajar telah menunjukkan berada pada tahap yang baik. Pensyarah berjaya mewujudkan pembelajaran yang aktif dalam kelas. Selain itu, pensyarah juga berjaya melibatkan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk memastikan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam sentiasa mendapat sambutan daripada kalangan pelajar. Pensyarah juga berjaya mewujudkan interaksi dua hala antara pelajar dengan pensyarah dan sesama ahli kumpulan. Berdasarkan dapatan ini, maka dapat disimpulkan bahawa pengetahuan dalam sesuatu kursus dan kelayakan ikhtisas merupakan elemen yang penting dalam melengkapkan maksud kompetensi. Kompetensi tidak terbatas kepada teknik pengajaran semata-mata, malahan penguasaan dalam sesuatu bidang juga merupakan aspek yang penting. Mok (1992) memberi pandangan bahawa latar belakang atau sejarah pendidikan amat penting dalam setiap individu yang bergelar pendidik. Oleh itu, dapatan ini jelas menunjukkan kompetensi pensyarah mempunyai perkaitan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam, peruntukan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) dan infrastruktur menunjukkan ketiga-tiga sub dimensi ini turut memperlihatkan perkaitannya dengan amalan pengajaran dan amalan pembelajaran. Dapatan kajian telah menunjukkan aspek kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam berada pada tahap yang baik. Aspek kesediaan ini meliputi modul tersedia pada minggu pertama P&P, modul yang dibangunkan bersesuaian dengan pelajar, modul mudah dibaca, kandungan modul yang tersusun, modul dilengkapi dengan latihan dan aktiviti.

Seterusnya aspek kesediaan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) telah menunjukkan berada pada tahap yang baik pada pandangan pensyarah dan pelajar. Aspek kesediaan ini meliputi waktu yang mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Manakala pada aspek infrastruktur terdiri daripada bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT pada aspek mencukupi dan membantu pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan infrastruktur perpustakaan dan peralatan ICT pada pandangan pelajar dan pensyarah adalah berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa dimensi input dari aspek kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam, jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) dan infrastruktur mempunyai perkaitan dengan dimensi proses ke arah pelaksanaan P&P yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.5 Rumusan Kaitan antara Dimensi Input dengan Dimensi Produk

Di bawah dimensi input terdapat tiga sub dimensi yang mempunyai perkaitan dengan dimensi produk iaitu kompetensi pensyarah, kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam dan infrastruktur. Manakala di bawah sub dimensi produk pula terdapat tiga sub dimensi yang mempunyai perkaitan dengan dimensi input iaitu produk keberkesanan, produk kemampanan dan produk kebolehpindahan. Dari aspek produk keberkesanan, kompetensi pensyarah iaitu pengetahuan asas pendidikan dan pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam boleh dilihat perkaitannya melalui pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan. Berdasarkan dapatan hasil pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan kompetensi pensyarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan dengan nilai beta dan *t* (β = -0.180; t=2.437). Ini menunjukkan aspek kompetensi memainkan peranan yang penting sebagai pelaksana kurikulum di institusi.

Seterusnya dari aspek produk kemampanan, pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dilihat melalui aspek kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, peruntukan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) dan infrastruktur adalah mempunyai perkaitan dengan pembentukan kefahaman agama pelajar iaitu kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak. Hasil keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak pelajar. Pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

signifikan dengan nilai beta iaitu pembentukan kefahaman akidah (β = 0.612; t = 18.196), pembentukan kefahaman ibadah (β = 0.610; t = 16.978) dan pembentukan kefahaman akhlak (β = 0.629; t = 21.441). Pembentukan kefahaman agama dalam kajian ini merujuk kepada aspek kefahaman ilmu agama dalam kalangan pelajar yang meliputi kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak yang terdapat dalam diri pelajar berdasarkan pengalaman pembelajaran yang di peroleh dari pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

Manakala dari aspek produk kebolehpindahan memperlihatkan keupayaan pengalaman pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Amalan penghayatan agama dalam kajian ini merujuk kepada aspek amalan seharian pelajar yang meliputi amalan akidah, amalan ibadah dan amalan akhlak yang diaplikasikan oleh pelajar dalam kehidupan seharian berdasarkan pengalaman pembelajaran yang di peroleh dari pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam kajian ini terdiri daripada aspek modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran, peruntukan jam pembelajaran pelajar "*Student Learning Time"* (SLT) dan infrastruktur dilihat mempunyai perkaitan dengan amalan penghayatan agama pelajar. Berdasarkan keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan penghayatan akidah, dengan nilai beta iaitu (β = 0.685; t = 23.558) dan amalan penghayatan ibadah dengan nilai beta iaitu (β = -0.142; t = 3.023). Manakala sebaliknya pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan amalan penghayatan akhlak, hasil pengujian hipotesis menunjukkan tidak mempunyai hubungan dan keputusan adalah tidak signifikan dengan nilai beta (β = -0.105; t=

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.550). Berdasarkan dapatan ini menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam hanya membantu terhadap aspek amalan penghayatan akidah dan amalan penghayatan ibadah pelajar sahaja. Oleh itu, aspek amalan penghayatan akhlak perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

5.5.6 Rumusan Kaitan antara Dimensi Proses dengan Dimensi Produk

Di bawah dimensi proses terdapat dua sub dimensi yang mempunyai perkaitan dengan dimensi produk iaitu pelaksanaan P&P dan pentaksiran kursus (MPU) Pengajian Islam. Manakala dimensi produk terdapat empat sub dimensi yang mempunyai perkaitan dengan dimensi proses iaitu produk impak, produk keberkesanan, produk kemampanan dan produk kebolehpindahan. Dari aspek produk impak, Berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada pelajar mendapati bahawa keputusan penilaian berterusan (PB) pelajar secara keseluruhannya adalah baik. Hasil keputusan pencapaian penilaian berterusan (PB) pelajar menunjukkan lebih daripada separuh iaitu 164 orang (46.5%) responden mendapat gred A+, diikuti pula dengan responden yang mendapat gred A iaitu seramai 78 orang (22.1%) dan seramai 50 orang (14.2%) responden mendapat gred A - dalam Kursus Mata Pelajaran Umum. Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan seramai 42 orang (11.9%) responden yang mendapat gred B+ dan diikuti dengan gred B iaitu seramai 14 orang (4.0%) dalam Kursus (MPU) Pengajian Islam. Manakala, 2orang (0.6%) responden pula mendapat gred C dan hanya 1 orang (0.3%) responden sahaja yang mendapat gred C+, E dan Gagal dalam Kursus (MPU) Pengajian Islam. Berdasarkan dapatan yang di peroleh menunjukkan proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) dilaksanakan dengan baik dan berkesan di Politeknik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disamping itu, hasil dapatan keputusan penilaian berterusan (PB) pelajar menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam adalah baik. Keputusan penilaian berterusan pelajar ini selari dengan dapatan tahap pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam adalah berada pada tahap yang tinggi. Pelajar menunjukkan minat terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam, pelajar juga berpersepsi bahawa kewajiban penawaran kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik adalah wajar.

Dari aspek produk keberkesanan pula merujuk kepada penilaian tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap objektif kursus (MPU) Pengajian Islam. Berdasarkan dapatan yang diperoleh tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam mencapai objektif kursus adalah sederhana tinggi. Berdasarkan hasil dapatan temu bual menunjukkan pensyarah menyatakan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam berjaya dilaksanakan berdasarkan tahap pencapaian dan penerimaan pelajar. Selain itu, pensyarah juga telah berjaya menyampaikan isi pelajaran berdasarkan objektif kursus dengan baik dan berkesan.

Seterusnya dari aspek produk kemampanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dilihat melalui aspek amalan pengajaran, amalan pembelajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) untuk membantu kefahaman pelajar adalah mempunyai perkaitan dengan pembentukan kefahaman agama pelajar iaitu kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak. Hasil keputusan pengujian hipotesis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak pelajar. Pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai beta iaitu pembentukan kefahaman akidah (β = 0.612; t = 18.196), pembentukan kefahaman ibadah (β = 0.610; t = 16.978) dan pembentukan kefahaman akhlak (β = 0.629; t = 21.441). Pembentukan kefahaman agama dalam kajian ini merujuk kepada aspek kefahaman ilmu agama dalam kalangan pelajar yang meliputi kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak yang terdapat dalam diri pelajar berdasarkan pengalaman pembelajaran yang di peroleh dari pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Ini menunjukkan pensyarah telah melaksanakan amalan pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan dalam bilik kuliah. Oleh yang demikian, pelaksanaan amalan pengajaran dan amalan pembelajaran ini telah memberi sumbangan terhadap pembentukan kefahaman agama dalam diri pelajar dari aspek kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak.

Manakala dari aspek produk kebolehpindahan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dilihat melalui aspek amalan pengajaran, amalan pembelajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dilihat mempunyai perkaitan dengan amalan penghayatan agama pelajar. Berdasarkan keputusan pengujian hipotesis menggunakan ujian *Path Coefficients Smart PLS* menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan penghayatan akidah, dengan nilai beta iaitu (β = 0.685; t = 23.558) dan amalan penghayatan ibadah dengan nilai beta iaitu (β = -0.142; t = 3.023). Manakala sebaliknya pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan amalan penghayatan akhlak, hasil pengujian hipotesis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan tidak mempunyai hubungan dan keputusan adalah tidak signifikan dengan nilai beta (β = -0.105; t = 1.550). Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam membantu dalam aspek amalan penghayatan akidah amalan dan penghayatan ibadah pelajar. Namun sebaliknya pada amalan penghayatan akhlak pelajar. Ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran, amalan pembelajaran dan bahan bantu mengajar (BBM) memberi sumbangan terhadap penghayatan agama dalam diri pelajar. Justeru, pelajar dapat mengaplikasikan amalan-amalan tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Ini bermakna amalan pengajaran dan amalan pembelajaran yang di laksanakan oleh pensyarah berjaya membentuk kefahaman dan penghayatan dalam diri pelajar melalui perbuatan dengan melaksanakan amalan-amalan Islam dalam kehidupan seharian mereka.


05-4506 tbupsi

5.6 Cadangan Model Pelaksanaan Kursus (MPU) Pengajian Islam Politeknik Malaysia

Berdasarkan perbincangan dapatan yang telah diperoleh dalam kajian ini, maka penyelidik ingin mengemukakan model penilaian kursus (MPU) Pengajian Islam seperti di dalam Rajah 5.2. Model ini boleh dijadikan asas pelaksanaan cadangan penambahbaikan berkaitan dengan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.2. Model Penilaian Kursus (MPU) Pengajian Islam

Rajah 5.2 merupakan model penilaian kursus (MPU) Pengajian Islam. Model ini mempunyai hala tuju untuk dicapai berlandaskan panduan FPK, FPI dan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam. Untuk mencapai hasrat tersebut, pensyarah berperanan dalam memastikan pencapaian pelajar dapat direalisasikan. Untuk mencapai kejayaan ini, pensyarah perlu mengimplementasikan elemen kompetensi pensyarah dalam pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Di samping itu pensyarah dan pelajar juga perlu saling berinteraksi melalui elemen-elemen yang sedia ada iaitu elemen modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(MPU) Pengajian Islam, pengagihan jam pelajaran "*Student Learning Time*" (SLT), infrastruktur, pelaksanaan P&P, pemantauan P&P dan pentaksiran penilaian berterusan (PB). Setelah semua elemen ini di implementasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, maka keputusan pelaksanaan tersebut dapat dilihat pencapaiannya melalui produk impak, keberkesanan, kemampanan dan kebolehpindahan.

Manakala Rajah 5.3 pula merupakan model pelaksanaan kursus Kursus (MPU) Pengajian Islam yang menghuraikan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan. Berdasarkan dapatan perbincangan kajian, terdapat aspek-aspek yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan seperti elemen pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam yang terdiri daripada kompetensi pensyarah, modul (MPU) Pengajian Islam, pengagihan jam pelajaran "*Student Learning Time*" (SLT), infrastruktur, pelaksanaan P&P, pemantauan P&P dan pentaksiran penilaian berterusan (PB). Seterusnya kajian juga menghuraikan dapatan produk yang perlu diberi perhatian dan sedikit penambahbaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5.3. Model Pelaksanaan Kursus Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Implikasi Kajian dan Cadangan

Kajian ini telah mengemukakan gambaran yang menyeluruh tentang pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia. Penilaian kajian ini dilaksanakan berdasarkan empat komponen daripada Model Penilaian CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007) iaitu dimensi konteks, input, proses dan produk. Hasil dapatan kajian telah membawa kepada beberapa implikasi terhadap pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam berdasarkan dimensi-dimensi CIPP.

5.7.1 Implikasi Terhadap Dimensi Konteks

05-4506832 tbupsi

Dari aspek konteks, kajian ini memberi fokus kepada kerelevanan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Hasil dapatan kajian telah menunjukkan terdapatnya kerelevanan antara objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan FPK dan FPI. Tujuan kerelevanan ini di lihat adalah untuk memastikan pendidikan yang disampaikan melalui kursus (MPU) Pengajian Islam ini mencakupi aspek-aspek yang telah digariskan dalam FPK dan FPI iaitu pendidikan yang berterusan, mampu mengembangkan potensi individu, bersifat menyeluruh dan bersepadu, seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, untuk memastikan kursus (MPU) Pengajian Islam dapat menyumbang ilmu pengetahuan, menjadikan pelajar dengan akhlak yang mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, mampu memberi kesejahteraan kepada diri dan memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Di samping itu, untuk memastikan kursus (MPU) Pengajian Islam ini selari dengan kehendak FPI iaitu berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, dapat memupuk penghayatan Islam dalam diri pelajar, melahirkan insan yang berilmu, berkeperibadian mulia, berkemahiran, bersikap positif, bermatlamat dengan mencapai kebaikan dunia dah kesejahteraan yang abadi di akhirat.

Oleh itu, dicadangkan kepada beberapa pihak yang berkepentingan seperti Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK), bahagian pembuat dasar politeknik dan pelaksana kurikulum dari kalangan pensyarah dan penggubal Politeknik secara khususnya agar memperkasakan kursus (MPU) Pengajian Islam melalui semakan kandungan kursus dari masa ke semasa, menambah baik isi kandungan dan objektif kursus ke arah cabaran semasa agar kursus (MPU) Pengajian Islam ini sentiasa relevan dan selari dengan kehendak FPK dan FPI.

5.7.2 Implikasi Terhadap Dimensi Input

Dimensi input memberi fokus kepada empat kategori iaitu pertama memberi fokus kepada tahap kompetensi pensyarah yang terdiri daripada pengetahuan asas pendidikan, pengetahuan pensyarah terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam dan kelayakan ikhtisas pensyarah untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kedua memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fokus terhadap tahap kesediaan modul sebagai bahan pengajaran. Ketiga memberi fokus terhadap peruntukan jam pembelajaran "*Student Learning Time"* (SLT) dan keempat memberi fokus terhadap infrastruktur yang meliputi kesediaan bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT sebagai kemudahan asas pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam.

a. Kompetensi pensyarah

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai tahap kesediaan yang baik dari aspek pengetahuan asas pendidikan. Kesemua item penilaian terhadap tahap pengetahuan asas pendidikan menunjukkan berada pada interpretasi skor yang tinggi. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dan penambahbaikan iaitu pengetahuan berkaitan kluster (CLS1) pengetahuan dan pemahaman, kluster (CLS4) personal dan kemahiran keusahawanan dan kluster (CLS5) etika dan profesionalisme. Manakala hasil dapatan dari aspek pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam pula, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai pengetahuan yang baik terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Kesemua item penilaian menunjukkan berada pada interpretasi skor yang tinggi. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dan penambahbaikan iaitu pengetahuan pensyarah berkaitan matlamat kursus (MPU) Pengajian Islam, kesesuaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan pelajar, kefahaman pensyarah berkaiatan *course learning outcome* (CLO) kursus (MPU) Pengajian Islam dan kefahaman pensyarah berkaiatan *programe learning outcome* (PLO) kursus (MPU) Pengajian Islam. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penambahbaikan ini dilaksanakan melalui program-program peningkatan kompetensi seperti kursus *career path competency matrix* (CPCM) dan program peningkatan kerjaya (PPK). Program peningkatan seperti ini kebiasaannya diberikan kepada pensyarah yang ingin memohon kenaikan pangkat. Oleh yang demikian, elemen berkaitan kompetensi wajar dijadikan sebagai sebahagian kandungan program.

b. Tahap Kesediaan Modul (MPU) Pengajian Islam Sebagai Bahan Pengajaran

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada perspektif pensyarah mendapati tahap kesediaan modul (MPU) Pengajian Islam sebagai bahan pengajaran berada pada tahap sederhana tinggi dan pada perspektif pelajar berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan tahap kesediaan modul sebagai bahan pengajaran berada pada tahap yang baik dan membantu proses pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dan penambahbaikan seperti aspek penyediaan modul yang mudah dibaca, penyediakan latihan yang bersesuaian bagi tujuan kefahaman pelajar dan menyediakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian agar dapat membantu kefahaman pelajar berkaitan topik-topik yang disediakan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui bahagian kurikulum agar dapat menggubal modul yang seragam di semua peringkat politeknik Malaysia yang menitik beratkan aspek kandungan modul agar mudah dibaca, bersesuaian dengan tahap pelajar diploma, mempunyai latihan pengukuhan yang bersesuaian dengan tahap pelajar serta bercirikan modul yang dapat membentuk kemenjadian pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Tahap Peruntukan Jam Pembelajaran "*Student Learning Time*" (SLT) Perspektif Pensyarah

Hasil dapatan kajian, aspek peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar pada perspektif pensyarah menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala pada perspektif pelajar menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian dan penambahbaikan seperti peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar aspek mencukupi untuk P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dan peruntukan pengagihan jam pembelajaran pelajar aspek kesesuaian dengan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam. Oleh itu, kajian ini mencadangkan kepada pihak yang berkepentingan seperti penggubal kurikulum agar dapat membuat penambahbaikan dari aspek kesesuaian peruntukan jam pembelajaran pelajar agar seimbang dengan P&P dan tugasan pelajar. Kesesuaian peruntukan waktu jam pembelajaran memainkan peranan penting dalam aspek penyampaian ilmu.

05-45068 tbupsi

d. Tahap Infrastruktur

Infrastruktur dalam kajian ini adalah terdiri daripada bilik kuliah, perpustakaan dan peralatan ICT. Dapatan kajian dari aspek tahap kesediaan infrastruktur iaitu bilik kuliah berada pada tahap yang sederhana tinggi, perpustakaan berada pada tahap yang tinggi dan peralatan ICT pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti aspek kesesuaian dan keluasan bilik kuliah, aspek bahan rujukan pengajaran (MPU) Pengajian Islam yang mencukupi untuk digunakan oleh pensyarah dan pelajar, aspek kepelbagaian bahan rujukan, aspek bahan rujukan yang membantu penguasaan pembelajaran (MPU) Pengajian Islam dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peralatan ICT untuk pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam mencukupi untuk digunakan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar aspek infrastruktur ini diberi penambahbaikan melalui pendekatan politeknik masing-masing tanpa pergantungan sepenuhnya dari pihak (JPPKK). Penelitian dan perhatian ini harus dilaksanakan serta menaiktarafkan kembali segala infrastruktur yang sedia ada agar pelajar dapat menikmati kemudahan ini dengan sebaiknya sekali gus memberikan pengalaman pembelajaran yang terarah dan bermakna pada diri pelajar.

5.7.3 Implikasi Terhadap Dimensi Proses

Dimensi proses memberi fokus kepada aspek proses amalan pengajaran dan pembelajaran, proses penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), pemantauan proses P&P, pemantauan dokumen kursus dan penilaian pentaksiran kursus (MPU) Pengajian Islam.

a. Tahap proses pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran.

Pelaksanaan proses P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pengajaran, pada persepsi pensyarah telah menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala pada persepsi pelajar pula telah menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan pensyarah telah melaksanakan amalan pengajaran dengan baik. Dapatan kajian juga telah menunjukkan pensyarah telah berjaya mewujudkan aspek kesediaan sebelum memulakan P&P, menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teratur, membina situasi P&P yang sesuai dengan topik, mempelbagaikan kaedah dalam P&P, mengajar dengan tersusun dan menepati waktu memulakan dan menamatkan kelas. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti membina situasi P&P yang sesuai dengan topik, pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah dalam sesi P&P, mengajar dengan tersusun, menggunakan portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS) sebagai salah satu kaedah pengajaran, pensyarah perlu menjadikan salah satu aplikasi *Kahoot, Prezzi* dan *Quiziz* sebagai kaedah refleksi, pensyarah menepati waktu dari aspek memulakan dan menamatkan sesi P&P seperti yang ditetapkan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar aspek amalan pengajaran diberi perhatian yang sewajarnya kerana amalan pengajaran merupakan suatu proses yang penting dalam penyampaian ilmu, ia digambarkan sebagai proses memindahkan, memberitahu, mengajar sesuatu ilmu pengetahuan dan menyampaikan ilmu serta pelbagai jenis maklumat kepada seseorang yang tidak mempunyai kefahaman dan pengetahuan berkaitan ilmu tersebut (Azizi Yahaya & Siti Atiqah Sharudin, 2010; Ishak Baba, 2009; Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010).

b. Tahap proses pelaksanaan P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pembelajaran.

Pelaksanaan proses P&P kursus (MPU) Pengajian Islam dari segi amalan pembelajaran pada persepsi pensyarah telah menunjukkan berada pada tahap tinggi. Manakala pada persepsi pelajar pula menunjukkan berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan temu bual yang di peroleh telah menunjukkan bahawa proses amalan pembelajaran yang dijalankan oleh pensyarah telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti pensyarah perlu menggalakkan pelajar untuk membuat perbincangan terbuka semasa P&P, pensyarah perlu menggalakkan pelajar menghantar tugasan di portal *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS), pensyarah perlu menggalakkan pelajar utnuk membuat pembentangan secara atas talian dengan lebih kerap dan pensyarah perlu menggalakkan pelajar untuk membuat tugasan secara berkumpulan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pensyarah sentiasa peka dengan keadaan kelas dan pelajar. Pensyarah perlu memastikan pelajar sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti kelas. Amalan pembelajaran yang aktif dapat mengukuhkan ilmu pengetahuan dan berkesan. Malah amalan pembelajaran yang aktif mampu membina keyakinan dalam diri pelajar, meningkatkan kefahaman pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan serta bermakna. Dale (1969) memberi gambaran iaitu semakin tinggi penglibatan pelajar dalam suatu proses pembelajaran, semakin tinggi keupayaan pelajar mengingati perkara yang mereka belajar.

05-4506f tbupsi

c. Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik.

Berdasarkan dapatan kajian daripada perspektif pensyarah dan pelajar, menunjukkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dilaksanakan dengan baik dan berkesan dalam usaha untuk membantu pelajar dalam menguasai topik-topik kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil dapatan temu bual juga menunjukkan sub-sub tema penilaian tahap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) menunjukkan bahawa pensyarah memperakui menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian ketika proses P&P. Selain itu, Pensyarah menggunakan bahan bantu mengajar yang pelbagai mengikut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesesuaian topik untuk mempelbagaikan aktiviti dalam P&P. Kajian Azizi Jaafar (2015) menyatakan penggunaan (BBM) mengikut kesesuaian topik dapat memberi suasana sebenar dalam proses P&P. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti pensyarah perlu menggunakan (BBM) yang terkini untuk menarik perhatian pelajar, menggunakan (BBM) yang pelbagai jenis yang mengikut peredaran masa dan pensyarah perlu menggunakan (BBM) proses P&P (MPU) Pengajian Islam. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pensyarah perlu menjadikan bahan bantu mengajar (BBM) sebahagian daripada proses P&P. Pihak pengurusan politeknik pula wajar memperuntukkan dana khas bagi tujuan bahan bantu mengajar mengikut kesesuaian dan tahap pelajar dewasa. Pensyarah pula tidak perlu bergantung dengan video-video di internet sahaja sebagai bahan bantu mengajar. Kepelbagaian dalam aspek bahan bantu mengajar seperti android. IOS, aplikasi interaktif dan pelbagai material pendidikan adalah sesuai dan wajar diperuntukkan kepada pelajar sebagai bahan bantu mengajar. Menurut Abdul Alim (1981) berpandangan bahawa bahan bantu mengajar (BBM) dapat meningkatkan prestasi pengajaran dan dapat memberi kefahaman kepada pelajar.

d. Tahap proses pemantauan pelaksanaan P&P dilaksanakan dengan berkesan.

Hasil dapatan kajian dari aspek penilaian pemantauan pelaksanaan P&P secara keseluruhannya mendapati berada pada tahap tinggi. Proses pemantauan pelaksanaan P&P ini melibatkan aspek pencerapan ke atas pensyarah yang dilaksanakan sekurang-kurangnya setahun sekali. Ini bermaksud proses pemantauan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan baik dan berkesan ke atas pensyarah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti tempoh pencerapan yang diamalkan sekali dalam tempoh setahun perlu dikaji semula, manakala pencerapan dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun dan perbincangan di antara pencerap dengan pegawai yang dicerap.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar proses pencerapan dilaksanakan dengan lebih berkesan seperti kaedah bimbingan antara pencerap dengan pegawai yang dicerap perlu dilaksanakan sebanyak tiga kali iaitu pertemuan sebelum mencerap, semasa proses mencerap dan maklum balas selepas dicerap. Pegawai pencerap perlu dari kategori pensyarah yang turut mengajar. Ini kerana terdapat pensyarah yang telah lama menjawat jawatan sebagai pihak pentadbir dan telah lama tidak mengajar tetapi menjalankan tugas pencerapan. Proses pencerapan pula perlu diubah secara rawak untuk memastikan pensyarah sentiasa bersiap sedia untuk dicerap tanpa dirancang proses pencerapan. Perkara ini bagi tujuan mutu dan kualiti pengajaran sentiasa di beri perhatian oleh semua pihak.

e. Tahap proses pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik dilaksanakan dengan berkesan.

Hasil dapatan kajian dari aspek pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam secara keseluruhannya mendapati berada pada tahap tinggi. Proses pemantauan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam ini melibatkan aspek penyediaan fail rekod pensyarah (FRP) mengikut jadual yang telah ditetapkan, semakan fail rekod pensyarah (FRP) oleh ketua kursus dan ketua jabatan, menyediakan fail contoh tugasan pelajar bagi tujuan audit, menyediakan *student study guide* (SSG) untuk pelajar dan pensyarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan menyediakan nota atas talian (*slide*). Dapatan kajian turut disokong dengan dapatan sub temu bual iaitu aspek fail rekod pensyarah disediakan oleh pensyarah secara atas talian menggunakan (IFRP). Fail rekod pensyarah disemak oleh ketua kursus dan ketua jabatan, pensyarah juga perlu menyediakan fail contoh tugasan pelajar bagi tujuan audit, Fail sampel akan disemak dari aspek pemberian pemarkahan berdasarkan pematuhan rubrik, pengambilan kehadiran pelajar dan pembuktian material tugasan pelajar. pensyarah juga perlu menyediakan nota dan *student study guide* (SSG) untuk pelajar dan pensyarah. Dapatan ini jelas menunjukkan penyediaan dokumen kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik. Walau bagaimanapun terdapat perkara perlu diberi perhatian seperti penyediaan Fail Rekod Pensyarah (FRP) untuk semakan dan penyediaan fail contoh tugasan pelajar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar semakan dokumen kursus ini diselaraskan di semua peringkat politeknik. Di samping itu, pihak pengurusan politeknik perlu menyediakan garis panduan semakan dokumen agar keselarasan ini dapat memberikan impak terhadap pencapaian pelajar.

05-4506832 tbupsi

f. Tahap proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik.

Berdasarkan dapatan kajian daripada perspektif pensyarah dan pelajar terhadap pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) kursus (MPU) Pengajian Islam menunjukkan bahawa secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini turut selari dengan dapatan temu bual iaitu menunjukkan bahawa proses pelaksanaan pentaksiran penilaian berterusan (PB) dilaksanakan dengan berkesan di Politeknik. Walau bagaimanapun terdapat perkara perlu diberi perhatian seperti aspek semakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian berterusan (PB) oleh penyelaras kursus, semakan mini projek, tugasan berdasarkan masalah (PBT), E-Folio dan pembentangan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pihak penggubal kurikulum membuat penambahbaikan terhadap prosedur pentaksiran penilaian berterusan (PB) agar lebih bersesuaian dari aspek bilangan tugasan dan pemberat bagi setiap tugasan adalah seimbang serta menyumbang ke arah ilmu pengetahuan dan kemenjadian pelajar dari aspek akidah, ibadah dan akhlak pelajar.

5.7.4 Implikasi Terhadap Dimensi Produk

Fokus kajian di bawah dimensi produk terbahagi kepada empat kategori produk iaitu produk impak, produk keberkesanan, produk kemampanan dan produk kebolehpindahan. Keempat-empat produk ini memerihalkan implikasinya secara tersendiri.

a. Implikasi Produk Impak:

Dapatan produk impak terdiri daripada dua hasil dapatan iaitu keputusan penilaian (PB) dan pencapaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam. Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan bahawa keputusan penilaian berterusan (PB) pelajar secara keseluruhannya adalah baik dengan hampir keseluruhan iaitu 99.4% pelajar mendapat keputusan yang cemerlang sekurang-kurangnya gred (C). Manakala dari aspek pencapaian pelaksanaan kursus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(MPU) Pengajian Islam dari aspek persepsi pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam pula, menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Ini bermakna pelajar menunjukkan minat terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam, pelajar juga berpersepsi bahawa kewajiban penawaran kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik adalah wajar. Walau bagaimanapun terdapat perkara perlu diberi perhatian seperti masih terdapat pelajar yang gagal dalam kursus (MPU) Pengajian Islam sedangkan penilaian pentaksiran kursus (MPU) Pengajian Islam adalah secara penilaian berterusan (PB). Selain itu, perhatian yang sewajarnya turut diberikan kepada aspek untuk menarik minat pelajar terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam, aspek objektif dan penawaran kursus (MPU) Pengajian Islam dan sumbang kursus (MPU) Pengajian Islam terhadap pengetahuan berkaitan pendidikan Islam. Oleh itu, kajian ini mencadangkan aspek pentaksiran diberi perhatian agar pelajar diberi peluang untuk memperbaiki tugasan dari masa ke semasa. Di samping itu, aspek pengajaran juga perlu dipertingkatkan sama ada melalui bahan bantu mengajar (BBM) mahupun peralatan berasaskan teknologi maklumat melalui pembelajaran interaktif dan seumpamanya. Elemen-elemen seumpama ini akan mendorong minat pelajar ke arah pembelajaran aktif melalui kursus (MPU) Pengajian Islam. Manakala aspek objektif dan penawaran kursus (MPU) Pengajian Islam pelajar perlu diberi penekanan khusus terutama berkaitan objektif kursus agar matlamat objektif dibangunkan dapat dicapai. Dari aspek penambahan ilmu pengetahuan pula, pensyarah perlu memperkasakan strategik pengajaran agar menjadikan proses P&P menjadi terarah dan bermakna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Implikasi Produk Keberkesanan

Implikasi pada produk keberkesanan ini terbahagi kepada dua iaitu pertama adalah dari aspek untuk menilai tahap keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dari aspek penerimaan dan penguasaan pelajar terhadap objektif kursus (MPU) Pengajian Islam. Kedua keberkesanan hubungan kompetensi pensyarah iaitu pengetahuan asas pendidikan dan pengetahuan terhadap kursus (MPU) Pengajian Islam melalui aspek pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pedagogikal kandungan sebagai pelaksana kursus (MPU) Pengajian Islam. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan keberkesanan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam mencapai objektif kursus adalah sederhana tinggi. Manakala produk keberkesanan hubungan kompetensi pensyarah dilihat melalui laluan *PLS-SEM*. Hasil keputusan pengujian hipotesis kajian menunjukkan kompetensi pensyarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan pedagogi dan pedagogikal kandungan (PPPK) dengan nilai beta dan t (β = -0.180; t = 2.437). Justeru itu, hipotesis altenatif (Ha1) adalah diterima. Oleh yang demikian, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai kompetensi dalam bidang khususnya untuk melaksanakan kursus (MPU) Pengajian Islam di politeknik. Walau bagaimanapun terdapat perkara perlu diberi perhatian seperti penguasaan terhadap objektif kursus, penguasaan menerangkan objektif dan kemampuan memberi contoh berdasarkan objektif. Oleh itu, kajian ini mencadangkan penguasaan terhadap objektif kursus merupakan keperluan yang harus diberi perhatian. Aspek penguasaan seharusnya bermula dari mengetahui, memberi contoh sehingga kemampuan penerangan. Aspek-aspek ini jika tidak diberikan perhatian menyebabkan sesuatu objektif itu tidak berjaya dicapai dengan sebaiknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Implikasi Produk Kemampanan

Implikasi pada produk kemampanan memberi fokus kepada keupayaan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dalam membentuk kefahaman Agama Pembentukan kefahaman agama dalam kajian ini merujuk kepada aspek kefahaman ilmu agama dalam kalangan pelajar yang meliputi kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak yang terdapat dalam diri pelajar berdasarkan pengalaman pembelajaran yang di peroleh dari pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam. Hasil keputusan pengujian hipotesis menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan kefahaman akidah, kefahaman ibadah dan kefahaman akhlak pelajar. Walau bagaimanapun terdapat perkara perlu diberi perhatian seperti sejauhmanakah pembentukan agama ini dapat berkekalan dalam diri pelajar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar satu mekanisme diambil oleh semua pihak bermula dari penggubal kurikulum hingga kepada warga pendidik agar pembentukan kefahaman agama ini mampu diterjemahkan dalam kehidupan.

d. Implikasi Produk Kebolehpindahan

Implikasi pada produk kebolehpindahan adalah berkaitan keupayaan pengalaman pembelajaran kursus (MPU) Pengajian Islam untuk diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Hasil keputusan pengujian hipotesis menunjukkan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan penghayatan akidah, nilai beta iaitu ($\beta = 0.685$; $t = 23.558$) dan amalan penghayatan ibadah, nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beta iaitu (β = -0.142; t = 3.023). Walau bagaimanapun terdapat perkara perlu diberi perhatian seperti hubungan pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dengan amalan penghayatan akhlak yang didapati tidak signifikan. Permasalahan berkaitan tiada penghayatan akhlak dalam diri pelajar terjadi juga disebabkan faktor kelalaian pelajar dan faktor psikologi yang teradapat pada pelajar itu sendiri seperti lupa atau dikenali dengan istilah "*forgetting and remembering"*. Oleh itu, kajian mencadangkan penambahbaikan terhadap kandungan kurikulum (MPU) Pengajian Islam ke arah melahirkan pelajar yang holistik dan cemerlang dari aspek akademik dan berkeperibadian dengan akhlak yang mulia. Cadangan penambahbaikan tersebut ialah menerapkan konsep ehsan dalam kurikulum kursus (MPU) Pengajian Islam agarnya dapat difahami dan dihayati oleh pelajar. Konsep ehsan adalah kemuncak kepada matlamat Islam. Ianya akan memupuk rasa cinta kepada Allah S.W.T, apabila konsep ehsan dihayati dan difahami melalui kurikulum ianya akan menjadikan seseorang itu hanya melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah S.W.T dan meninggalkan perkara yang dimurkaiNya. Antara contoh konsep ehsan ialah seseorang yang sedang berpuasa di bulan Ramadhan tidak akan mencuri makan di waktu siang walaupun bersendirian kerana dia menyedari hakikat bahawa perbuatannya diperhatikan oleh Allah S.W.T (Asmawati Suhid, 2009). Ketika ini kursus (MPU) Pengajian Islam telah meletakkan konsep asas Islam di didalam kandungan kursus. Oleh yang demikian sudah tiba masanya kandungan kursus ini di tambah dengan konsep ehsan agar matlamat FPK untuk menjadikan pendidikan terarah dan matlamat FPI iaitu proses kemenjadian pelajar dapat dicapai melalui inovasi dalam struktur kandungan kursus (MPU) Pengajian Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.8 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah memperlihatkan penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia berdasarkan empat dimensi utama CIPP iaitu dimensi konteks, input, proses dan produk. Oleh kerana kajian ini mempunyai batasannya yang tersendiri, maka terdapat aspek-aspek lain yang masih boleh dikaji untuk tujuan pembangunan dan penyelidikan khusus dalam bidang pendidikan Islam. Oleh yang demikian, berdasarkan penemuan-penemuan dapatan kajian yang telah diperoleh, maka kajian ini mencadangkan beberapa kajian lanjutan untuk penyelidik akan datang iaitu:

i) Kajian akan datang dicadangkan untuk menilai pelaksanaan kursus MPU dari kelompok (U1) dan (U2). Kursus-kursus MPU ini ditawarkan di seluruh Politeknik Malaysia dan Institut Pengajian Tinggi Awam yang lain.

ii) Kajian ini melibatkan penilaian pelaksanaan kursus (MPU) Pengajian Islam dan hubungan pelaksanaan kursus terhadap kefahaman dan amalan penghayatan agama dalam kalangan pelajar yang sedang mengikuti pengajian. Oleh itu, dicadangkan kajian akan datang melihat hubungan secara langsung diantara setiap konstruk kepada pelajar semasa dan pelajar lepasan diploma.

iii) Dicadangkan kepada penyelidik akan datang untuk melibatkan aspek experiment dalam kajian, serta membuat perbandingan dan hubungan di antara pemboleh ubah.

iv) Kajian akan datang juga dicadangkan untuk membangunkan model pengajaran dan model pembelajaran khusus kepada kursus (MPU) Pengajian Islam di Politeknik Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.9 Penutup

Kajian ini telah memperlihatkan hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan kajian yang telah dibina berdasarkan model penilaian CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007) iaitu dimensi konteks, input, proses dan produk. Kesimpulan daripada dapatan kajian telah dibincangkan secara terperinci dalam kajian ini serta beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan bagi tujuan kebaikan pelaksanaan P&P di masa akan datang. Segala kekuatan hasil daripada kajian ini diharapkan dapat dikekalkan dan kekurangan yang ada harap diberi perhatian serta dapat membuat penambahbaikan melalui perancangan strategik di bahagian dasar, bahagian pengurusan Politeknik, bahagian kurikulum dan penggubal kurikulum demi melahirkan pelajar separa profesional yang holistik dan berkeperibadian dengan akhlak yang mulia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri. (2000). *A Study of Students' Knowledge of Akhlaq of the Malaysian Secondary Education* (Tesis Doktor Falsafah) Universiti of Birmingham, United Kingdom.

Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu 'allim". *Journal of Islamic and Arabic Education 2*(1), 43-56.

Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yussof. (2010). Isu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dlm. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi (Pnyt.). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam* (ms. 19-37). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri. (2012). Isu-isu pembangunan guru dalam memperkasakan sistem Pendidikan Islam. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-9 Peringkat Serantau. Fakulti Pendidikan*, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan, 33-34.

Ab. Halim Tamuri. (2016). Pendidikan Tinggi: Cabaran baru global dan local. *Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Pendidikan Tinggi Kelantan*, Kota Bharu Kelantan.

